Sayyid Qutb



Petunjuk Sepanjang Jalan

Siri Tarbiyyah

Dakwah-INFO

ISI KANDUNGAN



PETUNJUK SEPANJANG JALAN

Umat manusia sekarang ini berada di tepi jurang kehancuran. Keadaan ini bukanlah berpunca dari ancaman maut yang sedang tergantung di atas ubun-ubunnya. Ancaman maut itu adalah satu gejala penyakit sahaja dan bukanlah ia penyakit itu sendiri. Sebenarnya punca utama dari keadaan.ini ialah: bengkrap dan melesetnya umat manusia itu di bidang "nilai" yang menjadi pelindung hidupnya. Hal ini terlalu menonjol di negara-negara blok Barat yang sememangnya sudah tidak punya apa pun "Nilai" yang dapat diberinya kepada umat manusia; malah tidak punya satu apa pun yang dapat memberi ketenangan hatinya sendiri, untuk merasa perlu hidup lebih lama lagi; setelah sistem "demokrasi" nampaknya berakhir dengan kegagalan dan kebengkrapan, sebab ternyata ia sudah mulai meniru - dengan secara beransur-ansur - dari sistem negara-negara blok Timur, khususnya di bidang ekonomi, dengan memakai nama sosialisme!

Demikian juga halnya di negara-negara blok Timur itu sendiri. Teori-teori yang bercorak kolektif, terutamanya Marxisme yang telah berhasil menarik perhatian sebahagian besar umat manusia di negara-negara blok Timur itu - dan malah di negara-negara blok Barat juga - dengan sifatnya sebagai suatu isme yang memakai cap akidah juga telah mulai mundur teratur sekali dari segi 'teori' hingga hampirlah sekarang ini lingkungannya terbatas di dalam soal-soal 'sistem kenegaraan' sahaja dan sudah menyeleweng begitu jauh dari dasar isme yang asal dasar-dasar pokok yang pada umumnya bertentangan dengan fitrah umat manusia dan tidak mungkin berkembang kecuali di dalam masyarakat yang mundur, atau pun masyarakat yang begitu lama menderita di bawah tekanan sistem pemerintahan diktator. Hatta di dalam masyarakat seperti itu sendiri pun - telah mulai nampak kegagalan di bidang benda dan ekonomi; iaitu bidang yang paling dibanggakan oleh sistem itu sendiri. Lihat sahaja Russia, negara model dari sistem kolektif itu, telah mulai diancam bahaya kebuluran yang hampir sama dengan keadaan di zaman Tzar dahulu; hingga negara itu telah terpaksa mengimpot gandum dan bahan-bahan makanan serta menjual emas simpanannya untuk membeli bahan makanan itu. Ini berpunca daripada kegagalan sistem pertanian kolektif dan sistem ekonomi yang bertentangan dengan fitrah umat manusia.

Oleh itu, maka umat manusia mestilah diberikan pimpinan baru!

Sesungguhnya peranan pimpinan manusia barat ke atas umat manusia ini telah hampir tamat. Ini bukanlah kerana tamaddun Barat itu telah bengkerap dan dari segi benda atau telah lemah dari segi ekonomi dan kekuatan tentera tetapi sebenarnya kerana sistem Barat itu telah tamat tempohnya sebab ia tidak lagi mempunyai stock "nilai" yang melayakkan dia memegang pimpinan.

Umat manusia perlukan suatu pimpinan yang mampu menyambung terus tamadun kebendaan seperti yang telah dapat dicapai sekarang melalui tamadun cara Eropah itu, juga yang mampu memberikan nilai baru yang lengkap, setanding dengan yang telah sedia ada dan telah popular di dalam masyarakat manusia, juga yang mempunyai program yang kemas kini, positif dan praktikal.

Hanya Islam sahajalah yang mempunyai nilai-nilai dan program yang sargat diperlukan itu.

Kemajuan ilmu pengetahuan telah pun menunaikan tugasnya. Sejak dari zaman kebangkitan di dalam abad keenam belas Masihi dan telah mencapai puncak kemajuannya di dalam abad kedelapan betas dan abad kesembilan belas. Sesudah itu tamadun Eropah sudah kehabisan bahan simpanan, untuk disumbangkan kepada umat manusia.

Demikian juga faham-faham "kebangsaan" dan "perkauman" yang telah muncul pada ketika itu, dan beberapa buah negara gabungan telah lahir dan telah memberikan sumbangannya masing-masing kepada umat manusia tapi faham-faham "kebangsaan" dan "perkauman" itu sudah tidak mampu memberikan apa-apa pun kepada umat manusia, kerana sudah kehabisan bahan simpanan…

Pada akhirnya sistem-sistem yang berdasarkan kebebasan individu dengan disusuli pula oleh sistem kolektif telah selesai peranannya dan berakhir dengan kegagalan juga.

Sekarang tibalah pula giliran ISLAM dan peranan "umat" di saat yang paling genting ini memang sudah tiba giliran Islam pula. Islam yang tidak memandang remeh dan rendah kepada hasil ciptaan sains yang dilakukan oleh umat manusia sebelum ini dan akan terus dilakukan oleh umat manusia di sepanjang zaman kerana Islam memandang kemajuan di bidang ciptaan sains itu sebagai salah satu tugas utama manusia sejak Allah melantik umat manusia ini menjadi "khalifah" dan pemerintah di bumi ini, dan di bawah syarat-syarat tertentu pula, Islam memandangnya sebagai sejenis ibadat kepada Allah, dan sebagai sejenis pelaksanaan tujuan hidup manusia:

Firman Allah:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً

Maksudnya: Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para Malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak jadikan seorang khalifah di muka bumi. "

(Al-Baqarah: 30)

Dan firman Allah:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِي

Maksudnya: Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembah-Ku.

(Adz-Dzariat: 5)

Maka tibalah giliran bagi "UMAT ISLAM" melaksanakan tujuan Allah yang telah melahirkan umat ini ke tengah-tengah masyarakat umat manusia:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنْ الْمُنكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

Maksudnya: Kamu [umat Islam] adalah umat terbaik yang dilahirkan untuk manusia, iaitu kamu menyuruh berbuat kebaikan dan melarang daripada berbuat kejahatan dan kamu beriman kepada Allah.

(Aali Imraan: 110)

Dan firman Allah:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلَى النَّاسِ وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا

Maksudnya: Dan demikianlah kami jadikan kamu [umat Islam] umat yang adil dan pilihan, agar kamu menjadi saksi atas perbuatan manusia dan agar Rasul [Muhammad] menjadi saksi atas perbuatan kamu ...

(Al-Baqarah: 143)

Tetapi Islam tidak akan mampu menunaikan tugasnya kecuali bila ia menjelma di dalam sebuah masyarakat, iaitu ia menjadi panduan hidup suatu umat kerana umat manusia tidak mahu mendengar - terutama sekali di zaman mutaakhir ini - kepada suatu akidah yang kosong, yang tidak dapat dilihat buktinya melalui suatu bentuk hidup yang nyata dan dapat disaksikan sedangkan "wujud" umat Islam itu sendiri boleh dianggap telah terputus -sejak beberapa abad yang lalu kerana UMAT ISLAM itu bukanlah bererti sekeping tanah di mana Islam hidup di situ, bukan juga suatu kaum atau golongan orang yang nenek moyang mereka dahulu pernah menghayati Islam sebagai panduan hidup mereka kerana sesungguhnya "umat Islam" itu ialah suatu golongan manusia yang menimba hidup, konsep realiti, nilai hidup mereka dari sumber Islam dan umat ini, dengan

ciri-ciri yang disebut di atas, telah terputus wujudnya sejak terhentinya pelaksanaan undang-undang dan syariat Islam dari seluruh muka bumi ini.

Oleh sebab itu maka perlulah dipulihkan semula wujudnya umat itu; supaya Islam dapat menunaikan peranan yang sangat diharapkan itu, dalam memimpin umat manusia sekali lagi.

Memanglah umat Islam itu mesti "bangkit" semula umat yang telah ditimbus zaman, ditimbus oleh konsep hidup yang sesat dan ditimbus pula oleh realiti hidup yang menyeleweng, ditimbus oleh sistem hidup yang pincang dan tiada kena mengena dengan Islam sama sekali, tiada kena mengena dengan program Islam walaupun umat itu masih menganggap dirinya sebagai umat Islam dan masih memanggil negeri tempat tinggal mereka sebagai "dunia Islam."

Sebenarnya saya arif benar bahawa jarak di antara usaha "bangkit" semula dan "memegang pimpinan" itu masih jauh dan susah dilalui sebab sesungguhnya umat Islam sudah hilang dari "wujud" dan "realiti" begitu lama sekali dan peranan memimpin umat manusia itu telah diambil oleh fikiran yang lain, oleh umat yang lain dan oleh konsep yang lain, juga oleh realiti yang lain berabad-abad lamanya dan tamadun Eropah telah pun menciptakan dalam tempoh yang begitu lama beberapa banyak perbendaharaan yang berbentuk "Ilmu Pengetahuan" "kebudayaan" "sistem hidup" dan "penghasilan benda", iaitu suatu perbendaharaan yang agung dan telah membawa umat manusia naik ke kemuncak kemajuan perbendaharaan yang tidak dapat dibuang begitu sahaja tanpa gantinya; lebih-lebih lagi negara-negara yang bernama "dunia Islam" sekarang hampir tidak mempunyai bahan simpanan dari hasil perbendaharaan itu.

Walau bagaimanapun tanpa mengenepikan pertimbangan ini walau bagaimana jauhnya pun jarak di antara "bangkit semula" dengan "memegang pimpinan" langkah-langkah ke arah bangkit semula itu mesti dijalankan serta merta dan jangan dilengahkan lagi!

Supaya kita selalu dapat menguasai persoalannya, maka perlu benar kita memahami secara terperinci, apakah dia syarat-syarat kelayakan yang akan membolehkan umat ini (umat Islam) memegang peranan memimpin umat manusia, supaya kita tidak meraba-raba dalam mencari unsur-unsur yang dapat mencetuskan kebangkitan semula umat ini, di peringkat pertama.

Umat ini sekarang tidak punya kemampuan dan tidak perlu ia mempunyai kemampuan untuk mengemukakan kepada umat manusia keunggulan dan kejaguhannya di dalam lapangan "ciptaan benda" yang membikin orang tunduk dan takut kepadanya dan memaksa umat manusia menerima pimpinannya berdasarkan faktor ini; kerana kemajuan ala Eropah di lapangan ini telah terlalu jauh mendahuluinya dan memanglah tidak boleh diharapkan, dalam tempoh beberapa abad di hadapan, untuk mengatasi mereka di lapangan ini!

Yang demikian maka mestilah dicari suatu syarat kelayakan yang lain, iaitu syarat kelayakan yang tidak terdapat di dalam tamaddun sekarang.

Ini tidaklah bererti bahawa kita mesti melupakan dan mesti memandang enteng kepada soal "penghasilan benda" dan "rekaan sains", sebab menjadi kewajipan kita juga untuk berusaha mendapatkannya, tapi bukanlah dengan anggapan bahawa ia merupakan "syarat kelayakan" asasi yang mesti kita gunakan di dalam memegang pimpinan umat manusia dalam tempoh sekarang ini. Cuma ia diperlukan sekadar untuk menjaga hidup kita dari ancaman dan penindasan dan juga kerana konsep Islam sendiri yang mengajarkan bahawa ciptaan sains adalah mustahak sebagai syarat menjadi khalifah Allah di muka bumi ini.

Oleh kerana itulah maka mustahaklah ada suatu syarat kelayakan lain, bukan ciptaan sains dan penghasilan benda, dan sudah pastilah syarat kelayakan itu tidak lain daripada "akidah" dan "Program" yang membolehkan manusia itu memelihara dan mengawal hasil ciptaan sains, di bawah pengawrasan suatu konsep lain yang dapat memenuhi hajat fitrah seperti yang telah diperolehi oleh kemajuan sains itu, dan supaya akidah dan program itu menjelma di dalam sebuah perkumpulan manusia, iaitu sebuah masyarakat Islam.

Sesungguhnya dunia sekarang ini berada di dalam "Jahiliyyah" dari segi dasar yang menjadi sumber bagi tegaknya kehidupan dan peraturan-peraturannya. Jahiliyah yang tidak dapat menyelesaikan bebanan hidup hasil dari rekaan baru yang sedang memuncak sekarang.

Jahiliyah ini tegak di atas dasar mencabul kekuasaan-kekuasaan Allah di muka bumi dan merampas hak istimewa Allah iaitu pemerintahan dan kekuasaan. Jahiliyah itu menyandarkan pemerintahan kepada umat manusia yang menyebabkan setengah golongan menjadi hamba abdi kepada setengah golorgan yang lain bukan sahaja di dalam bentuk primitif seperti yang berlaku di zaman jahiliyah purbakala tetapi lebih dahsyat lagi di dalam bentuk mengakui dan memberi hak membuat konsep-konsep, nilai-nilai, undang-undang, peraturan-peraturan dan ketetapan-ketetapan yang jauh terpesong daripada panduan dan program Allah untuk hidup ini; dalam perkara-perkara yang tidak pernah diizin oleh Allah, maka hasil daripada penyalahgunaan kuasa Allah itu secara otomatisnya timbullah pelanggaran atas hak-hak Allah, dan pelanggaran atas hak-hak manusia. Sebenamya kehinaan yang menimpa umat manusia di dalam sistem kolektif dan juga kekejaman yang menimpa individu dan bangsa terjajah di bawah sistem kapitalis adalah salah satu kesan dari pencabulan manusia ke atas hak istimewa Allah SWT juga kerana manusia tidak menghargai kehormatan yang dianugerah oleh Allah kepadanya sejak azali.

Di dalam aspek ini, maka konsep Islam tetap berlainan langsung dengan konsep-konsep bikinan manusia; kerana di bawah sistem yang lain dari Islam, umat manusia itu saling mengabdikan diri di antara satu sama lain, dalam bermacam-macam bentuknya sedangkan di bawah sistem Islam umat manusia bebas sepenuhnya daripada sebarang belenggu pengabdian kepada sesama manusia

dengan cara mengabdikan diri kepada Allah SWT sahaja dan menerima arahan daripada Allah sahaja; juga tunduk dan patuh kepada Allah sahaja.

Inilah garis pemisah dan inilah persimpangan jalan. Inilah juga konsep baru yang kita mampu kemukakan kepada umat manusia konsep ini dan yang rangkaiannya adalah perbendaharaan yang masih belum dimiliki oleh umat manusia; kerana ia bukanlah hasil "pengeluaran" atau "produksi" kilang tamaddun Barat dan bukan hasil rekaan sains Eropah, baik Eropah Barat mahu pun Eropah Timur.

Sesungguhnya kita- tanpa ragu sedikit pun - memang ada memiliki suatu potensi baru, lengkap dan sempurna; potensi yang masih belum dikenal dan belum mampu dibikin oleh seluruh umat manusia.

Tetapi potensi baru ini, seperti telah kita tegaskan, mestilah menjelma di dalam bentuk realiti yang praktis, mesti menjadi panduan dan darah daging suatu umat bagi membolehkan berjalannya operasi "kebangkitan" umat mengikut bentuk Islam kebangkitan yang akan disusuli pula, lambat-launnya, oleh peranan memegang pimpinan seluruh umat manusia.

Tetapi bagaimanakah caranya memulakan operasi kebangkitan Islam itu?

Jawabnya : Mesti ada satu golongan pelopor atau "kader" yang menghayati cita-cita ini, dan meneruskan kegiatannya dengan cara menerobos ke dalam alam jahiliyah yang sedang berpengaruh di seluruh permukaan bumi ini dengan memakai dua kaedah: iaitu kaedah memisahkan diri dan kaedah membuat hubungan di bidang lain pula dengan pihak jahiliyah itu.

Para pelopor dan kader itu tentulah perlu kepada panduan-panduan di sepanjang perjalanan mereka; panduan yang memberikan tentang tabiat peranan mereka, hakikat tugas mereka dan inti sari tujuan akhir perjalanan mereka dan juga mengenai garis permulaan di dalam perjalanan jauh itu seperti juga para pelopor dan kader itu perlu mendapat panduan secukupnya mengenai - jahiliyah yang sedang berpengaruh di dunia sekarang di dalam suasana yang bagaimanakah mereka boleh berjalan seiring dengan jahiliyah dan di dalam suasana yang bagaimanakah pula mereka harus memisahkan diri; bagaimana caranya melayani pihak jahiliyah itu dengan menggunakan kaedah Islam dan dalam topik apakah yang perlu dibicarakan? Juga dari mana dan bagaimanakah pula menimba bahan-bahan panduan itu?

Panduan-panduan itu hendaklah diambil dan ditimba daripada sumber asal akidah ini iaitu Al-Quran dan juga dari arahan-arahan Al-Quran yang asasi juga dari konsep yang telah dipancarkan oleh Al-Quran ke dalam jiwa para pelopor dan kader terbilang dahulu, yang telah diberi penghormatan besar oleh Allah SWT untuk mengubah bentuk sejarah umat manusia mengikut kehendak Allah.

Untuk para pelopor dan kader yang diharapkan dan ditunggu-tunggu kelahirannya itu saya tuliskan PETUNJUK SEPANJANG JALAN ini. Empat fasal dari buku ini disedut dari buku DI BAWAH BAYANGAN AL-QURAN dengan beberapa pindaan dan tambahan di mana perlu, sesuai dengan judul PETUNJUK. Di antara kandungannya juga ialah delapan fasal, selain daripada muqaddimah ini, yang ditulis dalam waktu tertentu saya beroleh kesempatan dan ilham dari sumber Al-Quran Yang Mulia… dan dirangkai menjadi satu, sebagai "Petunjuk" dan panduan di dalam perjalanan, seperti juga buku panduan jalan raya yang lain. Pada keseluruhanrrya inilah petunjuk dan panduan peringkat pertama. Semoga Allah melimpahkan kurnia-Nya dan petunjuk ini akan disusul lagi oleh petunjuk-petunjuk lain bila sahaja Allah memberi hidayah kepadaku mengenai petunjuk di sepanjang jalan ini.

Wabillahi - ttaufieq.



Dakwah Islamiyah telah pun melahirkan satu generasi manusia, generasi sahabat Rasulullah SAW, Ridhwanullahi alaihim, iaitu suatu generasi yang paling istimewa di dalam sejarah Islam dan di dalam sejarah kemanusiaan seluruhnya. Generasi itu tidak pernah muncul dan timbul lagi sesudah itu, walaupun terdapat juga beberapa peribadi dan tokoh tertentu di sepanjang sejarah, tetapi tidaklah lahir lagi segolongan besar manusia, di satu tempat yang tertentu pula, seperti yang telah muncul dan timbul di dalam peringkat pertama dari penghidupan dakwah ini.

Ini adalah satu fakta dan kenyataan yang terang dan memanglah telah berlaku, mempunyai maksud-maksud tertentu yang perlu kita perhatikan dan sayugia kita merenungnya bersungguh-sungguh, agar dapat kita menyelami rahsianya.

Al-Quran yang menjadi sumber dakwah ini masih berada bersama-sama kita. Hadis Rasulullah SAW dan petunjuk-petunjuk daripada perjalanan hidup dan sirahnya yang mulia itu juga masih ada di samping kita, seperti juga kedua-duanya telah ada bersama-sama dengan generasi yang terdahulu itu, tidak jejas oleh perjalanan sejarah dan tidak lapuk oleh perkembangan zaman; hanya diri peribadi Rasulullah SAW sahaja yang telah tiada lagi bersama-sama kita sekarang. Adakah ini rahsianya?

Al-Quran yang menjadi sumber dakwah ini masih berada bersama-sama kita. Hadis Rasulullah SAW dan petunjuk-petunjuk daripada perjalanan hidup dan sirahnya yang mulia itu juga masih ada di samping kita, seperti juga kedua-duanya telah ada bersama-sama dengan generasi yang terdahulu itu, tidak jejas oleh perjalanan sejarah dan tidak lapuk oleh perkembangan zaman; hanya diri peribadi Rasulullah SAW sahaja yang telah tiada lagi bersama-sama kita sekarang. Adakah ini rahsianya?

Tetapi Allah SWT telah membuat jaminan untuk memelihara Al-Quran, dan telah mengetahui bahawa dakwah ini boleh tegak selepas zaman Rasulullah SAW pun, juga boleh membuahkan hasil yang baik; lalu diwafatkan-Nya Rasulullah SAW setelah 23 tahun beliau menjalankan tugas berdakwah dan menyampaikan perutusan Ilahi dan Allah SWT akan tetap memelihara agamaNya ini hingga ke hari kiamat. Dengan demikian maka ketiadaan diri peribadi Rasulullah SAW itu tidak boleh dijadikan jawapan di atas kegagalan dakwah di zaman ini.

Yang demikian kita perlu selidiki sebab lain yang menjadi punca kegagalan

itu. Mari kita lihat kepada sumber pengambilan generasi pertama itu. Mungkin sesuatunya telah berubah. Kemudian kita lihat pula kepada program dan jalan yang telah dilalui mereka, barangkali ada sesuatu yang berlainan dan berbeza.

Sumber pokok yang dicedok oleh generasi pertama itu ialah Al-Quran, hanya Al-Quran sahaja. Hadis Rasulullah SAW dan petunjuk-petunjuk beliau adalah semata-mata merupakan pentafsiran kepada sumber utama itu. Ketika Assaiyidah `Aisyah Radhiallahu'anha ditanya mengenai kelakuan, perangai dan perjalanan hidup Rasulullah SAW maka beliau menjawab: yang bermaksud: *"kelakuan dan perjalanan hidup beliau [Rasulullah SAW] itu ialah Al-Quran"*

(Hadis riwayat Nasai)

Hanya Al-Quran sahajalah yang menjadi sumber panduan mereka, perjalanan hidup dan gerak-geri mereka. Ini bukanlah kerana umat manusia di zaman itu tidak punya tamaddun, tidak punya kebudayaan, tidak punya pelajaran, tidak punya buku karangan dan tidak punya kajian! Sekali lagi tidak! Kerana sebenarnya di zaman itu telah pun ada tamaddun dan kebudayaan Romawi, buku-buku dan undang-undangnya, yang telah dan masih diikut dan dijadikan panduan oleh orang-orang Eropah sampai hari ini. Di sana juga telah wujud peninggalan tamaddun Yunani (Greek), ilmu mantiknya, falsafah dan keseniannya, yang juga masih menjadi sumber pemikiran Barat hingga sekarang; malah di sana juga telah wujud tamaddun dan peradaban Parsi, keseniannya, sajaknya, syair dan dongengnya, kepercayaan dan sistem perundangannya, serta tamaddun lain, seperti tamaddun India, China dan lain-lain kebetulan pula kedua-dua tamaddun.

Romawi dan Parsi berada di sekeliling semenanjung Arab, baik di utara mahu pun di selatan, ditambah lagi oleh agama Yahudi dan Nasrani yang telah wujud di tengah-tengah semenanjung itu sejak berapa lama dahulu.

Jadi bukanlah faktor kekurangan tamaddun dan kebudayaan duniawi yang menyebabkan generasi pertama itu mencedok dari Kitab Allah (Al-Quran) sahaja dalam peringkat pertumbuhan mereka, tapi ialah justeru kerana "planning" yang telah ditentukan dan program yang telah diatur. Dalil yang terang atas keadaan ini ialah kemurkaan Rasulullah SAW ketika beliau melihat Sayyidina Umar bin Al-Khattab R.A. ada memegang sehelai kitab Taurat. Melihat keadaan ini beliau pun bersabda: "Demi Allah sekiranya Nabi Musa masih hidup bersama-sama kamu sekarang pun, tidak halal baginya melainkan mesti mengikut ajaranku."

(Hadis riwayat Al-hafidz Abu Ya'la dari Hammad dari Asy-sya'bi dari Jabir)

Yang demikian maka dapatlah diambil kesimpulan bahawa Rasulullah SAW, bermaksud dan mengarahkan supaya sumber panduan dan pengajaran generasi pertama itu, dalam peringkat pertumbuhan mereka lagi, hanya terbatas kepada kitab Allah (Al-Quran) sahaja supaya jiwanya melurus ke arah programNya yang tunggal itu; oleh kerana itu beliau murka melihatkan Saydina

Umar bin AI-Khattab R.A. cuba mencari panduan daripada sumber yang lain dari Al-Quran itu.

Rasulullah SAW bertujuan membentuk satu generasi yang bersih hatinya, bersih pemikirannya, bersih pandangan hidupnya, bersih perasaannya, dan mumi jalan hidupnya dari sebarang unsur yang lain daripada landasan Ilahi yang terkandung dalam Al-Quranul Karim.

Generasi sahabat-sahabat itu menerima panduannya daripada sumber yang tunggal itu sahaja. Oleh kerana itulah generasi itu telah berhasil membentuk sejarah gemilang di zamannya.

Tetapi apakah yang telah terjadi kemudiannya?

Sumber-sumber panduan itu rupanya telah bercampur baur!

Sumber itu telah dimasuki oleh falsafah Yunani (Greek), cara berfikir dan lojikanya, dongeng-dongeng Parsi dan pandangan hidupnya, cerita-cerita Israeliat Yahudi, falsafah Ketuhanan ala-Kristian yang telah bercampur baur di dalam tafsir Al-Quran dan ilmu Al-Kalam, dan juga telah dimasuki oleh saki baki peninggalan tamaddun zaman lampau yang sukar dikikis.

Di samping itu banyak lagi sumber panduan lain yang telah bercampur baur dengan tafsir Al-Quran, ilmu Al-Kalam, ilmu fiqah dan malah ilmu usuluddin juga. Campuran panduan inilah yang telah melahirkan generasi-generasi berikutnya. Oleh kerana itulah maka bentuk generasi pertama iaitu generasi para sahabat Rasulullah SAW, tidak lahir lagi kemudiannya.

Memang tak dapat diragukan lagi bahawa bercampur-baurnya sumber panduan itulah yang menjadi faktor utama mengapa generasi berikutnya berlainan sama sekali dari bentuk generasi pertama yang unggul itu.

Di sana ada satu lagi faktor asasi selain daripada perubahan sumber itu, iaitu berbezanya cara menerima pengajaran antara generasi para sahabat Rasulullah SAW dengan generasi-generasi kemudiannya.

Mereka, iaitu para sahabat Rasulullah di dalam generasi pertama itu tidak mendekatkan diri mereka dengan Al-Quran dengan tujuan mencari pelajaran dan bahan bacaan, bukan juga dengan tujuan mencari hiburan dan penglipur lara. Tiada seorang pun dari mereka yang belajar Al-Quran dengan tujuan menambah bekal dan bahan ilmu semata-mata untuk ilmu dan bukan juga dengan maksud menambah bahan ilmu dan akademi untuk mengisi dada mereka sahaja. Bahkan dia pelajari Al-Quran itu dengan maksud hendak belajar bagaimanakah arahan dan perintah Allah dalam urusan hidup peribadinya dan hidup bermasyarakat, juga urusan hidup mereka sendiri dari hidup masyarakat mereka. Dia belajar untuk dilaksanakan serta merta, seperti seorang perajurit menerima, “arahan harian” atau “surat pekeliling” bagi dilaksanakan serta merta! Juga tiada seorang pun dari

mereka yang mencari pelajaran tambahan atau pun arahan tambahan dalam satu majlis pengajian atau suatu majlis taklimat sahaja, kerana dia tahu bahawa yang demikian itu akan menambah beratkan tugasnya, malah kadang-kadang dia cukup dengan hanya sepuluh ayat sahaja sehingga dia benar-benar menghafalnya dan dia laksanakan arahan-arahannya seperti yang diriwayatkan oleh Ibnu Mas'ud r.a.

Perasaan inilah perasaan belajar untuk melaksanakan, yang telah menambah luasnya lapangan hidup mereka, menambah luasnya ma'rifat dan pengalaman mereka dari ajaran Al-Quran itu yang tidak mungkin mereka capai kalau sekadar belajar dari Al-Quran dengan tujuan menyelidik dan mengkaji serta membaca sahaja. Perasaan belajar untuk melaksanakan ini jugalah yang telah memudahkan mereka bekerja dan meringankan beban mereka yang berat, kerana Al-Quran telah sebati dan menjadi daging, darah mereka. Perasaan ini jugalah yang menanam Al-Quran ke dalam jiwa mereka hingga ia meresap menjadi panduan dalam gerakan mereka, ia melahirkan pelajaran yang menggerakkan aktiviti, pelajaran yang tidak lagi merupakan teori yang bersarang di dalam kepala manusia dan di halaman kertas dan akhbar-akhbar sahaja, bahkan ianya menjadi kenyataan yang melahirkan kesan dan peristiwa yang mengubah garisan hidup.

Al-Quran tidak-akan memberi dan mencurahkan isi perbendaharaannya kecuali kepada orang yang datang bertumpu kepadanya dengan roh dan jiwa ini: iaitu roh dan jiwa ma'rifat yang membuahkan amal dan tindakan. Al-Quran datang bukan sebagai sebuah buku penglipur lara, bukan sebagai sebuah buku sastera, juga bukan sebagai sebuah buku kesenian, sejarah dan novel, malah ia datang untuk dijadikan panduan hidup, panduan Ilahi yang tulen; dan Allah SWf sendiri telah merasmikan Al-Quran ini sebagai garis pemisah di antara hak dan batil.

Firman Allah:

وَقُرْآناً فَرَقْنَاهُ لِتَقْرَأَهُ عَلَى النَّاسِ عَلَى مُكْثٍ وَنَزَّلْنَاهُ تَنزِيلاً

Maksudnya: "Dan Al-Quran itu telah Kami bahagi-bahagikan dia agar kamu membacakannya perlahan-lahan kepada manusia dengan lambat dan tenang dan Kami menurunkannya dengan beransur-ansur."

(Al-Isra': 106)

AI-Quran ini tidak diturunkan sekaligus, malah ia diturunkan mengikut keperluan-keperluan yang sentiasa berubah, mengikut perkembangan fikiran dan pandangan hidup serta perubahan masyarakat. Ia diturunkan mengikut perkembangan masalah praktikal dan fakta kehidupan masyarakat Islam. Ayat demi ayat diturunkan untuk suasana tertentu dan peristiwa khusus dan untuk membongkar isi hati manusia; untuk menggambarkan urusan yang mereka hadapi, dan menggariskan program kerja mereka dalam sesuatu suasana, juga untuk memperbetul kesilapan perasaan dan perjalanan hidup, supaya mereka sentiasa merasa terikat dengan Allah dalam setiap suasana. Ia diturunkan secara beransur-

ansur bagi mengajar mereka mengenal Allah SWT melalui sifat-sifatNya dan juga melalui bukti-bukti perkembangan dan perubahan alam. Dengan demikian mereka akan merasakan bahawa diri mereka terus menerus terikat dengan tertakluk kepada Allah SWT, terus menerus di bawah perhatian Ilahi. Pada ketika itu mereka merasakan bahawa mereka sedang hidup di bawah pengawasan Allah SWT secara langsung.

Dasar "belajar untuk melaksanakan terus" itu merupakan faktor utama membentuk generasi pertama dahulu, manakala dasar "belajar untuk, dibuat kajian dan penglipurlara" itulah yang merupakan faktor penting yang melahirkan generasi-generasi kemudiannya. Dan tidak syak lagi bahawa faktor kedua inilah menapakan sebab utama mengapa generasi-generasi yang lain itu berlainan sama sekali dengan generasi pertama, generasi para sahabat Rasulullah SAW.

Di sana ada satu lagi faktor yang mesti diperhati dan dicatat benar-benar.

Seorang yang menganut Islam itu sebenarnya telah melucutkan dari dirinya segala sesuatu dari zaman lampaunya di alam jahiliyah. Dia merasakan ketika dia mula menganut Islam bahawa dia memulakan zaman baru dalam hidupnya; terpisah sejauh-jauhnya dari hidupnya yang lampau di zaman jahiliyah; dan sikapnya terhadap segala sesuatu yang berlaku di zaman jahiliyah dahulu ialah sikap seorang yang sangat berhati-hati dan berwaspada. Dia merasakan bahawa segala sesuatu di zaman jahiliyah dahulu adalah kotor dan tidak sesuai dengan ajaran Islam. Dengan perasaan inilah dia menerima hidayah dan petunjuk Islam yang baru itu dan sekiranya dia didorong oleh nafsunya sesuatu waktu, atau sekali sekala dia merasa tertarik dengan kebiasaannya yang dahulu, atau kalau dia merasa lemah dari menjalankan tugas dan kewajipan kelslamannya sesuatu ketika, nescaya dia merasa bersalah dan berdosa, dan dia merasakan dari lubuk hatinya bahawa dia perlu membersihkan dirinya daripada apa yang berlaku itu; lalu dia berusaha sedaya upaya mengikuti panduan yang digariskan oleh Al-Quran.

Di sana juga terdapat pemisahan perasaan sepenuhnya di antara zaman lampau seseorang Muslim dalam keadaan jahiliyahnya dahulu dan zaman barunya di dalam Islam, yang akan menimbulkan pula pemisahan secara menyuluruh dalam segenap hubungannya dengan masyarakat jahiliyah. Dia berputus arang berkerat rotan dengan tata hidup masyarakat jahiliyah dahulu dan berhubungan langsung selama-lamanya dengan masyarakat Islam; walaupun kelihatan pada lahirnya dia sering berhubungan dengan orang-orang musyrik di dalam lapangan perdagangan dan pergaulan hidup seharian, tetapi perpisahan perasaan dan pergaulan hidup seharian adalah dua hal yang berlainan dan berbeza sekali.

Di sana ada semacam pemisahan lagi, iaitu perpisahan suasana jahiliyah dalam kebiasaan dan pandangannya, adat resam dan hal-hal yang berkaitan dengannya, yang timbul dari pemisahan syirik ke akidah tauhid, dari konsep jahiliyah ke konsep Islam mengenai masalah hakikat hidup dan hakikat wujud; juga timbul dari percantumannya dengan perkumpulan dan organisasi Islam yang baru, di bawah pimpinan baru, dan sikap memberi segenap perhatian, kepatuhan dan

kesetiaan kepada masyarakat, perkumpulan dan organisasi baru di bawah pimpinan baru itu.

Inilah dia persimpangan jalan dan permulaan langkah di jalan baru, langkah yang bebas merdeka dari segala tekanan adat resam yang dipatuhi sepenuhnya oleh masyarakat jahiliyah dan segala nilai yang menjadi kebiasaannya. Di sana tiada risiko yang akan ditempuh selain dari ujian dan penderitaan, namun demikian dia secara otomatis telah bertekad tegas dan bulat untuk tidak akan kembali lagi kepada sebarang bentuk jahiliyah, kepada tekanan dan kebiasaan jahiliyah buat selama-lamanya.

Kita sekarang sedang berada di tengah-tengah suasana jahiliyah yang serupa dengan suasana jahiliyah yang ada.pada zaman kedatangan Islam dahulu, malah lebih gelap lagi. Segala sesuatu di sekitar kita ialah jahiliyah konsep hidup manusia sekarang, akidah kepercayaan mereka, adat istiadat dan kebiasan mereka, sumber pelajaran seni dan sastera mereka, peraturan dan undang-undang mereka, hinggakan banyak perkara yang kita anggap sebagai pelajaran Islam, buku rujukan Islam, falsafah Islam dan pemikiran Islam sebenarnya adalah hasil ciptaan jahiliyah!

Oleh kerana itulah maka nilai Islam tidak tulus dan tidak hidup subur lagi di dalam jiwa kita, teori Islam itu tidak begitu terang lagi di dalam pemikiran Idta, dan di kalangan kita sekarang tidak muncul lagi suatu generasi manusia raksaksa dari model yang dilahirkan oleh Islam di zaman pertama dahulu.

Oleh itu, di dalam program gerakan ke-Islaman, kita mesti membebaskan diri di peringkat permulaan, di peringkat taman kanak-kanak lagi, dari sebarang pengaruh jahiliyah yang selalu menghayati kita sekarang. Kita mesti rujuk semula ke pangkal jalan, kepada sumber yang murni yang telah dicedok dan ditimba oleh orang-orang sebelum kita; iaitu sumber yang terjamin tidak bercampur baur dengan sumber yang lain. Kita mesti kembali semula kepadanya untuk mendapatkan teori mengenai hakikat wujud seluruhnya dan juga hakikat wujudnya umat manusia ini dan segala pertalian di antara kedua jenis wujud ini dengan wujud yang hakiki, iaitu wujud Allah SWT. Dari situlah kita mengambil pandangan terhadap hidup, kita mengambil nilai diri dan akhlak kita, serta kita mengambil panduan dan program pemerintahan, politik, ekonomi dan segala aspek kehidupan kita.

Bila kita rujuk semula, maka kita mestilah rujuk berdasarkan kaedah dan dasar “belajar untuk melaksanakan”, bukan dengan kaedah dan dasar belajar untuk mengetahui dan menglipur lara; kita rujuk kepadanya untuk mengetahui apa yang sebenar diminta kita lakukan, maka kita lakukan; dan di dalam perjalanan itu kita akan bersua dengan keindahan seni Al-Quran, dengan cerita dan kisah yang menyeronokkan dan juga dengan pandangan-. pandangan kiamat di dalam Al-Quran juga dengan logik kesedaran hati nurani di dalam Al-Quran dan juga dengan semua yang dicari-cari oleh pakar-pakar penyelidik... ya, kita akan jumpai semuanya itu, bukan dengan maksud hendak belajar dan menglipur lara tapi dengan tujuan utama hendak mengetahui apakah pekerjaan yang Al-Quran kehendaki kita kerjakan? Apakah konsep umum yang Al-Quran kehendaki kita

berkonsep? Bagaimanakah tuntutan Al-Quran mengenai pandangan dan perasaan kita terhadap Allah SWT? Dan bagaimanakah tuntutan Al-Quran mengenai akhlak kita, realiti hidup kita, dan bagaimanakah corak sistem kita di dalam hidup ini?

Kemudian kita mesti membebaskan diri dari tekanan masyarakat jahiliyati, dari tekanan konsep jahiliyah, dari adat resam jahiliyah dan juga dari pimpinan ala jahiliyah di dalam hidup diri kita sendiri. Bukanlah tugas kita untuk berkompromi dengan realiti masyarakat jahiliyah sekarang dan bukan untuk tunduk dan menumpahkan kesetiaan kepadanya sebab keadaan realiti jahiliyah itu tidak memungkinkan kita berkompromi dengannya sama sekali.

Tugas utama kita ialah mengubah realiti masyarakat ini. Tugas utama kita ialah mencabut realiti jahiliyah itu dari akar umbinya, realiti yang bertentangan dan berlanggar secara prinsipal dengan aspirasi Islam dan dengan konsep Islam, realiti yang menghalang kita dengan menggunakan kekerasan dan tekanan dari kita hidup seperti yang dikehendaki oleh program Ilahi.

Langkah pertama di dalam perjalanan kita ialah menghapuskan masyarakat jahiliyah ini, nilai-nilai dan teori-teorinya. Kita tidak boleh mengubah-suai sedikit jua pun untuk kemudiannya bertemu semula di pertengahan jalan. Sekali lagi tidak! Kerana jalan kita adalah berlainan dan bersimpangan dengan jalan jahiliyah. Seandainya kita cuba berjalan seiring dengannya biar pun selangkah jua nescaya kita kehilangan pedoman dan kita akan meraba dalam kesesatan.

Di dalam hal ini kita akan menempuh berbagai bentuk kesusahan dan penderitaan, kita akan menyumbangkan pengorbanan yang besar dan dahsyat, tetapi tiada alternatif lain kalau kita benar-benar hendak mengikuti langkah generasi pertama yang diiktiraf oleh Allah, yang telah menghancur dan memusnahkan jalan jahiliyah itu.

Adalah baik sekali bagi kita tetap menyadari bentuk program dan landasan kita, menyadari tabiat sikap kita dan juga tabiat jalan yang mesti kita lalui untuk keluar dari suasana jahiliyah yang telah dilalui oleh generasi yang agung dan unik itu.



Ayat-ayat Al-Quran zaman Mekah telah diturunkan kepada Rasulullah SAW di dalam tempoh tiga belas tahun, dengan mengemukakan satu persoalan sahaja. Ya, hanya satu persoalan yang tidak berubah-ubah; tetapi cara mengemukakan persoalan itu hampir sama tidak berulang-ulang. Gaya dan stail Al-Quran mengemukakan persoalan itu adalah luar biasa sekali, sehingga nampak seolah-olah persoalan itu masih tetap baru, bagaikan sesuatu yang baru sahaja dicetuskan untuk pertama kali.

Ayat-ayat Al-Quran zaman Mekah itu menyelesaikan suatu persoalan besar, suatu persoalan utama dan penting, suatu persoalan asas bagi agama yang baru muncul itu iaitu persoalan aqidah, yang diterapkan di atas tapaknya yang terpenting KETUHANAN dan PENGABDIAN serta pertalian antara keduanya.

Al-Quran zaman Mekah mengarahkan hakikat ini kepada "manusia" manusia sebagai manusia dan dalam hal ini serupa sahaja manusia Arab di zaman itu dengan manusia Arab di setiap zaman, seperti mana sama sahaja manusia Arab dengan manusia bukan Arab di zaman itu dan di zaman mana pun juga.

Persoalan yang dikemukakan deh Ayat-Ayat Al-Quran zaman Mekah itu ialah persoalan MANUSIA yang tidak pernah berubah, kerana ia adalah persoalan wujudnya manusia itu di dalam alam ini dan juga persoalan kesudahan manusia itu. Persoalan sangkut pautnya manusia itu dengan alam dan dengan semua yang hidup di dunia ini, juga persoalan hubungan manusia itu dengan Tuhan Pencipta alam dan Pencipta seluruh kehidupan. Persoalan itu adalah suatu persoalan yang tetap dan tidak akan berubah-ubah, kerana ia adalah persoalan wujud ini seluruhnya dan persoalan manusia itu sendiri.

Al-Quran zaman Mekah telah memberi penjelasan kepada manusia tentang rahsia wujud manusia itu sendiri dan wujud dunia di sekitarnya. Ia mengatakan kepada manusia itu siapakah sebenarnya dia (manusia) itu? Dari manakah dia datang? Untuk apa dia datang ke dunia? Kemudian ke manakah arah perjalanannya? Siapakah yang membawanya keluar dari alam yang serba tiada, yang serba majhul dan serba tidak diketahui itu? Siapakah pula yang akan membawanya pergi kemudiannya dan bagaimanakah gerangan nasibnya di sana kelak? Al-Quran itu memperkatakan kepadanya lagi tentang apakah hakikat wujud yang di rasa dan dilihatnya itu? Dan yang dirasakannya bahawa di sebalik wujud ini ada suatu kuasa ghaib yang sedang mengawasinya sedang dia tak nampak kuasa ghaib itu? Siapakah gerangan yang mengatur dan mentadbir perjalanannya? Siapakah pula yang menukar bentuk dan rupanya? Siapakah pula yang

membaharui dan menukarnya. Di samping itu semua Al-Quran itu mengajarnya tentang bagaimanakah dia mesti berhubung dengan Tuhan Pencipta alam ini, dan bagaimanakah dia berhubungan dengan alam itu sendiri seperti mana ia menerangkan bagaimanakah hamba-hamba Tuhan itu saling membuat hubungan antara sesama mereka.

Persoalan yang disebutkan di atas itu adalah persoalan besar yang menjadi tonggak wujudnya manusia itu. Ia akan tetap menjadi persoalan utama dan asasi bagi wujud umat manusia di sepanjang zaman.

Demikianlah berlalunya tempoh tiga belas tahun genap dalam menerapkan persoalan yang agung ini, persoalan tunggak seluruh kehidupan umat manusia itu sendiri, yang tanpanya seluruh hidupnya tidak ada erti sama sekali.

Al-Quran zaman Mekah tidak melangkau persoalan pokok ini untuk mengemukakan persoalan-persoalan lain mengenai sistem kehidupan, melainkan setelah Allah mengetahui bahawa persoalan itu sudah diterangkan dengan secukupnya bahawa ianya telah sebati dan menjadi daging darah golongan umat yang terpilih itu, yang telah ditakdirkan Allah bahawa agama Islam ini akan dibangunkan melalui golongan ini, dan golongan inilah yang mengendalikan pelaksanaan sistem yang mencerminkan agama ini.

Dan para pendakwah ke jalan agama Allah, dan ke arah terlaksananya sistem yang dipandu oleh agama ini di alam realiti hidup, sayugia memberikan sepenuh perhatian kepada fakta ini, fakta pemusatan perhatian yang diberikan oleh ayat-ayat Al-Quran zaman Mekah untuk menerapkan akidah ini, kemudian kepada fakta bahawa ayat-ayat zaman Mekah itu tidak melangkau ke arah penghuraian yang luas mengenai sistem yang menjadi dasarnya, Dan undang-undang yang mengatur hidup manusia Muslim.

Dengan hikmat dan kebijaksanaan Allah SWT telah ditentukan bahawa persoalan akidah adalah persoalan pokok bagi dakwah ini sejak zaman permulaan kerasulan Nabi Muharmnad SAW; dan bahawa Rasulullah SAW memulakan langkah pertamanya di dalam dakwah ini dengan menyeru dan mengajak manusia berikrar bahawa *Tiada Tuhan melainkan Allah* juga bahawa beliau meneruskan dakwah dengan membimbing umat manusia supaya dapat mengenal Tuhan mereka yang sebenarnya dan supaya mereka mengabdikan diri hanya kepada Tuhan sahaja.

Persoalan ini, baik ditinjau dari sudut kenyataan yang lahir mahu pun dilihat dari sudut pemikiran manusia yang terbatas itu, bukanlah suatu persoalan yang mudah diterap ke dalam hati orang-orang Arab kerana mereka mengerti dari pertuturan bahasa mereka sendiri apakah makna perkataan "ILLALLAH" dan juga tujuan perkataan TIADA TUHAN MELAINKAN ALLAN "LA ILAAHA 1LIALLAH" itu. Mereka mengerti bahawa pengakuan bertuhan itu bererti pengakuan kepada kekuasaan menghukum dan memerintah yang tertinggi. Mereka mengerti juga bahawa mengesakan Allah melalui ikrar kalimah syahadat itu adalah bererti mencabut semua sekali kuasa yang dibolot oleh para padri dan pendeta, oleh

ketua-ketua suku, oleh raja-raja dan penguasa-penguasa, dan menyerahkan kuasa itu hanya kepada Allah sahaja kuasa atas hati nurani, atas lambang kebesaran, kuasa atas kenyataan hidup, kuasa dalam mengatur urusan harta benda, kuasa dalam urusan undang-undang dan juga kuasa di dalam urusan yang berkaitan dengan jiwa dan tubuh badan. Mereka mengerti bahawa LA ILAAHA ILLALLAH itu adalah merupakan cetusan revolusi terhadap kuasa duniawi yang telah merampas suatu sifat khusus Tuhan yang utama, revolusi terhadap kenyataan hidup yang bersandar kepada rampasan atas sifat Tuhan itu dan juga merupakan suatu pukulan maut ke atas sebarang peraturan dan kelamaan pemerintahan yang menjalankan kuasanya berdasarkan undang-undangnya sendiri, yang tidak diridai oleh Allah. Orang-orang Arab itu tidak merasa kabur lagi ke mana arah tujuan perkataan LA ILAAHA IILALLAH itu dalam konteks dengan kenyataan hidup mereka, dengan kuasa dan muslihat mereka. Oleh sebab itulah mereka menentang dakwah atau revolusi itu begitu hebat dan mereka memeranginya habis-habisan seperti yang telah diketahui umum.

Tetapi mengapakah justeru persoalan ini yang menjadi titik permulaan dakwah ini dan kenapa pula hikmah dan kebijaksanaan Allah SVNT telah menentukan bahawa persoalan ini mesti dijalankan tugasnya dengan penuh risiko?

Rasulullah SAW telah diutus membawa agama ini pada ketika daerah dan wilayah negeri Arab yang paling subur dan kaya tidak dikuasai oleh orang-orang Arab, malah dikuasai oleh bangsa-bangsa lain.

Wilayah-wilayah Syam di sebelah utara kesemuanya dikuasai oleh bangsa Romawi, diperintah oleh raja-raja dan pangeran-pangeran Arab atas nama Kerajaan Romawi. Manakata wilayah-wilayah Yaman di sebelah selatan pula ditakluki oleh kerajaan Parsi dengan diperintah oleh kaum bangsawan Arab di bawah naungan Empayar Parsi. Hanya wilayah Hijaz, Tihamah, Najd dan daerah-daerah berpadang pasir yang kuntang dan tandus, dengan diselangi oasis-oasis di sana sini sahaja yang dikuasai oleh orang Arab.

Mungkin ada orang berkata: bahawa Nabi Muhamrriad SAW itu boleh menggunakan pengaruh peribadinya yang terkenal jujur dan disanjung ramai itu, kerana pernah diangkat menjadi hakim menyelesaikan perbalahan suku-suku Arab mengenai HAJAR ASWAD, dan semua golongan berpuas hati menerima keputusan yang beliau lakukan itu, lima belas tahun sebelum beliau dilantik menjadi Rasul, ditambah pula dengan pengaruh keturunan dan kedudukan tinggi beliau di kalangan Bani Hasyim orang mengatakan bahawa beliau mampu dan berupaya membangkitkan rasa kebangsaan Arab yang telah purak puranda akibat luasnya rasa dendam-mendendam dan hasad dengki, untuk mengarahkan mereka ke arah faham perkauman dan kebangsaan, bagi menebus dan merebut semula tanahair mereka dari tangan empayar-empayar yang menjajah dan menakluknya, iaitu kerajaan-kerajaan Romawi dan Parsi dan mengibarkan bendera kebangsaan Arab serta mendirikan sebuah Negara Nasional Arab di seluruh Semenanjung Arabia.

Mungkin ada pula orang yang berpendapat bahawa Nabi Muhammad SAW itu lebih bijaksana, setelah seluruh bangsa Arab mengikutnya dan mengiktiraf beliau sebagai pemimpin kebangsaan, dan setelah dapat mengumpulkan kuasa di dalam tangannya, jika beliau pergunakan kesempatan itu untuk menegakkan kalimah tauhid, untuk membawa umat manusia tunduk kepada kekuasaan Ilahi setelah mereka tunduk di bawah kekuasaan duniawi beliau.

Tetapi Allah SWT - Yang Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana telah tidak mengarahkan Rasulullah SAW berbuat demikian, malah diarahkannya supaya bertahan dengan ikrar dan syahadat LA ILAAHA ILLALLAH itu dan supaya sanggup menanggung derita akibatnya, bersama-sama dengan para sahabat beliau yang terlalu kecil jumlahnya itu.

Mengapa demikian?

Sesungguhnya Allah SWT tidak bermaksud menyeksa Rasul-Nya dan orang-orang beriman bersama beliau, malah Allah SWT Maha Mengetahui bahawa bukanlah itu jalannya. Bukanlah jalannya bahawa bumi ini lepas bebas dari tangan taghut berbangsa Romawi atau taghut berbangsa Parsi untuk berpindah tunduk di bawah tangan taghut berbangsa Arab kerana taghut itu adalah tetap taghut jua. Bumi ini adalah kepunyaan Allah dan mestilah dibebaskan untuk Allah dan kerana Allah sahaja dan bumi ini tidak akan jadi bebas kerana Allah sahaja melainkan apabila berkibar megahlah di dalamnya panji-panji dan bendera LA ILAAHA ILLALLAH. Bukanlah caranya bahawa bumi ini lepas bebas dari tangan taghut berbangsa Romawi atau Parsi untuk diambil alih oleh taghut berbangsa Arab. Taghut itu tetap taghut jua walau dari bangsa apa pun. Seluruh manusia adalah hamba Allah, tetapi manusia itu tidak dapat jadi hamba Allah yang sebenarnya melainkan bila dia tunduk di bawah kuasa dan perintah panji-panji LA ILAAHA ILLALLAH, mengikut pengertian yang difahamkan oleh orang Arab melalui kaedah tata bahasa mereka; iaitu: tiada kuasa yang lain daripada kuasa Allah SWT. Tiada undang-undang yang lain daripada undang-undang Allah tiada syariat yang lain daripada syariat Allah, dan tiada kuasa seorang tertentu di atas orang lain, kerana kuasa dan kekuasaan memerintah itu adalah kepunyaan Allah; kerana rupa bangsa dan kewarganegaraan yang dimaksudkan oleh Islam untuk seluruh umat manusia itu ialah rupa bangsa yang berbentuk akidah, dalam mana sama sahaja orang Arab, orang Parsi dan seluruh bangsa dan warna kulit di bawah panji-panji Allah.

Dan inilah dia jalannya.

Rasulullah SAW diutus membawa agama ini pada ketika masyarakat Arab merupakan sebuah masyarakat yang kacau dan tidak teratur dalam soal pembahagian kekayaan dan keadilan hanya segelintir manusia yang memiliki harta benda (wang) dan perniagaan, urusan pertukaran barangan dan membungakan wang (riba) dengan demikian maka berlakulah penumpukan harta di kalangan orang yang segelintir itu sahaja, sedangkan golongan terbesar tidak punya sesuatu apa pun selain dari lapar dan derita. Orang-orang yang kaya dan punya wang serta

harta benda, juga menjadi orang yang mulia dan berkedudukan tinggi, sedangkan golongan terbesar yang tak punyai wang dan kekayaan tidak ada kesempatan pun.

Mungkin orang akan berkata: Nabi Muhammad SAW berupaya mengubah bentuk masyarakat itu dan mencetuskan suatu revolusi sosial untuk menghapuskan golongan bangsawan itu dan menjalankan seruan untuk menyusun semula masyarakat secara adil dan membahagi-bahagikan harta benda orang-orang kaya kepada orang-orang miskin.

Mungkin ada orang yang berkata begini: Seandainya Rasulullah SAW menjalankan seruan ke arah ini nescaya masyarakat Arab itu akan hanya terbahagi kepada dua golongan sahaja, iaitu golongan berada dan golongan tak berada. Golongan terbanyak, iaitu golongan tak berada yang menyebelahi seruan itu untuk menentang kekuasaan harta benda orang-orang kaya itu, manakala golongan kecil sahaja mungkin menentang seruan itu untuk mempertahankan kedudukan dan kepentingan mereka. Cara ini lebih baik daripada melakukan dakwah ke arah akidah yang telah ditentang oleh sebahagian besar masyarakat dan tidak dapat pengikut kecuali beberapa kerat manusia tertentu sahaja.

Orang lain pula mungkin akan mengatakan: Bahawa Muhammad SAW lebih wajar - sesudah disokong oleh golongan terbesar dan sesudah beliau memegang teraju pemerintahan dan menghancurkan golongan hartawan untuk mencari jalan mempengaruhi orang banyak dan memegang peranan sebagai pemimpin mereka; supaya dapat meruntuhkan pengaruh golongan kecil itu, kemudiannya menggunakan kuasa dan pengaruhnya sesudah itu. Untuk menegakkan kalimah tauhid dan membawa manusia tunduk di bawah kuasa Allah SWT setelah mereka tunduk di bawah kuasa peribadinya.

Tetapi Allah SWT Yang Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana telah tidak mengarahkan beliau berbuat begitu kerana Allah SWT Maha Mengetahui bahawa itu bukanlah jalannya.

Diketahui-Nya bahawa keadilan sosial hanya akan dapat diwujudkan di dalam masyarakat, dari sumber iktikad yang lengkap, yang menyerahkan segala sesuatu kepada Allah SWT, sambil menerima dengan penuh kerelaan hati akan semua yang ditentukan Allah SWT di dalam masalah pembahagian harta, dalam masalah jaminan sosial untuk seluruh masyarakat; dan kepercayaan ini sebagai di dalam hati pihak yang mengambil dan pihak yang diambil, dengan pengertian bahawa mereka melaksanakan suatu sistem yang telah ditentukan oleh Allah SWT dengan penuh harapan bahawa ketaatan, kepatuhan dan kebaktian yang dilakukannya akan mendatangkan kebajikan dan kebaikan dunia dan akhirat. Dengan demikian maka rasa tamak haluba dan dendam dengki terhadap sesama anggota masyarakat tidak akan dapat bersarang di lubuk hati. Semua urusan dijalankan dengan beres tanpa tekanan dan paksaan, tanpa ancaman dan ugutan. Hati manusia tidak rosak dan jiwa mereka pun tidak akan bengkrap seperti yang terjadi di mana sahaja di bawah sistem hidup yang berlandaskan kalimah tauhid LA ILAAHA ILLALLAH.

Rasulullah SAW dibangkitkan di ketika tingkatan moral di Semenanjung Arabia sedang di puncak kemerosotan, melebihi keadaan moral umat manusia di dalam masyarakat jakun dan primitif.

Kekejaman, penindasan, penganiayaan dan pelanggaran hak orang lain tersebar luas di dalam masyarakat. Imi jelas digambar oleh rangkapan syair Zuheir bin Abi Salma, seorang penyair terkenal di zaman jahiliyah:

> *"Sesiapa sahaja yang tidak menjaga kehormatan diri dan kebebasannya dengan pedang dan senjatanya,*
>
> *Akan dimusnahkan orang, begitu juga sesiapa yang tidak melakukan kezaliman terhadap orang lain, akan menerima kezaliman orang lain ke atas dirinya."*

Juga digambarkan oleh pepatah Arab zaman jahiliyah yang berbunyi: *"bantulah saudaramu baik dia seorang zalim atau seorang yang dizalimi."*

Minuman keras dan bermain judi merupakan kebiasaan sehari-hari yang sangat meluas di dalam masyarakat dan malah merupakan suatu kebanggaan masyarakat. Gambaran masyarakat itu dibayangkan oleh penyair Tarfah bin Al-Abd:

> *"Seandainya tiada tiga syarat kebanggaan pemuda, hidupku takkan meriah dan aku tak akan menjamu teman sebaya: Bujukan manis si genit jelita berwajah ayu hidangan arak membuih si genit pembuka selera kepingan wang gemercangan menjamu teman seiring wang baru dan sisa peninggalan lama, semuanya ku hamburkan seenak rasa. Aku ingin disanjung dipuja. Akulah jejaka gagah perkasa…*

Manakala pelacuran pula dalam pelbagai bentuknya adalah merupakan tradisi kebanggaan masyarakat jahiliyah itu, bagaimana yang tergambar di dalam hadis riwayat Sayyidatina Aisyah RA:

"Perkahwinan di zaman jahiliyah ada empat jenis:

Pertama:

Perkahwinan seperti yang berlaku di zaman kita, iaitu seorang telaki meminang seorang anak perempuan orang lain yang halal dinikahinya, atau seorang perempuan yang di bawah jagaan orang lain yang menjadi walinya; manakala pihak kedua itu menerima pinangan itu, maka berlangsunglah perkahwinan.

Kedua:

Bahawa si suami berkata kepada isterinya, bila si isteri itu suci dari haidnya: pergilah kau mendapatkan si anu itu dan ambillah keturunannya, lalu si suami itu tidak mensetubuhi isterinya itu sehingga didapatinya bahawa si isteri itu telah

mengandung hasil perhubungan jenis dengan orang yang disuruh ambil keturunannya itu. Dan bila nyata bahawa si isteri telah benar-benar mengandung barulah si suami itu mensetubuhi isterinya itu semula kalau dia mahu. Dia suruh isterinya berbuat demikian kerana dia mahukan seorang anak yang pintar, perkahwinan jenis ini dinamakan "kahwin mencari anak pintar."

Ketiga:

Sekumpulan orang lelaki kira-kira tak sampai sepuluh orang berpakat menyetubuhi seorang perempuan tertentu. Semua mereka melakukan persetubuhan itu (mengikut giliran masing-masing) lalu bila perempuan itu mengandung dan melahirkan anak, dan berlalu beberapa ketika selepas kelahiran anak itu, maka perempuan tadi pun menjemput setiap orang yang terlibat dalam pakatan menyetubuhinya itu dahulu, dan dalam hal ini tiada seorang pun yang dapat mengelak dan melepaskan diri. Setelah ahli-ahli pakatan itu berkumpul semuanya maka perempuan itu pun berkata: "wahai orang lelaki sekalian, kamu semua tentunya telah maklum tentang apa yang kalian lakukan. Nah ini dia aku telah melahirkan anak kalian. Ini anakmu wahai si fulan .... beri namalah anakmu ini sesuka hatimu," lalu diserahkannya anak itu kepada orang yang dipilihnya itu, dan orang itu tidak boleh menolak.

Keempat:

Orang ramai berkumpul untuk menyetubuhi seorang perempuan secara bergilir-gilir (tanpa apa-apa pakatan) dan perempuan itu tidak boleh menolak sesiapa sahaja yang ingin menyetubuhinya. Perempuan itu akan meletakkan secebis kain sebagai tanda di muka pintu rumahnya kalau ada seseorang yang sedang menyetubuhinya (siapa sahaja yang suka boleh menyetubuhinya). Bila perempuan lacur itu mengandung dan melahirkan anak, kumpulan lelaki tadi akan berkumpul dan membuat pakatan serta persetujuan sesama mereka tentang siapakah di antara mereka yang patut menjadi bapa kepada anak itu; dan orang yang dipilih itu- tidak boleh menolak keputusan ramai itu dan mesti sanggup menerima tanggungjawab sebagai ayah si anak itu.

(Hadis riwayat Bukhari di dalam Bab Al-Nikah)

Barangkali ada pula orang berkata: Bahawa Nabi Muhammad SAW boleh menjalankan dakwah reformasi untuk memperbaiki keadaan masyarakat supaya dapat meninggikan tingkatan moral dan membetulkan sendi-sendi perjalanan masyarakat itu serta kemurnian jiwa para anggotanya.

Orang lain pula mungkin berkata: Bahawa pada ketika itu Rasulullah boleh mendapatkan beberapa orang tertentu yang telah dirosakkan oleh masyarakat itu, lalu membimbing mereka menyahut seruan reformasi itu, seperti yang kerap dilakukan oleh tokoh-tokoh reformasi lainnya.

Mungkin ada pula pendapat lain yang mengatakan kalaulah Rasulullah SAW berbuat seperti itu nescaya beliau akan disambut dan disanjung oleh sebahagian besar orang yang masih suci moral dan jiwanya, dan dengan demikian itu tambah mendekatkan penerimaan seruan akidah yang dipeloporinya daripada dicetuskan seruan LA ILAAHA ILLALLAH itu, yang ternyata telah mendapat tentangan hebat sejak dari mula lagi.

Tetapi Allah SWT Maha Mengetahui bahawa itu bukanlah jalannya. Maha Mengetahui bahawa moral dan akhlak yang baik itu tidak akan dapat tegak melainkan di atas asas akidah yang membuat pertimbangan-pertimbangan, dan menetapkan nilai-nilai, seperti juga akidah itulah menetapkan kuasa yang menjadi tempat tegaknya pertimbangan dan nilai itu, dan balasan atau ganjaran yang dimiliki oleh setiap kuasa itu ke atas orang yang patuh atau melanggarnya. Sebelum akidah itu diterapkan dan sebelum kuasa itu ditegakkan, maka nilai-nilai itu menjadi goyang dan tak tetap. Begitu jugalah moral dan akhlak yang didirikan di atas nilai-nilai yang goyang akan menjadi goncang dan canggung; tiada panduan, tiada ganjaran dan tiada kuasa apa pun.

Manakala akidah itu bertapak - tentunya setelah menempuh kesukaran - dan kuasa yang menjadi tapak bagi akidah itu telah tegak, manakala umat manusia itu kenal akan Tuhannya dan mengabdikan diri kepada Tuhannya sahaja manakala umat manusia melepaskan diri daripada kuasa hamba-hamba Tuhan dan kuasa nafsu durjana, manakala LA ILAAHA ILLALLAH meresap ke dalam lubuk hatinya, nescaya Allah akan melakukan semua apa yang disyorkan tadi itu dan nescaya bumi Allah ini akan lepas bebas dari unsur-unsur kuasa Romawi dan Parsi, bukan untuk diambil alih oleh kuasa bangsa Arab tetapi untuk dipastikan bahawa tidak ada yang berkuasa melainkan Allah. Bersihlah bumi ini dari kuasa TAGHUT, seluruhnya, sama ada yang berbangsa Romawi, Parsi, Arab dan lain-lain.

Ketika itu masyarakat seluruhnya akan lepas bebas dari sebarang penganiayaan dan penindasan sosial dan akan tegak berdirilah sistem Islam yang melakukan keadilan mengikut keadilan Allah, melaksanakan pertimbangan-pertimbangan Allah dan dengan pertimbangan ini, mengibarkan bendera keadilan sosial dengan nama Allah sahaja, memakai lambang dan nama ISLAM tanpa diganggu oleh nama-nama yang lain bertulis LA ILAAHA ILLALLAH berkibar megah melindungi masyarakat umat manusia.

Jiwa dan akhlak pun akan bersih, begitu juga hati nurani dan roh, tanpa menungau perintah, tanpa mengharapkan ganjaran, kecuali sekali sekala, kerana pengawasan yang sebenar telah sedia ada di dalam hati kerana semata-mata mergharapkan keridaan Allah serta merindukan kurnia-Nya, malu kepada Allah dan takutkan murka-Nya itulah pengawas yang sebenarnya.

Nilai manusia pun dengan sendiri menjadi tinggi, baik di dalam sistem mahupun di dalam seluruh kehidupan, meningkat ke suatu tingkat yang belum-pernah dicapai dan belum ada taranya, kecuali di bawah panji-panji Islam.

Ini semua boleh berlaku dengan sempurnanya, kerana orang yang menegakkan agama ini di dalam bentuk pemerintahan dan sistem kehidupan, dalam bentuk syariat dan undang-undang, mereka itu semuanya telah pun menegakkan agama itu di dalam hati nurani mereka, di dalam keadaan hidup seharian mereka yang berbentuk akidah, budi pekerti, amal ibadat dan segala urusan hidup yang lain. Mereka menerima satu sahaja janji dalam menegakkan agama ini, janji yang tak boleh dipengaruhi oleh apa jua kuasa pun, janji yang tiada sangkut pautnya dengan kehidupan duniawi ini, iaitu janji syurga dari Tuhan mereka. Janji ini disediakan untuk mereka dalam menghadapi jihad yang hebat itu, dalam mengharungi samudera perjuangan yang luas tak bertepi. Mereka terus menjalankan dakwah, menentang jahiliyah di mana-mana sahaja dengan memakai senjata yang tak akan lapuk di setiap tempat dan ketika, yang paling ditakuti oleh para penguasa di mana sahaja, iaitu senjata LA IL.AAHA ILLALLAH.

Apabila diuji Allah mereka terus bersabar. Apabila jiwa mereka lepas bebas dari rasa kepentingan diri dan apabila Allah telah rmenyaksikan bahawa mereka tidak mengharapkan apa-apa pembalasan jua pun di dalam dunia yang fana ini, walaupun merekalah yang menjayakan dan menjadi punca kemenangan dakwah dan merekalah yang berjuang mendaulatkan agama; manakala hati mereka suci bersih daripada sebarang rasa bangga dengan kebangsaan, bersih dari rasa cinta kepada tanahair, dari keangkuhan keturunan dan keluarga. Ya ... manakala Allah menyaksikan bahawa mereka berkeadaan demikian, nescaya Allah pula akan membuat ketentuan bahawa mereka berhak memegang amanah yang sangat penting itu mereka setia memegang akidah hanya Allah sahaja yang menguasai hati, nadi dan budi mereka, menguasai roh dan harta benda mereka, menguasai dasar dan peraturan hidup mereka. Merekalah pemegang amanah yang setia terhadap kuasa yang dipercayakan kepada mereka untuk menegakkan syariat Allah SWT. Mereka laksanakan mengikut garis panduan yang sebenar, tanpa sebarang penyelewengan pun, untuk menolong teman-teman mereka dan kaum keluarga yang dikasihi, untuk membantu anak bangsa sendiri, kerana kuasa yang ada di tangan mereka adalah kepunyaan Allah SWT.

Program yang agung ini tidak akan dapat dilaksanakan kecuali bila dakwah dapat menguasai keadaan dan mengibarkan bendera bertuah itu, bendera LA ILAAHA ILLALLAH juga bila dakwah itu sanggup melalui jalan yang berliku-liku dan susah pada pandangan kasar tapi sangat diberkati dan mudah sahaja pada hakikatnya.

Program ini tidak akan jadi murni kerana Allah kalau dakwah itu memulakan langkah sulungnya dengan dakwah bercorak kebangsaan atau bercorak sosial atau berupa seruan ke arah kebaikan moral atau mengibarkan bendera dan panji-panji yang lain daripada LA ILAAHA ILLALLAH.

Demikianlah halnya ayat-ayat Al-Quran zaman Mekah itu seluruhnya dalam menerapkan pengaruh LA ILAAHA ILLALLAH ke dalam hati dan fikiran manusia, dengan memilih jalan ini, walaupun ianya merupakan jalan yang penuh susah dan derita pada lahirnya dan tidak memilih jalan sampingan yang lain.

Adapun halnya Al-Quran ayat Makiyah itu mengulas hal-hal iktikad sahaja tanpa menoleh kepada perincian sistem yang menjadi landasan kepadanya dan kepada masalah perundangan yang mengatur urusan mu'amalah, maka hal ini patutlah menjadi bahan renungan secara serius oleh para pendakwah ke arah agama ini.

Sesungguhnya bentuk dan tabiat agama ini sendiri yang membuat ketentuan ini kerana ia adalah suatu “din” atau agama yang tegak di atas dasar mengesa dan mentauhidkan Allah dasar tauhid yang menjadi umbi segala sistem dan peraturannya sepertilah sepohon kayu yang besar, berdaun rendang, berdahan rimbun, melambai-lambai ke udara mesti ada akar tunjang yang menjunam jauh,di perut bumi, memakan ruang yang sangat luas dan jauh, sesuai dengan besar dan rendangnya pokok itu demikian jugalah agama ini; peraturannya meliputi seluruh aspek hidup, mengatur dan memandu urusan hidup manusia, yang besar dan yang kecil dan malah lebih dari itu lagi ia mengatur penghidupan manusia di alam abadi, di akhirat, bukan setakat alam nyata yang dapat dirasa dan diraba dengan pancaindera kasar semata, malah juga meliputi alam yang serba sulit dan tersembunyi, alam ghaib yang tak terjangkau oleh daya manusia yang serba lemah ini tidak terbatas di dalam urusan kebendaan semata, tapi juga menjangkau alam fikiran dan khayalan, alam hati dan perasaan yang serba sulit dan aneh.

Ini adalah sebahagian sahaja dari rahsia dan bentuk asli agama ini iaitu program pembinaan akidah yang meliputi segenap jurusan dan lapangan kehidupan, bagaikan sebatang pokok besar yang punya akar tunjang yang terhunjam di perut bumi, sesuai dengan dahan dan daunnya yang subur dan gah di tengah-tengah peredaran udara.

Manakala akidah LA ILAAHA ILLALLAH itu meresap di lubuk hati, nescaya akan meresap pulalah peraturan-peraturan yang dibawa oleh LA ILAAHA ILLALLAH itu dan terjelmalah wujudnya sebuah peraturan tunggal yang telah diridai oleh jiwa yang telah diresapi oleh akidah itu dan jiwa itu rela menyerah kepada sistem itu walaupun tanpa huraian yang lanjut tentang sistem-sistem dan perundangan yang lain.

Penerimaan itu tidak perlu kepada huraian tentang segala pendetailan, malah cukup dengan diberitahu dan disampaikan sahaja peraturan itu, maka ia terus diterima dengan baik, dengan penuh kerelaan dan kepatuhan. Demikianlah terbatalnya kebiasaan suka minum arak, riba, bermain judi dan lain-lain kebiasaan jahiliyah, terbatal dengan semata-mata turunnya Ayat Al-Quran atau pun dengan sepatah sabda Rasulullah SAW sedangkan kerajaan-kerajaan sekular berusaha sedaya upaya menguat-kuasakan undang-undang melalui alat-alat sebaran am dan melalui kuasa polis dan tentera, tapi tidak mencapai hasil yang memuaskan malah masyarakat semakin berleluasa melanggar undang-undang yang telah dikuat kuasakan itu.

Suatu sudut lain dari tabiat agama ini menjelma dalam program yang tegas ini, iaitu bahawasanya agama ini ialah suatu program yang praktikal, bergerak dan

serius. Ia didatangkan untuk menguasai kehidupan dan realitinya dan untuk berdepan dengan realiti, sama ada, menerima, meminda atau mengubahnya dari akar umbinya. Dari sini bolehlah disimpulkan bahawa program agama ini tidak membuat peraturan melainkan untuk keadaan yang benar-benar berlaku di dalam sebuah masyarakat yang mengakui bahawa kekuasaan itu hanya kepunyaan Allah semata-mata.

Program itu bukanlah suatu "teori" yang melayani "andaian-andaian" tertentu, bahkan ia adalah suatu program yang memandu "realiti". Oleh kerana itu maka yang paling utama sekali ialah wujudnya terlebih dahulu sebuah masyarakat yang mengakui: bahawa tiada Tuhan melainkan Allah (LA ILAAHA ILLALLAH) dan mengakui bahawa tiada kekuasaan melainkan kepunyaan Allah SWT sahaja dan menolak sebarang bentuk kekuasaan selain dari Allah dan menolak sebarang pandangan yang tidak dibangunkan di atas kaedah ini.

Bila sahaja masyarakat Islam itu wujud dan mempunyai kehidupan yang nyata, maka pada ketika itulah ia perlu dan berhajat kepada peraturan dan sistem undang-undang bagi suatu kelompok manusia yang sudah sedia patuh kepada perintah dan undang-undang Allah sahaja dan menolak sebarang peraturan dan undang-undang yang lain daripadanya.

Orang-orang yang beriman dan yakin kepada akidah ini mestilah punya kekuasaan atas diri mereka sendiri dan atas masyarakat mereka yang menjamin terlaksananya sistem dan undang-undang di dalam masyarakat itu sehingga sistem itu mempunyai kehebatannya dan undang-undang itu mempunyai keluhurannya selain daripada bahawa masyarakat itu mempunyai realitinya sendiri.

Orang-orang Islam di zaman Mekah tidak punya kekuasaan atas diri mereka dan juga atas masyarakat mereka. Mereka tidak punya kenyataan hidup dan realiti yang tersendiri yang mereka dapat mengatumya menurut syariat Allah. Oleh kerana itu di peringkat ini Allah SWT tidak menurunkan undang-undang dan sistem kemasyarakatan malah Allah SWT menurunkan wahyu yang berkaitan dengan urusan kepercayaan dan moral yang menjelma dari akidah. Tetapi sebaik sahaja orang-orang Islam itu mempunyai sebuah negara yang berkuasa dan berdaulat di Madinah, Allah SWT pun menurunkan wahyu mengenai peraturan-peraturan hidup dan undang-undang, mengenai sistem pemerintahan dan sebagainya yang mengatur bagaimana memenuhi hajat masyarakat Muslim yang praktikal dan yang dijamin pelaksanaannya oleh Negara.

Allah tidak hendak menurunkan ayat-ayat mengenai peraturan hidup dalam periode kehidupan mereka di Mekah supaya mereka simpan sebagai bekal dan persediaan bagi dilaksanakan bila sahaja berdiri negara Islam di Madinah kelak; kerana itu bukanlah tabiat agama ini, juga kerana agama ini lebih praktikal daripada itu, dan lebih serius lagi. Agama ini tidak membuat masalah-masalah andaian untuk dicari-cari penyelesaiannya di dalam khayalan, malah ia menghadapi kenyataan di mana saja ada masyarakat Islam yang rela tunduk kepada panduan Ilahi dan

menolak sebarang panduan yang lain daripadanya, dalam setiap keadaan dan suasana dan dalam setiap bentuk dan rupa.

Orang-orang zaman sekarang yang mendesak supaya Islam mengemukakan teori-teori mengenai sistem perundangan yang lengkap, supaya Islam membentuk dasar-dasar penyelesaian masalah-masalah yang mungkin timbul; sedangkan di bumi ini tiada lagi sebuah masyarakat yang telah memutuskan untuk patuh kepada perintah Allah dan menolak sebarang peraturan dan undang-undang selain dari syariat Allah, sedang mereka mempunyai kuasa untuk melaksanakannya; orang-orang seperti itu, yang mendesak dan mencabar Islam berbuat demikian, adalah sebenarnya orang-orang yang tidak faham hakikat Islam dan bagaimana. Islam itu bergerak di dalam hidup seperti yang dikehendaki oleh Allah.

Orang-orang seperti itu adalah orang-orang yang hendak mengubah tabiat, program dan sejarah agama ini; orang-orang yang hendak mengubah bentuk sejarah Islam supaya Islam ini sama setaraf dengan teori-teori bikinan manusia, sebaya dengan program ciptaan manusia. Mereka juga adalah orang-orang yang cuba memesongkan Islam dari landasannya yang sejati dan dari jalannya yang asli semata-mata untuk menyahut dan memenuhi kehendak semasa dalam diri mereka, sebagai kehendak yang timbul dari kekecewaan jiwa mereka sendiri, kekecewaan mereka menghadapi konsep dan sistem-sistem bikinan manusia yang tidak mampu mereka hadapi. Mereka bermaksud supaya Islam ikut jadi kerdil seperti jiwa mereka supaya Islam jadi suatu teori yang penuh dengan andaian-andaian yang menggelikan, untuk menghadapi masa depan yang tidak wujud, sedangkan Allah menghendaki supaya agama ini mengikut kehendak-Nya. Allah menghendaki supaya Islam menjadi suatu akidah dan keyakinan hidup yang memenuhi ruang hati, yang menguasai budi dan nadi, akidah yang menentukan bahawa manusia tidak boleh tunduk selain kepada Allah sahaja dan tidak menerima peraturan hidup dan undang-undang yang lain dari peraturan dan undang-undang Allah. Sesudah adanya manusia yang inilah akidah mereka dan sesudah mereka mempunyai kuasa yang mutlak di dalam masyarakat mereka maka bermulalah wujudnya undang-undang untuk memenuhi hajat mereka dan mengatur kehidupan mereka yang praktikal (bukan teori sahaja).

Inilah dia bentuk yang dikehendaki oleh Allah mengenai agama ini dan sekali-kali tidak akan berlaku melainkan apa yang dikehendaki oleh Allah walau apa jua pun keinginan manusia!

Itu semuanya hendaklah difahami oleh para pendakwah Islam ketika mereka menyeru manusia untuk kembali menegakkan agama ini; perlulah mula-mula sekali manusia itu diseru dan didakwahkan supaya menganut akidah ini, hatta kepada orang-orang yang mendakwa diri mereka muslim dan sijil kelahiran mereka mencatatkan bahawa mereka orang-orang Islam! Pendakwah-pendakwah itu wajib mengajar manusia itu bahawa Islam itu "mula-mula sekali/pertama sekali" ialah mengaku dan berikrar dengan sebenarnya akan akidah LA ILAAHA ILLALLAH mengikut maknanya yang hakiki, iaitulah: mengembalikan hak memerintah kepada Allah sahaja di dalam seluruh urusan, mereka, dan menghalau keluar setiap orang

yang melanggar kekuasaan Allah dengan mendakwa bahawa hak memerintah itu adalah kepunyaan mereka (dan bukan kepunyaan Allah). Mengaku dan berikrar dengan sungguh-sungguh, pengakuan dan ikrar yang melekat di lubuk hati dan menjelma di dalam kenyataan dan realiti hidup mereka.

Hendaklah persoalan ini menjadi asas mendakwah manusia ke jalan Islam kerana persoalan ini telah pun menjadi asas mendakwah manusia ke jalan Islam untuk pertama kali dahulu dakwah yang telah diselenggarakan oleh Ayat-Ayat Al-Quran zaman Mekah sepanjang tiga belas tahun genap. Dan apabila agama ini dianut oleh sekumpulan manusia berdasarkan fahamannya yang sebenar - maka kumpulan itu yang diberi nama "masyarakat Islam" iaitu masyarakat yang cukup kelayakan untuk menghayati sistem Islam dalam kehidupan mereka bermasyarakat, sebab mereka telah berikrar untuk hidup di atas asas ini seluruhnya dan tidak menerima kuasa pemerintahan yang lain atas kehidupannya selain daripada kuasa dan perintah Allah.

Apabila masyarakat itu telah wujud, maka bemulalah usaha mengemukakan sistem ini kepada mereka dan masyarakat itu mula mengadakan undang-undang untuk memenuhi keperluan realiti hidup mereka, dalam lingkungan prinsip-prinsip umum dalam sistem Islam. Sesungguhnya inilah penyusunan yang benar dan teratur untuk langkah-langkah sistem Islam yang praktikal dan serius.

Munykin juga terkhayal kepada orang-orang yang ikhlas kepada agama ini, yang hendak menempuh proses yang paling singkat iaitu orang-orang yang tidak memikir dan memberikan perhatian yang mendalam kepada tabiat agama ini, dan tabiat programnya yang berlandaskan panduan Ilahi yang lulus yang diasaskan atas kebijaksanaan Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana, yang tahu benar akan tabiat manusia dan kepeduan hidupnya. Kepada mereka kita katakan: Setengah mereka mengkhayalkan bahawa dengan mengemukakan dasar-dasar sistem Islam - bahkan peraturan-peraturan dan undang-undang Islam - kepada orang, maka dakwah ini akan lurus jalannya, dan dapat menarik mereka mengasihi agama ini!

Sikap dan khayalan seperti ini adalah suatu waham kekeliruan yang berpunca dari kegopohan! Kekeliruan yang sama dengan kekeliruan yang dikemukakan oleh setengah orang: bahawa dakwah ini lebih baik didasarkan kepada dasar kebangsaan, atau dasar perubahan masyarakat, atau dasar moral dan susila, untuk memudahkan jalannya!

Sesungguhnya hati itulah yang wajib diikhlaskan kepada Allah, yang mesti dimurnikan supaya sanggup berbuat - apa sahaja kerana Allah semata-mata, mesti disuci bersihkan supaya membuat deklarasi bahawa ia mengabdikan diri hanya kepada Allah sahaja, dengan cara menerima agama Allah sahaja, dan menolak agama yang lain dari agama Allah, menolak peraturan hidup dan undang-undang yang lain dari peraturan dan undang-undang Allah sebagai prinsip sebelum daripada hati itu diberitahu tentang perincian peraturan dan undang-undang yang lain.

Kerelaan itu mesti dicetuskan dari rasa ikhlas mengabdikan diri kepada Allah semata-mata dan membebaskan hati itu daripada sebarang kekuasaan yang lain daripada Allah, bukan berdasarkan sistem yang dibawanya lebih baik daripada sistem yang lain, yang dikemukakan secara terperinci.

Sistem dan peraturan Allah itu yang paling baik pada zatnya, kerana sistem dan peraturan itu bersumber dari Allah SWT sendiri; manakala sistem dan peraturan bikinan hamba-hamba Allah sampai bila pun tidak akan mampu menandingi sistem dan peraturan Allah. Tetapi ini bukanlah asas dakwah ini kerana telah menjadi kaedah bagi dakwah ini bahawa menerima syariat Allah sepenuhnya, di mana dan bila mana pun, di samping menolak semua sistem dan peraturan yang tidak bersumber daripada Allah, dalam bentuk mana jua pun itulah intisari Islam yang sebenarnya dan Islam tidak punya pengertian yang lain daripada ini. Sesiapa sahaja yang menerima Islam pada prinsipnya, maka bererti dia telah membuat keputusan mengenainya dan tak perlu lagi diberi penjelasan tentang kebaikan dan keistimewaan sistem Islam. Sesungguhnya ini adalah merupakan formula utama iman!

Kemudian daripada itu, maka perlu pula kita memperkatakan bagaimanakah ayat-ayat Al-Quran zaman Mekah itu telah menghurai dan mengatasi masalah akidah dalam tempoh tiga belas tahun itu. Ayat-ayat Al-Quran zaman Mekah itu tidak mengemukakan persoalan ini dalam bentuk teori dan juga dalam bentuk ilmu ketuhanan (theology) dan tidak pula dalam bentuk perdebatan seperti yang kita kenal dalam ilmu TAUHID zaman sekarang.

Bukan demikian! Sesungguhnya Al-Quranul Karim itu telah bercakap dan mengajar "fitrah" dan sifat semula jadi manusia itu mengenai segala sesuatu berkaitan dengan wujudnya dan juga wujud sekitarnya yang berupa dalil-dalil dan petunjuk-petunjuk Al-Quran mengelakkan fitrah manusia daripada terkena karat dan sentiasa membersihkan setiap anggotanya daripada dihinggapi sesuatu yang mencatat dan menggendalakan tugasnya; malah ia sentiasa membuka lebar pintu fitrah itu untuk dapat menerima petunjuk petunjuknya yang berkesan.

Ini adalah penjelasan secara umum sahaja.

Adapun penjelasan secara khususnya maka Al-Quran itu sentiasa membawa akidah itu menempuh perjuangan hidup yang praktikal. Ia membawanya ke tengah gelombang perjuangan menentang sebarang gangguan yang akan merosakkan fitrah anak Adam yang sedia ada dan berlaku dan dari sini maka cara teori bukanlah suatu cara yang sesuai dengan keadaan yang berlaku ini; bahkan ia merupakan suatu cara konfrontasi terbuka terhadap halangan dan rintangan serta benteng-benteng dan pagar-pagar serta segenap bentuk penghalang dari segi jiwa dan benda di dalam diri yang sedia ada. Ia juga bukan suatu jenis perbandingan fikiran berdasarkan logik yang terang seperti yang dijalani oleh kaedah ILMU TAUHID di zaman mutaakhir ini sebab Al-Quran sentiasa membawa manusia berhadapan dengan kenyataan yang berbagai bentuk dan berdebat dengan segala simpang siur kemanusiaan dalam mengharungi kenyataan ini. Demikianlah juga ilmu theology

bukanlah suatu contoh yang sesuai; kerana akidah Islamiyah itu, walaupun ianya suatu akidah, ia juga membawa program hidup berlandaskan realiti dan praktikal. Ia tidak tersorok di sudut yang sempit di tempat mana tersembunyinya teori-teori ala theology.

Ketika Al-Quran itu membina akidah di dalam hati nurani masyarakat pada waktu yang sama pula ia sama-sama mengharungi perjuangan menentang masyarakat jahiliyah, berbimbingan tangan dengan masyarakat Islam; seperti mana ia berbimbingan tangan dengan masyarakat Islam itu mengharungi perjuangan hebat mengikis sisa-sisa jahiliyah dari hati nurani manusia, dari moral dan realiti hidup mereka dan dari percaturan inilah lahirnya pembinaan akidah itu, bukan dalam bentuk "teori" dan tidak pula dalam bentuk "theology" serta bukan dalam bentuk "perdebatan" tetapi dalam bentuk perkumpulan anggota yang hidup dan penyusunan organisasi yang langsung mengenai kehidupan yang terjelma di dalam jemaah Muslimin itu sendiri; manakala pertumbuhan jemaah Muslimin di dalam gambaran iktikadnya dan dalam kenyataan hidupnya sesuai dengan gambaran ini, dan dalam latihannya menghadapi jahiliyah sebagai organisasi yang bermusuhan dengannya.dan pertumbuhan ini sendirinya menjadi sebaik-baik contoh dalam perkembangan pembinaan akidah dan terjemahan yang hidup kepadanya. Dan inilah program Islam yang menggambarkan tabiatnya yang sebenar.

Para pendakwah perlu memerhati tabiat agama ini dan cara pergerakannya seperti yang kita huraikan tadi, supaya mereka mengerti benar bahawa peringkat pembinaan akidah yang telah memakan masa begitu panjang sekali di Mekah itu tidak sama sekali terpisah daripada peringkat pembentukan dasar yang praktikal bagi gerakan Islam, dan pembinaan yang praktikal bagi Jamaah Muslimin (masyarakat Islam). Peringkat ini bukanlah peringkat menerima teori, tapi peringkat pembinaan asas bagi akidah Jamaah dan juga bagi gerakan dan wujud yang praktikal sekaligus. Inilah yang sayugia ada setiap ahli masyarakat Islam itu hendak dibentuk.

Demikianlah sayugia diperhati mengapa pembinaan akidah telah memakan masa yang begitu panjang dan bagaimana langkah-langkah telah berjalan dengan perlahan-lahan. Kemudian begitulah juga peringkat pembinaan akidah itu dijalankan bertahap-tahap tanpa memandang kepada sebarang kajian supaya akidah itu menjelma dalam suatu gerakan yang hidup menghadapi jahiliyah dan bertarung dengannya dalam satu pertempuran dalam hati dan realiti hidup.

Memang salah dan keliru sekali, sepanjang hubungan dengan Islam, bahawa akidah itu diputar menjadi teori bagi bahan kajian semata-mata. Malah hal yang demikian merupakan ancaman besar kepada kemurniannya.

Ayat-ayat Al-Quran zaman Mekah tidak payah mengambil masa tiga belas tahun kerana ia baharu sahaja diturunkan pertama kali, kalau Allah kehendaki, nescaya diturunkan-Nya Al-Quran sekaligus sahaja, kemudian ditinggalkan kepada para sahabat mengkaji dan mempelajarinya dalam tempoh tiga belas tahun atau lebih, sehingga mereka benar-benar matang dalam teori Islam. Tetapi Allah SWT

kehendaki sesuatu yang lain dari itu. Allah SWT kehendaki supaya ia punya suatu jalan dan program yang tersendiri, supaya membentuk sebuah jamaah dan membina satu gerakan serta menegakkan satu akidah di satu masa yang sama. Allah kehendaki supaya dibina sebuah jamaah yang bergerak dengan berpandukan akidah, juga supaya akidah itu dibina melalui jamaah dan melalui gerakan. Allah kehendaki supaya akidah itu menjadi kenyataan hidup jamaah itu, dalam amalan dan praktiknya dan supaya kenyataan hidup jamaah itu benar-benar menggambarkan akidah mereka. Allah SWT juga Maha Mengetahui bahawa pembinaan jiwa dan jamaah itu tidak akan sempurna dalam tempoh satu malam sahaja. Yang demikian maka tak dapat dihindarkan lagi bahawa pembinaan akidah itu memakan masa yang sama dengan masa yang diambil untuk membentuk jiwa jamaah itu; supaya apabila sahaja matang akidah maka jamaah itu merupakan gambaran praktikal kepada kematangan ini.

Inilah dia tabiat agama ini, bagaimana yang dapat disimpulkan daripada program Ayat-Ayat Al-Quran zaman Mekah. Kita perlulah mengenai tabiat ini dengan bersungguh-sungguh dan jangan sekali-kali kita cuba mengubahnya semata-mata kerana hendak memenuhi keinginan-keinginan yang gegabah dan lumpuh berhadapan dengan beraneka-ragam teori bikinan manusia! kerana dengan cara inilah telah diadakan umat Islam pertama kali dan dengannya sahaja akan diadakan umat Islam di tiap-tiap kali ia hendak diadakan.

Kita perlu mengerti benar bahawa sebarang penyelewengan dari kaedah ini bererti penyelewengan terhadap konsep pembentukan masyarakat ulung semata-mata kerana kita hendak menghadapi teori-teori bikinan manusia yang lemah itu.

Sesungguhnya akidah Islamiyah itu hidup di dalam jiwa yang hidup dan di dalam organisasi yang praktikal. Hidup dalam menyusun masyarakat yang bergerak bergelumang dengan jahiliyah yang ada di sekelilingnya, seperti mana ia bergelumang dengan jahiliyah yang ada dalam diri anggotanya sendiri kerana mereka itu adalah dari golongan jahiliyah sebelum mereka diresapi oleh akidah Islamiyah - dan dengan gambaran ini mereka bergelumang dengan mengambil ruangan di hati dan fikiran dan kehidupan juga - yang mana ruangannya lebih besar, luas dan menyeluruh daripada ruangan yang digunakan oleh teori; dengan ertikata yang lain ia meliputi ruangan teori dan bahan kajian.

Sesungguhnya konsep Islam terhadap konsep ketuhanan, terhadap alam semesta ini, terhadap kehidupan dan manusia itu sendiri adalah merupakan suatu konsep yang menyeluruh dan sempurna, dan ia juga suatu konsep yang nyata lagi positif. Ia tidak suka dijadikan bahan kajian secara teori sahaja kerana ini berlawanan dengan tabiat dan tujuannya. Ia suka supaya ia dijelmakan dalam diri manusia, dalam organisasi yang hidup dan dalam gerakan yang praktikal. Dan caranya dalam pembentukannya ialah bahawa ia berkembang melalui manusia organisasi yang hidup, gerakan yang praktikal sampailah ia sempurna dari segi teorinya di waktu yang sama ia sempurna dari segi praktiknya dan tidak berpisah dalam bentuk gambaran (theory) malah ia sentiasa menjelma dalam gambaran praktikal yang bergerak.

Setiap pertumbuhan yang berdasar kepada teori (teoritis) yang mendahului pertumbuhan yang praktikal yang tidak menjelma melaluinya di waktu sama adalah merupakan suatu kesilapan dan bahaya yang mengancam pembentukan jamaah Islam, berbanding kepada tabiat agama in, dan tujuannya serta cara susunannya.

Allah berfirman:

وَقُرْآناً فَرَقْنَاهُ لِتَقْرَأَهُ عَلَى النَّاسِ عَلَى مُكْثٍ وَنَزَّلْنَاهُ تَنْزِيلاً

Maksudnya: dan Al-Quran itu kami bahagi-bahagikan dia supaya engkau bacakan dia kepada manusia dengan lambat-tenang dan kami turunkan dia dengan-beransur-ansur.

(Al-Israa: 106)

Turunnya Al-Quran secara dibahagi-bahagi dan beransur-ansur itu adalah suatu hal yang telah disengajakan dengan sesuatu maksud tertentu, dan suruhan membacanya kepada manusia dengan lambat tenang pun juga suatu hal yang sengaja telah diatur, supaya sempurnalah pembinaan dan penyusunan yang terdiri dari akidah, konsep dan organisasi yang hidup, bukan dalam gambaran teori.

Setiap penganut agama ini mestilah faham dengan baiknya bahawa oleh sebab pada hakikat Islam itu adalah agama yang bersumber daripada Allah SWT maka program dan cara melaksanakan kerjanya pun adalah sumber dari A1lah SWT dan sama sekali tidak boleh dipisahkan agama ini dengan program melaksanakan kerjanya, selaras dengan tabiat agama ini.

Mereka juga mesti faham bahawa agama ini, sebagaimana ia datang untuk mengubah konsep kepercayaan dan kenyataan hidup, maka ia juga datang untuk merombak dasar iktikad dan kepercayaan masyarakat. Ia datang untuk membina akidah pada masa ia sedang membina umat. Kemudian diadakan suatu program pemikiran yang khusus tersendiri selaras dengan mengadakan konsep di bidang kepercayaan dan realiti hidup. Tiada pemisahan antara keduanya, kerana keduanya adalah satu sahaja. Bila sahaja kita mengenal program kerja seperti yang telah kita terangkan tadi, maka tahulah kita bahawa program ini adalah tetap dan bukan untuk sesuatu situasi, bukan untuk suatu keadaan khusus untuk perkembangan Jamaah Islamiyah yang pertama sahaja. Ia adalah program yang menjadi landasan agama di setiap masa.

Bukanlah tugas Islam untuk mengubah akidah dan kenyataan hidup sahaja; malah tugasnya lebih jauh dari itu, iaitu mengubah program dan dasar berfikir mereka dan juga dasar pandangan dan sikap mereka. Ini adalah justeru kerana Islam itu adalah satu program Ilahi, berlainan sama sekali dengan program manusia yang lemah dan cacat itu.

Kita tidak akan mampu sampai kepada konsep Islam yang berlandaskan ajaran ALLAH SWT kecuali bila kita sanggup melalui program berfikir yang digariskan oleh Allah SWT.

Seandainya kita inginkan supaya Islam itu menjadi suatu teori sahaja bagi dijadikan bahan kajian, maka berertilah kita hendak menyelewengkan Islam itu dari tabiat dan program ciptaan Tuhan sendiri dan menundukkan Islam itu di bawah program pemikiran ciptaan manusia seolah-olah kita cuba hendak menganggap bahawa program ciptaan Tuhan itu lebih rendah daripada program bikinan manusia dan seolah-olah kita hendak menaikkan taraf program Allah di dalam konsep dan aktiviti untuk diselaraskan dengan program hamba (manusia)!

Kalaulah sampai sebegini keadaannya, maka akibatnya terlalu buruk dan kehancurannya telah nyata.

Memang telah menjadi salah satu tugas program agama Allah SWT untuk memandu kita, sebagai pendakwah-pendakwah Islam, ke arah suatu sistem berfikir yang khusus akan menjauhkan kita daripada sisa-sisa pemikiran ala jahiliyah yang sedang menguasai dunia sekarang ini yang menekan fikiran kita dan meresap masuk ke dalam kebudayaan kita dan kalau kita inginkan supaya Islam mengambil agama ini dengan cara berfikir yang berasingan daripada hakikatnya yang murni itu, iaitu dengan cara pemikiran jahiliyah yang sedang berpengaruh, maka bererti kita telah membatalkan tugas yang telah diutuskan untuk disampaikan kepada manusia dan mengecewakan diri kita dari mendapat peluang selamat daripada tekanan sistem jahiliyah yang sedang berkuasa dewasa ini dan peluang selamat dari sisa-sisanya di dalam otak dan diri kita sendiri. Dari segi ini bahayanya sangat besar dan kekecewaannya membawa maut.

Sesungguhnya program berfikir dan bergerak dalam pembinaan Islam itu tidak kurang nilai dan tidak kurang mustahaknya daripada program akidah dan sistem hidupnya. Tiada pemisahan antara satu sama lain. Apa jua lintasan fikiran kita untuk mengemukakan konsep dan sistem ini dalam perkataan dan sebutan adalah wajib kepada kita supaya tidak hilang dari fikiran kita bahawasanya ini tidak akan melahirkan Islam yang sebenarnya di bumi ini dalam gambaran gerakan yang nyata: malah mesti tidak terpisah dari pemikiran kita bahawa tidak akan memberi faedah kepada kita mengemukakan Islam dengan cara ini (perkataan dan sebutan) melainkan orang-orang yang benar-benar menghayati gerakan kelslaman di dalam kenyataan; dan pencapaian maksima daripada mengemukakan Islam dengan cara ini (perkataan dan sebutan) tidak lebih daripada sekadar mana mereka menghayati gerakan itu.

Sekali lagi saya ulangi bahawasanya konsep iktikad wajib dijelmakan serta merta dalam gerakan organisasi dan organisasi itu pula hendaklah sekaligus merupakan penjelmaan yang sebenarnya dan garrbaran yang nyata dari konsep iktikad itu.

Saya ulangi sekali lagi dan sekali lagi saya ulangi bahawa inilah dia program semula jadi bagi Islam yang berlandaskan ajaran Ilahi. Ia adalah suatu sistem yang agung dan perkasa, lebih berkesan dan paling sesuai dengan fitrah kemanusiaan daripada sistem-sistem yang direkabentuk oleh teori-teori yang dianggap sempurna dan bersendiri kemudian dikemukakannya dalam bentuk pemikiran yang kaku kepada manusia, sedangkan mereka itu belum lagi berkecimpung di dalam gerakan yang nyata; dan sebelum mereka itu merupakan pelaksana yang hidup yang sedang berkembang langkah demi langkah untuk menjelaskan teori-teori itu.

Jikalaulah perkara ini sudah pasti dalam asas teorinya, maka dengan sendirinya dia lebih pasti lagi dalam masa mengemukakan prinsip-prinsip sistem yang konon terjelma di dalamnya konsep Islam, atau pun mengemukakan perundangan yang terperinci untuk sistem ini.

Sesungguhnya suasana jahiliyah yang sedang melingkungi kita, sebagaimana ia telah menekan saraf banyak orang yang pada mulanya ikhlas dan jujur dalam menggerakkan dakwah Islamiyah, hingga menyebabkan mereka tergesa-gesa melangkaui peringkat program Islam; maka kerap kali ianya (sistem jahiliyah) meletakkan mereka (pendakwah) dalam keadaan serba salah, umpamanya mengemukakan pertanyaan seperti ini: Mana dia perincian program yang kalian dakwahkan? Apakah persediaan yang telah kalian buat untuk melaksanakannya? Adakah ia sudah dibuat melalui saluran kajian ilmiah? Dan adakah peraturan Islam selaras dengan peraturan yang kemas kini? Seolah-olah mereka beranggapan bahawa asas kelemahan bagi terlaksananya hukum-hukum Islam di zaman ini semata-mata berpunca dari hukum fiqah yang kurang lengkap dan tidak kemas kini dan seolah-olah mereka sendiri pula ikhlas dan rela menerima untuk menegakkan kekuasaan Allah bila sahaja terdapat para mujtahid yang sanggup membuat kajian dan rumusan selaras dengan perkembangan zaman moden ini dan rela menerima kekuasaan Allah dan mematuhi syariatNya tapi yang kurang lagi bahawa mereka tidak dapati para mujtahidin yang menyusun syariat dengan cara moden. Ini adalah suatu ejekan sinis yang mesti ditepis oleh setiap orang yang merasakan behawa agama ini mempunyai kehormatan!

Sesungguhnya jahiliyah tidak bertujuan lain dengan mengemukakan soalan yang menimbulkan serba salah ini selain daripada hendak mencari helah untuk menolak syariat Allah dan mengekalkan pengabdian antara sesama umat manusia dan bertujuan hendak memesongkan Jamaah Islamiyah dari sistem Ilahi dan bertujuan membawa mereka rela melangkaui tahap pembinaan akidah dan konsep gerakan, dan hendak menyekat sistem para pendakwah dari tabiatnya yang terjelma di dalam teori-teori di samping kerja-kerja harian mereka dan terjelma bayangan-bayangan sistem di samping pelaksanaan, dan memperundangkan peraturan-peraturan untuk menghadapi kehidupan Islamiyah yang praktikal dengan problem-problem yang berlaku.

Dengan demikian maka adalah menjadi tugas para pendakwah Islam supaya jangan melayan putar belit ini, untuk menangkis penyusupan musuh Islam dan juga untuk menolak sebarang bisikan konsep dan pandangan hidup yang asing terhadap

gerakan dan agama mereka; dan adalah menjadi tugas suci mereka untuk tidak menganggap enteng kepada mereka yang tidak yakin.

Para pendakwah Islam juga berkewajipan membongkar segala jenis putar belit yang bertujuan meletakkan mereka dalam keadaan serba salah. Mereka mestilah menolak sindiran yang sinis tadi dalam apa yang disebut orang "Pembaharuan Fiqah Islam" di dalam sebuah masyarakat yang tidak mahu tunduk kepada syariat Islam dan tidak mahu menolak syariat dan undang-undang yang lain daripada Islam. Adalah menjadi tanggungjawab mereka menolak percubaan yang bertujuan melengah-lengahkan kerja yang serius ini; melengahkannya dengan cara menabur benih di awang-awangan, dan mereka juga hendaklah menolak penipuan yang buruk ini.

Mereka juga mesti bertindak mengikut garis agama dalam menjalankan gerakan mereka kerana inilah rahsia kekuatan agama itu dan inilah juga punca kekuatan mereka sendiri.

Sesungguhnya "program"(sistem) Islam itu berdiri bersama-sama dengan "hakikat". Kedua-duanya tidak boleh dipisahkan. Setiap program yang asing tidak akan mampu melaksanakan Islam di peringkat penyudahnya. Program-program yang asing itu hanya akan mampu melaksanakan program bikinan manusia sahaja. Ia tidak akan mampu melaksanakan program kita. Sesungguhnya berpegang teguh dengan program adalah satu hal yang mustahak seperti mana mustahaknya berpegang teguh kepada akidah itu sendiri dan seperti mana wajibnya berpegang dengan sistem dalam setiap gerakan Islamiyah.

Allah memberi jaminan dengan firman-Nya:

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يِهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ

Maksudnya: "Sesungguhnya Al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang lebih lurus."

(Al-Isra: 9)

نشأةالجتمع المسلم وخصاىٔصه

MASYARAKAT ISLAM

PERTUMBUHAN DAN CIRI- CIRINYA

Sesungguhnya dakwah Islamiyah yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW adalah merupakan mata rantai terakhir dari rangkaian dakwah dan seruan ke jalan Islam yang telah berjalan lama dan jauh di bawah pimpinan para Rasul dan utusan-utusan Allah yang mulia dan dakwah ini di sepanjang sejarah wujud manusia adalah mempunyai sasaran dan matlamat yang satu sahaja, iaitu memandu manusia supaya mengenal Tuhan mereka yang Maha Esa dan Yang Maha Benar, supaya mereka menyembah dan mengabdikan diri kepada Tuhan Yang Maha Esa itu sahaja serta melempar jauh dari sebarang tuhan dari sesama jenis makhluk. Pada keseluruhannya umat manusia itu, kecuali beberapa gelintir dan untuk sementara sahaja, tidak ingkar dan dasar ketuhanan dan tidak menafikan wujudnya Tuhan; tetapi mereka sama ada tersalah pilih di dalam peringkat mengenal hakikat Tuhan yang sebenar, atau pun mereka sekutukan Tuhan yang sebenar itu dengan tuhan-tuhan yang lain pula, sama ada di dalam bentuk ibadat dan akidah kepercayaan, atau pun di dalam bentuk ketaatan dan kepatuhan di bidang pemerintahan dan kekuasaan, dan kedua-dua bentuk itu adalah SYIRIK yang boleh menyebabkan manusia itu terkeluar dari agama Allah, yang memang mereka kenalNya melalui setiap Rasul masing-masing, kemudian mereka mengingkariNya setelah berlalu beberapa ketika, lantas mereka kembali semula ke alam jahiliyah, terus mensyirikkan Allah pula, sama ada di dalam bentuk akidah kepercayaan dan ibadat, atau di dalam bentuk kepatuhan di bidang pemerintahan, atau pun di dalam kedua-dua bentuk itu sekaligus.

Inilah dia tabiat dan resam dakwah ke jalan Allah di sepanjang sejarah umat manusia. Ia mempunyai matlamat dan sasaran yang satu sahaja, iaitu "MENYERAH" di dalam pengertian penyerahan diri sepenuhnya, penyerahan diri dan kepatuhan para hamba kepada Allah, Tuhan seru sekalian alam, menarik umat manusia itu keluar daripada keatiaan mengabdikan diri kepada sesama hamba Allah, kepada suasana menyembah dan mengabdikan diri kepada Allah SWT, membawa mereka keluar dari sikap patuh dan tunduk kepada sesama hamba Allah di dalam urusan peraturan hidup dan pemerintahan, nilai-nilai dan kebudayaan, untuk bersikap patuh dan tunduk kepada kekuasaan pemerintahan dan peraturan Allah sahaja di dalam semua urusan hidup. Untuk inilah Islam datang melalui Nabi Muhammad SAW seperti ia datang melalui para Rasul sebelum beliau. Ia datang untuk membawa umat manusia patuh kepada kekuasaan dan pemerintahan Allah seperti mana seluruh alam ini berjalan mengikut landasan peraturan Allah. Oleh

sebab manusia itu adalah sebahagian daripada alam ini maka manusia juga pun mesti patuh kepada peraturan Ilahi. dengan demikian maka Kekuasaan yang mengatur urusan hidup dan dunia ini seluruhnya.

Oleh itu manusia tidaklah boleh mengecualikan dirinya daripada peraturan dan undang-undang Allah dengan cara tunduk dan patuh kepada peraturan dan undang-undang yang lain dari peraturan dan undang-undang Allah yang mengatur perjalanan alam dan dunia ini seluruhnya, yang juga mengatur wujud manusia itu sendiri tanpa kehendak dan kemahuannya, sebab mereka (manusia) itu diperintah dengan undang-undang fitrah semula jadi yang dicipta Allah di dalam hidup dan pertumbuhan mereka, sihat dan sakit mereka, juga hidup dan mati mereka, seperti mana mereka diperintah berdasarkan undang-undang fitrah semula jadi di dalam perkumpulan mereka dan di dalam akibat yang mereka terima hasil dari amal perbuatan mereka. Mereka tidak berhak mengubah sunnah dan peraturan Allah di dalam urusan itu, seperti mana mereka tidak mampu meminda sunnah Allah mengenai peraturan alam yang mengatur perjalanan dan perkembangan alam itu sendiri. Oleh kerana itu mereka hendaklah kembali kepada Islam dengan rela hati di dalam hal-hal yang bersangkutan dengan urusan kehidupan mereka, dan mereka hendaklah menjadikan syariat Allah SWT itulah yang memerintah dan berkuasa di dalam seluruh urusan hidup mereka supaya selaraslah tindakan-tindakan yang dilakukan berdasarkan undang-undang fitrah semula jadi.

Tetapi jahiliyah yang tegak berdasarkan pengabdian manusia atas sesama manusia, dan juga berdasarkan penyelewengan dari hukum kejadian alam serta berdasarkan percanggahan di antara program bikinan manusia dengan program Allah dan program fitrah itulah sebenarnya bentuk jahiliyah yang telah dihadapi oleh setiap orang Rasul yang menjalankan dakwah ke jalan penyerahan diri kepada Allah Yang Maha Esa sahaja, dan itulah dia bentuk jahiliyah yang telah dihadapi oleh Rasulullah SAW dalam menjalankan dakwahnya jahiliyah itu tidak menjelma di dalam bentuk "teori" semata-mata dan malah kadang-kadang tiada "teori" langsung baginya. Ia menjelma dalam bentuk organisasi, di dalam bentuk masyarakat dan perkumpulan yang tunduk kepada kemahuan dan arahan masyarakat itu, tunduk kepada kehendak konsep, nilai-nilai dan fahaman, perasaan dan kebiasaannya ia merupakan masyarakat yang terikat begitu kuat, sebati, tersusun, setia, rapi, padu dan tak mungkin direnggangkan. Inilah yang menyebabkan masyarakat itu bergerak, secara sedar atau tak sedar, untuk mengekalkan wujudnya dan mempertahankan hayatnya, menentang dan menghancurkan semua unsur yang membahayakan wujud dan hidupnya dalam bentuk ancaman apa jua pun.

Oleh kerana jahiliyah itu tidak berupa "teori" sahaja tapi juga berupa organisasi seperti yang dibentangkan tadi maka tentulah usaha menghapuskan jahiliyah itu dan membawa manusia ke jalan Allah sekali lagi mestilah tidak terbatas dalam soal "teori" sahaja, kerana cara yang demikian tidak akan mampan menghadapi jahiliyah yang telah berakar itu dan telah lama bertapak di dalam masyarakat, usahkan hendak mengatasi dan menghapuskannya. Usaha-usaha

hendaklah dilipatgandakan bagi menghapuskan jahiliyah itu seperti dilipatgandakan usaha menghapuskan sesuatu pengaruh lain yang buruk dan merosakkan masyarakat, dengan segala kelengkapan dan syarat penyusunan yang rapi supaya dapat benar-benar dihancurkan jahiliyah yang telah bertapak lama di dalam masyarakatitu.

Dasar teoritis yang menjadi asas Islam, di sepanjang sejarah umat manusia, ialah dasar "TIADA TUHAN MELAINKAN ALLAH" (LA ILAAHA ILLALLAH) dengan pengertian mengesakan Allah SWT dengan sifat-Nya sebagai TUHAN, sebagai Penguasa, sebagai Pendidik, sebagai Pemerintah Yang Gagah Perkasa yang mempunyai kuasa mutlak di dalam pemerintahan, Penegasan bentuk iktikad di dalam hati, di dalam gerak-geri, di dalam bentuk ibadat dan juga di dalam bentuk melaksanakan syariat-Nya di dalam kehidupan sehari-hari. Pengakuan "TIADA TUHAN MELAI NKAN ALLAH" itu tidak akan ada di dalam kenyataan dan tidak boleh dianggap sebagai "wujud" dalam segi hukumnya melainkan dalam bentuknya yang sempurna seperti ini yang dapat memberikan kepadanya suatu WUJUD yang sungguh-sungguh, yang boleh dianggap seseorang yang mengucapkan syahadat TIADA TUHAN MELAINKAN ALLAH itu seorang Muslim atau bukan Muslim.

Erti penjelmaan yang sebenar dasar ini dalam segi teori ialah bahawa seluruh hidup manusia itu diserahkan dan dirujukkan kepada Allah SWT semata-mata. Mereka tidak boleh melakukan sesuatu urusan pun mengenai hidup ini dari sisi diri mereka sendiri, bahkan mereka hendaklah menyerah dan mengembalikannya kepada hukum Allah untuk mereka ikuti dan hukum Allah itu hendaklah mereka kenal dan cedok dari sumber yang satu sahaja, sumber yang berhak menyampaikannya kepada mereka, iaitu Rasulullah S.A.W. Ini dapat dipastikan daripada rangkai kata yang kedua dari syahadat, iaitu pengakuan bahawa "Muhammad itu ialah Utusan Allah" (Muhammadur Rasulullah).

Itulah dia dasar teoritis yang dapat dijelmakan oleh Islam. Dasar ini menjadi dasar yang lengkap sempurna bagi kehidupan apabila ia dilaksanakan di seluruh urusan hidup. Setiap orang Muslim menghadapi segala cabang hidup "individu" dan "sosial", baik di dalam mahupun di luar negara Islam, dalam hubungannya dengan sesama anggota masyarakat Islam dan juga dengan masyarakat yang bukan Islam.

Tetapi seperti telah kita katakan tadi, Islam tidak cukup dengan penjelmaan di dalam bentuk "teori" sahaja, yang boleh dianut oleh para penganutnya, iktikad kepercayaan sahaja dan diamalkannya melalui saluran ibadat, sesudah itu mereka pun menjadi individu yang bergerak dan bertindak mengikut tema masyarakat jahiliyah yang sedang berada di sekelilingnya. Wujud dan hidup mereka secara ini, yakni secara beriktikad kepercayaan dan beribadat secara Islam tapi mengikut arus jahiliyah dalam segala segi kehidupan sehari-hari, walau jumlah mereka (orang Islam) itu ramai dan majoriti, tidak mungkin membawa kepada wujudnya Islam secara langsung; kerana peribadi-peribadi Muslim PONDAN yang masuk ke tengah masyarakat jahiliyah akan terpaksa tunduk dan patuh kepada kehendak masyarakat

jahiliyah. Mereka akan bergerak dan bertindak sama ada disedari atau tidak, untuk menunaikan kehendak masyarakat jahiliyah itu. Mereka akan ikut mempertahankan hidupnya, mereka juga akan ikut serta menghalang sebarang punca dan sebab yang boleh mengancam hidupnya masyarakat jahiliyah itu, kerana mereka secara otomatis mengikuti jejak anggota masyarakat jahiliyah itu yang ingin mempertahankan hidupnya dan ingin pula mengekalkan keutuhan masyarakat itu, sama ada mereka sedar atau tidak, sama ada mereka suka atau tidak; atau dengan perkataan lain, orang-orang Islam PONDAN itu dari segi amalan dan tindakannya, akan ikut memperkuat wujud dan hidupnya masyarakat jahiliyah itu, seperti mana mereka juga akan menolak segala faktor yang boleh mengancam hidupnya masyarakat jahiliyah itu. Mereka akan tetap merupakan sel-sel yang memberikan tambahan tenaga kepada hidupnya masyarakat jahiliyah itu. Ini adalah bertentangan sekali dengan peranan mereka sebagai orang yang ditugaskan untuk meroboh dan menghancurkan masyarakat jahiliyah itu bagi digantikan dengan masyarakat Islam.

Oleh itu perlulah dasar teori Islam (akidah) ini menjelma di dalam kenyataan hidup masyarakat dari saat-saat permulaan lagi perlulah adanya organisasi yang aktif, organisasi yang sama sekali berlainan dengan organisasi ala jahiliyah, terpisah jauh dari dasar pembentukan masyarakat jahiliyah yang hendak dihapuskan oleh Islam, dan perlu pula pimpinan Rasulullah SAW menjadi teras dan paksi bagi organisasi ini. Begitu juga pimpinan para sahabat serta para pemimpin umat Islam yang bertujuan menarik manusia kepada jalan Allah, kepada bimbingan dan kekuasaanNya, kepada peraturan dan pemerintahan-Nya. Setiap orang yang mengucapkan syahadat LA ILAAHA ILLALLAH DAN MUHAMMADUR RASULULLAH mesti mencabut dan menarik setiap kepatuhan dan kesetiaannya kepada organisasi-jahiliyah, iaitu organisasi yang dibentuk oleh dasar dan panduan jahiliyah, dalam bentuk apa sekalipun, sama ada bentuk kuasa agama, yang terdiri daripada lembaga pendeta-pendeta, padri-padri, tukang-tukang tenung dan ahli-ahli nujum serta lain-lain lagi, mahu pun juga di dalam pimpinan politik dan ekonomi serta contoh yang ada pada kaum Quraisy, dan hendaklah dia menumpahkan segenap kepatuhan dan kesetiaan kepada pembentukan masyarakat Islam dan pimpinan Islamiyahnya.

Semua ini mesti dilaksanakan mulai saat pertama setiap Muslim itu menganut Islam, saat dia mula mengucapkan syahadat LA ILAAHA iLLALLAH, DAN MUHAMMADUR RASULULLAH, kerana wujudnya masyarakat Islam itu tidak akan terlaksana melainkan dengan syarat ini, tidak cukup dengan semata-mata wujud kepercayaan di dalam hati para individu yang walaupun ramai jumlahnya, tapi tidak membulatkan kepatuhan dan kesetiaan mereka kepada dasar organisasi mereka yang mempunyai wujud dan bentuk hidupnya sendiri, yang memerlukan anggota-anggota berusaha bersungguh-sungguh bagi menegakkan wujudnya, untuk melebarkan pengaruh dan kekuasaannya, untuk mempertahan hidupnya dari sebarang gangguan dan ancaman. Mereka bekerja bersama-sama atau bersendirian di bawah suatu komando yang bebas dari sebarang pengaruh jahiliyah, teratur rapi dan tersusun indah, di bawah arahan yang tegas ke arah pelaksanaan

tujuannya, menentang sebarang cabaran yang boleh melemahkannya, dan membenteras pertumbuhan segala yang membawa wujudnya bentuk jahiliyah.

Demikianlah Islam itu tumbuh demikian ia hidup subur dan menjelma di dalam bentuk teori yang lengkap, yang menjadi tapak bagi sebuah organisasi yang aktif, terpisah jauh dari pengaruh jahiliyah dan sanggup bersemuka dengan masyarakat jahiliyah. Islam tidak pernah sama sekali wujud dalam bentuk teori kosong yang tidak berpijak di dalam kenyataan dan realiti. Begitulah caranya Islam boleh ditimbulkan semula dan sama sekali Islam tak akan timbul di zaman dan di tempat mana pun tanpa pengertian yang sebenarnya terhadap tabiat dan ciri pertumbuhannya berdasarkan organisasi yang aktif seperti yang telah dihuraikan.

Ketahuilah bahawa Islam itu, mengikut garis panduan yang telah disebutkan di atas, iaitu pembinaan umat Muslim berdasarkan kaedah dan panduannya, serta menegakkan hidupnya melalui organisasi yang aktif, dengan menjadikan akidah sebagai tali penghubung, tidak lain tujuannya daripada hendak menonjolkan "kemanusiaan manusia" dan hendak meninggikan darjat kemanusiaan itu di atas segala darjat yang lain di dalam hidup manusia itu, yang menjadi panduan bagi segala kaedah, pengajaran, undang-undang dan peraturan-peraturan Islam.

Sesungguhnya makhluk manusia ada mempunyai persamaan dengan makhluk haiwan bahkan dengan makhluk pejal dalam beberapa sifat tertentu yang menimbulkan sangkaan kepada golongan INTELEKTUAL JAHIL bahawa manusia itu adalah juga haiwan seperti haiwan-haiwan yang lain dan sekali sekala mereka menyangka bahawa manusia itu adalah makhluk pejal seperti pepejal yang lain. Walaupun ada banyak persamaan dalam sifat-sifat tertentu dengan haiwan dan pepejal, tetapi manusia itu punya ciri-ciri tertentu yang membezakannya dan juga memisahkannya dengan haiwan dan pepejal itu, ciri-ciri yang membuat manusia itu menjadi suatu makhluk yang "unik" seperti yang telah diiktiraf sendiri oleh tokoh-tokoh INTELEKTUAL JAHIL di zaman mutaakhkhir ini; ketika mana mereka terpaksa berhadapan dengan fakta yang tegas dan nyata walaupun mereka tidak ikhlas dan tidak jelas dalam pengakuan mereka. (Di antara tokoh yang terkemuka ialah Julian Haxley, seorang tokoh Darwinisme Moden).

Sesungguhnya natijah utama daripada dasar Islam dalam persoalan ini, iaitu persoalan membentuk organisasi berdasarkan akidah, tidak berdasarkan perkauman, negeri, warna kulit, bahasa, dan kepentingan daerah dan sempadan negeri yang sengaja dibuat-buat, dan persoalannya ialah menonjolkan ciri "KEMANUSIAAN MANUSIA" melalui organisasi itu, bukan menonjolkan ciri-ciri yang menjadi sifat persamaan di antara manusia dengan haiwan. Natijah utamanya ialah bahawa masyarakat Muslim itu menjadi sebuah masyarakat terbuka untuk semua bangsa, semua golongan, semua warna kulit, semua bahasa tanpa sebarang halangan lalu segala ciri dan kemampuan manusia itu bercampur dan sebati di dalam wadah dan (periuk besar) masyarakat Islam, lantas muncullah suatu lembaga raksaksa dalam jangka masa yang tidak lama, untuk menempa suatu tamaddun yang indah dan mengkagumkan tamaddun yang menjangkau seluruh intisari kebolehan manusia di zamannya; sekalipun jarak di antara daerah-daerah dan

rumpun-rumpun bangsa sangat berjauhan di antara satu sama lain. Suatu tamaddun yang tidak ada tolok bandingnya, sekalipun di zaman itu perhubungan antara daerah dengan daerah adalah sangat sukar dan keadaannya masih primitif sekali.

Di dalam masyarakat Islam yang tiada tolok bandingnya itu telah berkumpul bangsa Arab, Parsi, Syam, Moroko, Mesir, Turkey, China, Roman, Yunani, India, Indonesia, dan juga orang Afrika, malah seluruh bangsa di dunia ini. Mereka bersatu padu dan bekerjasama dengan eratnya dalam membina masyarakat dan tamaddun Islam. Tamaddun yang agung, yang tidak pernah sekalipun menjadi tamaddun yang dimiliki oleh orang ARAB sahaja, malah ia menjadi tamaddun ISLAM; juga tidak menjadi masyarakat kebangsaan dan perkauman, bahkan menjadi masyarakat yang berlandaskan akidah.

Mereka semuanya berkumpul berdasarkan hubungan persamaan, hubungan kasih mesra dan persaudaraan, dengan memandang jauh ke hadapan, ke arah suatu matlamat sahaja. Mereka memberi apa sahaja yang dapat mereka berikan, tanpa menghilangkan ciri-ciri kebangsaan mereka. Mereka sumbangkan tenaga dan pengalaman peribadi untuk membina masyarakat yang satu berdasarkan persamaan hak, dipadukan oleh tali Allah, yang menonjolkan kemanusiaan mereka. Masyarakat yang sebegini tidak pernah berlaku sebelum ini di sepanjang sejarah umat manusia.

Masyarakat manusia yang paling masyhur sebutannya di zaman purbakala iaiah masyarakat Empayar Romawi yang telah mengumpulkan bermacam-macam jenis manusia, dari segala bangsa dan warna kulit dan bahasa pertuturan. Tetapi masyarakat itu tidak berdasarkan "tali kemanusiaan" dan tidak juga berpandukan sesuatu nilai yang tinggi berbentuk akidah, kerana di sana terdapat perkumpulan berdasarkan perbezaan darjat, kasta dan kelas. laitu kelas bangsawan dan kelas hamba abdi, di seluruh kawasan takluk empayar itu; juga kelas berdasarkan kesucian dan keagungan darah ROMAN di satu pihak dan kehinaan darah BUKAN ROMAWI di satu pihak yang lain. Kerana itulah masyarakat itu tidak layak disetandingkan dengan masyarakat Islam dan tidak dapat menghasilkan kejayaan seperti yang dicapai oleh masyarakat Islam.

Di zaman moden ini pun beberapa bentuk masyarakat telah berdiri dan telah runtuh sebagai contohnya kita ambil sahaja masyarakat Empayar Inggeris (Britain), tapi bentuknya tak ubahlah dengan bentuk Empayar Romawi yang dipusakainya dahulu itu, yang bertujuan memeras dan menindas, telah tegak berdasarkan ketuanan bangsa Inggeris dan memeras serta menindas rakyat jajahannya demikianlah jua halnya seluruh empayar-empayar Eropah lainnya: empayar Sepanyol dan Portugis suatu ketika dahulu, dan juga empayar Perancis, semuanya itu sama sahaja taraf dan nilainya, yang memang semuanya berdasarkan pemerasan dan penindasan yang terkutuk!

Nampaknya Komunisme berhasrat mendirikan perkumpulan dan masyarakat manusia bermodel lain, yang melangkau unsur-unsur kebangsaan dan wama kulit, tanahair dan bangsa, tapi bukanlah dibangunkan berdasarkan

KEMANUSIAAN malah berlandaskan pertentangan KELAS. Yang demikian maka masyarakat ciptaan Komunisme itu merupakan masyarakat yang setanding dengan masyarakat ciptaan Romawi yang satu berdasarkan tingkatan kaum bangsawan (tuan) dan hamba tapi yang satu lagi ini berdasarkan kuasa golongan melarat tertindas (proletaria) dan kaum menengah (borjuis) dan ciri emosi yang membakar semangat masyarakat Komunis dan kaum proletariat itu ialah kebencian dan kedengkian terhadap seluruh kelas dan golongan lain. Masyarakat seburuk ini tidak akan menelurkan hasil apa-apa kecuali mencetuskan gejala-gejala yang paling buruk di dalam sejarah umat manusia kerana dari asal kelahirannya lagi ia menonjolkan ciri-ciri dan sifat haiwan dengan beranggapan bahawa keperluan-keperluan asasi bagi manusia itu ialah makan, minum, rumahtangga dan sex, yang semuanya ini adalah tuntutan dan keperluan asasi haiwan, dengan anggapan bahawa sejarah umat manusia ini dimulai dengan sejarah mencari makan.

Di antara keindahan Islam itu bahawa ianya tetap bersendirian dan masih tegak di atas panduan Ilahi dengan cara menonjolkan sifat dan ciri-ciri khusus manusia dan mengangkat nilai-nilai kemanusiaan itu begitu tinggi di dalam membentuk masyarakat manusia. Dan sudah pasti Islam akan terus bersendirian di dalam hal ini dan sesiapa sahaja yang cuba menyeleweng ke arah panduan yang lain, yang cuba mendiri dan menegakkan suatu jalan yang lain, samaada jalan kebangsaan, wama kulit, tempat kelahiran dan kelas, atau jalan-jalan lain yang rendah dan hina, maka orang itu adalah musuh manusia yang sebenar. Orang seperti itu ialah orang yang tidak mahukan supaya manusia itu berdiri sendiri dengan ciri-ciri dan sifat-sifat khusus untuknya ketika dia mula-mula diciptakan Tuhan. Orang itu ialah orang yang tak mahukan masyarakatnya beroleh keperluan asasinya dengan lengkap sempurna mereka itutah rupanya orang yang menjadi sasaran firman Allah SWT:

قُلْ هَلْ نُنَبِّئُكُمْ بِالْأَخْسَرِينَ أَعْمَالًا (103) الَّذِينَ ضَلَّ سَعْيُهُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَهُمْ يَحْسَبُونَ أَنَّهُمْ يُحْسِنُونَ صُنْعًا (104) أُولَئِكَ الَّذِينَ كَفَرُوا بِآيَاتِ رَبِّهِمْ وَلِقَائِهِ فَحَبِطَتْ أَعْمَالُهُمْ فَلَا نُقِيمُ لَهُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَزْنًا (105) ذَلِكَ جَزَاؤُهُمْ جَهَنَّمُ بِمَا كَفَرُوا وَاتَّخَذُوا آيَاتِي وَرُسُلِي هُزُوًا (106)

Maksudnya: "Katakanlah mahukah aku beritahu kepada kamu tentang orang yang paling rugi perbuatan-perbuatan mereka, orang-orang yang sia-sia sahaja amal perbuatan mereka di dalam hidup dunia ini sedangkan mereka itu menyangka bahawa mereka sebenarnya berbuat baik. Mereka itu ialah orang-orang yang kufur dan tidak bersyukur dan tidak percayakan perintah Tuhan mereka dan tidak percaya bahawa mereka akan mengadap Tuhan mereka itu lalu pekerjaan mereka pun menjadi hampa dan Kami tidak berikan sebarang pertimbangan dan penilaian kepada mereka di hari kiamat. Balasan mereka ialah neraka Jahannam kerana kekufuran mereka dan kerana mereka mempersenda-sendakan perintah-perintahKu dan juga rasul-rasul utusanKu"

(Al Kahfi: 103-106)

Maha Benarlah Allah Yang Maha Agung.



Al-Imam Ibnul-Qayyim telah membuat huraian ringkas mengenai masalah jihad di dalam Islam melalui sebuah bukunya yang berjudul Zaadul-Maad dalam fasal yang bernama "Susunan Petunjuk Rasulullah mengenai Orang Kafir dan Munafiq Sejak Mula Nabi Dibangkitkan Sehingga Beliau Wafat." Huraian itu adalah seperti ini:

"Wahyu yang mula-mula sekali diturunkan kepada Rasulullah SAW ialah wahyu yang menyuruhnya membaca dengan nama Tuhannya. Wahyu inilah yang menandakan permulaan kenabian beliau. Dalam peringkat ini beliau disuruh membaca untuk diri beliau sendiri dan belum disuruh menyampaikannya kepada orang lain.

Kemudian turun pula ayat "*Wahai Orang Yang Sedang Berselimut*", Bangkitkan dan Sampaikanlah Ancaman Allah SWT mengangkat beliau menjadi Nabi melalui surah BACALAH (Iqra') dan mengangkat beliau menjadi rasul utusanNya melalui ayat "Wahai orang yang sedang berselimut" (surah al-Mudattsir: 1). Beliau kemudiannya disuruh menyampaikan berita ancaman kepada kaum keluarganya yang terdekat, diikuti pula dengan penyampaian seruan yang beliau lakukan kepada seluruh kaumnya, kemudian kepada orang-orang Arab di sekelilingnya terus pula kepada seluruh bangsa Arab dan umat manusia. Seliau tinggal lebih sepuluh tahun sesudah kenabiannya menyampaikan dakwah tanpa kekerasan dan peperangan, juga tanpa pungutan jizyah. Beliau telah disuruh berlembut dan serta tahan menderita. Sesudah itulah baru beliau diizinkan berhijrah ke Madinah dan dibenarkan berperang. Lalu beliau disuruh memerangi orang yang memeranginya dan jangan mengganggu orang yang tidak mengganggu dan tidak memusuhinya. Sesudah itu pula diperintah memerangi orang musyrikin sehingga agama itu menjadi kepunyaan Allah SWT.

Selepas lahir dan keluarnya perintah jihad ini, orang kafir terbahagi kepada tiga golongan dan kategori:

1. Golongan yang berdamai dan tidak memusuhi Islam.

2. Golongan yang memusuhi dan memerangi Islam.

3. Golongan dzimmi, iaitu golongan yang menyatakan kepatuhannya kepada negara Islam dan mendapat jaminan hidup aman di bawah pemerintahan Islam.

Terhadap golongan pertama iaitu golongan yang berdamai tidak memusuhi Islam, beliau disuruh menunaikan hak mereka, dan diperintah supaya setia memegang janji, sekiranya ada sebarang perjanjian dengan mereka, selama mereka tidak melanggar janji itu. Seandainya dibimbangkan mereka berlaku curang dan khianat maka bolehlah dimansukhkan perjanjian itu dan dilihat dulu sikap mereka dan jangan memerangi mereka sehingga diberitahu bahawa mereka telah bersikap khianat dan melanggar janji, kemudian baru diisytiharkan perang ke atas mereka.

Manakala Surah Baraah (dikenal juga dengan nama Surah Attaubah), maka pada keseluruhannya Surah itu merupakan panduan yang lengkap dalam hal perjanjian damai dan perang.

Beliau telah diperintah memerangi musuhnya dari golongan ahlil-kitab sehingga mereka membayar jizyah atau mereka masuk Islam. Beliau disuruh juga memerangi orang kafir yang lain dari ahlil-kitab dan kaum munafiq dan bersikap keras terhadap me-reka. Lalu beliau pun memerangi orang-orang kafir dengan menggunakan senjata dan menghadapi orang-orang munafiq dengan menggunakan hujjah dan alasan dalam perdebatan.

Beliau juga telah diperintah melepaskan diri dari terikat dengan janji setia terhadap orang-orang kafir dan memansukhkan sebarang perjanjian setia seperti itu.

Di samping itu pula orang-orang kafir yang mengikat janji itu terbahagi kepada tiga golongan:

1) Golongan yang diperintah supaya dimusuhi dan diperangi, iaitu golongan yang sengaja melanggar janji itu. Beliau pun terus memerangi mereka sehingga beliau beroleh kemenangan.

2) Gologan orang kafir yang mengikat janji dengan beliau untuk suatu tempoh tertentu dan mereka tidak melanggar janji itu dalam tempoh yang telah ditetapkan dan tidak menonjolkan sikap permusuhan terhadap beliau. Untuk golongan ini beliau diperintahkan supaya memegang janji itu sehingga habis tempohnya.

3) Golongan yang tidak mengikat sebarang janji dengan beliau dan tidak juga memusuhi beliau. Kepada golongan ini beliau disuruh memberi tempoh empat bulan. Bila selesai tempoh empat bulan itu beliau pun memerangi golongan yang melanggar janjinya, dan memberi tempoh kepada golongan yang tidak terikat dengan sebarang janji, atau pun terikat dengan suatu janji yang terbuka, untuk selama empat bulan.

Beliau juga diperintah menunaikan janji kepada golongan yang setia memegang janjinya sehingga selesai tempoh janji itu, lalu mereka semua pun menganut Islam. Setelah selesai masa yang dijanjikan, beliau pun membuat ketetapan bahawa orang-orang yang tidak mahu menganut Islam tapi mahukan perlindungan (dzimmah) supaya membayar jizyah.

Dengan demikian maka selepas turunnya Surah Baraah, orang kafir terbahagi kepada tiga golongan dan kategori:

1) Golongan yang memusuhi beliau (Rasulullah SAW)
2) Golongan yang terikat dengan janji
3) Golongan yang memohon perlindungan (dzimmah)

Lalu sebahagian besar golongan yang berdamai dan terikat dalam perjanjian dengan beliau dan golongan yang memohon perlindungan itu menganut agama Islam, hingga kemudiannya orang-orang kafir itu terbahagi kepada dua golongan sahaja, iaitu golongan musuh dan golongan yang mohon perlindungan (dzimmi), sedangkan golongan yang bermusuh dengannya senantiasa takut kepadanya.

Jadi penduduk dunia di zaman beliau SAW ada tiga golongan sahaja, iaitu:

1) Golongan umat Islam yang percaya kepada ajaran-ajarannya.

2)Golongan kafir yang berdamai dengannya dan memohon perlindungannya.

3) Golongan kafir yang memusuhinya tapi sentiasa takutkan kekuatannya.

Adapun mengenai sikap dan tindakannya terhadap orang munafiq, maka beliau telah diperintah menerima sahaja sikap lahir mereka dan menyerahkan hakikat rahsia hati mereka kepada Allah, juga supaya menghadapi mereka dengan menggunakan hujjah dan alasan serta kebijaksanaan, seperti mana beliau telah diperintah supaya bersikap keras dan tegas terhadap mereka di mana perlu. Beliau juga telah diarahkan supaya menjawab dan menangkis kata-kata kesat dan sindiran mereka dengan kata-kata yang setimpal. Malah Allah SWT pernah melarang beliau menyembahyangi dan mendoakan jenazah mereka serta menziarah kuburan mereka malah Allah SWT memberitahu beliau bahawa seandainya beliau (Rasulullah SAW sendiri yang memohon supaya Allah mengampunkan orang-orang munafiq itu, mereka tidak akan diampun. Inilah sikapnya terhadap musuh-musuhnya dari kalangan orang kafir dan munafiq.

Dari keterangan ringkas yang sangat jelas dan tepat mengenai peringkat-peringkat perjuangan (jihad) di dalam Islam itu maka terang dan nyatalah sudah ciri-ciri asli dalam jalannya gerakan agama ini, yang perlu diperhatikan. Di samping itu kita juga dapat memberi penjelasan dan membuat huraian secara ringkas pula:

Ciri pertama: fakta-fakta yang benar-benar berlaku di dalam gerakan agama ini; gerakan menghadapi realiti hidup manusia, menghadapinya dengan cara yang sesuai dan selaras dengan wujudnya di dalam kenyataan. Ia hadapi jahiliyah dalam segi iktikad dan konsep, dan dengan demikian maka gerakan Islam itu menghadapi realiti dengan membawa perkaraperkara yang selaras dengan realiti itu sendiri. Ia menghadapinya dengan dakwah dan seruan, dengan keterangan dan penjelasan untuk mebetulkan iktikad dan kepercayaan, ia hadapinya dengan kekuatan dan perjuangan untuk menghapusklan sistem dan kekuasaan yang sedang berkuasa dan

merintangi jalannya, yang menghalangnya dari menyampaikan kebenaran kepada umat manusia, yang menekan mereka dengan kekerasan dan paksaan serta penyesatan supaya mereka mengabdikan diri kepada Tuhan yang lain daripada Tuhan mereka yang sebenar gerakan yang tidak cukup dengan keterangan dan penjelasan sahaja dalam menghadapi kekuasaan yang berbentuk benda, seperti juga ia tidak menggunakan kekerasan dan kekuasaan benda dalam menghadapi hati nurani umat manusia dan penjelasan sahaja dalam menghadapi kekuasaan yang berbentuk benda, seperti juga ia tidak menggunakan kekerasan dan kekuasaan benda dalam menghadapi hati nurani umat manusia dan ini semua adalah sama dalam jalan gerakan agama ini untuk mengajak manusia supaya jangan mengabdikan diri kepada sesama manusia dan kembali mengabdikan diri kepada Allah sahaja sebagaimana keterangan yang akan disebutkan nanti.

Ciri yang kedua dari program agama ini ialah realiti dari sebuah organisasi kerana agama ini adalah merupakan satu gerakan yang punya banyak tahap dan peringkat. Setiap tahap dan peringkat itu mempunyai jalan dan cara yang sesuai dengan keadaan dan keperluannya yang sebenar, dan setiap peringkat itu pula adalah berhubung rapat dengan peringkat-peringkat berikutnya. Agama ini tidak cukup menghadapi realiti itu dengan teori sahaja, seperti juga ia tidak menerima peringkat-peringkat realiti itu dengan cara beku dan kaku. Orang-orang yang membawa ayat-ayat Al-Quran sebagai dalil mengenai program agama ini di dalam masalah jihad, tanpa mengambil kira akan ciri ini, dan tanpa memberikan perhatian berat kepadanya di dalam tahap-tahap dan peringkat yang dilalui oleh program itu, serta jalinan hubungan ayat-ayat Al-Quran itu dengan setiap tahap dan peringkat perjuangan orang-orang yang berbuat demikian adalah orang-orang yang mencampur aduk dan memesongkan hakikat agama ini ke arah jalan yang menyesatkan. Mereka membawa ayat-ayat Al-Quran itu ke arah dasar dan kaedah yang bertentangan dengannya. Mereka beranggapan bahawa setiap patah ayat Al-Quran itu adalah merupakan nas terakhir dan malah merupakan kaedah asasi yang terakhir. Lalu mereka katakan - sedang mereka adalah orang-orang yang bengkrap jiwa dan fikiran di bawah tekanan dan pengaruh realiti, mereka adalah orang-orang yang lumpuh dan putus asa melihat kelemahan dan kerendahan hidup sebahagian orang-orang Islam yang masih tinggal nama sahaja lagi. Mereka beranggapan bahawa Islam itu berjuang dan berjihad semata-mata hanya untuk mempertahankan diri sahaja! Mereka menyangka bahawa mereka berbuat bakti kepada agama ini dengan menariknya keluar dari program asalnya iaitu menghapuskan taghut dari bumi Allah ini dan menyuruh manusia mengabdikan diri kepada Allah Yang Maha Esa, menarik umat manusia daripada menyembah dan memuja sesama umat manusia kepada menyembah dan memuja Allah, bukan dengan cara memaksa mereka menganut agama ini; dengan cara memberi peluang kepada mereka mengkaji hakikat akidah agama ini, sesudah sistem politik jahiliyah yang sedang berkuasa itu dihancurkan, atau setelah sistem pemerintahan jahiliyah itu dikalahkan dan menyerah diri kepada akidah ini, dan memberikan kebebasan kepada seluruh umat manusia untuk menganut atau tidak menganut akidah ini berdasarkan kebebasan dan kemerdekaan yang sebenarnya.

Ciri yang ketiga ialah bahawa walaupun bentuk gerakan sentiasa berubah dan cara selalu bertukar ganti, tapi tidak boleh menyebabkan agama ini menyeleweng daripada kaedah dan matlamat yang telah ditentukan. Agama ini – sejak hari-hari pertamanya lagi – sama ada ketika ia mengarahkan percakapannya kepada keluarga Nabi yang terdekat, atau kepada kaum Quraisy dan seluruh umat manusia di dunia ini, sesungguhnya ia memperkatakan tentang satu kaedah sahaja dan meminta mereka bertumpu kepada satu matlamat sahaja, iaitu memurni dan mengikhlaskan pengabdian mereka kepada Allah sahaja dan keluar sama sekali dari setiap bentuk pengabdian kepada sesama umat manusia, tiada bersikap tolak ansur dan dolak dalik sama sekali. Setelah itu dia hendaklah terus bergerak dan bertindak melaksanakan planning yang telah ditetapkan, melalui tahap dan peringkat tertentu, dengan caranya sendiri, seperti telah kita huraikan di atas.

Ciri yang keempat ialah ketetapan syariat mengenai perhubungan antara masyarakat Islam dengan masyarakat-masyarakat lain, mengikut cara dan dasar dari ringkasan yang telah kita petik dari buku ZAADUL MA'AD dan berjalannya ketetapan itu di atas landasan bahawa penyerahan diri sepenuhnya kepada Allah itulah paksi berbentuk universal yang seluruh umat manusia mesti berteduh di bawah lindungannya dan janganlah ada sebarang sekatan yang berupa sistem politik dan pemerintahan atau kekuatan mata benda atau suasana yang menghalang terlaksananya penyerahan diri kepada Allah itu dan hendaklah diberi kebebasan sepenuhnya kepada setiap individu untuk memilih sendiri, sama ada dia mahu atau tidak, tanpa sebarang sekatan dan paksaan. Seandainya ada pihak mana sahaja yang menyekat dan memaksa, maka berkewajipanlah Islam memeranginya hingga ia tewas dan menyerah diri.

Orang-orang yang bengkrap jiwa dan fikiran, yang menulis mengenai masalah JIHAD DALAM ISLAM dengan maksud mempertahankan Islam dari serangan orang; lantas mereka mencampur-adukkan program dan dasar agama Islam mengenai "tiada paksaan dalam beragama", dengan dasarnya untuk menghancurkan kekuatan dan kekuasaan politik yang berbentuk benda yang boleh menghalang dan menyekat umat manusia dari menganut Islam, kekuatan dan kekuasaan yang telah menjadi punca umat manusia saling mengabdikan diri kepada sesama umat manusia dan menyekat mereka dari mengabdikan diri kepada Allah Yang Maha Esa, sedangkan keduanya (iaitu program Islam mengenai tiada paksaan dalam beragama dan programnya untuk menghapus segala kuasa yang menyekatnya) adalah merupakan masalah yang berasingan dan tidak boleh dicampur-adukkan. Oleh kerana campur-aduk dan fikiran seperti itulah juga mereka telah cuba membataskan jihad Islam itu ke dalam lingkungan yang sangat sempit dengan diberi nama "Jihad yang berbentuk mempertahankan diri" sedangkan jihad dan perjuangan Islam itu adalah suatu masalah lain yang tiada sangkut pautnya dengan peperangan umat manusia zaman kini seperti yang dikenal sekarang.

Sesungguhnya sayugia sangat diberikan perhatian tentang sebab musabab jihad Islam diikuti dari ciri perkataan "Islam" yang bererti "penyerahan diri" itu

sendiri dan juga dari peranannya dalam dunia ini, dari tujuan dan matlamat tertingginya yang telah ditetapkan oleh Allah yang telah menyebutkan bahawa untuk mencapai matlamat itulah maka Rasulullah SAW telah diutus membawa pengajaran dan risalahnya dan dijadikan beliau sebagai penutup segala nabi.

Islam adalah merupakan suatu proklamasi umum untuk membebaskan "umat manusia" di "bumi" ini daripada menjadi mangsa pengabdian oleh manusia atas sesama manusia, daripada menjadi mangsa pengabdian kepada hawa nafsu serakahnya, hawa nafsu yang pada hakikatnya adalah sama-sama menjadi hamba Allah. Proklamasi itu berbentuk pengakuan ketuhanan Allah Yang Maha Esa.

Proklamasi ketuhanan Allah itu bererti suatu revolusi sepenuhnya terhadap kekuasaan sesama umat manusia dalam segenap bentuk dan rupa serta dalam apa jua pun bentuk pemerintahan umat manusia di atas muka bumi ini, di mana sahaja umat manusia itu menjalankan pemerintahan berpandu kepada undang-undang bikinan mereka sendiri; atau dengan perkataan lain: KETUHANAN manusia dalam apa jua bentuk pun. Pemerintahan yang menjadikan manusia-manusia sebagai sumber kuasa dan undang-undangnya dalam mana suatu golongan manusia dianggap sebagai pihak yang berkuasa dan menjadi TUHAN yang berhak menentukan nasib golongan yang lain.

Sesungguhnya proklamasi itu bererti mengambil balik kekuasaan Allah yang telah dirampas dan diragut itu untuk dikembalikan kepada Allah, juga bererti menghalau dan menghapuskan para perompak yang masih memperkosa kekuasaan Allah itu, yang memerintah umat manusia berdasarkan undang-undang yang mereka buat sendiri. Mereka itu - dengan perbuatan seperti itu - telah meletakkan diri mereka sendiri setaraf dengan Allah dan rakyat yang mereka perintah pula adalah setaraf dengan hamba abdi. Proklamasi itu juga bererti menghancurkan pemerintahan manusia untuk digantikan oleh pemerintahan Allah di bumi-Nya, seperti yang digambarkan oleh Al-Quran:

وَهُوَ الَّذِي فِي السَّمَاءِ إِلَهٌ وَفِي الْأَرْضِ إِلَهٌ وَهُوَ الْحَكِيمُ الْعَلِيمُ

Maksudnya: "Dan Dialah [Allah] itu Tuhan yang berkuasa memerintah di langit dan berkuasa juga memerintah di bumi."

(Az Zukhruff: 84)

dan Firman.

إِنِ الْحُكْمُ إِلاَّ لِلّهِ أَمَرَ أَلاَّ تَعْبُدُواْ إِلاَّ إِيَّاهُ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ

Maksudnya: "Kekuasaan dan pemerintahan itu adalah kepunyaan Allah Dia [Allah] perintahkan kamu sekalian jangan mengabdikan diri kepada yang lain daripada-Nya [Allah]. Itulah agama yang lurus."

(Yusuf: 40)

dan firman:

قُلْ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ تَعَالَوْاْ إِلَى كَلَمَةٍ سَوَاءٍ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ أَلاَّ نَعْبُدَ إِلاَّ اللّهَ وَلاَ نُشْرِكَ بِهِ شَيْئًا وَلاَ يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضاً أَرْبَابًا مِّن دُونِ اللّهِ فَإِن تَوَلَّوْاْ فَقُولُواْ اشْهَدُواْ بِأَنَّا مُسْلِمُونَ

Maksudnya: "Katakanlah [ajarkanlah] wahai Muhammad, wahai ahli kitab, marilah kita [pegang] satu sahaja [dasar] antara kami dan kamu: [Iaitu] dasar bahawa kita tidak [akan] menyembah [mengabdikan diri] kepada Tuhan yang lain daripada Allah, dan kita tidak akan sekutukan sesuatu apa pun dengan-Nya [Allah] dan tidak pula setengah kita [orang awam atau rakyat jelata] menganggap setengah yang lain sebagai Tuhan, selain daripada Allah. Dan seandainya mereka [Masih] berdegil dan berkeras juga, maka katakanlah kepada mereka: Persaksikanlah bahawa kami semuanya adalah orang Islam [yang menyerah diri sepenuhnya kepada Allah].

(Aali Imraan: 64)

Pemerintahan Allah di bumi-Nya ini tidak mungkin tegak terlaksana dengan cara bahawa pemerintahan itu dikendalikan oleh orang atau golongan tertentu, seumpama para padri dan pendeta dan orang-orang yang menamakan dirinya tokoh-tokoh atau orang-orang agama, seperti yang telah berlaku dalam sistem pemerintahan gereja di Eropah zaman pertengahan; tidak pula dalam bentuk orang atau golongan tertentu bercakap sebagai wakil Tuhan, seperti yang berlaku di dalam sistem pemerintahan THEOCRACY atau "Kerajaan Suci" bukan itu bentuknya tapi ialah dengan melaksanakan syariat Ilahi dan semua urusan hidup dijalankan berpandu kepada ajaran Allah.

Menegakkan Kerajaan Allah di muka bumi ini, melaksanakan syariat dan undang-undang Allah, merebut kembali kekuasaan Allah dari tangan manusia durjana yang merampas hak-hak Allah, memansukhkan undang-undang bikinan manusia tidak akan berhasil hanya dengan berdakwah sahaja, bertabligh dengan berpidato sahaja. Orang-orang yang ketagih menekan leher sesama manusia, ketagih merampas kuasa Allah, tidak akan menyerahkan kuasa mereka hanya dengan dakwah, tabligh dan penerangan sahaja. Sebab kalau dakwah tabligh dan penerangan sahaja sudah cukup, maka alangkah ringan dan mudahnya tugas itu dan alangkah mudahnya kerja para Rasul menegakkan agama Allah di muka bumi ini sejak zaman berzaman.

Proklamasi umum untuk membebaskan umat manusia daripada menjadi mangsa pengabdian oleh sesama manusia dan menegakkan kekuasaan Allah sahaja, bukanlah merupakan suatu proklamasi yang berpandukan teori falsafah yang negatif. Ia merupakan proklamasi yang berpijak di bumi nyata dan disertai dengan gerakan yang positif, disertai oleh pelaksanaan yang praktikal dalam bentuk suatu

sistem pemerintahan yang berpandukan syariat Allah, menghapuskan pengabdian oleh manusia atas sesama manusia, dan umat manusia mengabdikan diri dan bertuhan hanya kepada Allah sahaja tanpa sebarang sekutu bagi-Nya. Dengan demikian maka hendaklah usaha berdakwah dan mermberikan penerangan itu berjalan serentak, dan seimbang dengan gerakan melaksanakan tujuan proklamasi itu.

Oleh kerana ia suatu proklamasi umum bagi kemerdekaan dan kebebasan seluruh UMAT MANUSIA di seluruh MUKA BUMI, kemerdekaan dan kebebasan dari sebarang kekuasaan yang lain dari kekuasaan Allah, maka agama Islam, di sepanjang zaman gerakannya, terpaksa berhadapan dengan beraneka ragam rintangan dan halangan, baik yang bentuk akidah dan konsep hidup, mahu pun yang bercorak benda dan realiti, termasuk sistem politik, corak pemerintahan, sosial, ekonomi, pertentangan kelas dan berbagai bentuk ajaran karut.

Kalaulah penerangan (dakwah) terpaksa menghadapi masalah iktikad dan konsep hidup, maka gerakan terpaksa pula menghadapi beraneka halangan berbentuk benda, bermula dari kekuasaan politik (status quo dan vested interest), yang menguasai bidang kepercayaan di samping melindungi faham perkauman, realiti hidup dan organisasi sosial dan ekonomi yang berliku-liku. Kedua-duanya (penerangan (dakwah) dan gerakan) terpaksa menghadapi realiti KEMANUSIAAN seturuhnya dengan cara yang sesuai dengan peranan dan keadaan masing-masing. Kedua-duanya adalah syarat mutlak untuk memulakan gerakan membebaskan umat manusia di bumi ini, seluruh UMAT MANUSIA dan di seluruh MUKA BUMI. Syarat mutlak yang mesti dilaksanakan!

Sesungguhnya agama Islam bukanlah hanya sekadar suatu proklamasi kebebasan dan kemerdekaan manusia dan bumi Arab sahaja! Perutusan dan messagenya bukanlah khas untuk orang-orang Arab sahaja, sebab dasar dan tajuk percakapannya ialah “manusia” setiap jenis manusia dan lapangannya ialah “bumi”, setiap keping bumi, sebab Allah bukanlah Tuhan bagi orang-orang Arab sahaja dan bukan juga Tuhan untuk penganut-penganut Islam sahaja bahkan Dia adalah Tuhan SERU SEKALIAN ALAM dan agama itu adalah bertujuan mengembalikan “alam” ini seluruhnya ke pangkuan TUHAN-nya mencegah mereka daripada menyembah dan mengabdikan diri (beribadat) terhadap yang lain daripada-Nya, sebab penghambaan yang paling besar, dalam pandangan Islam, ialah sifat patuh dan tunduk mahusia kepada undang-undang yang dibikin oleh manusia sendiri untuk diterima dan dipatuhi oleh sesama umat manusia inilah dia inti pengertian “ibadat”. Yang mereka berikrar bahawa “ibadat” itu hanya untuk Allah sahaja, kepada Allah sahaja, di hadapan Allah sahaja, dan sesiapa sahaja yang melakukan ibadat, menumpukan pengabdian dan kepatuhan kepada yang lain dari Allah, maka bererti dia telah keluar dari agama Allah, walaupun dia mengaku, mendakwa dan menepuk dada bahawa dia adalah seorang Islam. Rasulullah SAW telah membuat penegasan bahawa “kepatuhan” dalam peraturan hidup, undang-undang dan dasar pemerintahan itu adalah merupakan sejenis “ibadat” yang menyebabkan orang-

orang Kristian (Nasrani) dipandang sebagai orang musyrikin yang menentang dan mengingkari perintah Allah supaya “ibadat” itu ditumpukan kepada Allah sahaja.

Imam At-tirmidzi telah meriwayatkan, dengan sanadnya, mengenai cerita Adi bin Hatim r.a. bahawa setelah sampai kepadanya dakwah Rasulullah SAW, beliau tidak mahu memeluk Islam dan terus melarikan diri ke Syam, kerana beliau telah menganut agama Kristian sejak zaman jahiliyah. Seorang saudara perempuannya (barangkali kakaknya) dengan disertai oleh beberapa orang terkemuka kaumnya telah jatuh menjadi orang tawanan tentera Islam; tetapi Rasulullah merasa kasihan kepada saudara perempuannya itu lalu beliau membebaskannya. Setelah dibebaskan, saudara perempuan Adi bin Hatim pulang menemui beliau (Adi) lalu diajaknya beliau menganut Islam dan datang mengadap Rasulullah SAW di Madinah. Ketibaan mereka berdua beradik itu rupanya menjadi buah mulut penduduk Madinah, kerana beliau (Adi) masuk menghadap Rasulullah dengan keadaan memakai sebatang salib (cross) perak di lehemya.

Kebetulan pada ketika itu Rasulullah SAW sedang menyampaikan firman Allah yang bermaksud: *Orang-orang Yahudi dan Kristian telah memandang padri-padri, rahib-rahib pendeta dan ketua agama mereka sebagai Tuhan selain dari Allah*. Mendengar bacaan ayat ini Adi pun terus menjawab: “tidak, mereka itu (Yahudi dan Kristian) tidak menyembah dan melakukan ibadat terhadap para padri dan rahib itu”, lalu Rasulullah SAW pun menjawab dengan tegasnya: “bahkan! ketegasan ini sangat benar, kerana pada padri dan rahib itu telah mengharamkan perkara-perkara yang dihalalkan oleh Allah, mereka menghalalkan perkara-perkara yang Allah, haramkan, lalu mereka (orang-orang Yahudi dan Kristian itu) terima dan patuh sahaja menerima keputusan yang dibuat oleh para padri dan rahib itu. Itulah erti dan maksud ibadat mereka terhadap padri dan rahib itu.”

Tafsiran Rasulullah SAW atas firman Allah ini adalah merupakan nas dan sandaran hukum yang pemutus, Yang memberi kesimpulan bahawa sikap tunduk, patuh dan menerima sahaja dalam masalah perundangan dan pemerintahan adalah juga bererti pengabdian yang boleh menyebabkan individu dan golongan yang berkenaan itu terkeluar dari agama Islam dan juga boleh membawa erti bahawa sikap seperti itu adalah satu bentuk pendewaan dan pemujaan, malah mempertuhankan sesama manusia sendiri, iaitu suatu masalah yang hendak dikikis habis oleh Islam dan malah kehadiran Islam pun adalah bertujuan untuk memproklamasikan kebebasan MANUSIA di muka BUMI daripada mengabdikan diri kepada yang lain daripada Allah. Dengan demikian maka Islam mesti bergerak di bumi ini untuk menghapuskan realiti yang bertentangan dengan proklamasi umum itu, menyampaikan penerangan (dakwah) dan menjalankan gerakan sekali gus; juga hendaklah ia (Islam) itu memberikan pukulan balas terhadap segala macam hantaman dan pukulan pihak penguasa politik yang mermaksa umat manusia mengabdikan diri kepada yang lain daripada Allah, iaitu yang memerintah mereka dengan memakai undang-undang dan syariat yang lain daripada undang-undang dan syariat Allah, dan menyekat umat manusia mendengar penerangan (dakwah) dan menganut akidah dengan aman dan bebas, tanpa dihalangi oleh

sebarang kekuasaan yang lain, supaya ia menegakkan suatu sistem sosial, ekonomi dan politik yang membolehkan gerakan pembebasan itu berjalan lancar dan teratur, setelah hapus kekuasaan yang menghalangnya, sama ada kekuasaan itu berbentuk kekuasaan politik sahaja atau disertai dengan dasar-dasar perkauman, pertentangan kelas atau lain-lain unsur lagi.

Islam tidak sama sekali bermaksud memaksa umat manusia menganut akidah atau kepercayaannya tapi perlulah diingat bahawa Islam itu bukanlah hanya suatu akidah sahaja kerana seperti telah kita utarakan tadi Islam juga suatu proklamasi umum bagi pembebasan umat manusia daripada mengabdikan diri kepada sesama umat manusia. Islam juga mempunyai suatu tujuan pokok untuk menghapus dan mengikis sistem dan pemerintahan yang berdasarkan penindasan dan pengabdian oleh umat manusia atas sesama umat manusia. Kemudian, setelah setiap individu diberi kebebasan yang sejati untuk memilih sendiri akidah dan pegangan hidup masing-masing, berdasarkan kehendak dan pilihan sendiri dalam keadaan beroleh kebebasan sepenuhnya, setelah tiada lagi tekanan politik dan ancaman pihak berkuasa ke atas mereka, setelah roh dan jiwa mereka mendapat sinar penerangan yang secukupnya mengenai Islam dan lain-lain agama dan pegangan hidup. Kebebasan itu tidak pula bererti bahawa mereka bebas untuk bertuhankan hawa nafsu dan mereka merelakan diri untuk mengabdikan diri kepada sesama umat manusia, atau untuk menjadikan sesama umat manusia sebagai Tuhan yang dipatuhi segala suruhan dan larangannya, atau juga untuk mengabdikan diri kepada Tuhan yang lain daripada Allah sahaja.

Sesungguhnya sistem yang memerintah umat manusia di muka bumi ini hendaklah berdasarkan pengabdian diri umat manusia kepada Allah SWT sahaja, iaitu dengan cara menerima undang-undang dan syariat Allah sahaja, dalam mana setiap individu mesti menerima arahan dan perintah Allah sahaja. Sesudah itu bolehlah setiap individu menganut apa jua akidah yang mereka suka. Dengan demikian barulah agama itu menjadi kepunyaan Allah sahaja, sebab perkataan agama "addin" itu sendiri sebenarnya mengandungi pengertian yang lebih luas daripada perkataan akidah, sebab "agama" (addin) itu ialah bererti peraturan hidup dan undang-undang yang menguasai sendi-sendi kehidupan dan ia mesti berdasarkan akidah. Di dalam Islam perkataan "addin" mencakup pengertian yang lebih luas daripada "akidah" sebab di dalam Islam sebuah organisasi atau masyarakat majmuk boleh tunduk kepada program dan panduan umum Islam yang berasaskan pengabdian diri kepada Allah sahaja, walaupun ada unit-unit tertentu di dalam masyarakat itu yang tidak menganut akidah Islam.

Orang-orang yang mengerti akan tabiat dan resam agama ini (Islam) - mengikut cara yang telah dihuraikan tadi - akan mengerti dan faham pula tentang betapa penting dan perlunya sebuah organisasi yang aktif dan dinamis yang dibawa oleh Islam dalam bentuk perjuangan dengan menggunakan kekuatan senjata di medan perang, di samping perjuangan di medan penerangan (dakwah). Mereka juga tentu mengerti dan faham bahawa perjuangan Islam itu bukanlah suatu perjuangan untuk mempertahankan diri sahaja, mengikut pengertian yang sempit,

seperti yang dimaksudkan oleh orang-orang yang frust berhadapan dengan tekanan yang kononnya "realiti", atau dengan serangan dan kecaman kaum orientalis pandir yang bermaksud hendak menggambarkan bahawa gerakan jihad di dalam Islam itu adalah semata-mata suatu gerakan mempertahankan diri sahaja.

Seandainya gerakan jihad Islam itu terpaksa dinamakan sebagai "gerakan mempertahankan diri" maka kita perlu mengubah pengertian perkataan "bertahan" atau "pertahanan". Kita mesti menganggapnya sebagai "pertahanan terhadap manusia" itu terdiri, terhadap segala sebab yang menyekat dan menghalang kebebasannya, baik yang berbentuk konsep atau cara berfikir, atau yang berbentuk susunan ekonomi atau pertentangan kelas yang telah bertapak. Islam datang dan terus sahaja wujud dalam beraneka bentuknya di zaman jahiliyah moden ini.

Dengan meluaskan pengertian perkataan "pertahanan" itu kita akan dapat menghadapi hakikat gerakan Islam di BUMI ini dengan cara berjihad dan kita boleh pula mengerti hakikat Islam itu sendiri sebagai suatu proklamasi umum yang terbuka ke arah pembebasan umat manusia dan mengabdikan diri kepada sesama manusia dan dari mempertuhankan sesama umat manusia, dan mengakui ketuhanan serta kekuasaan Allah sahaja untuk seluruh alam ini, menghancurkan kuasa hawa nafsu manusia di muka bumi ini, dengan diambil alih oleh kuasa di dalam kehidupan umat manusia.

Adapun usaha untuk menyempitkan pengertian jihad Islam dan memanggilnya sebagai gerakan "bertahan" mengikut pengertian zaman moden ini, juga usaha untuk mencari alasan bagi mensabitkan bahawa peristiwa-peristiwa jihad di dalam Islam itu adalah semata-mata untuk menentang ancaman kuasa luar ke atas negeri Islam, yang oleh setengah orang pula dipandang bahawa yang dimaksud dengan negeri Islam itu ialah Semenanjung Arabia sahaja, maka usaha itu adalah merupakan suatu usaha yang berpunca dari kurang pengertian mengenai tabiat agama ini dan tabiat peranannya dalam seluruh masalah di muka bumi ini, seperti juga usaha itu menekan sikap menyerah kalah berhadapan dengan realiti zaman moden dan kecaman pada orientalis mengertikan pengertian jihad Islam itu.

Cubalah anda lihat dan fikir, seandainya Abu Bakar, Umar dan Osman r.a. merasa bahawa Semenanjung Arabia itu selamat dari ancaman permusuhan dari kerajaan Romawi dan Parsi, adakah mereka tinggal membungkam sahaja tanpa menjalankan gerakan melebarkan pengaruh agama ini ke seluruh pelosok dunia? Lihatlah lagi bagaimana mereka telah menyebarkan agama ini, sedangkan halangan dan rintangan begitu hebat menyekat mereka, baik yang berbentuk sistem pemerintahan, sosial dan ekonomi, dengan dilindungi dan dikawal oleh negara-negara raksasa itu.

Adalah suatu kebodohan bahawa seseorang itu memikirkan bahawa penerangan dan dakwah yang memproklamirkan kebebasan manusia, semua manusia di muka "bumi" dan negeri di dunia ini, kemudian dakwah itu berdiri tegak di hadapan rintangan dan halangan dengan hanya bersenjatakan lidah dan pena sahaja!

Sesungguhnya dakwah ini boleh berjuang melalui penerangan secara lisan dan pena sahaja ketika ia bebas berbicara dan berdialog dengan setiap orang dalam suasana penuh kebebasan dan kemerdekaan, tanpa dihalang dan disekat oleh sesuatu apa pun ketika itulah baru dianggap berlakunya perintah dan dasar "tiada paksaan dalam beragama (لااكراه في الدبن) Adapun bila ada halangan berupa benda, maka hendaklah terlebih dahulu halangan itu dihapuskan dengan kekerasan dan paksaan, supaya dakwah boleh mengetuk pintu hati dan fikiran umat manusia dengan bebas, tanpa gangguan.

Jihad dan perjuangan adalah syarat utama bagi perjalanan dakwah ini, kerana tujuan dan matlamatnya ialah memproklamirkan kebebasan umum umat manusia hingga ia mampu menghadapi realiti dari segenap segi. Ia tidak cukup dengan hanya memberi penerangan dan penjelasan bercorak falsafah sahaja, sama ada tanahair Islam, atau mengikut istilah Islam yang sebenarnya "Negara Islam" (Darul-Islam) itu bebas atau terancam oleh kekuatan negara asing.

Pada ketika Islam mencari perdamaian, maka yang dicarinya bukanlah sejenis perdamaian yang rendah mutu dan nilainya, iaitu semata-mata hendak mengamankan secebis tanah, sekangkang kera, yang didiami oleh kaum muslimin; malah yang dikehendakinya ialah perdamaian yang menjamin bahawa kepatuhan umat manusia itu tertumpu sepenuhnya kepada Allah sahaja, dengan pengertian bahawa ketundukan dan kepatuhan umat manusia itu tertumpu dan tertumpah kepada Allah sahaja, baik soal ibadat maupun urusan hidup di dunia, tiada sedikit jua pun pengabdian oleh manusia terhadap sesama manusia.

Penentuan jaya atau gagalnya jihad Islam itu tidaklah boleh dilihat dari pusingan pertama, pusingan pertengahan atau pusingan akhir sesuatu perjuangan, tetapi hendaklah dilihat daripada sejauh mana kesan jihad itu terhadap kedudukan orang-orang kafir di dalam sesuatu negara itu; sama ada dapat dijadikan seperti kedudukan mereka sebagaimana yang digambarkan oleh Imam Ibnul-Qayyim di dalam kitabnya Zaadul-Maad dengan erti bahawa akhimya manusia itu terbahagi kepada tiga golongan sahaja, iaitu golongan orang Islam, golongan dzimmi dan golongan harbi yang sentiasa bimbang dan takut kepada orang dan pemerintah Islam, maka jihad Islam berjalan di atas landasan yang sebenarnya; tapi sekiranya kedudukan orang-orang kafir terus menerus dengan kufurnya, tanpa bimbang apa-apa; maka nyatalah jihad Islam itu gagal.

Inilah dia sikap penuh logik dari agama ini dan matlamatnya, bukan seperti yang difahamkan oleh orang yang keliru dan bengkrap dalam menghadapi realiti zaman sekarang dan dalam menghadapi para orientalis yang penuh putar belit itu.

Sesungguhnya Allah SWT telah menghindarkan orang-orang Mekah dan di zaman permulaan hijrah ke Madinah daripada kewajipan berjihad. Umat Islam diperintah supaya "genggam tangan kamu dan dirikanlah sembahyang"". Setelah itu baru mereka diizinkan berperang, dengan perintah wahyu:

أُذِنَ لِلَّذِينَ يُقَاتَلُونَ بِأَنَّهُمْ ظُلِمُوا وَإِنَّ اللَّهَ عَلَى نَصْرِهِمْ لَقَدِيرٌ (39) الَّذِينَ أُخْرِجُوا مِن دِيَارِهِمْ بِغَيْرِ حَقٍّ إِلَّا أَن يَقُولُوا رَبُّنَا اللَّهُ وَلَوْلَا دَفْعُ اللَّهِ النَّاسَ بَعْضَهُم بِبَعْضٍ لَّهُدِّمَتْ صَوَامِعُ وَبِيَعٌ وَصَلَوَاتٌ وَمَسَاجِدُ يُذْكَرُ فِيهَا اسْمُ اللَّهِ كَثِيرًا وَلَيَنصُرَنَّ اللَّهُ مَن يَنصُرُهُ إِنَّ اللَّهَ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ (40) الَّذِينَ إِن مَّكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنكَرِ وَلِلَّهِ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ (41)

Maksudnya: "Diizinkan kepada orang-orang Islam yang dimusuhi itu untuk berperang kerana mereka telah dizalimi orang, dan sesungguhnya Allah Maha Berkuasa untuk menolong dan memberi kemenangan kepada mereka. [laitu] orang-orang yang telah dihalau keluar dari negeri dan kampung halaman mereka dengan cara yang tidak benar, melainkan [semata-mata] disebabkan mereka berkata [menegaskan pendirian mereka "Allah Tuhan Kami", Dan kalaulah bukan kerana Allah membuat perimbangan di antara manusia nescaya runtuhlah tempat-tempat pertapaan gereja, tempat-tempat sembahyang [Yahudi] dan juga masjid-masjid tempat mana nama Allah disebut orang di dalamnya; dan Allah pasti akan menolong sesiapa sahaja [individu dan umat] yang menolong menegakkan agamanya, kerana sesungguhnya Allah itu Maha Kuat [Berkuasa] dan Maha Mulia, iaitu orang-orang [individu dan umat Islam] yang bila Kami beri keteguhan kepada mereka [beri kekuasaan dan kedudukan yang baik] nescaya mereka menegakkan sembahyang dan membayar zakat, juga mereka memerintah dengan maaruf [dengan berpandu kepada ajaran Allah] dan mereka mencegah kemungkaran [sesuatu yang berlawan dengan perintah Allah] dan kepunyaan Allah jualah kesudahan segala masalah."

(Al-Haj: 39-41)

Kemudian mereka diperintah memerangi orang-orang dan atau golongan yang memerangi mereka terlebih dahulu dan dilarang memerangi orang atau golongan yang tidak mula memerangi mereka.

Firman Allah:

وَقَاتِلُواْ فِي سَبِيلِ اللّهِ الَّذِينَ يُقَاتِلُونَكُمْ

Maksudnya: "Dan hendaklah kamu sekaliannya berperang di jalan Allah [melawan] golongan dan orang yang memerangi kamu."

(Al-Baqarah: 19)

Kemudian baru mereka diperintah memerangi seluruh orang musyrik, melalui Firman:

وَقَاتِلُواْ الْمُشْرِكِينَ كَآفَّةً كَمَا يُقَاتِلُونَكُمْ كَآفَّةً

yang bermaksud: "Maka hendaklah kamu sekalian memerargi kaum musyrikin seluruhnya seperti mereka memerangi kamu seluruhnya."

(At-taubah: 36)

Mereka juga telah diberi peringatan:

قَاتِلُواْ الَّذِينَ لاَ يُؤْمِنُونَ بِاللّهِ وَلاَ بِالْيَوْمِ الآخِرِ وَلاَ يُحَرِّمُونَ مَا حَرَّمَ اللّهُ وَرَسُولُهُ وَلاَ يَدِينُونَ دِينَ الْحَقِّ مِنَ الَّذِينَ أُوتُواْ الْكِتَابَ حَتَّى يُعْطُواْ الْجِزْيَةَ عَن يَدٍ وَهُمْ صَاغِرُونَ (29)

Maksudnya: "Hendaklah kamu sekalian memerangi orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat, dan orang-orang yang tidak mengharamkan apa yang Allah dan Rasul-Nya telah haramkan, dan tidak beragama dengan agama yang benar, iaitu dari golongan ahli kitab [Yahudi dan Kristian], sehingga mereka membayar jizyah dengan keadaan taat dan merendah diri."

(Baraah: 29)

Jadi, berperang itu mengikut pendapat Imam Ibnul-Qayyim pada peringkat pertamanya dilarang, kemudian dibenarkan, kemudian disuruh lakukan ke atas individu dan golongan yang memulakan peperangan itu, kemudian diperintah supaya perang itu dilakukan ke atas seluruh orang musyrikin.

Ketegasan nas-nas Al-Quran yang diturunkan mengenai masalah jihad dan perjuangan, dan ketegasan hadis Nabi yang penuh berisi perangsang untuk berperang dan juga ketegasan peristiwa-peristiwa dan bukti sejarah dari kejadian dan keadaan di zaman kebangkitan Islam dahulu sesungguhnya nas dan bukti yang begitu terang dan nyata itu menyekat otak dan fikiran kita daripada menerima pentafsiran ala orang yang frust dalam menghadapi tekanan realiti zaman kini dan juga dalam menghadapi kecaman para orientalis mengenai pengertian jihad di dalam Islam.

Siapakah gerangan di kalangan orang yang mengenal Allah dan RasulNya dan mendengar perintah-Nya mengenai hal ini, dan orang yang mengikuti jejak perjuangan Islam di dalam masalah jihad di dalam Islam yang sampai hati menganggap bahawa perintah jihad di dalam Islam, adalah merupakan perkara sampingan sahaja, yang hanya tertakluk kepada suasana tertentu sahaja untuk sekadar menjaga keselamatan sempadan negeri sahaja?

Sesungguhnya Allah SWT telah menerangkan kepada orang-orang beriman melalui ayat yang julung kali diturunkan untuk memberi lampu hijau bagi

melakukan perang, bahawa perkara yang selalu berlaku di dalam resam hidup di dunia ini ialah bahawa Allah sentiasa menjaga perimbangan antara sesama golongan umat manusia itu sendiri supaya terhindarlah kerosakan dan pencabulan di bumi ini, mengikut ayat ..... Al-Haj: 39-40.

أُذِنَ لِلَّذِينَ يُقَاتَلُونَ بِأَنَّهُمْ ظُلِمُوا وَإِنَّ اللَّهَ عَلَى نَصْرِهِمْ لَقَدِيرٌ (39) الَّذِينَ أُخْرِجُوا مِن دِيَارِهِمْ بِغَيْرِ حَقٍّ إِلَّا أَن يَقُولُوا رَبُّنَا اللَّهُ وَلَوْلَا دَفْعُ اللَّهِ النَّاسَ بَعْضَهُم بِبَعْضٍ لَّهُدِّمَتْ صَوَامِعُ وَبِيَعٌ وَصَلَوَاتٌ وَمَسَاجِدُ يُذْكَرُ فِيهَا اسْمُ اللَّهِ كَثِيرًا وَلَيَنصُرَنَّ اللَّهُ مَن يَنصُرُهُ إِنَّ اللَّهَ لَقَوِيٌّ عَزِيزٌ (40) الَّذِينَ إِن مَّكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنكَرِ وَلِلَّهِ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ (41)

yang telah dihuraikan tadi maksudnya: Yang demikian menjadi kelaziman yang terus menerus wujud, bukan suatu kebetulan dan keadaan yang bersifat sementara sahaja. Kebenaran dan kebatilan itu tidak dapat hidup rukun damai bersama-sama dalam bentuk co-existensi di dunia ini. Sesungguhnya bila sahaja Islam mencanangkan supaya ditegakkan kekuasaan Allah di atas muka bumi ini dan dibebaskan umat manusia itu dari belenggu pengabdian oleh sesama umat manusia, tentunya ia akan dilemparkan dengan berbagai ragam tuduhan oleh orang-orang yang telah merampas dan menyamun kekuasaan Allah dan tentulah ia (Islam) mesti bekerja keras untuk membinasakan penyamun yang telah merampas kuasa Allah itu dan membebaskan umat "manusia" daripada dikuasai terus menerus oleh penyamun-penyamun itu; iaitu suatu hal yang tak mengenal kompromi dan damai melainkan apabila sahaja segala kekuasaan ini menjadi kepunyaan Allah SWT sahaja.

Sebenarnya larangan berperang di zaman Mekah itu tidak lain dari suatu peringkat zaman dalam perjuangan yang panjang. Demikian juga halnya dengan larangan berperang di zaman permuaan hijrah. Motif yang mendorong masyarakat Islam di Madinah selepas itu untuk bertindak dengan tujuan untuk mengamankan Madinah sahaja. Memanglah itu menjadi tujuan utama yang tak dapat dihindarkan lagi; tetapi tindakan itu mempunyai tujuan asas bagi menjamin lancamya tindakan itu yang akan mengamankan pengkalan pergerakan; pergerakan untuk pembebasan umat manusia dan menghapuskan "halangan" yang menyekat manusia daripada bergerak bebas dan bertindak mengikut panduan yang telah digaris oleh Islam.

Larangan berperang yang dikenakan ke atas orang-orang Islam di zaman Mekah adalah merupakan suatu perkara yang mudah difaham. Di Mekah terdapat kebebasan berdakwah. Ditambah pula oleh fakta bahawa sebagai pemimpin perjuangan ini Rasulullah SAW telah mendapat perlindungan di bawah kawalan senjata Bani Hasyim. Beliau beroleh perlindungan untuk berdakwah dan mengetuk pintu hati dan fikiran setiap orang, juga untuk menghadapi ancaman daripada orang-orang tertentu; juga kerana di Mekah tiada sebarang kuasa politik yang

teratur untuk menyekat beliau dari menjalankan kegiatan dakwah dan menyekat orang dari menadah telinga dan fikiran ke arah dakwah beliau. Dengan demikian tiada sebab, di peringkat ini, untuk menggunakan kekuatan, di samping terdapat juga beberapa faktor lain di peringkat ini.

Saya telah mengupas di dalam buku Tafsir yang diberi nama DI BAWAH BAYANGAN AL-QURAN tentang masalah ini di dalam mentafsirkan ayat:

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ قِيلَ لَهُمْ كُفُّواْ أَيْدِيَكُمْ وَأَقِيمُواْ الصَّلاَةَ وَآتُواْ الزَّكَاةَ

dari surah An-Nisa' yang elok juga kiranya disedut sebahagian dari huraian di sini. "Boleh jadi yang demikian itu kerana peringkat zaman Mekah itu merupakan peringkat zaman pendidikan dan membuat persediaan atau persiapan, di dalam keadaan masyarakat tertentu, untuk golongan kaum tertentu dan di tengah lingkungan keadaan yang tertentu pula. Di antara tujuan utama pendidikan dan persediaan dalam suasana yang sebegini ialah mendidik dan melatih jiwa dan semangat orang Arab supaya tabah dan sabar menanggung kesusahan serta tahan menderita, supaya setiap orang itu terlepas dari kongkongan rasa cinta diri, supaya hati mereka tidak lagi terikat dengan kebiasaan mencari sesuatu untuk kepentingan diri sendiri sahaja. Untuk mendidik mereka mengawal saraf dan perasaan dari terus mengambil tindakan balas atau sesuatu kejadian, supaya tingkah laku dan tindak tanduknya dibuat dengan penuh teliti dan matang. Juga untuk mendidiknya hidup dalam masyarakat yang teratur yang tidak akan bertindak kecuali mengikut garis yang telah ditetapkan oleh masyarakatnya, walaupun garis itu bertentangan dengan kepentingan dirinya, dengan kebiasaan dan adat hidupnya. Ini merupakan batu asas dalam menyediakan keperibadian masyarakat Islam yang tunduk di bawah satu pimpinan yang tamaddun dan berabad.

Boleh jadi juga kerana dakwah secara aman damai itu lebih berkesan seperti di dalam masyarakat Quraisy itu, yang terkenal sebagai sebuah masyarakat yang punya kebanggaan sendiri. Dalam peringkat ini, peperangan akan menyebabkan timbulnya kekerasan dan kekacauan seperti yang telah mencetuskan perang DAHIS dan AL GHABRA', pertempuran AL SABUS, bertahun-tahun lamanya, di mana beberapa suku dan qabilah telah musnah hancur; kekacauan yang masih panas kerana baru sahaja berlaku itu masih besar pengaruhnya di dalam fikiran dan ingatan mereka di zaman permulaan Islam. Islam sendiri pun mungkin akan menyeleweng daripada suatu bentuk dakwah dan sebuah agama menjadi suatu punca pergaduhan dan perpecahan; sedangkan ia (Islam) itu masih merupakan suatu perkara baru.

Boleh jadi juga yang demikian kerana hendak mengelakkan pertumpahan darah dalam setiap rumahtangga, kerana masih belum wujud lagi suatu kuasa yang teratur dan dipatuhi orang, kuasa yang benar-benar bekerja menyeksa dan menganiaya serta menabur fitnah ke atas orang-orang Islam, kerana kerja seperti itu sebenarnya adalah kerja-kerja perseorangan, sahaja, pekerjaan individu yang punya ramai hamba sahaya dan pengikut. Dalam masyarakat seperti ini, peperangan

bererti mencetuskan pertumpahan darah dalam setiap rumahtangga, yang menyebabkan orang boleh salah anggap dan salah tanggap terhadap Islam, lalu mereka katakan: itulah dia Islam! Memang tuduhan seperti itu telah diluahkan orang walaupun sebenarnya Islam telah mencegah dan melarang dilakukan perang dalam suasana seperti itu. Tuduhan seperti itulah yang menjadi modal utama kaum Quraisy dalam gerakan kempen mereka menentang Islam di setiap musim haji. Mereka katakan Muhammad telah memecah-hancurkan kaumnya sendiri. Gambarkanlah sendiri apa yang terjadi seandainya beliau sendiri pula yang menganjurkan peperangan total di kalanqan masyarakat kecil seperti itu!

Boleh jadi juga kerana Allah Maha Mengetahui bahawa banyak orang yang degil, keras hati dan suka mengganggu orang Islam generasi pertama, iaitu orang yang mula-mula menganut agama Islam di hari-hari pertama perlantikan Nabi Muhammad sebagai Rasul Allah, dengan tujuan memaksa mereka keluar murtad dari agama Islam dan kembali kepada agama syirik. Gangguan ini dilakukan dengan bermacam cara, dengan ugutan dan seksaan, tapi ternyata kemudiannya, orang-orang itu sendiri pula menjadi tokoh penting dalam perjuangan agama Islam, malah ada pula yang menjadi pemimpin agung agama Islam. Bukankah Sayidina Umar bin AI Khattab salah seorang dari golongan ini?

Mungkin juga perkara ini disebabkan oleh pengaruh sentimen kesukuan Arab dalam sebuah masyarakat yang masih kuat dipengaruhi oleh adat bersuku dan berkabilah. Dalam masyarakat seperti ini perbuatan menolong dan membantu orang teraniaya dan dalam kesusahan, adalah suatu perbuatan yang lumrah; apa lagi kalau penganiayaan itu berlaku ke atas orang yang dihormati dan disegani. Banyak peristiwa yang membuktikan kebenaran pandangan ini. Sebagai contohnya: Ibnud-Daghnah tidak rela membiarkan Sayidina Abu Bakar, seorang hartawan yang disegani, keluar berhijrah ke Madinah dan meninggalkan kota Mekah. Dalam anggapan beliau, berhijrahnya orang seperti Sayidina Abu Bakar adalah bererti aib besar ke atas orang Arab seluruhnya. Oleh kerana itulah beliau telah datang meminta kesudian Sayidina Abu Bakar menjadi jirannya, dengan janji bahawa beliau akan memberikan perlindungan kepadanya. Di antara peristiwa terakhir yang membenarkan pendapat ini ialah usaha memecahkan kepungan (blokade) ke atas Bani Hasyim dan dikoyaknya surat perisytiharan boikot ke atas Bani Hasyim dari golongan Abu Talib setelah sekian lama mereka menderita lapar dan susah; sedangkan di dalam setengah masyarakat "tamaddun" zaman dahulu yang biasa menentang penindasan, selalu sahaja bersikap masa bodoh sahaja terhadap kesusahan seperti itu. Sikap seperti ini boleh dianggap sebagai suatu sikap yang tercela dan bererti menghormati orang-orang zalim.

Boleh jadi juga kerana sangat kecilnya jumlah orang-orang Islam ketika itu, sebab mereka hidup terkepung dalam kawasan di sekitar Mekah sahaja, kerana dakwah Islamiyah belum sampai lagi ke pelosok lain dan masih belum begitu didengar orang lagi cerita mengenainya. Suku-suku lain tidak mahu campur tangan di dalam urusan yang mereka pandang sebagai pertikaian dalam kalangan sama-sama keluarga suku Quraisy, sehingga pertikaian itu selesai. Seandainya

peperangan diizinkan dalam suasana seperti ini, maka ia akan berkesudahan dengan tragedi penyembelihan beramai-ramai ke atas orang-orang Islam yang terlalu kecil bilangannya itu; walaupun mereka akan melawan serangan itu. Ini akan mengakibatkan musnahnya umat Islam dan menyebabkan ia sukar untuk berkembang, sedangkan Islam itu sendiri adalah suatu panduan hidup untuk seluruh umat manusia.

Demikianlah seterusnya .....

Adapun di Madinah - zaman permulaan hijrah - maka sesungguhnya perjanjian yang dimetraikan oleh Rasulullah SAW dengan orang Yahudi dan kaum musyrik Madinah dan kawasan-kawasan sekitarnya (terkenal dalam sejarah Islam sebagai PIAGAM MADINAH, sebagai tanda terbentangnya sebuah negara moden di Madinah, (negara yang memenuhi syarat-syarat bemegara mengikut istilah ilmu kenegaraan di zaman moden ini), adalah merupakan suatu hal yang sangat kena dan sesuai dengan keadaan dan masa.

Pertama: Kerana perjanjian itu menjamin kebebasan berdakwah, tidak dihalangi oleh sebarang kuasa politik, sebab mengikut perjanjian itu, semua orang mengiktiraf pemerintahan Islam yang baru muncul di bawah pimpinan Rasulullah SAW. Perjanjian itu ada menyebutkan bahawa setiap orang dan setiap golongan tidak boleh membuat sebarang perjanjian damai dan tidak boleh pula mengisytiharkan perang, juga mengadakan sebarang hubungan luar, melainkan terlebih dahulu mesti mendapat persetujuan Rasulullah SAW. Ini jelas menunjukkan bahawa pimpinan dan kekuasaan di Madinah sebenarnya terletak di dalam tangan orang Islam dan kesempatan berdakwah adalah terbuka lebar, juga kebebasan asasi umat manusia mengenai masalah ini (akidah), adalah terjamin sepenuhnya.

Kedua: Di peringkat ini Rasulullah SAW bermaksud mencari penyelesaian dengan kaum Quraisy yang terus menerus menentangnya, dan juga merupakan penghalang utama bagi kaum lain masuk menganut Islam. Rasulullah SAW juga ingin melihat penyelesaian di antara golongan Quraisy yang kontra dengan golongan yang pro Islam. Yang demikian beliau telah mengambil tindakan segera mengirim pasukan petroli (saraya jama' sariyyah), membawa panji-panji Islam. Petroli pertama yang dikirimnya ialah yang dipimpin oleh Sayidina Hamzah bin Abdul Mutalib (bapa saudara kandung Rasulullah sendiri) di dalam bulan puasa menjelang bulan ketujuh hijrah.

Pengiriman petroli atau sariyah itu dilakukan pula menjelang bulan kesembilan hijriah, diikuti pula oleh pengiriman di dalam bulan ketiga belas dan keenam belas hijriah. Kemudian dikirim pulalah petroli di bawah pimpinan Sayidina Abdullah bin Jahsy di awal Rajab bulan ketujuh belas hijriah. Ini sariyah pertama yang mengalami pertempuran sengit.

Pertempuran ini terjadi di dalam bulan haram (bulan suci yang dilarang berperang di dalamnya). Pertempuran inilah menjadi punca dan sebab turunnya ayat Firman Ilahi:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الشَّهْرِ الْحَرَامِ قِتَالٍ فِيهِ قُلْ قِتَالٌ فِيهِ كَبِيرٌ وَصَدٌّ عَن سَبِيلِ اللّهِ وَكُفْرٌ بِهِ وَالْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَإِخْرَاجُ أَهْلِهِ مِنْهُ أَكْبَرُ عِندَ اللّهِ وَالْفِتْنَةُ أَكْبَرُ مِنَ الْقَتْلِ وَلاَ يَزَالُونَ يُقَاتِلُونَكُمْ حَتَّىَ يَرُدُّوكُمْ عَن دِينِكُمْ إِنِ اسْتَطَاعُواْ

Maksudnya: "Mereka bertanya kepadamu [wahai Muhammad] tentang hukum berperang di dalam bulan yang dihormati, Katakanlah: "Berperang di dalam bulan itu adalah dosa besar; tetapi perbuatan menghalangi [orang Islam dari jalan Allah, kafir kepada Allah [menghalang orang Islam masuk] Masjidil Haram dan mengusir penduduknya dari sekitamya; lebih besar [dosanya] di sisi Allah. Dan angkara fitnah itu lebih besar [dosanya] daripada berbunuhan [semasa perang dalam bulan haram]. Mereka tidak berhenti-hentinya memerangi kamu sampai mereka [dapat] mengembalikan kamu dari agama kamu [kepada kekafiran] seandainya mereka sanggup [berbuat demikian]."

(Al-Baqarah: 217)

Kemudian peperangan Besar Badar (Badrul-Kubra) berlaku pada bulan Ramadan tahun itu juga dan peperangan itulah yang menjadi sebab turunnya Surah Al-Anfaal.

Kalaulah suatu sikap itu hendak diambil berdasarkan latar belakang kejadian peperangan ini, maka sama sekali tidak akan berbangkit langsung alasan "mempertahankan diri" mengikut definisinya yang sangat sempit itu, untuk dijadikan asas bagi gerakan jihad Islam; seperti yang selalu dikatakan oleh orang-orang yang bengkrap fikirannya menghadapi realiti yang berlaku dan menghadapi putar belit kaum orientalis.

Orang-orang yang sengaja mencari-cari alasan menjalankan gerakan Islam dalam bentuk "mempertahankan diri" sahaja sebenarnya telah beroleh ilham dan inspirasi dari terlalu hebatnya serangan kaum orientalis, pada ketika orang Islam sedang kehilangan kekuasaan seperti sekarang ini, dan malah ketika orang-orang Islam sedang kehilangan "Islam" itu sendiri, kecuali orang-orang yang masih dipelihara Allah iman dan semangatnya, yang mahu terus melaksanakan proklamasi umum Islam mengenai kebebasan umat MANUSIA di atas BUMI ini dari sebarang kekuasaan yang lain dari kekuasaan Allah SWT, supaya kekuasaan itu menjadi kepunyaan Allah SWT seluruhnya, lalu mereka berusaha dan berjuang terus meniupkan nafiri jihad dengan menonjolkan nama dan lambang Islam dengan tujuan untuk memenangkan Islam sahaja.

Gerakan dakwah Islam tidak memerlukan sebarang pedoman dan fakta sandaran yang lebih tepat daripada panduan wahyu Ilahi ini:

فَلْيُقَاتِلْ فِي سَبِيلِ اللّهِ الَّذِينَ يَشْرُونَ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا بِالآخِرَةِ وَمَن يُقَاتِلْ فِي سَبِيلِ اللّهِ فَيُقْتَلْ أَو يَغْلِبْ فَسَوْفَ نُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا (74) وَمَا لَكُمْ لاَ تُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللّهِ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ مِنَ الرِّجَالِ وَالنِّسَاء وَالْوِلْدَانِ الَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا أَخْرِجْنَا مِنْ هَذِهِ الْقَرْيَةِ الظَّالِمِ أَهْلُهَا وَاجْعَل لَّنَا مِن لَّدُنكَ وَلِيًّا وَاجْعَل لَّنَا مِن لَّدُنكَ نَصِيرًا (75) الَّذِينَ آمَنُواْ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللّهِ وَالَّذِينَ كَفَرُواْ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ الطَّاغُوتِ فَقَاتِلُواْ أَوْلِيَاء الشَّيْطَانِ إِنَّ كَيْدَ الشَّيْطَانِ كَانَ ضَعِيفًا (76)

Maksudnya: "Oleh kerana itu, maka hendaklah orang-orang yang menukar kehidupan dunia dengan kehidupan akhirat [iaitu orang mukmin yang mengutamakan kebahagiaan hidup akhirat atas hidup dunia ini] berperang di jalan Allah. [kerana] Barangsiapa yang berperang di jalan Allah lalu terbunuh [syahid] atau beroleh kemenangan, maka kelak Kami akan berikan kepadanya pahala yang besar. Dan mengapakah kamu tidak mahu berperang di jalan Allah dan membela orang-orang yang lemah baik laki-laki, wanita-wanita dan anak-anak yang selalu berdoa dengan berkata "Ya Tuhan kami, keluarkanlah kami dari negeri ini [Mekah] yang zalim penduduknya dan berilah kami pelindung dari sisi Engkau", orang-orang yang beriman itu berperang di jalan Allah, dan orang-orang yang kafir pula berperang di jalan taghut [syaitan] sebab itu perangilah kawan-kawan syaitan itu, kerana sesungguhnya tipu daya syaitan itu adalah lemah."

(An - Nisaa': 74-76)

قُل لِلَّذِينَ كَفَرُواْ إِن يَنتَهُواْ يُغَفَرْ لَهُم مَّا قَدْ سَلَفَ وَإِنْ يَعُودُواْ فَقَدْ مَضَتْ سُنَّةُ الأَوَّلِينِ (38) وَقَاتِلُوهُمْ حَتَّى لاَ تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ الدِّينُ كُلُّهُ لِلّه فَإِنِ انتَهَوْاْ فَإِنَّ اللّهَ بِمَا يَعْمَلُونَ بَصِيرٌ (39) وَإِن تَوَلَّوْاْ فَاعْلَمُواْ أَنَّ اللّهَ مَوْلاَكُمْ نِعْمَ الْمَوْلَى وَنِعْمَ النَّصِيرُ (40)

Maksudnya: "Katakanlah [wahai Muhammad] kepada orang-orang kafir itu: "Jika mereka berhenti [dari kekafirannya] Allah akan mengampuni dosa-dosa mereka yang sudah lalu. Dan jika mereka kembali lagi [kembali menjadi kafir semula dan memerangi Nabi] maka sesungguhnya akan berlaku [kepada mereka] sunnah [Allah ferhadap] orang-orang dahulu". Dan perangilah mereka sehingga tidak ada lagi fitnah [gangguan terhadap dan agama Islam] dan supaya agama itu bagi Allah semata-mata [supaya orang Islam bebas melaksanakan ajaran agamanya]. Jika mereka berhenti [dari kekafiran dan gangguan] maka sesungguhnya Allah Maha Melihat apa yang mereka kerjakan. Dan jika mereka berpaling [enggan beriman dan tidak berhenti menceroboh] ketahuilah bahawasanya Allah Pelindungmu dan sebaik-baik penolong."

(Al Anfaal: 38-40)

Dan firman Allah:

قَاتِلُواْ الَّذِينَ لاَ يُؤْمِنُونَ بِاللّهِ وَلاَ بِالْيَوْمِ الآخِرِ وَلاَ يُحَرِّمُونَ مَا حَرَّمَ اللّهُ وَرَسُولُهُ وَلاَ يَدِينُونَ دِينَ الْحَقِّ مِنَ الَّذِينَ أُوتُواْ الْكِتَابَ حَتَّى يُعْطُواْ الْجِزْيَةَ عَن يَدٍ وَهُمْ صَاغِرُونَ (29) وَقَالَتِ الْيَهُودُ عُزَيْرٌ ابْنُ اللّهِ وَقَالَتْ النَّصَارَى الْمَسِيحُ ابْنُ اللّهِ ذَلِكَ قَوْلُهُم بِأَفْوَاهِهِمْ يُضَاهِؤُونَ قَوْلَ الَّذِينَ كَفَرُواْ مِن قَبْلُ قَاتَلَهُمُ اللّهُ أَنَّى يُؤْفَكُونَ (30) اتَّخَذُواْ أَحْبَارَهُمْ وَرُهْبَانَهُمْ أَرْبَابًا مِّن دُونِ اللّهِ وَالْمَسِيحَ ابْنَ مَرْيَمَ وَمَا أُمِرُواْ إِلاَّ لِيَعْبُدُواْ إِلَهًا وَاحِدًا لاَّ إِلَهَ إِلاَّ هُوَ سُبْحَانَهُ عَمَّا يُشْرِكُونَ (31)

Maksudnya: "Perangilah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan tidak [pula] kepada hari akhirat dan mereka tidak mengharam apa yang telah diharamkan oleh Allah dan Rasul-Nya dan tidak beragama dengan agama yang benar [agama Allah], yaitu orang-orang [Yahudi dan Kristian] yang diberikan Al-Kitab kepada mereka, sampai mereka membayar jizyah dengan keadaan taat dan merendahkan diri. Dan berkata orang-orang Yahudi: "Uzair itu putera Allah" dan orang Nasrani berkata: "Al Masih itu putera Allah". Demikian itulah ucapan mereka dengan mulut mereka, mereka meniru perkataan orang-orang kafir yang terdahulu, dilaknat Allahlah mereka. Bagaimana mereka dapat berpaling [dari kebenaran]? Mereka jadikan pendeta dan rahib-rahib mereka sebagai Tuhan selain daripada Allah, dan (juga mereka mempertuhankan] Al-Masih putera Maryam, pada hal mereka hanya disuruh menyembah Tuhan Yang Maha Esa, tidak ada Tuhan selain Dia. Dia Maha Suci Allah dari apa yang mereka persekutukan."

(At Taubah: 29-31)

Inilah dia fakta-fakta sandaran yang mengesahkan ketuhanan Allah di "bumi" ini, dan melaksanakan panduan-Nya di dunia ini, beserta menghalau syaitan serta panduan-panduan syaitan, juga menghancurkan kuasa manusia yang menindas dan menekan sesama umat manusia sedangkan semua manusia itu adalah hamba Allah Yang Maha Berkuasa tidak boleh dikuasai dan dijadikan abdi oleh sesiapa pun dari kalangan sesama hamba Allah dengan menggunakan kuasa diri mereka sendiri dan dengan undang-undang yang bersumberkan hawa nafsu dan pendapat mereka sendiri dan ini pun mencukupi, di samping mengesahkan dasar "tiada paksaan dalam beragama", iaitu tiada paksaan untuk menganut agama Islam dan sebarang akidah, setelah seluruh umat manusia lepas bebas dari pengabdian oleh sesama manusia dan setelah diakui tegaknya suatu dasar bahawa kekuasaan seluruhnya adalah kepunyaan Allah sahaja.

Ia menjadi fakta sandaran bagi kebebasan umum umat manusia di seluruh dunia, dalam bentuk menarik manusia itu keluar dari kancah pengabdian oleh sesama manusia kepada pengabdian dan kepatuhan kepada Allah SWT; tiada siapa pun yang bersekutu dengan-Nya sedikit pun. Fakta sandaran inilah yang telah bersarang di dalam hati para pejuang Islam. Bila mereka ditanya mengenai apakah motif yang mendorong mereka berjuang, mereka tidak akan pernah menjawab: "kami berjuang untuk mempertahankan negeri kami yang sedang terancam", atau: "kami berperang untuk menyekat kemaraan musuh dari Parsi dan Romawi yang menceroboh kedaulatan negara kami"; atau "kami berjuang untuk memperluas kawasan negara kami dan mengumpul harta rampasan"; tetapi mereka akan terus menjawab seperti jawapan Sayidina Rab'a bin 'Amir, Huzaifah bin Muhsan dan Al-Mughirah bin Syu'bah, kepada Rustam Panglima Angkatan Perang Parsi di Medan Perang Qadisiah yang telah bertanya kepada mereka seorang demi seorang dalam tempoh tiga hari berturut-turut sebelum berlakunya pertempuran hebat antara tentera Parsi yang cukup lengkap dengan persenjataan, dengan tentera Islam yang kecil jumlah dan sedikit sekali persenjataannya. Rustam bertanya kepada mereka: "Apakah yang mendorong kamu ke mari untuk berperang dengan kami?" Jawapan mereka adalah bersamaan antara satu dengan yang lain, tidak berubah dan tidak berbeza. Jawapan mereka berbunyi begitu. "Bahawa Allah telah mengutus kami untuk mengajak dan menyeru tuan-tuan dan semua orang yang menumpahkan taat setianya kepada sesama manusia untuk bersama-sama dengan kami menyembah dan menumpah pengabdian kepada Allah Yang Maha Esa, dan menarik mereka keluar daripada kesempitan hidup dunia kepada medan hidup yang lebih selesa di dunia dan akhirat, dari keganasan dan kekejaman agama-agama kepada keadilan Islam lalu diutus-Nya utusan-Nya kepada seluruh umat manusia. Sesiapa sahaja menerima Islam maka kami sambut mereka dan kami akan meninggalkan negeri mereka, kami tinggalkan mereka terus berkuasa di negeri mereka sendiri. Sebaliknya sesiapa sahaja yang angkuh dan enggan menerima Islam maka kami akan memerangi mereka sehingga kami mendapat kurnia syurga Allah atau kami beroleh kemenangan."

Sebenarnya ada tenaga pendorong di dalam tabiat agama ini di dalam proklamasi umum dan juga di dalam programnya yang berpijak di dalam realiti untuk umat manusia, yang sesuai dengan bentuk hidup umat manusia yang berbagai bentuk dan caranya. Tenaga pendorong utama itu sentiasa hidup tegak, walaupun tiada sebarang bentuk permusuhan atas negeri Islam dan juga terhadap kedaulatan orang-orang Islam di dalam negeri itu, kerana ia adalah tenaga pendorong yang sejati dan asli di dalam program dan realitinya, bukan sekadar berpunca dari maksud mempertahankan diri sahaja, yang sangat sementara bentuknya.

Seorang muslim itu cukup untuk keluar berjuang mempertaruh jiwa raga dan harta bendanya di "jalan Allah" sahaja, di jalan dasar dan nilai Allah sahaja, tiada sebarang keuntungan benda bagi diri dan golongannya, tiada pula sebarang impian kebendaan yang mendorongnya.

Sebelum setiap orang muslim keluar berjuang dan berperang di medan jihad, dia pada hakikatnya telah pun berhasil mengharungi medan jihad yang amat besar di dalam dirinya sendiri, melawan godaan syaitan di dalam hatinya, menentang nafsu dan syahwah keinginan yang beraneka bentuk, menentang rasa haluba dan tamak, menentang rasa cinta diri, cinta kaum kerabat dan anak bangsa sendiri, dan malah menentang sebarang logo yang bukan logo Islam menentang sebarang dorongan untuk menyembah dan mematuhi sebarang kuasa yang lain daripada Allah dan sebarang halangan dari terlaksananya kekuasaan dan pemerintah Allah di muka bumi ini serta mencabar kekuasaan "TAGHUT" dan syaitan-syaitan ganas yang menyamun kekuasaan Allah.

Orang-orang yang sengaja mencari-cari jalan untuk mendapatkan sebarang fakta sandaran ke arah perjuangan dan jihad Islam dengan tujuan mempertahankan "Negara Islam" sahaja, orang yang seperti itu adalah orang yang suka merendahkan dasar dan program agama dan memandangnya lebih murah nilainya daripada "negeri". Ini bukan konsep Islam yang sebenar, malah ia merupakan suatu teori dan pendapat yang sumbang dan "songsang" sama sekali dari selera Islam; sebab akidah dan program yang mengatur perjalanannya dan masyarakat yang hendak dikuasai oleh akidah dan program itu adalah suatu simpulan kata yang sama dan satu sahaja di dalam selera Islam. Adapun "tanah" dan "bumi" sahaja maka tiada apa nilai dan harga pun, kerana setiap nilai dan harga bagi "tanah" dan "bumi" dalam pandangan Islam adalah berpunca daripada berkuasanya program dan ajaran Allah di atas "tanah" dan "bumi" itu, kerana itulah maka "bumi" itu menjadi tapak semaian akidah dan juga program itu di dalam bentuk "Negeri Islam", dan juga merupakan titik permulaan bagi perjalanan ke arah kebebasan umat manusia.

Memang benar bahawa menjaga "Negeri Islam" itu bererti menjaga akidah, program dan masyarakat yang di dalamnyalah akidah dan program itu berkuasa dan berdaulat. Tapi mesti diingat, ini bukanlah tujuan terakhir. Bukanlah tugas menjaga keselamatan menjadi matlamat terakhir bagi gerakan jihad Islam, kerana mengawal keselamatannya adalah merupakan satu jalan sahaja bagi tegak dan terlaksananya perintah Allah di dalamnya, juga dijadikan garis permulaan bertolak, sebab umat manusia adalah merupakan alat dan bahan bagi gerakan agama ini manakala bumi dan tanah pula merupakan tempat ia berpijak dan bercambah.

Kita telah mengatakan bahawa perjalanan membawa dan memikul ajaran agama ini akan disekat oleh berbagai bentuk halangan, baik yang berbentuk kekuasaan negara, sistem sosial dan politik dan juga berbentuk realiti yang menguasai keadaan, sedangkan semuanya adalah bahan-bahan yang hendak dihancurkan oleh Islam dengan menggunakan kekuatan supaya seluruh umat manusia dapat hidup bebas berhadapan dengannya, bebas bercakap dan mengetuk pintu hati dan fikirannya, setelah seluruh umat manusia itu dibebaskan dari belenggu, dan setelah mereka beroleh sepenuh kebebasan.

Kita mestinya tidak mudah terpedaya dengan tipu muslihat kaum orientalis terhadap dasar "jihad" dan kita sekali-kali jangan rela menanggung beban yang ditimbulkan oleh realiti di dalam kekalutan dunia zaman sekarang, lalu kita cuba

pula mencari-cari motif lain untuk jihad Islam di luar tabiat asal agama ini sendiri, supaya dapat bertahan untuk sementara, sebab “jihad” akan terus juga berjalan, dengan disertai atau tanpa motif itu.

Di samping itu kita membongkar realiti sejarah, kita tidak boleh lupa pokok dan inti tabiat agama ini, dan jangan sekali-kali kita cuba mencampur-adukkan inti itu dengan realiti yang berbentuk pertahanan yang bersifat sementara itu.

Memang benarlah agama ini mesti mempertahankan diri dari setiap serangan yang datang, kerana justeru wujudnya dalam bentuk proklamasi umum ketuhanan Allah, Tuhan Seru sekalian alam dan proklamasi kebebasan umat manusia daripada pengabdian diri kepada sesama umat manusia, dan penjelmaan wujudnya dalam organisasi yang aktif di bawah satu pengarah baru yang bukan pengarah jahiliyah, serta lahirnya sebuah masyarakat bebas yang berlainan bentuknya daripada yang telah sedia ada, yang tidak mengiktiraf kekuasaan sesama umat manusia, kerana kekuasaan yang sebenarnya adalah kepunyaan Allah SWT sahaja. Ya, memanglah wujudnya agama ini dalam bentuk yang disebutkan tadi dengan sendirinya mengancam masyarakat jahiliyah yang ada di sekitarnya, yang ditegakkan atas dasar pengabdian oleh manusia atas sesama umat manusia. Dengan sendirinya pula masyarakat jahiliyah itu akan berusaha menyepak dan menerajangnya dengan tujuan untuk memusnah dan membunuhnya sama sekali, bagi mempertahankan hidup masyarakat jahiliyah itu dan dengan demikian maka masyarakat yang baru muncul itu terpaksa mempertahankan dirinya.

Inilah kesulitan dan keserabutan yang tak dapat dielakkan, sebab ia sama jadi dan sama lahirnya dengan Islam sendiri. Inilah pertarungan yang mesti dihadapi oleh Islam, dan sama sekali tidak dapat ia mengelakkan diri darinya. Inilah peraturan semula jadi yang tak dapat dihindarkan.

Ini semuanya adalah fakta dan kebenaran mengikut pandangan inilah Islam mesti mempertahankan hidup dan wujudnya, dan mesti ia sanggup mengharungi medan perjuangan mempertahankan dirinya. Hal ini pasti dan tidak dapat dielakkan.

Ada satu lagi hakikat yang lebih penting daripada yang telah disebutkan tadi, iaitu telah menjadi sifat semula jadi Islam bahawa ia sentiasa bergerak terus menerus tanpa mempedulikan halangan dan rintangan, untuk menyelamatkan “manusia” di dalam “bumi” daripada terpaksa mengabdikan dirinya kepada yang lain daripada Allah. Hal ini tidak terhad dalam lingkungan geografi sahaja, tidak juga terlingkung dalam sempadan golongan dan kaum sahaja, dengan membiarkan “manusia”, semua jenis umat manusia di atas bumi ini seluruh “Pelusuk bumi” merengkok di bawah kuasa kejahatan, kemusnahan dan pengabdian diri kepada yang lain daripada Allah.

Sesungguhnya kuasa-kuasa yang menentang Islam itu telah pernah membuat keputusan untuk tidak lagi menyerang Islam, seandainya Islam sanggup membiarkan mereka meneruskan sikap dan dasar pengabdian diri kepada yang lain

daripada Allah, dalam lingkungan mereka sendiri, dan dalam batas negeri mereka sendiri. Kalaulah Islam sanggup membiarkan mereka menjalankan peranan mereka dengan cara tidak mendakwah Islam dan menyebarkan proklamasi umumnya itu.

Tetapi Islam tidak pernah mahu bertolak ansur dengan mereka, kecuali setelah mereka mengaku akan tunduk dan patuh di bawah kekuasaan Islam dalam bentuk membayar jizyah, sebagai jaminan bagi terbukanya pintu dakwah Islam tanpa diganggu-gugat oleh apa jua kekuasaan pun di dalam negeri itu.

Ini tabiat asal agama ini. Inilah dia tugasnya; kerana ia adalah proklamasi umum mengenai ketuhanan Allah Seru Sekalian Alam, dan proklamasi umum mengenai kebebasan umat manusia daripada sebarang pengabdian kepada yang lain daripada Allah di kalangan seluruh umat manusia.

Bandingkanlah sendiri antara Islam dalam bentuk yang asli ini dengan bentuk saduran yang terlingkung dalam ruang dan daerah yang sempit itu, ruang dan daerah sempadan negara dan suku, iaitu Islam yang sentiasa di dalam ketakutan.

Sesungguhnya motif gerakan Islam itu lahir dengan jelas sekali bila sahaja difahami benar-benar bahawa agama ini ialah ajaran dan panduan Allah untuk hidup umat manusia, bukan ajaran dan panduan bikinan tangan manusia, bukan suatu aliran fikiran dan isme yang khusus bagi suatu golongan tertentu sahaja, juga bukan sekadar untuk sesuatu golongan manusia sahaja. Kita tidak akan meraba-raba mencari motif dari luar kecuali bila kita telah kehilangan tongkat dan kita kabur mengenai hakikat yang agung itu iaitu bila sahaja kita lupakan bahawa masalah ini ialah masalah "ketuhanan" Allah dan "kehambaan" manusia kepada Allah setiap orang yang mengerti akan hakikat ini tidak mungkin meraba-raba mencari panduan yang lain, mengenai pengertian jihad di dalam Islam.

Jarak di antara kedua persimpangan jalan ini tidaklah begitu jauh sangat; iaitu antara konsep bahawa Islam itu terpaksa mengharungi perjuangan yang tidak dapat dielakkan lagi, kerana wujudnya di samping masyarakat jahiliyah yang akan menghentam wujudnya (Islam) itu sendiri dan bahawa Islam itu mesti memulakan gerakan dan menghayun langkah masuk ke gelanggang perjuangan jihad. Memang jarak antara keduanya tidak begitu jauh kerana dalam kedua-dua konsep itu pun ia (Islam) pasti akan mengharungi pertarungan itu! tapi pada peringkat akhirnya perbezaan antara keduanya akan nampak jelas sekali, mengubah perasaan dan pengertian keislaman begitu hebat dan menonjol.

Memang terlalu jauh jaraknya di antara konsep bahawa Islam itu suatu program dan panduan Ilahi yang datang untuk melaksanakan ketuhanan Allah SWT untuk seluruh alam ini, dan melaksanakan kepatuhan seluruh umat manusia kepada Allah Yang Maha Esa, serta mengesahkan pelaksanaan itu di dalam realiti, iaitu di dalam bentuk sebuah masyarakat yang menjamin kebebasan manusia dari pengaruh pengabdian oleh sesama umat manusia, dengan menumpukan ibadat kepada Allah SWT sahaja, dan menghayati syariat Allah sahaja sebagai undang-

undang negara mereka, menjadi lambang kekuasaan Allah; atau dengan perkataan lain, ketuhanan Allah itu menjelma di dalam kenyataan dan realiti dengan demikian ia berhak dan mampu menghancurkan semua halangan dan rintangan di tengah jalan supaya ia dapat berdialog langsung dengan fikiran dan hati kecil setiap individu tanpa sesuatu halangan pun baik yang berbentuk sistem politik negara, atau berbentuk realiti masyarakat itu. Memang jarak pemisahnya terlalu jauh antara konsep cara ini terhadap Islam, dengan konsep dan anggapan bahawa ia hanya sekadar suatu sistem tempatan bagi sesebuah negeri tertentu sahaja, yang hanya berhak mempertahankan diri dalam lingkungan sempadan yang sangat sempit itu.

Yang pertama tadi ialah suatu konsep dan yang kedua juga memang satu konsep walaupun dalam kedua-dua konsep itu Islam pasti akan berjihad; tapi konsep umum terhadap motif dan matlamat jihad dan natijahnya adalah berlainan dan berbeza sejauh-jauhnya, berbeza dalam segi kepercayaan dan berbeza dalam segi tektik dan strategi.

Adalah menjadi hak Islam bahawa ia bergerak daripada mulanya lagi, sebab ia bukanlah satu agama untuk sesuatu golongan tertentu sahaja. Ia juga bukan hanya sekadar suatu sistem hidup untuk suatu daerah dan negeri tertentu sahaja, tapi ia adalah suatu program dan panduan Tuhan, dan suatu sistem untuk dunia seluruhnya. Adalah menjadi hak Islam untuk bergerak menghancurkan halangan-halangan yang berbentuk sistem-sistem dan realiti yang menyekat kebebasan "manusia" untuk berusaha mencari dan memilih sendiri. Islam juga menjamin bahawa ia tidak akan menyerang setiap individu dan memaksa mereka menerima akidahnya. Ia hanya akan menyerang dan menghentam sistem-sistem dan realiti untuk membebaskan setiap individu daripada pengaruh yang merosakkan fitrah semula jadi umat manusia dan membelenggu kebebasan memilih.

Islam berhak menarik keluar umat "manusia" dari mengabdikan diri dan memuja sesama hamba Tuhan, supaya mereka hanya mengabdikan diri dan memuja Allah Yang Maha Esa pupaya ia dapat melaksanakan dan menyebarkan kandungan proklamasi umum mengenai ketuhanan Allah atas seluruh alam ini, dan membebaskan seluruh umat manusia. Pengabdian diri kepada Allah Yang Maha Esa tidak akan terlaksana - baik dalam pandangan Islam dan dalam realiti hidup yang praktikal - kecuali di bawah lindungan sistem Islam, sebab hanya Islam sahajalah satu-satunya sistem yang dijadikan. Allah untuk mengatur semua urusan hamba-Nya, baik yang rmemerintah mahu pun yang diperintah, baik yang berkulit putih atau berkulit hitam, baik yang jauh atau yang dekat, baik yang miskin atau yang kaya; melalui suatu undang-undang yang dipatuhi oleh mereka semua. Manakala di bawah sistem-sistem yang lain, maka dengan sendirinya umat manusia itu menyembah dan mengabdikan dirinya kepada sesama hamba Tuhan; kerana mereka mengambil peraturan hidup mereka daripada sesama hamba Tuhan; sedangkan kuasa membuat peraturan dan undang-undang itu adalah menjadi salah satu daripada sifat Allah SWT. Sesiapa sahaja yang mendakwa dirinya mempunyai sebarang hak untuk membuat undang-undang bagi kehidupan manusia, maka sesungguhnya orang itu telah mendakwa dan mendabik dada bahawa dirinya

mempunyai sifat-sifat ketuhanan, sama ada dia mengakui hal ini secara terus terang atau pun tidak. Sesiapa sahaja yang mengiktiraf seseorang manusia lain ada mempunyai sebarang hak atas dirinya bererti dia mengakui orang itu mempunyai hak ketuhanan dan berkuasa atas dirinya; sama ada dia menyebut perkataan "ketuhanan" itu atau tidak.

Lagi pula Islam itu bukanlah hanya suatu akidah sahaja, sehingga ia boleh merasa puas hati dan cukup dengan hanya menyampaikan dakwah mengenai akidahnya sahaja kepada umat manusia; bahkan ia adalah suatu program dan panduan yang mesti dilaksanakan di dalam gerakan organisasi bagi kebebasan umat manusia. Organisasi yang tidak bergerak dan bertindak dengan berpandukan dasar Islam tidak mungkin menyusun hidup rakyat jelatanya dengan berpandukan program Islam. Dengan demikian Islam mestilah menghapuskan sistem-sistem itu kerana semuanya itu adalah merupakan penghalang kepada kebebasan seluruh umat manusia. Ini - seperti kita katakan tadi - bererti kekuasaan dan agama itu adalah kepunyaan Allah sahaja dan tidak ada seorang hamba pun yang boleh mempunyai hak dan kuasa ke atas sebarang hamba Allah, seperti halnya dalam seluruh sistem yang ditegakkan di atas dasar pengabdian manusia atas sesama umat manusia.

Sebenarnya para penyelidik Islam di zaman moden ini, yang selalu merasa kecewa menghadapi realiti zaman sekarang melatui putar belit kaum orientalis yang pandir, sangatlah merasa berat untuk mengakui hakikat ini. Ini disebabkan kerana kaum orientalis yang pandir itu selalu sahaja membuat gambaran bahawa Islam itu adalah suatu gerakan kekerasan yang menggunakan senjata bagi memaksa orang menganut akidahnya; sedangkan kaum orientalis yang kurang ajar itu tahu benar-benar bahawa gambaran itu bukanlah suatu hakikat dan kebenaran, tetapi mereka sengaja menyembunyikan fakta sebenar mengenai hakikat jihad di dalam Islam dengan cara ini. Di samping itu pula maka berusahalah golongan yang trust dan kecewa tadi kononnya untuk menjaga imej dan nama baik Islam, juga

Jihad Di Jalan Allah dengan tujuan hendak menafikan tuduhan-tuduhan itu - lalu mereka mencari-cari alasan untuk mempertahankan diri, dengan melupakan sama sekali hakikat dan tabiat Islam yang asli dan melupakan fungsi dan peranannya yang sebenar dan melupakan haknya dalam usaha membebaskan seluruh umat manusia.

Sebenarnya fikiran para penyelidik di zaman moden ini telah dikaburi oleh pandangan-pandangan ala barat terhadap fungsi dan peranan serta tabiat "agama" dengan mengatakan bahawa agama ini ialah urusan akidah semata-mata, yang bersarang di lubuk hati; tiada apa jua sangkut pautnya dengan sistem dan realiti hidup. Dengan demikian perjuangan kerana agama itu bererti perjuangan untuk akidah semata-mata, supaya ia dapat bersarang di lubuk hati manusia.

Tetapi bukanlah begitu pandangan Islam; sebab Islam itu adalah panduan dan program Allah untuk hidup umat manusia. Program yang berasaskan "tauhid", iaitu mengesakan Allah SWT dengan sifat-sifat ketuhanan yang menjelma di dalam

bentuk kekuasaan, dan mengatur hidup tadi dengan mengikut perincian-perincian yang telah ditetapkan. Perjuangan untuk Islam itu adalah bererti: jihad dan perjuangan untuk melaksanakan program dan panduan itu. Ada pun akidah, maka ia adalah suatu hal yang bersangkut dengan rasa dan selera hati, di bawah lindungan suatu sistem universal itu, sesudah tabir yang menutupnya disingkap dengan demikian halnya berlainan sama sekali dan ia menjelma dalam bentuk baru dan sempurna.

Di mana sahaja ada organisasi Islam, yang menjunjung tinggi dan menghayati program dan panduan Tuhan; maka dengan sendirinya bererti Allah memberikan kepadanya hak bergerak untuk menatang terima kekuasaan Dan melaksanakan programnya, di samping membiarkan masalah akidah itu menjadi masalah individu yang berkaitan dengan kesedaran masing-masing. Kalaulah Allah SWT melarang golongan Islam daripada melakukan jihad untuk suatu ketika, maka itu adalah masalah taktik sahaja dan bukan masalah prinsip. Masalah mengendalikan organisasi bukan masalah akidah.

Atas dasar yang jelas dan terang inilah kita boleh memahami nas-nas dan petunjuk Al-Quran yang bermacam-macam bentuknya itu mengikut perkembangan sejarah yang silih berganti, mengikuti pasang surut hidup umat manusia.

Kita hendaklah jangan sekali-kali mencampur aduk dalil-dalil dari Ayat-ayat yang bersifat sementara dan menyusun strategi perjuangan jihad dengan Ayat-ayat yang merupakan dalil umum bagi organisasi Islam, yang tidak berubah-ubah di sepanjang zaman.

لااله الاالله منهج حياة

LA ILAAHA ILLALLAH PANDUAN HIDUP

Pengabdian diri kepada Allah SWT adalah merupakan akar tunjang dan rukun pertama dalam akidah Islamiyah yang dijelmakan di dalam pengakuan: Tiada Tuhan Melainkan Allah (LAA ILAAHA ILLALLAH). Manakala menerima pengajaran dari Rasulullah SAW mengenai cara menjalan dan melaksanakan pengabdian itu adalah merupakan bahagian yang kedua daripadanya, yang dijelmakan di dalam pengakuan: Muhammad itu ialah Utusan Allah (MUHAMMADUR-RASULULLAH).

Hati Muslim yang beriman dan menyerahkan dirinya kepada Allah itu adalah hati yang menjelma di dalamnya kedua-dua dasar yang disebutkan di atas tadi. Semua perkara selain daripada kedua-duanya baik yang berbentuk asas-asas keimanan dan rukun Islam, adalah merupakan pelengkap bagi kedua-dua tadi; kerana keimanan kepada malaikat-malaikat Allah, kitab-kitabNya, Rasul-rasulNya, hari kiamat, qada dan qadar, juga sembahyang, zakat, puasa dan haji, hukum halal dan haram, kemudian hukum hudud dan ta'zir, serta peraturan-peraturan mengenai muamalah, perundangan dan arahan-arahan keIslaman semuanya itu adalah tegak di atas dasar pengabdian diri kepada Allah SWT. Begitu juga sumber-sumber itu semuanya adalah ajaran-ajaran yang telah disampaikan kepada kita oleh Rasulullah SAW daripada Tuhannya.

Dan masyarakat Islam itu ialah masyarakat yang menghayati sepenuhnya kaedah-kaedah Islam dan hal-hal yang berkaitan dengannya di dalam kenyataan hidupnya; sebab masyarakat tanpa pelaksanaan dan peryelmaan kaedah-kaedah ini tidak boleh dipandang sebagai MASYARAKAT ISLAM.

Selanjutnya pengakuan bahawa tiada Tuhan melainkan Allah (LA ILAAHA ILLALLAH) dan Muhammad itu ialah utusan Allah (MUHAMMADUR RASULULLAH) adalah kaedah bagi suatu program yang lengkap yang menjadi tapak kepada kehidupan umat Islam seluruhnya. Kehidupan secara Islam ini tidak akan dapat ditegakkan sebelum kaedah ini ditegakkan terlebih dahulu; seperti juga kehidupan secara Islam tidak akan menjadi kehidupan secara Islam dengan sebenarnya sekiranya ia ditegakkan di atas kaedah yang lain daripada kaedah ini atau pun ia ditegakkan secara tempelan di samping kaedah-kaedah yang lain atau pun di samping beberapa kaedah lain yang asing darinya.

Firman Allah:

إِنِ الْحُكْمُ إِلاَّ لِلّهِ أَمَرَ أَلاَّ تَعْبُدُواْ إِلاَّ إِيَّاهُ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ

Maksudnya: Tidak ada kekuasaan memerintah itu melainkan kepunyaan Allah sahaja. Ia perintah supaya kamu jangan sembah dan mengabdikan diri melainkan Dia, kerana yang demikian itu ialah agama yang lurus.

(Yusoff: 40)

Firman Allah:

مَّنْ يُطِعِ الرَّسُولَ فَقَدْ أَطَاعَ اللّٰهَ

Maksudnya: "Sesiapa yang taat dan patuhkan Rasul, maka sesungguhnya dia telah taat dan patuhkan Allah. "

(An-Nisaa: 80)

Pengakuan yang ringkas dan mutlak itu memberikan panduan kepada kita untuk membuat kata pemutus mengenai beberapa persoalan pokok mengenai hakikat agama ini dan mengenai gerakannya di dalam kenyataan.

Pengakuan ini memberi panduan kepada kita dalam membuat garis pemisah mengenai:

Pertama : Bentuk dan tabiat masyarakat Islam.

Kedua : Program pertumbuhan dan perkembangan masyarakat Islam.

Ketiga : Program Islam dalam menghadapi masyarakat-masyarakat jahiliyah.

Keempat : Program Islam dalam menghadapi kenyataan hidup umat manusia seluruhnya.

yang semuanya ini merupakan masalah pokok dalam program gerakan Islam, dulu dan sekarang

Sesungguhnya ciri pertama yang menentukan bentuk dan tabiat "Masyarakat Islam" itu ialah bahawasanya masyarakat itu berdiri dan tegak di atas asas mengabdikan diri kepada Allah SWT di dalam semua urusannya. Mengabdikan diri yang dijelma dan dibentuk oleh pengakuan dan ikrar bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan bahawa Muhamad itu ialah utusan Allah (LAA ILAAHA ILLALLAH, MUHAMMADUR RASULUL LAH).

Pengabdian diri itu hendaklah terjelma di dalam bentuk kepercayaan seperti juga di dalam semua syiar-syiar dan simbol-simbol peribadatan, seperti mana juga ianya menjelma d dalam peraturan-peraturan dan undang-undang. Sebab bukanlah

menjadi hamba Allah SWT seorang yang tidak meyakini keesaan dan ketunggalan Allah SWT. Firman Allah:

وَقَالَ اللّهُ لاَ تَتَّخِذُواْ إِلهَيْنِ اثْنَيْنِ إِنَّمَا هُوَ إِلهٌ وَاحِدٌ فَإيَّايَ فَارْهَبُونِ (51) وَلَهُ مَا فِي الْسَّمَاوَاتِ وَالأَرْضِ وَلَهُ الدِّينُ وَاصِبًا أَفَغَيْرَ اللّهِ تَتَّقُونَ (52)

Maksudnya: "Dan Allah berkata: Janganlah kamu adakan dua Tuhan, kerana sesungguhnya Tuhan itu Esa, dan kepadaKulah hendaknya kamu ta.kut. Dan bagi-Nyalah apa yang ada di langit dan di bumi, dan bagi-Nyalah ketaatan dergan tetap, apakah kepada yang selain dari Allah kamu mahu berbakti?"

(An Nahl: 51-52)

Dan bukanlah hamba Allah SWT orang yang mempersembahkan atau pun melakukan syiar dan lambang pengabdian kepada yang lain daripada Allah, sama ada bersama-sama dengan Allah atau pun secara bersendirian dan tidak bersama-sama dengan Allah.

Firman Allah SWT:

قُلْ إِنَّ صَلاَتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ (162) لاَ شَرِيكَ لَهُ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَاْ أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ (163)

Maksudnya: "Katakanlah sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidup dan matiku adalah kerana Allah Tuhan seru sekalian alam. Tidak ada sekutu bagiNya, dan begitulah aku diperintah dan adalah aku orang Islam yang pertama."

(Al-An'am: 162-163)

Dan bukanlah hamba Allah SWT orang yang menerima peraturan dan undang-undang dari yang lain daripada Allah SWT. Melainkan melalui jalan yang Allah telah sampaikan kepada kita, iaitu jalan Rasulullah SAW.

Firman Allah :

أَمْ لَهُمْ شُرَكَاء شَرَعُوا لَهُم مِّنَ الدِّينِ مَا لَمْ يَأْذَن بِهِ اللَّهُ

Maksudnya : "Atau adakah bagi mereka sekutu-sekutu yang mengatur untuk mereka sebagai agama, sesuatu yang Allah tak izinkan."

(as-Syura : 21)

dan firman Allah SWT lagi :

وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانتَهُوا

Maksudnya : "Dan apa-apa yang diberi oleh Rasul kepada kamu, maka ambillah, dan apa-apa yang ia larang kami, maka jauhilah."

(al-Hasyr : 7)

Inilah dia masyarakat Islam, masyarakat yang menjelma di dalamnya pengabdian diri kepada Allah SWT di dalam kepercayaan anggota-anggotanya dan juga di dalam konsep dan gambaran fikiran mereka, seperti juga ia menjelma di dalam lambang-lambang hidup dan peribadatan mereka dan malah ia menjelma di dalam sistem dan peraturan kemasyarakatan mereka, dan peraturan serta undang-undang mereka. Bila mana sahaja sesuatu faktor dari faktor-faktor yang disebutkan di atas tadi menyimpang dan tidak menjelma di alam kenyataan, maka dengan itu bererti bahawa Islam itu sendri pun sudah menyimpang dan tidak menjelma lagi, kerana menyimpang dan tidak menjelmanya rukun Islam yang Pertama, iaitu pengakuan bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan bahawa Muhammad itu adalah utusan Allah (LA ILAAHA ILLALLAH MUHAMMADUR RASULULLAH).

Dan telah pun kita katakan: bahawa pengabdian diri kepada Allah itu menjelma di dalam konsep dan gambaran kepercayaan, maka eloklah kita perkatakan apakah dia konsep dan gambaran kepercayaan cara Islam itu iaitu gambaran yang terjadi di dalam pemikiran manusia sebagai hasil dari penerimaannya akan akidah itu dari sumbernya yang sejati, iaitu sumber ILAHI; dan yang dengannya manusia itu dapat mengerti dan memahami apakah dia hakikat Tuhannya, dan hakikat alam yang dia hidup di dalamnya, baik yang nampak dilihat atau pun yang tak nampak dan hakikat dirinya dan hakikat zat manusia itu sendiri, yang ia rasakan itu, baik yang nampak atau yang tak nampak; dan di samping segala sesuatu ialah hakikat dirinya sendiri, iaitu hakikat manusia itu sendiri, kemudian ia sesuaikan semuanya di atas itu dengan perhubungannya dengan hakikat ini; perhubungannya dengan Tuhannya yang menjelmakan pengabdian dirinya kepada Allah SWT dan perhubungannya dengan alam semesta dan peraturan seluruh benda yang hidup di dunia ini, serta setiap peribadi umat manusia, perhubungan yang mengambil sumber (atau yang bersumber) dari agama Allah, seperti yang disampaikan oleh Rasulullah SAW. Dengan demikian dia melaksanakan pengabdian diri kepada Allah SWT dalam bentuk yang meliputi seluruh sendi kehidupannya.

Maka kalaulah telah menjadi ketetapan bahawa inilah dia "Masyarakat Islam" itu, maka bagaimanakah pula masyarakat itu boleh tumbuh dan bagaimanakah pula program pertumbuhannya?

Sesungguhnya masyarakat itu tidak akan dapat tegak kecuali bila timbul satu perkumpulan (jamaah) manusia yang mengakui pengabdian diri mereka

sepenuhnya kepada Allah SWT, dan bahawa mereka tidak tunduk dan merendahkan diri mereka ke peringkat yang sejajar dengan pengabdian itu kepada sesuatu apa pun yang lain daripada Allah SWT di dalam perkara iktikad, gambaran hidup dan lambang-lambang keagamaan, tidak tunduk dan merendahkan diri kepada yang lain daripada Allah di dalam urusan peraturan hidup dan perundangan kemudian mereka bertindak untuk menyusun hidup mereka dengan dasar dan asas pengabdian diri dan ketundukan yang sejati, dengan cara membersihkan hati dan nadi mereka dari sebarang keyakinan dan kepercayaan kepada Tuhan yang lain daripada Allah SWT, baik bersama-sama dengan Allah sebagai rakan sekutunya mahupun bersendirian sebagai lawan Allah; di samping membersihkan segala lambangnya daripada bertumpu kepada yang lain daripada Allah serta membersih dan membebaskan peraturan dan undang-undang hidup mereka daripada sebarang sumber pengambilan yang lain daripada Allah.

Di ketika itulah, ya, di ketika itulah sahaja, perkumpulan atau jamaah itu menjadi perkumpulan Islam dan masyarakat yang mereka bentuk itu baru sah menjadi masyarakat Islam (Muslim). Ada pun sebelum satu kelompok manusia mengaku akan kebersihan dan keikhlasan pengabdian diri mereka kepada Allah semata-mata, mengikut cara yang telah disebutkan tadi, maka ketika itu mereka masih belum lagi menjadi orang-orang Islam, dan sebelum mereka mengatur perkumpulan mereka di atas dasar itu maka perkumpulan mereka pun bukanlah suatu perkumpulan Islam ini ialah kerana kaedah dan dasar pertama yang menjadi landasan Islam itu ialah pengakuan bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan bahawa Muhammad itu utusan Allah (LA ILAAHA ILLALIAH MUHAMMADUR RASULULLAH) dari kedua-dua seginya.

Dengan demikian, maka sebelum daripada difikirkan soal mewujudkan sistem masyarakat Islam, dan sebelum daripada mewujudkan masyarakat Islam di atas landasan sistem itu perlu dan sayugialah dititik beratkan dahulu kepada kebersihan setiap hati nurani si Muslim itu dari mengabdikan diri kepada yang lain daripada Allah, dalam sebarang bentuk dan rupa yang telah kita kemukakan tadi, dan hendaklah individu yang hati nuraninya itu bersih dan dan suci dari sebarang pengabdian diri kepada yang lain daripada Allah itu berkumpul dalam suatu Jamaah Islamiyah dan Jemaah yang hati nurani anggota-anggotanya suci bersih dari pengabdian diri kepada yang lain daripada Allah di segi iktikad, ibadat dan perundangan, dari merekalah akan dapat tumbuh masyarakat Islam, dan akan disertai oleh setiap orang yang mahu hidup di dalam masyarakat itu dengan akidahnya sendiri ibadatnya sendiri dan syariatnya sendiri yang menjelma dalam bentuk pengabdian diri dan ketundukan kepada Allah SWT semata-mata atau dengan perkataan lain menjelma dalamnya pengakuan: bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan Muharmmad ialah utusan Allah (LA ILAHA ILLALLAH MUHAMMADUR-RASULULLAH).

Begitulah tumbuhnya Jemaah Islamiyah yang ulung dahulu dan telah dapat membangunkan masyarakat Islam yang pertama dan demikian pulalah kaedahnya

pertumbuhan setiap Jemaah Islamiyah di setiap ketika dan tempat dan demikian pulalah tumbuhnya setiap masyarakat muslim bila mana dan di mana sahaja pun.

Sesungguhnya masyarakat Islam itu tumbuh daripada berpindahnya beberapa individu dan perkumpulan manusia dari mengabdikan diri kepada yang lain daripada Allah, baik bersama-sama.dengan Allah atau pun tanpa Allah, kepada mengabdikan diri kepada Allah semata-mata tanpa sebarang kongsi dan sekutu bagi-Nya; kemudian daripada pengakuan dan penegasan perkumpulan ini hendak menegakkan sistem hidupnya sendiri di atas asas pengabdian itu, ya, ketika itulah baru sempurna lahirnya sesuatu yang baru untuk masyarakat yang baru, sebagai pecahan daripada masyarakat jahiliyah yang telah sedia ada, yang berhadapan dengannya dengan memakai akidah yang baru, sistem hidup yang baru, berdasarkan akidah ini yang menjelma di dalamnya dasar Islam yang pertama dengan dua rangkaiannya iaitu pengakuan bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan bahawa Muhammad itu ialah utusan Allah (LA ILAHA ILLALLAH MUHAMMADUR-RASULULLAH).

Ada kemungkinan masyarakat jahiliyah itu seluruhnya akan menyertai masyarakat Islam dan boleh jadi juga tidak, seperti juga masyarakat jahiliyah itu boleh berkompromi dengannya seperti mana ia pun boleh memusuhinya, walaupun telah menjadi kebiasaan bahawa masyarakat jahiliyah selalu memerangi masyarakat Islam. Kebiasaan itu berlaku di peringkat pertumbuhannya (iaitu terhadap individu pada pendakwahnya dan juga terhadap perkumpulan dan organisasinya mahu pun terhadap masyarakat itu seluruhnya sesudah masyarakat itu tumbuh). Inilah yang telah berlaku di sepanjang dakwah Islamiyah sejak dari zaman Nabi Nuh hinggalah ke zaman Nabi Muharrmad SAW tanpa kecualinya.

Memanglah masyarakat Islam itu tidak akan tumbuh dan tak akan lancar pertumbuhannya kecuali apabila ianya mempunyai kekuatan yang boleh menghadapi dan melawan cabaran dan tekanan dari masyarakat jahiliyah baik kekuatan itu berupa kekuatan akidah dan keyakinan, kekuatan peribadi dan pertahanan jiwa, kekuatan daya mengatur dan membina masyarakat dan segala jenis kekuatan yang mampu menghadapi tekanan masyarakat jahiliyah atau mengalahkannya, atau pun sekurang-kurangnya dapat mengimbanginya.

Tapi apakah dia “masyarakat jahiliyah” itu dan bagaimanakah pula jalan program Islam menghadapinya?

Sesungguhnya “masyarakat jahiliyah” itu ialah setiap masyarakat yamg bukan masyarakat Islam! Dan kalau kita hendak membuat definisi atau takrifnya yang tepat maka kita katakan: “bahawa masyarakat jahiliyah itu iatah masyarakat yang tidak tulen pengabdiannya kepada Allah SWT; pengabdian yang menjelma di dalam kepercayaan dan keyakinan di dalam syiar dan lambang peribadatan, juga di dalam peraturan dan undang-undang.”

Dengan definisi dan takrif yang terang dan tepat ini maka termasuklah di dalam golongan "Masyarakat jahiliyah" itu semua bentuk masyarakat yang ada sekarang di permukaan bumi ini.

Termasuk di dalamnya masyarakat KOMUNIS.

Pertama :

Kerana ilhad dan engkarnya akan zat Allah SWT dan kerana ia tidak percaya dan mengakui wujudnya zat Allah SWT sama sekali, juga kerana ia berpandukan "benda" dan "alam". Pun kerana ia merujuk dan meletakkan wujudnya alam ini kepada "benda" dan "alam semesta". Juga kerana ia merujukkan aktiviti kehidupan manusia dan sejarahnya kepada ekonomi dan alat produksi semata-mata.

Kedua:

Kerana ia mendirikan suatu sistem pengabdian diri kepada parti, dengan menganggap bahawa pimpinan kolektif itu adalah suatu hakikat sebenarnya yang menguasai parti komunis, dan bahawa pimpinan dan pengabdian ibu bukanlah sama sekali kepunyaan ALLAH. Kemudian segala aspek dan segi yang berkaitan dengan konsep sistem tadi, yang sebenarnya merupakan penghinaan kepada martabat dan kehormatan "manusia" dengan menganggap bahawa "keperluan asasi" bagi manusia itu sama sahaja dengan keperluan asasi bagi haiwan, iaitu makanan, minuman, pakaian, lempat tinggal dan perhubungan jenis (sex) sahaja! Dengan tidak membenarkannya mendapatkan keperluan-keperluan rohani yang membezakannya dari haiwan. Keperluan rohani itu yang pertamanya ialah iktikad akan kebesaran Tuhan dan kebebasan memilih kepercayaan hidup, juga kebebasan bersuara yang merupakan aspek penting dari sifat "kemanusiaan", yang terganbar di dalam bentuk kebebasan hak milik individu, kebebasan dalam lapangan seni, dan hal-hal mengenai soal individu, dan seterusnya semata-mata menjadi "alat" kerana sebenarnya di dalam konsep kepercayaan sistem komunis adalah menurunkan taraf dan darjat rmanusia menjadi lebih rendah dari haiwan, malah tidak lebih daripada menjadi alat sahaja!

Termasuk juga dalam kategori masyarakat jahiliyah ini ialah masyarakat penyembah berhala yang masih banyak kedapatan di India, Jepun, Filipina dan juga di Afrika kerana:

Pertama :

Konsep dan iktikadnya yang mempertuhankan benda-benda yang lain daripada ALLAH SWT, baik sebagai sekutu Allah atau berdiri sendiri dalam bentuk persembahan lambang-lambang dan syiar-syiar persembahan kepada dewa-dewa, tukang-tukang tilik dan mahaguru-mahaguru dan apa jua selain daripada Allah yang dianggap mempunyai sifat ketuhanan juga termasuk di dalamnya sistem-sistem peraturan dan undang-undang yang lain daripada peraturan dan undang-undang Allah, sama ada peraturan dan undang-undang itu diambil dari kuil-kuil,

pendeta-pendeta, sami-sami, bomoh-bomoh, tukang-tukang tilik dan mahaguru--mahaguru, atau diambil daripada lembaga-lembaga dan badan-badan perundangan sekular yang mempunyai kuasa perundangan tanpa berpandu kepada syariat Allah dengan pengertian bahawa lembaga-lembaga dan badan-badan itu mempunyai kuasa perundangan tertinggi atas nama rakyat atau atas nama parti atau apa jua nama pun yang demikian justeru kerana kekuasaan dan pemerintahan itu adalah kepunyaan dan hak milik mutlak Allah SWT yang tidak akan boleh didapati melainkan melalui panduan dan jalan yang telah digariskan oleh rasul-rasulNya.

Termasuk dalam kategori masyarakat jahiliyah juga ialah masyarakat Yahudi dan Kristian di seluruh muka bumi ini kerana:

Pertama:

Konsep dan kepercayaan hidupnya yang menyeleweng dan terpesong, yang tidak mentauhidkan Allah SWT dengan sifat-sifat keTuhananNya, malah dijadikan bagi-Nya kongsi-kongsi dan sekutu-sekutu di dalam beragam bentuk kesyirikan, baik yang berbentuk putera Suci (Tuhan) atau dalam bentuk tiga-tuhan (trinity) atau menggambarkan Allah SWT bukan dengan gambaran yang sebenar, dan menggambarkan hubungan sifat-sifat Allah berlainan daripada yang sebenarnya.

Firman Allah :

وَقَالَتِ الْيَهُودُ عُزَيْرٌ ابْنُ اللّهِ وَقَالَتْ النَّصَارَى الْمَسِيحُ ابْنُ اللّهِ ذَلِكَ قَوْلُهُم بِأَفْوَاهِهِمْ يُضَاهِؤُونَ قَوْلَ الَّذِينَ كَفَرُواْ مِن قَبْلُ قَاتَلَهُمُ اللّهُ أَنَّى يُؤْفَكُونَ

Maksudnya: "Dan berkatalah orang Yahudi: "Uzair itu anak Allah" dan berkatalah orang-orang Nasrani: "Isa [Al-Masih] itu anak Allah." Yang demikian itu adalah omongan mereka dengan mulut mulut mereka, menyerupai perkataan-perkataan orang kafir yang dahulu; mudah-mudahan Allah binasakan mereka! Bagaimanakah mereka dapat dipalingkan."

(At-Taubah: 30)

لَّقَدْ كَفَرَ الَّذِينَ قَالُواْ إِنَّ اللّهَ ثَالِثُ ثَلاَثَةٍ وَمَا مِنْ إِلَهٍ إِلاَّ إِلَهٌ وَاحِدٌ وَإِن لَّمْ يَنتَهُواْ عَمَّا يَقُولُونَ لَيَمَسَّنَّ الَّذِينَ كَفَرُواْ مِنْهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ

Maksudnya: "Sesungguhnya telah kafirlah orang-orang yang berkata: "bahawa Allah itu ialah yang ketiga daripada tiga [Tuhan] pada hal tidak ada tuhan, melainkan Tuhan Yang Tunggal; dan jika mereka tidak berhenti dari apa yang mereka katakan, nescaya akan mengenai orang-orang kafir dari mereka itu azab yang pedih."

(Al-Ma'idah: 73)

Juga firman Allah:

وَقَالَتِ الْيَهُودُ يَدُ اللّهِ مَغْلُولَةٌ غُلَّتْ أَيْدِيهِمْ وَلُعِنُواْ بِمَا قَالُواْ بَلْ يَدَاهُ مَبْسُوطَتَانِ يُنفِقُ كَيْفَ يَشَاء

Maksudnya: "Dan orang-orang Yahudi itu berkata: "Tangan Allah terbelenggu", padahal tangan-tangan merekalah yang terbelenggu, dan dilaknatlah mereka dengan [sebab] apa yang telah mereka katakan itu, bahkan kedua tangan Allah itu terbuka. Ia membelanjakan sebagaimana yang ia suka."

(Al-Maidah: 64)

serta firman Allah SWT:

وَقَالَتِ الْيَهُودُ وَالنَّصَارَى نَحْنُ أَبْنَاء اللّهِ وَأَحِبَّاؤُهُ قُلْ فَلِمَ يُعَذِّبُكُم بِذُنُوبِكُم بَلْ أَنتُم بَشَرٌ مِّمَّنْ خَلَقَ

Maksudnya: "Dan telah berkata orang-orang Yahudi dan Nasrani: "Kami ini anak-anak Allah dan kekasih-kekasihNya. "Tanyakanlah mereka: "Kalau begitu mengapakah Allah itu menyeksa kami dengan sebab dosa-dosa kamu? Bahkan kamu itu manusia dari makhluk yang Ia jadikan."

(Al-Maidah: 18)

Masyarakat Yahudi dan Kristian masuk di dalam kategori masyarakat jahiliyah dengan sebab bentuk, syiar dan juga lambang-lambang keagamaan mereka yang berbentuk peribadatan, istiadat-istiadat dan upacara-upacara rasminya yang tercetus daripada konsep dan kepercayaan yang menyeleweng dan sesat serta menyesatkan. Kemudian lagi masyarakat itu menjadi masyarakat jahiliyah kerana sistem hidup, peraturan dan undang-undangnya yang tidak berdasar kepada pengabdian diri kepada Allah SWT mengakui hak memerintah dan berkuasa hanya kepada Allah SWT dan tidak mengambil kekuasaan daripada syariat dan panduan Ilahi; malah mereka dirikan badan-badan dan lembaga yang terdiri daripada manusia yang diberi hak kekuasaan tertinggi, sedang hak kekuasaan tertinggi itu adalah kepunyaan mutlak Allah SWT dan sejak dahulu lagi Allah SWT telah cap mereka kufur dan syirik kerana mereka telah memberikan hak itu kepada para padri, pendeta dan rahib agama mereka untuk membuat peraturan dan undang-undang dari pihak diri mereka (padri pendeta dan rahib) itu sendiri, peraturan dan undang-undang yang mesti diterima dan dipatuhi oleh para penganut dan pengikut agama itu.

Firman Allah SWT:

اتَّخَذُواْ أَحْبَارَهُمْ وَرُهْبَانَهُمْ أَرْبَابًا مِّن دُونِ اللّهِ وَالْمَسِيحَ ابْنَ مَرْيَمَ وَمَا أُمِرُواْ إِلاَّ لِيَعْبُدُواْ إِلَهًا وَاحِدًا لاَّ إِلَهَ إِلاَّ هُوَ سُبْحَانَهُ عَمَّا يُشْرِكُونَ

Maksudnya: "Mereka itu telah menjadikan padri-padri, pendeta-pendeta dan rahib-rahib agama mereka sebagai Tuhan-tuhan selain daripada Allah dan juga mereka menjadikan Al-Masih putera Maryam itu sebagai Tuhan sedangkan mereka tidak diperintah melainkan supaya mereka menyembah Tuhan Yang Satu. Tuhan Yang tiada lagi Tuhan selain daripada-Nya. Maha sucilah la dari apa yang mereka sekutukan itu."

(Baraah: 31)

Sedangkan orang Yahudi dan Nasrani tidak beriktikad dan menganggap para pendeta dan rahib agama mereka itu sebagai Tuhan yang mereka sembah, juga mereka tidak melakukan ibadat kepada para pendeta dan rahib itu, mereka hanya sekadar mengakui bahawa pendeta-pendeta dan rahib-rahib itu mempunyai hak dan kuasa dalam soal pemerintahan dan kekuasaan negara, dan mereka patuh sahaja menerima apa yang diputuskan oleh para pendeta dan rahib itu, walaupun dalam perkara yang tidak diizinkan oleh Allah sama sekali. Oleh sebab itulah mereka itu layak disifatkan sebagai syirik dan kufur.

Dan akhir sekali termasuklah juga di dalam kategori masyarakat jahiliyah itu masyarakat-masyarakat yang menganggap bahawa mereka kononnya "Masyarakat Islam".

Masyarakat-masyarakat ini masuk ke dalam lingkungan ini tidak kerana ia percaya dan beriktikad seorang yang lain daripada Allah sebagai mnempunyai sifat ketuhanan; bukan pula kerana ia melakukan sebarang jenis ibadat kepada yang lain daripada Allah; tapi ia termasuk di dalam kategori masyarakat jahiliyah kerana ia tidak menumpu dan membulatkan pengabdian dirinya kepada Allah SWT di dalam sistem hidupnya; dan ia - walaupun tidak beriktikad ketuhanan sesuatu apa pun yang lain daripada Allah - tetapi ia telah memberikan salah satu sifat paling istimewa kepunyaan Allah SWT kepada yang lain daripadanya-Nya, lalu ia rela tunduk (dan patuh kepada keputusan dan hukuman serta pemerintahan yang lain daripada Allah; dan ia menerima segala peraturan dan undang-undangnya, nilai-nilai dan pertimbangannya, adat resam dan kebudayaannya dalam hampir seluruh asas dan dasar kehidupannya.

Sedangkan Allah SWT telah pun berfirman mengenai sifat-sifat orang yang memerintah seperti itu:

وَمَن لَّمْ يَحْكُم بِمَا أَنزَلَ اللّهُ فَأُوْلَئِكَ هُمُ الْكَافِرُونَ

Maksudnya: "Kerana barang siapa sahaja yang tidak menghukum dan memerintah dengan hukum [apa] yang diturunkan oleh Allah, maka adalah mereka itu orang-orang yang kafir."

(Al Maidah: 44)

Juga Allah SWT telah berfirman, mengenai sifat orang-orang yang diperintah (rakyat jelata).

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ يَزْعُمُونَ أَنَّهُمْ آمَنُواْ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنزِلَ مِن قَبْلِكَ يُرِيدُونَ أَن يَتَحَاكَمُواْ إِلَى الطَّاغُوتِ وَقَدْ أُمِرُواْ أَن يَكْفُرُواْ بِهِ وَيُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَن يُضِلَّهُمْ ضَلاَلاً بَعِيدًا (60) وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ تَعَالَوْاْ إِلَى مَا أَنزَلَ اللّهُ وَإِلَى الرَّسُولِ رَأَيْتَ الْمُنَافِقِينَ يَصُدُّونَ عَنكَ صُدُودًا (61) فَكَيْفَ إِذَا أَصَابَتْهُم مُّصِيبَةٌ بِمَا قَدَّمَتْ أَيْدِيهِمْ ثُمَّ جَآؤُوكَ يَحْلِفُونَ بِاللّهِ إِنْ أَرَدْنَا إِلاَّ إِحْسَانًا وَتَوْفِيقًا (62) أُولَئِكَ الَّذِينَ يَعْلَمُ اللّهُ مَا فِي قُلُوبِهِمْ فَأَعْرِضْ عَنْهُمْ وَعِظْهُمْ وَقُل لَّهُمْ فِي أَنفُسِهِمْ قَوْلاً بَلِيغًا (63) وَمَا أَرْسَلْنَا مِن رَّسُولٍ إِلاَّ لِيُطَاعَ بِإِذْنِ اللّهِ وَلَوْ أَنَّهُمْ إِذ ظَّلَمُواْ أَنفُسَهُمْ جَآؤُوكَ فَاسْتَغْفَرُواْ اللّهَ وَاسْتَغْفَرَ لَهُمُ الرَّسُولُ لَوَجَدُواْ اللّهَ تَوَّابًا رَّحِيمًا (64) فَلاَ وَرَبِّكَ لاَ يُؤْمِنُونَ حَتَّىَ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لاَ يَجِدُواْ فِي أَنفُسِهِمْ حَرَجًا مِّمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُواْ تَسْلِيمًا (65)

Maksudnya: "Tidakkah engkau fikirkan [kesesatan] orang-orang yang mendakwa bahawasanya mereka beriman kepada [AI-Quran] yang diturunkan kepadamu dan kepada kitab yang diturunkan sebelummu, pada hal mereka suka hendak berhakim kepada taghut [syaitan]? Sedangkan mereka telah diperintahkan supaya kufur [engkar] kepadanya, tetapi syaitan ingin menyesatkan mereka dengan kesesatan yang lauh. Dan apabila katakan kepada mereka: "Marilah [berhakim] kepada hukum Al-Quran yang diturunkan oleh Allah dan kepada [hukum] Rasul Allah", engkau dapat lihat orang-orang munafiq itu berpaling darimu dengan sungguh-sungguh. Tetapi bagaimana halnya apabila satu bahaya mengenai mereka dengan sebab apa yang diperbuat oleh tangan-tangan mereka, kemudian mereka datang kepadamu bersumpah dengan nama Allah: "Kami tidak maksudkan melainkan kebaikan dan perdamaian." Mereka itu ialah orang yang Allah telah tahu apa yang ada di dalam hati mereka. Lantaran itu hendaklah engkau berpaling dari mereka tetapi nasihatilah mereka dan katakan kepada mereka perkataan yang memberi kesan pada mengubah apa-apa ada di hati-hati mereka. Dan Kami tidak utus seorang pun Rasul melainkan untuk ditaati dengan izin Allah; dan jika mereka, sesudah menganiayai diri mereka sendiri, datang kepadamu, lalu mereka minta ampun kepada Allah, dan Rasul juga mintakan ampun bagi mereka, nescaya mereka dapati Allah itu Penerima taubat,

Penyayang. Tetapi tidak! Demi Tuhanmu mereka tidak disifat beriman hingga mereka jadikanmu sebagai hakim dalam apa-apa yang mereka berselisihan di antara mereka, kemudian mereka tidak merasa sesuatu keberatan di hati-hati mereka tentang apa yang engkau telah putuskan serta mereka menerima keputusan dengan sepenuh-penuhnya."

(An Nisa' : 60-65)

Maka sebagaimana Allah SWT telah mensifatkan orang-orang Yahudi dan Nasrani tadi dengan sifat syirik dan kufur, serta terpesong juga tersasul dari pengabdian diri kepada Allah, kerana mereka menjadikan padri-padri, pendeta-pendeta dan rahib-rahib mereka, sebagai tuhan-tuhan selain daripada ALLAH maka demikian jugalah halnya dengan orang-orang yang menamakan diri mereka sebagai ORANG-ORANG ISLAM kepada pengikut-pengikut mereka. Dan Allah anggap orang Nasrani itu syirik kerana menganggap Isa putera Maryam sebagai Tuhan yang mereka sembah dan mereka puja; itu sudah bererti keluar dari sifat pengabdian kepada Allah dan juga dari pengakuan bahawa: tiada Tuhan melainkan Allah. Dan ini (orang Islam) sama sahaja dengan mereka (Yahudi dan Nasrani), iaitu mengeluarkan diri daripada pengabdian kepada Allah sahaja dan dengan demikian keluar daripada agama ini (Islam) dan keluar daripada pengakuan: tiada Tuhan melainkan Allah dan Muhammad itu utusan Allah (LA ILAHA ILLALLAH MUHAMMADUR-RASULULLAH).

Dan masyarakat itu, setengahnya ada pula yang mengaku berterus terang tentang sifat sekularnya dan menganggap bahawa perkara-perkara duniawi itu di atas landasan "sains" semata-mata, dengan anggapan bahawa sains (benda) itu bertentangan dengan benda-benda ghaib, sedangkan sangkaan itu adalah satu sangkaan karut yang hanya ada pada orang yang jahil sahaja. Manakala sebahagian lagi masyarakat itu ada yang mengakui dan mematuhi pemerintahan praktikal yang lain daripada Allah yang dapat membuat undang-undang mengikut kehendaknya sendiri, dan dirinya sendiri lalu mendakwa bahawa "inilah dia pemerintahan Tuhan"; sedangkan itu semua adalah sama-sama tidak berdiri di atas pengabdian diri kepada Allah SWT.

Jikalau ini telah temyata, maka sikap Islam mengenai masyarakat-masyarakat jahiliyah itu semuanya adalah dapat ditegaskan melalui ungkap kata yang satu sahaja iaitu: "Bahawa Islam menolak dan tidak mengakui 'keislaman' masyarakat sepenuhnya"; dan menolak sahnya masyarakat itu mengikut nilai Islam.

Sesungguhnya Islam itu tidak memandang kepada simbol dan kepada judul yang ditonjolkan oleh masyarakat itu, kerana semuanya itu berpadu di dalam suatu hakikat sahaja, iaitu bahawa kehidupan di dalam masyarakat itu tidak tegak di atas dasar pengabdian diri sepenuhnya kepada Allah dan semuanya itu bertemu di dalam suatu hakikat yang menyatukan semuanya, iaitu hakikat Jahiliyah.

Dan ini membawa kita kepada persoalan yang penghabisan, iaitu jalan program Islam dalam menghadapi realiti umat manusia seluruhnya hari ini, besok

dan seterusnya hingga ke akhir zaman dan di sinilah amat berguna sekali huraian dan penjelasan kita mengenai "bentuk masyarakat Islam" yang kita huraikan tadi tentang tabiat masyarakat Islam itu yang dibangunkan di atas asas pengabdian diri sepenuhnya kepada Allah SWT di dalam semua urusan.

Sesungguhnya penegasan tabiat dan sifat ini akan dapat memberikan jawapan yang tepat mengenai pertanyaan berikut: Apakah asal usul yang menjadi sandaran kepada hidup manusia? Adakah asal dan di atas apa hidup manusia itu ditegakkan? Adakah asal agama Allah dan programnya untuk dihayati? Atau adakah asal itu bersandar kepada realiti hidup manusia itu sendiri dalam bentuk yang bagaimanapun?

Sebenamya Islam telah pun memberikan jawapan yang tegas dan nyata kepada pertanyaan-pertanyaan di atas itu, tanpa keraguan dan dalih sesaat jua pun, iaitu bahawa asal usul segala sesuatu yang wajib dirujukkan segala sesuatu dan wajib dipercayai ialah: agama Allah dan programnya untuk dihayati, iaitu pengakuan TIADA TUHAN MELAINKAN ALLAH DAN MUHAMMAD ITU UTUSAN ALLAH (LA ILLAHA ILLALLAH MUHAMMADUR-RASULULLAH); itulah rukun utama dalam Islam, yang tidak dapat ditegak dan ditunaikan semua rukun-rukun lain kecuali di atas usul ini dan bahawasanya pengabdian diri kepada Allah serta kepatuhan menerimanya dalam bentuk dan cara mengambilnya daripada Rasulullah SAW yang juga tidak akan sah kecuali apabila benar-benar diakui asal usul ini, disertai dengan kepatuhan sungguth-sungguh dan tegas, tanpa dalih apa pun.

Firman Allah:

وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانتَهُوا

Maksudnya: "Dan apa-apa yang diberi oleh Rasul kepada kamu, maka ambillah dengan sepenuhnya, dan apa-apa yang ia larang kamu, maka jauhilah seluruhnya."

(Al Hasyr : 7)

Kemudian Islam menanyakan pula:

أَأَنتُمْ أَعْلَمُ أَمِ اللَّهُ ؟

Maksudnya: "Adakah kamu yang lebih mengetahui. Ataukah Allah yang lebih mengetahui?"

dan ia menjawab pula:

وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ.

Maksudnya: "Allah itu Maha Mengetahui sedangkan kamu tidak tahu."

dan:

وَمَا أُوتِيتُمْ مِنَ الْعِلْمِ إِلَّا قَلِيلًا.

Maksudnya: "Dan kamu tidak diberikan ilmu pengetahuan itu melainkan sedikit sahaja."

Allah Yang Maha Mengetahui, juga Yang Menjadikan segala sesuatu dan memberi rezeki mereka; ialah Tuhan Yang Memerintah dan Menentukan dan agama-Nya yang menjadi panduan untuk dihayati adalah asal usul yang, menjadi tempat kembalinya segala sesuatu mengenai kehidupan. Adapun situasi kehidupan manusia, teori-teori dan mazhab-mazhab pemikiran mereka boleh jadi menyeleweng dan rosak kerana ia tegak semata-mata di alas dasar ilmu pengetahuan manusia yang dangkal dan cetek seperti yang disifatkan oleh Al-Quran sebagai dikurniakan dengan ilmu pengetahuan yang sedikit sahaja.

Agama Allah itu bukanlah sesuatu yang kabur dan programnya untuk dihayati bukanlah sesuatu yang pragmatis. Ia sangat tegas dengan rangkaian yang kedua MUHAMMADUR-RASULULLAH (Muhammad itu utusan Allah) ia adalah terlingkung di dalam apa yang telah disampaikan oleh Rasulullah SAW dengan nas (textnya) di dalam perkara-perkara pokok dan dasar. Sekiranya di sana terdapat nas maka nas itulah yang menjadi hukum dan keputusan dan tidak ada jalan untuk ijtihad; tetapi kalau di sana tiada nas, maka tibalah peranan dan giliran ijtihad, menurut patokan dan dasar-dasar yang telah ditetapkan di dalam panduan Allah SWT sendiri bukan menurut kecenderungan hawa nafsu dan kemahuan manusia.

Firman Allah :

فَإِن تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللّهِ وَالرَّسُولِ

Maksudnya: "Maka sekiranya kamu berbantahan di dalam satu perkara, hendaklah kamu kembalikan dia kepada Allah dan Rasul."

(An Nisa': 59)

Dan dasar-dasar yang telah ditetapkan untuk diijtihadkan dan diistinbat juga telah digariskan dengan terang dan nyata dan malah dikenal serta diketahui umum, bukan sesuatu yang kabur dan pragmatis tiada seorang pun yang berhak mengatakan bahawa sesuatu yang dia putuskan itu "ini ketetapan Allah", yang dilakukannya melainkan sehingga hukum dan keputusan itu sesuai dan secocok

dengan apa yang digaris oleh Allah, dan bahawa sumber kekuasaan dan keputusan itu ialah Allah SWT, bukan RAKYAT dan juga bukan PARTI, pun juga bukan sebarang manusia, segala apa jua pun hendaklah dirujukkan kepada kitab Allah dan Sunnah Rasul-Nya untuk mengetahui apa yang dikehendaki oleh Allah SWT; dan ini tidak akan didapati oleh setiap orang pun yang ingin mendakwa dirinya mempunyai sebarang kuasa dengan menggunakan nama Allah, seperti yang terkenal di Eropah pada suatu ketika yang lampau dengan nama TEOKRASI atau PEMERINTAHAN SUCI dan hal-hal seperti ini tidak ada sedikit pun di dalam Islam, dan tiada seorang pun yang berhak atas nama Allah melainkan RasulNya SAW dan hanya di sana ada nas-nas tertentu yang menentukan apa yang diperintah oleh Allah SWT.

Sesungguhnya perkataan "agama untuk realiti" (الدين الوقع) telah disalah-gunakan dan disalah-ertikan. Memang benarlah bahawa agama itu untuk realiti, tetapi realiti yang bagaimanakah?

Yang sebenarnya realiti yang boleh diterima itu ialah realiti yang telah ditumbuhkan oleh agama itu sendiri, mengikut panduan dan jalannya, selaras dengan fitrah manusia yang semula jadi, yang melaksanakan keperluan-keperluan "manusia" yang sebenarnya. Keperluan-keperluan yang telah diputuskan oleh Allah yang menciptakannya kerana Allah Maha Mengetahui tentang apa yang dijadikannya.

Firman Allah:

أَلَا يَعْلَمُ مَنْ خَلَقَ وَهُوَ اللَّطِيفُ الْخَبِيرُ

Maksudnya: "Tidakkah [Tuhan] yang menjadikan itu tahu, sedangkan Ialah yang Halus, Yang Dasar."

(Al Mulk: 14)

Dan agama itu tidak menghadapi apa jua realiti untuk menerimanya begitu sahaja dan mencari sandaran daripada hukum-hukumnya sendiri, dan untuk mencari sandaran daripada hukum syarak untuk dijadikan sebagai ungkapan kata yang dipinjam! Tetapi agama itu menghadapi realiti untuk membuat pertimbangan sesuai dengan neracanya. Ia menerima apa yang diterimanya dan memansukh apa yang dimansukhkannya; dan ia akan mengadakan suatu realiti yang lain kalau didapatinya realiti yang sedang wujud itu tidak sesuai. Realiti yang dibikin oleh agama itulah realiti yang sebenarnya. Inilah pengertian yang sebenarnya bahawa Islam itu agama untuk realiti; atau itulah yang sepatutnya dimengerti benar-benar.

Mungkin di sini timbul satu soalan pula: "Bukankah muslihat dan kepentingan umat manusia itu yang mesti membentuk realiti untuk mereka?"

Dalam hal ini perlu kita kembali kepada pokok pangkal persoalan dan perlu kita kembali kepada pertanyaan yang dibuat dan dijawab sendiri oleh Islam:

Adakah. kamu yang lebih mengerti, ataukah Allah yang Lebih Mengetahui?

dan:

وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

Dan Allahlah Yang Maha Mengetahui sedangkan kamu tidak tahu.

Sesungguhnya muslihat dan kepentingan umat manusia itu sudah pun tercakup di dalam agama dan peraturan Allah, seperti yang diturunkan Allah, dan seperti yang disampaikan oleh Rasulullah SAW. Sekiranya ternampak oleh manusia pada suatu ketika bahawa muslihat mereka berlainan dengan apa yang disyariatkan oleh Allah, maka jelaskan bahawa manusia itu sesat dan tersasul kerana beranggapan seperti itu.

Allah SWT telah berfirman:

إِنْ هِيَ إِلَّا أَسْمَاء سَمَّيْتُمُوهَا أَنتُمْ وَآبَاؤُكُم مَّا أَنزَلَ اللَّهُ بِهَا مِن سُلْطَانٍ إِن يَتَّبِعُونَ إِلَّا الظَّنَّ وَمَا تَهْوَى الْأَنفُسُ وَلَقَدْ جَاءهُم مِّن رَّبِّهِمُ الْهُدَى (23) أَمْ لِلْإِنسَانِ مَا تَمَنَّى (24) فَلِلَّهِ الْآخِرَةُ وَالْأُولَى (25)

Maksudnya: "Mereka hanya menurut sangkaan dan mengikut apa yang diinginkan oleh hawa nafsu mereka, pada hal sesungguhnya telah datang kepada mereka petunjuk dari Tuhan mereka. Atau apakah manusia itu akan mendapat apa-apa yang ia mahu. Maka kepunyaan Allahlah akhirat dan dunia."

(an-Najm: 23-25)

Dan kafirlah sesiapa jua yang mendakwa bahawa muslihatnya berlawanan dengan apa yang telah disyariatkan deh Allah SWT, dan orang seperti itu tidak kekal di dalam Islam walau sesaat pun.

شريعة كونية

UNDANG-UNDANG UNIVERSAL

Ketika Islam menerapkan akidah ke dalam hati nurani dan dalam realiti hidup umat manusia, berdasarkan pengabdian sepenuhnya kepada Allah; ketika Islam menjadikan pengabdian itu menjelma di dalam bentuk iktikad, ibadat dan undang-undang (syariat) yang searas, maka ia berpendapat bahawa pengabdian kepada Allah sahaja itu adalah merupakan bukti yang praktikal dari syahadat "LA ILAAHA ILLALLAH" dan ia berperdapat bahawa menatang terima cara dan kaedah pengabdian kepada Allah ini daripada Rasulullah SAW sahaja adalah merupekan bukti praktikal dari syahadah "MUHAMADUR RASULULLAH".

Ketika Islam menegakkan binaannya di atas asas ini, iaitu asas syahadah LA ILAAHA ILLALLAH dan syahadah MUHAMMADUR RASULLAH di dalam program hidup Islam. Syahadah itu menggambarkan ciri program itu. Sesungguhnya ketika ia menegakkan binaannya di atas program dan peraturan hidup yang lain yang pernah dikenal oleh umat manusia sesungguhnya ketika itulah Islam menegakkan suatu asas yang sangat lengkap mengenai wujud sejagat, bukan wujud umat manusia sahaja.

Sebenamya konsep Islam itu tegak di atas asas bahawa seluruh wujud ini adalah kepunyaan Allah, bila mana telah diarah oleh iradat Allah supaya ia terjadi maka terjadilah ia. Allah telah kurnia kepadanya peraturan bagi perjalanan dan perputarannya, maka ia berjalan dan berputar mengikut peraturan yang telah Allah kurniakan dengan teratur rapi:

Firman Allah:

إِنَّمَا قَوْلُنَا لِشَيْءٍ إِذَا أَرَدْنَاهُ أَن نَّقُولَ لَهُ كُن فَيَكُونُ

Maksudnya: "Sesungguhnya perkataan Kami terhadap sesuatu apabila Kami menghendakinya, Kami hanya mengatakan kepadanya "Jadilah" maka jadilah ia."

(An-Nahl: 40)

Dan firman:

الَّذِي لَهُ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَمْ يَتَّخِذْ وَلَدًا وَلَمْ يَكُن

Maksudnya: "Dan Dia telah menciptakan segala sesuatu, dan Dia menetapkan ukurannya dengan serapi-rapinya."

(Al-Furqan: 2)

Sesungguhnya di sebalik wujudnya alam ini ada suatu kuasa yang mengendalikannya dan ada suatu kuasa yang menggerakkannya, ada suatu peraturan yang mengisi dan mengatur seluruh sendi wujud ini, yang mengatur langkah dan geraknya satu persatu; dengan adanya kuasa yang mengatur dan peraturan yang mengendalikan perjalanannya itu, maka seluruh alam ini dapat berjalan dan bergerak dengan baik, tidak berlaga dan tidak bertabrakan antara satu sama lain, serta tidak berhenti-henti perjalanannya yang teratur rapi itu, terus menerus sepanjang zaman hingga tibalah suatu ketika kelak, yang ditentukan oleh iradat Allah. Demikianlah halnya wujud seluruh alam, tetap mematuhi iradat dan arahan Allah dengan teratur rapi, tiada cacat cela, tiada pertembungan dan pergeseran antara satu sama lain, patuh tunduk melakukan perintah Ilahi, tidak terlintas pun oleh seluruh alam itu untuk durhaka kepada Allah, untuk melanggar perintah-Nya. Oleh sebab itulah maka alam ini terus berjalan dengan selamat, kecuali bila tiba iradat Allah untuk melakukan segala sesuatu maka iradat Allah itu pasti berlaku.

Firman:

إِنَّ رَبَّكُمُ اللّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَاوَاتِ وَالأَرْضَ فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ ثُمَّ اسْتَوَى عَلَى الْعَرْشِ يُغْشِي اللَّيْلَ النَّهَارَ يَطْلُبُهُ حَثِيثًا وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ وَالنُّجُومَ مُسَخَّرَاتٍ بِأَمْرِهِ أَلاَ لَهُ الْخَلْقُ وَالأَمْرُ تَبَارَكَ اللّهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ

Maksudnya: "Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah yang telah menciptakan langit dan bumi dalam enam masa, lalu Dia bersemayam di atas arasy. Dia menutupkan malam kepada siang yang mengikutinya dengan cepat dan [diciptakan-Nya pula] matahari, bulan dan bintang-bintang [masing-masing] tunduk kepada perintah-Nya. Ingatlah, kuasa memerintah dan adalah milik Allah sahaja. Maha Suci Allah, Tuhan Semesta alam."

(Al-A'Raaf: 54)

Manusia adalah sebahagian daripada wujud yang berbentuk alam ini. Undang-undang yang mengatur fitrah semula jadi manusia tidaklah lain daripada undang-undang yang mengatur perjalanan alam semesta, yang mengatur perjalanan wujud sejagat sebab undang-undang itu telah diciptakan Allah seperti juga seluruh wujud ini dicipta oleh Allah dan manusia pun adalah sejenis makhluk ciptaan Allah juga tiada sebarang keistimewaan yang dianugerah kepadanya yang menyebabkan dia menjadi "manusia". Dia menjadi manusia ialah semata-mata atas iradat Allah. Dari segi bentuk badannya yang lahir pun, manusia pasti terpaksa tunduk di bawah

undang-undang alam semesta, sama ada manusia itu suka atau tak suka, sama ada dia mahu atau tak mahu, dia pasti terpaksa tunduk kepada undang-undang yanq Allah kurniakan untuk alam semesta. Bukankah Allah yang telah mencipta dan menjadikan dia itu "manusia?" Bukankah Tuhan yang mengurniakan hidup di dalam alamnya yang luas terbentang ini? Ya, Allahlah Tuhan yang menciptakannya daripada alam "tiada" kepada alam "ada", dengan iradat-Nya (Tuhan), bukan dengan kehendak manusia itu sendiri dan bukan pula dengan kehendak ayah dan ibunya - walaupun ayah dan ibu itu bertemu dan bersatu jasmani - tapi mereka tidak berdaya dan tiada upaya untuk menentukan wujud dan lahirnya manusia itu. Manusia dilahirkan mengikut peraturan yang telah diciptakan Allah mengikut jangka waktu tertentu, mengikut waktu mengandung dan kaedah kelahiran bayi yang ditakdirkan oleh Allah. Dia bernafas dan menyedut udara mengikut cara dan kadar yang ditentukan oleh Allah. Dia ketawa dan menangis, dia merasa gembira dan kecewa, dia merasa senang dan susah, dia merasa nikmat dan derita, dia merasa lapar dan dahaga, dia makan dan minum - atau dengan ungkapan lain dia hidup mengikut iradat dan peraturan Allah, tanpa daya dan usahanya sendiri. Di dalam hal ini, di dalam dia menjalani hidupnya sepanjang hayat, manusia sama sahaja dengan seluruh alam yang wujud ini, iaitu sama patuh kepada kudrat dan iradat Allah, sama menghayati undang-undang dan peraturan yang telah Allah cipta dan kurniakan untuk seluruh alam.

Allah yang telah menciptakan wujud alam ini dan Allah yang telah menciptakan umat manusia, juga yang telah menciptakan undang-undang dan peraturan untuk dipatuhi dan dihayati oleh alam dan marusia. Allahlah juga telah menetapkan untuk umat manusia itu SYARIAT untuk mengatur seluruh hidup di dalam bidang pentadbiran dan pemerintah negara, supaya sesuai dan selaras dengan fitrah hidupnya. Manakala "Syariat" itu pula, pada hakikatnya, adalah sebahagian daripada undang-undang umum Allah mengenai tabiat semula jadi umat manusia itu dan tabiat semula jadi (fitrah) seluruh wujud ini.

Tiada satu pun kalimat Allah, tiada satu pun suruhanNya, tiada satu pun laranganNya, tiada satu pun janji gembira dan janji ancamanNya, tiada suatu pun arahan dan panduanNya, tiada suatu pun undang-undang dan syariatNya, melainkan semua itu adalah merupakan bahagian-bahagian dari undang-undang umum Allah, yang secara automatisnya sesuai dengan undang-undang yang kita namakan sekarang sebagai "undang-undang alam", iaitu undang-undang Ilahi mengenai perkembangan dan perjalanan alam, kita saksikan terus menerus terlaksana setiap detik mengikut tabiat dan fitrah semula jadi yang azali, terlaksana dengan baik dan rapi, dengan qadar dan limpah kurnia Allah.

Manakala "SYARIAT" yang Allah tentukan untuk mengatur hidup umat manusia adalah suatu syariat dan undang-undang universal, sesuai dengan perkembangan dan perjalanan alam, dengan pengertian bahawa ia berhubungan dengan undang-undang umum alam semesta, dengan demikian maka perseimbangan antara semua undang-undang itu berlaku dengan baiknya bila terjadi keselarasan semua itu di dalam hidup umat manusia dan dalam gerak alam

tempat manusia itu tumpang berteduh. Perseimbangan antara semuanya adalah merupakan keperluan asasi dalam perlaksanaan undang-undang yang memerintah dan menguasai fitrah semula jadi umat manusia dan undang-undang yang memerintah urusan hidup lahiriah mereka. Memang terlalu penting hubungan erat di antara urusan batin dan urusan lahir di dalam hidup manusia.

Bila sahaja umat manusia tidak berupaya memahami semua peraturan alam dan tidak berdaya pula mengerti undang-undang umum itu, - malah undang-undang yang mengatur fitrah mereka sendiri – maka dengan demikian sama ada meraka mahu atau tidak – berertilah bahawa mereka tidak berupaya mengatur semua hidup mereka sebagai umat manusia yang dapat memelihara perimbangan antara perjalanan hidup umat manusia dengan alam semesta, malah di antara hidup mereka yang hakiki dengan hidup mereka yang lahiriah. Yang dapat menguasai dan memiliki perimbangan itu semua bukanlah manusia, tetapi Allah yang mencipta alam ini dan Allah yang mencipta seluruh umat manusia. Allah yang mengatur urusan alam semesta dan mengatur urusan umat manusia berdasarkan undang-undangNya yang unik dan syariatNya yang telah ditentukan dan telah diridhaiNya.

Dengan demikian maka mematuhi dan mengamalkan syariat Allah adalah menjadi kewajipan utama bagi tercapainya "perseimbangan" itu, di samping kewajipan melaksanakan Islam dari segi akidah dan konsep hidup; sebab tidak akan wujud Islam sama sekali di dalam hidup individu atau organisasi, melainkan dengan cara memurnikan pengabdian diri kepada Allah SWT dan menerima daripada Rasulullah SAW sahaja tentang peraturan dan cara melaksanakan pengabdian itu, supaya terlaksana kehendak rukun islam yang pertama, syahadah bahawa tiada Tuhan yang lain daripada Allah (LA ILAAHA ILLALLAH) dan Muhammad pesuruh Allah (MUHAMMADUR RASULULLAH).

Pelaksanaan perseimbangan yang mutlak di antara hidup umat manusia dengan undang-undang alam semesta sudah pasti akan membawa kebaikan dan kebahagiaan umat manusia sendiri. Mereka akan hidup aman damai dan bahagia bersama-sama dengan alam dan bersama diri mereka sendiri, sebab keamanan dan keselamatan bersama dengan alam ini akan terjadi bila sahaja gerak umat manusia itu selaras dengan gerak seluruh alam, apabila selaras matlamat perjalanan manusia dengan matlamat perjalanan alam semesta. Manakala keamanan untuk diri manusia sendiri pula akan terdapat dari perseimbangan gerak lahir manusia dengan fitrah semula jadi mereak. Perseimbangan itu akan melahirkan pertalian antara umat manusia dengan segenap aktiviti mereka. Pada ketika itu mereaka berjalan melalui sebuah lebuhraya, sama-sama berpandukan syariat Ilahi.

Kebaikan dan kebahagiaan umat manusia akan dapat terlaksana dari wujudnya perseimbangan gerak lahir dengan gerak batin manusia, perseimbangan antara kedua gerak manusia dengan gerak alam semesta, berpedomankan syariat Ilahi untuk seluruh alam.

Yang menentang syriat Allah itu adalah hawa nafsu syahwat manusia yang jahat dan durjana.

Firman Allah SWT:

وَلَوِ اتَّبَعَ الْحَقُّ أَهْوَاءهُمْ لَفَسَدَتِ السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ وَمَن فِيهِنَّ بَلْ أَتَيْنَاهُم بِذِكْرِهِمْ فَهُمْ
عَن ذِكْرِهِم مُّعْرِضُونَ

Maksudnya: "Andai kata kebenaran itu menurut dan tunduk kepada hawa nafsu mereka pasti binasalah langit dan bumi ini, dan semua yang ada di dalamnya."

(Al-Mu'minuun: 71)

Seterusnya konsep Islam itu menyatukan kebenaran yang menjadi tapak agama ini dengan kebenaran yang menjadi asas bagi langit dan bumi dan juga menjadi panduan dan pedoman bagi seluruh urusan dunia dan akhirat, yang dihitung oleh dari dimurkai-Nya setiap orang yang berani melanggarnya. Itulah dia kebenaran yang tunggal, tiada dua baginya, kebenaran yang menjadi undang-undang alam semesta, undang-undang yang Allah diridai untuk seluruh alam kebenaran yang mesti diikut dan dipatuhi oleh seluruh maujud yang tumpang berteduh di bawah bayangan alam semesta ciptaan Allah ini.

Firman Allah:

لَقَدْ أَنزَلْنَا إِلَيْكُمْ كِتَابًا فِيهِ ذِكْرُكُمْ أَفَلَا تَعْقِلُونَ (10) وَكَمْ قَصَمْنَا مِن قَرْيَةٍ كَانَتْ ظَالِمَةً
وَأَنشَأْنَا بَعْدَهَا قَوْمًا آخَرِينَ (11) فَلَمَّا أَحَسُّوا بَأْسَنَا إِذَا هُم مِّنْهَا يَرْكُضُونَ (12) لَا
تَرْكُضُوا وَارْجِعُوا إِلَى مَا أُتْرِفْتُمْ فِيهِ وَمَسَاكِنِكُمْ لَعَلَّكُمْ تُسْأَلُونَ (13) قَالُوا يَا وَيْلَنَا إِنَّا كُنَّا
ظَالِمِينَ (14) فَمَا زَالَت تِّلْكَ دَعْوَاهُمْ حَتَّى جَعَلْنَاهُمْ حَصِيدًا خَامِدِينَ (15) وَمَا خَلَقْنَا
السَّمَاء وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا لَاعِبِينَ (16) لَوْ أَرَدْنَا أَن نَّتَّخِذَ لَهْوًا لَّاتَّخَذْنَاهُ مِن لَّدُنَّا إِن كُنَّا
فَاعِلِينَ (17) بَلْ نَقْذِفُ بِالْحَقِّ عَلَى الْبَاطِلِ فَيَدْمَغُهُ فَإِذَا هُوَ زَاهِقٌ وَلَكُمُ الْوَيْلُ مِمَّا تَصِفُونَ
(18) وَلَهُ مَن فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَنْ عِندَهُ لَا يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِهِ وَلَا يَسْتَحْسِرُونَ
(19) يُسَبِّحُونَ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ لَا يَفْتُرُونَ (20)

Maksudnya: "Sesungguhnya Kami telah turunkan kepada kamu sebuah kitab yang di dalamnya terdapat sebab-sebab kemuliaan bagimu. Maka adakah kamu tidak memahaminya? Dan beberapa banyak [penduduk] negeri-negeri yang zalim yang telah Kami binasakan, dan Kami adakan sesudah mereka itu suatu kaum yang lain [sebagai penggantinya]. Dan manakala yang zalim itu merasai azab Kami, tiba-tiba mereka lari tergesa-gesa daripadanya. [Dikatakanlah kepada mereka] Janganlah kamu lari tergesa-gesa, kembalilah kamu kepada nikmat yang

telah kamu rasakan dan kepada tempat-tempat kediamanmu [yang baik] supaya kamu ditanya. Mereka berkata: "Aduhai, celaka kami, sesungguhnya kami orang-orang yang zalim." Maka tetaplah demikian keluhan mereka sehingga Kami jadikan mereka sebagai tanaman yang telah dituai, yang tidak dapat hidup lagi. Dan tidaklah Kami ciptakan langit dan bumi dan segala yang di antara keduanya untuk bermain-main. Sekiranya kami membuat sesuatu permainan, tentulah Kami membuatnya dari sisi Kami. Jika Kami menghendaki berbuat demikian [tentulah Kami telah melakukannya]. Tetapi Kami lontarkan yang hak kepada yang batil dan yang hak itu menghancurkannya, maka dengan serta merta yang batil itu lenyap dan kecelakaanlah bagimu disebabkan kamu mensifati [Allah dengan sifat sifat yang tidak layak bagi-Nya]. Dan kepunyaan-Nyalah segala yang di langit dan di bumi dan [Malaikat-malaikat] yang di sisi-Nya, mereka tiada mempunyai rasa angkuh untuk menyembah-Nya, dan tiada [pula] merasa letih. Mereka selalu bertasbih malam dan siang tiada henti-hentinya".

(Al-Anbia': 10-20)

Sememangnya fitrah umat manusia itu faham dan mengerti akan kebenaran ini, sebab tabiat kejadian fitrah dan tabiat kejadian alam semesta sendiri ada di sekelilingnya, memberi ilham kepada fitrah itu bahawa seluruh wujud ini tegak di atas asas kebenaran (hak); dan kebenaran itu bersebati dengannya. Kebenaran tegak di atas asas undang-undang yang tidak pernah goncang dan tidak pernah ralat pusingannya, juga tidak pernah bertelagah sesama sendiri, tidak berjalan secara tiba-tiba sahaja tanpa panduan, apa lagi berjalan mengikut dorongan hawa nafsu! Ia berjalan mengikut undang-undang dan peraturan yang lengkap. Pertentangan boleh sahaja terjadi - antara umat manusia dengan fitrahnya - bila sahaja umat manusia itu menyeleweng dari kebenaran yang tersembunyi di sebalik fitrahnya, dengan dorongan dan godaan hawa nafsu syaitan keparat. Pertentangan antara manusia dengan fitrah akan terus berlaku bila mana sahaja umat manusia mencedok syariat dan undang-undang hidupnya dari sumber hawa nafsu berajakan iblis mal'un; apabila sahaja umat manusia tidak berpandu kepada undang-undang dan syariat Allah, apabila umat manusia tidak patuh kepada Allah, seperti yang wajib dilakukan oleh segenap penghuni alam semesta ini.

Pertentangan sepreti ini sering juga terjadi di antara individu dengan individu, organisasi dengan organisasi, bangsa dengan bangsa, di setiap zaman dan generasi, seperti mana juga pertentangan itu boleh berlaku di antara umat manusia denagn alam semesta. Sebagai hasilnya kekayaan dan perbendaharaan alam yang sepatutnya diolah untuk kebahagiaan umat manusia, bertukar fungsi menjadi bahan pemusnah tamadun umat manusia.

Dengan penjelasan dan huraian di atas nyatalah bahawa soal melaksanakan syariat dan undang-undang Allah di dalam hidup di dunia ini bukanlah semata-mata bererti soal mencari bekal hidup bahagia di akhirat sahaja, bukan setakat itu sahaja kerana dunia dan akhirat itu adalah merupakan dua peringkat dan dua rangkaian hidup yang saling lengkap melengkapi, dan syariat serta undang-undang Allahlah yang menjadi penghubung antara kedua-dua peringkat dan rangkaian

hidup umat manusia itu. Penyelarasan berpandukan syariat dan undang-undang Allah itu tidak mungkin sekali-kali mengganggu kebahagiaan hidup umat manusia di dalam akhirat kelak, bahkan penyelarasan itu boleh dirasakan dan dinikmati dalam masa hidup di dunia ini, yang akan bersambung pula dalam hidup di dalam abadi di akhirat kelak.

Inilah asas konsep Islam bagi seluruh wujud ini, bagi wujud uamt manusia di bawah lingkungan konsep yang unik, berlainan bentuk dan hakikatnya daripada konsep-konsep yang lain, yang pernah dikenal dan dihayati oleh umat manusia.

Sesungguhnya menghayati syariat Allah – mengikut konsep ini adalah suatu jaminan bagi perseimbangan dan penyelarasan hubungan antara umat manusia dengan alam semesta, di antara undang-undang yang memerintah fitrah umat manusia dengan undang-undang yang memerintah alam semesta, juga penyelarasan di antara undang-undang umum alam semesta dengan syariat Allah yang mengatur hidup umat manusia. Dengan demikian maka terlaksanalah pengabdian oleh umat manusia kepada Tuhan Yang Maha Esa, seperti mana alam semesta mengabdikan diri kepada Allah, Tuhan Maha Pencipta.

Salah satu contoh mengenai perlunya penyelarasan antara undang-undang yang memerintah umat manusia ialah contoh perdebatan di antara Nabi Ibrahim a.s. - moyang umat Islam – dengan Namrud, seorang raja yang angkuh. Namrud telah mendakwa dirinya sebagai orang yang paling berkuasa di dunia, berkuasa memberikan hidup dan mati umat manusia tetapi beliau telah jatuh tersungkur lalu menyerah kalah berhadapan dengan cabaran Nabi Ibrahim supaya beliau tidak hanya memperlihatkan kekuasaannya ke atas umat manusia sahaja, tapi hendaklah beliau membuktikan kuasanya mengubah keadaan alam semesta. Amat indah sekali cerita yang dibentangkan melalui firman ini :

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِي حَآجَّ إِبْرَاهِيمَ فِي رِبِّهِ أَنْ آتَاهُ اللّهُ الْمُلْكَ إِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّيَ الَّذِي يُحْيِي وَيُمِيتُ قَالَ أَنَا أُحْيِي وَأُمِيتُ قَالَ إِبْرَاهِيمُ فَإِنَّ اللّهَ يَأْتِي بِالشَّمْسِ مِنَ الْمَشْرِقِ فَأْتِ بِهَا مِنَ الْمَغْرِبِ فَبُهِتَ الَّذِي كَفَرَ وَاللّهُ لاَ يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ (258)

Maksudnya: "Apakah tidak kamu perhatikan [Namrud Raja Babilonia] yang mendebat dengan Ibrahim tentang Tuhannya [Allah] kerana Allah telah memberikan kepada orang itu pemerintah [kekuasaan]? Ketika Ibrahim mengatakan: "Tuhanku ialah yang menghidup dan mematikan. Orang itu berkata: "Saya dapat menghidup dan mematikan." Ibrahim menjawab: "Sesungguhnya Allah menerbitkan matahari dari timur, maka terbitkanlah dia dari barat." Kerana itu hairan terdiamlah orang yang kafir itu dan Allah tidak memberi petunjuk kepada kaum yang zalim."

(Al-Baqarah: 258)

Maka benarlah Allah telah berfirman :

أَفَغَيْرَ دِينِ اللّهِ يَبْغُونَ وَلَهُ أَسْلَمَ مَن فِي السَّمَاوَاتِ وَالأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا وَإِلَيْهِ يُرْجَعُونَ

Maksudnya: "Apakah mereka mencari agama yang lain daripada agama Allah, padahal kepadaNyalah menyerah diri segala apa yang di langit dan di bumi, baik dengan suka mahupun terpaksa dan kepada Allahlah mereka dikembalikan."

(Aali-Imran: 83)

الاسلام هوالحضارة

ISLAM IALAH TAMADDUN

Islam mengenal dan mengiktiraf hanya dua bentuk masyarakat sahaja, iaitu masyarakat Islam dan masyarakat jahiliyah.

"Masyarakat Islam" ialah masyarakat yang di dalamnya dilaksanakan Islam: akidah, ibadah, undang-undang, moral dan cara hidup. Manakala masyarakat jahiliyah itu ialah masyarakat yang Islam tidak dilaksanakan di dalamnya; masyarakat yang tidak dipandu oleh Islam, baik dari segi akidah, konsep, nilai, sistem dan undang-undang, moral dan tata susila.

"Masyarakat Islam" bukanlah sebuah perkumpulan atau organisasi manusia yang menamakan diri mereka "MUSLIM" sedangkan syariat Islam tidak menjadi undang-undang masyarakat itu, walaupun mereka patuh bersembahyang, menunaikan rukun puasa dan naik haji ke Mekah. Bukan juga masyarakat Islam itu yang mereka reka bentukkan bentuk Islam untuk diri mereka sendiri, lain daripada yang telah diatur dan ditetapkan oleh Allah SWT dan telah diajar oleh Rasulullah SAW, dengan memakai nama "Islam liberal" atau "Islam progresif".

Manakala "masyarakat jahiliyah" pula lahir dalam beraneka bentuk dan rupa, tapi semuanya jahiliyah belaka:

Ada yang berbentuk masyarakat yang engkar sama sekali akan wujudnya Zat Allah SWT dan membuat tafsiran secara benda terhadap sejarah, melaksanakan sistem apa yang disebutkan sebagai "sosialisme saintifik" sebagai panduan hidupnya.

Ada pula yang berbentuk sebuah masyarakat yang tidak engkar akan wujudnya Zat Allah SWT, tetapi menghadkan kuasa Allah SWT di dalam urusan yang bersangkutan dengan akhirat sahaja dan enggan mengiktiraf kuasa Allah SWT dalam urusan hidup di dunia. Masyarakat ini tidak mahu menjadikan syariat dan undang-undang Allah sebagai panduan hidup mereka, dan tidak sudi mengambil nilai-nilai Islam sebagai pedoman dalam mengukur sesuatu. Anggota-anggota masyarakat seperti ini dibolehkan beribadat di dalam biara-biara, gereja-gereja dan masjid-masjid, tetapi mereka dilarang menuntut pelaksanaan syariat Allah dalam urusan hidup sehari-hari, dengan demikian maka masyarakat itu dengan sendirinya menolak dan melemahkan kekuasaan dan ketuhanan Allah dan seluruh urusan hidup di bumi ini, sedangkan Allah SWT sendiri telah menyatakan dengan tegasnya bahawa kekuasaan dan ketuhanan-Nya meliputi seluruh langit dan bumi.

Firman Allah:

وَهُوَ الَّذِي فِي السَّمَاء إِلَهٌ وَفِي الْأَرْضِ إِلَهٌ

Maksudnya: "Dan Dialah Tuhan [yang disembah] di langit dan Tuhan [yang disembah] di bumi dan Dialah Yang Maha Bijaksana dan Maha Mengetahui."

(Azzukhruf: 84)

Oleh kerana itulah masyarakat seperti itu tidak mengikut agama Allah yang sebenar sebagaimana yang ditegaskan-Nya di dalam firman:

إِنِ الْحُكْمُ إِلاَّ لِلّهِ أَمَرَ أَلاَّ تَعْبُدُواْ إِلاَّ إِيَّاهُ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ

Maksudnya: "Tidak ada hukuman itu melainkan bagi [kepunyaan] Allah. Ia perintah kamu jangan sembah melainkan Dia [sahaja], [kerana] yang demikian itu adalah agama yang lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui."

(Yusoff: 40)

Dengan sebab yang di atas itulah masyarakat itu menjadi sebuah masyarakat "jahiliyah", walaupun ia mengiktiraf wujudnya Allah SWT dan walaupun ia memberi kebebasan kepada manusia untuk beribadat di biara-biara, gereja-gereja dan masjid-masjid.

"Masyarakat Islam" dengan bentuk seperti yang disebut di atas itulah sebenarnya masyarakat yang bertamadun, manakala masyarakat "jahiliyah" dalam segala bentuknya adalah masyarakat "songsang".

Saya pernah memasang iklan mengenai sebuah buku karangan saya yang masih di dalam percetakan. Buku itu asalnya berjudul: "Menuju masyarakat Islam yang bertamadun", tetapi dalam iklan kali berikutnya saya buang perkataan "bertamadun" dan judul buku itu diubah menjdai "Menuju Masyarakat Islam" sahaja. Perubahan judul ini rupanya menarik perhatian seorang penulis Al-Jazair (Algeria) yang selalu menulis di dalam bahasa Perancis. Beliau lantas menulis sebuah artikel mengenai perubahan judul ini, dalam mana beliau telah membuat tuduhan bahawa perubahan judul itu berpunca daripada apa yang dinamakan beliau "operasi mempertahankan Islam dari dalam jiwa". Beliau menyatakan kesalnya atas perubahan judul itu kerana itulah kononnya saya dianggap beliau sebagai tidak layak lagi membuat ulasan masalah itu mengikut keadaan yang sebenar.

Saya tidak ambil hati kepada penulis itu atas sikapnya yang demikian, sebab pada ketika mula-mula menulis judul buku berkenaan, cara berfikir saya masih serupa dengan cara berfikir beliau. Persoalan yang berlegar dalam kepala saya ialah persoalan definisi "tamadun" sama sahaja dengan persoalan yang selalu menari di dalam kepala beliau.

Saya terpaksa mengaku dengan berterus-terang bahawa cara berfikir saya pada ketika itu pun masih belum bebas sepenuhnya dari pengaruh sisa-sisa kebudayaan Eropah yang sama sekali asing dari selera keIslaman, sekali pun arah pemikiran saya begitu jelas ke arah Islam, namun sisa-sisa cara berfikir ala Eropah itu masih lagi mempengaruhi saya. Definisi "tamadun" ala Eropah selalu sahaja bermain-main di dalam ingatan saya. Perkataan ini, kalau tidak penjelasan secukupnya, boleh mempengaruhi para pembaca dengan bayangan konsep asing yang aneh itu.

Perselisihan pendapat itu sebenarnya ialah mengenai definisi "tamadun" dan dengan demikian perlulah persoalan ini dihuraikan denagn agak luas.

Dan akhirnya terserlah jualah kebenaran "Masyarakat Islam" ialah sebenar-benarnya masyarakat yang "bertamadun". Perkataan "bertamadun" sebenarnya tidak perlu dipakai, kerana ia adalah suatu omong kosong, tidak membawa sesuatu apa pun yang baru.

Bila sahaja kekuasaan tertinggi dalam pemerintahan sebuah masyarakat itu diserah kepada Allah sahaja, dalam bentuk berkuasanya syariat Allah di dalam masyarakat itu, ketika itulah baru terdapat kebebasan dan kemerdekaan penuh umat manusia dari pengabdian diri kepada sesama umat manusia. Inilah yang dinamakan "tamaddun kemanusiaan" kerana tamaddun umat manusia itu mempunyai pokok pangkal yang penting, iaitu kebebasan asasi dan mutlak bagi umat manusia, kehormatan yang sebenar bagi setiap anggota masyarakat, kerana pada hakikatnya kebebasan dan kemerdekaan itu tidak wujud di dalam sebuah masyarakat yang setergah anggotanya menjadi "Tuhan" dan yang setengah lagi menjadi "hamba abdi" yang mesti mematuhi kekuasaan tuannya.

Kita perlu tegaskan bahawa kekuasaan itu tidak hanya terbatas di dalam lingkungan sistem undang-undang sahaja, seperti yang lumrah difahami orang terhadap perkataan "'Syariat", yang difahami melalui faham yang begitu sempit sekali, sebab fikiran, program, undang-undang dan nilai-nilai, kebiasaan dan adat resam pun merupakan perkara yang mesti dipatuhi oleh setiap individu, iaitu apabila segolongan manusia melakukan kekuasaannya atas golongan lain, dan golongan lain pula patuh menerima kekuasaan itu, maka masyarakat itu tidak layak lagi disebut sebagai sebuah masyarakat yang bebas dan merdeka, kerana ia mengakui kekuasaan sesuatu golongan atas golongan lain, di luar daripada panduan Allah, masyarakat yang satu golongan anggotanya menjadi "Tuhan" manakala satu golongan yang lain menjad "abdi". Oleh yang demikian masyarakat itu bukanlah sebuah masyarakat yang ber"tamaddun" malah ia adalah sebuah masyarakat yang "songsang", atau menurut kaca mata Islam, masyarakat itu ialah sebuah masyarakat "jahiliyah".

"Masyarakat Islam" ialah satu-satunya masyarakat yang dikawal dan dilindungi oleh Allah Yang Maha Esa. Anggota-anggota masyarakat itu meninggalkan dan membuang jauh segala bentuk pemujaan dan pendewaan kepada sesama manusia untuk melakukan pemujaan dan pendewaan kepada Allah SWT

sahaja. Oleh sebab itulah anggota-anggota masyarakat itu menjadi orang yang bebas dan merdeka sepenuhnya, kebebasan yang menjadi paksi keseluruhan tamaddun dan kehormatan umat manusia sebagaimana yang ditakdir Allah sejak azali sewaktu Allah memproklamasikan kepada para malaikat tmtuk melantik manusia sebagai "khalifah"Nya di bumi ini.

Bila sahaja program yang berpunca dari Tuhan Yang Maha Esa menjadi tali pengikat antara umat manusia, dalam mana kedaulatan bagi seluruh umat manusia tidak bersumber dari sebarang kuasa duniawi dalam bentuk pengabdian dan penindasan atas sesama umat manusia nescaya masyarakat itu menjadi sebuah masyarakat yang ideal yang boleh menggambarkan keindahan ciri kemanusiaan, iaitu ciri roh dan fikiran.

Sebaliknya bila sahaja dasar perkauman, kebangsaan, warna kulit dan tanahair, persamaan nasib dan lain-lain lagi, yang menjadi tali pengikat antara kelompok umat manusia, maka jelaslah bahawa dasar-dasar itu tidak menggambarkan ciri kemanusiaan, sebab manusia akan tetap menjadi manusia juga tanpa kebangsaan, tanpa warna kulit dan tanahair, tetapi manusia itu bukan manusia lagi tanpa roh dan fikiran

Di samping itu dengan berdasarkan kebebasan dan kemahuan sendiri manusia boleh mengubah akidahnya, boleh mengubah fikirannya, dan jua mengubah program hidupnya, sebaliknya manusia tidak akan berdaya mengubah kebangsaan dan wana kulitnya, seperti jua dia tidak akan berupaya mengubah terrpat kelahirannya.

Sebuah masyarakat yang di dalamnya manusia berkumpul dan berorganisasi berdasarkan kemerdekaan dan kebebasan kemahuan fitrah kemanusiaan itulah masyarakat yang bertamaddun. Adapun sebuah masyarakat yang di dalamnya manusia berkumpul berdasarkan sesuatu di luar kemerdekaan dan kebebasan fitrah kemanusiaan, maka masyarakat itu adalah sebuah masyarakat yang songsang atau mengikut istilah Islam, masyarakat itu ialah masyarakat "jahiliyah".

Sesungguhnya masyarakat Islam sahajalah sebuah masyarakat yang anggotanya berkumpul berdasarkan kemerdekaan dan kebebasan. Ia juga sebuah masyarakat yang menganggap "akidah" sebagai rupa bangsa yang mengumpulkan orang-orang berkulit putih, hitam, merah dan kuning, mengumpulkan orang Arab, Romawi, Parsi, Negro dan seluruh bangsa manusia di muka bumi ini menjadi satu umat yang bertuhankan Allah, yang memuja dan menyembah-Nya sahaja. Orang yang paling mulia dan dihormati di dalam masyarakat itu ialah orang yang paling bertaqwa dan yang selainnya adalah setaraf sahaja dalam menjunjung hukum dan perintah Allah.

Apabila "kemanusiaan" manusia itu menjadi nilai yang tertinggi di dalam sesebuah masyarakat, dan apabila sifat-sifat "kemanusiaan" di dalam masyarakat itu yang menjadi tumpuan penilaian ketika itulah masyarakat itu menjadi sebuah

masyarakat yang bertamaddun. Sebaliknya bila sahaja "benda" - datam bentuk apa pun - yang menjadi nilai tertinggi sesebuah masyarakat sama ada dalam bentuk "teori" seperti dalam tafsiran ala Karl Marx terhadap sejarah, atau dalam bentuk "pengeluaran benda" seperti di Amerika, Eropah dan seluruh negara yang menganggap pengeluaran benda itu sebagai nilai tertinggi, dan kerana itulah pula nilai-nilai kemanusiaan itu dipandang hina dan malah dipijak-pijak, maka masyarakat itu adalah sebuah masyarakat yang "songsang" atau mengikut sebutan Islam masyarakat itu adalah masyarakat "jahiliyah."

Sesungguhnya masyarakat bertamaddun, atau masyarakat Islam, tidak memandang enteng kepada benda, tidak dalam bentuk teori (dengan menganggapnya sebagai bahan penyusunan alam dan daripadanyalah kita mengambil faedah dan penghasilan) dan tidak pula dalam bentuk "pengeluaran benda", kerana pengeluaran benda adalah punca kehidupan di dunia ini, yakni sebagai pemberian Allah, tetapi Islam tidaklah pula memandang benda itu sebagai asas semua nilai kemanusiaan, semata-mata kerana hendak mengejar kemewahan benda.

Apabila "nilai kemanusiaan" atau "moral kemanusiaan" yang menjadi asas hidup umat manusia, berkuasa di dalam sebuah masyarakat, nescaya masyarakat itu akan menjadi sebuah masyarakat, yang bertamaddun, dan nilai moral kemanusiaan itu bukanlah suatu perkara yang sukar, tidak pula merupakan suatu perkara yang berubah dan tidak mantap serta tidak punya asas, sebagaimana yang dituduh oleh "pentafsiran ala benda atas sejarah" atau seperti yang dituduh oleh para penganut "sosialisme saintifik".

Sesungguhnya nilai yang dimaksudkan itu ialah nilai-nilai yang menggalakkan pertumbuhan ciri-ciri yang menjadi milik manusia sahaja dan tidak dimiliki oleh haiwan, nilai-nilai yang menonjolkan sudut-sudut yang membezakan manusia dengan haiwan, bukanlah nilai-nilai yang menggalakkan pertumbuhan ciri dan sudut yang menyamakan manusia itu dengan haiwan.

Apabila persoalan sudah sampai ke peringkat ini maka lahirlah garis pemisah yang terang dan nyata, yang tidak jadi pak turut kepada aliran fahaman orang yang menamakan dirinya "progresif" dan orang yang mendakwa diri mereka sebagai orang "sosialis saintifik"!

Ketika itu istilah suasana keliling dan kebebasan. masyarakat tidak lagi menjadi kuasa penentu dalam menilai moral dan tata susila, kerana perbezaan suasana masyarakat itu berlaku mengikut nilai yang tetap dan tidak berubah-ubah. Pada ketika itu tiada lagi nilai masyarakat "pertanian", atau masyarakat "industri", tiada juga nilai moral "kapitalis" atau nilai moral "sosialis", tiada moral "borjuis" atau "proletar" yang ada hanyalah nilai moral "kemanusiaan" dan nilai moral "kehaiwanan/kebinatangan" kalaulah perkataan itu boleh disebut atau mengikut pandangan Islamnya, nilai-nilai moral "Islam" dan nilai moral "Jahiliyah".

Sesungguhnya Islam mengiktiraf nilai moral "kemanusiaan" yang menyebabkan lahirnya aspek yang membezakan manusia dengan haiwan. Islam memang menggalakkan perkembangannya di dalam setiap masyarakat yang menghayati Islam, sama ada masyarakat itu berbentuk sebuah masyarakat "pertanian" atau masyarakat "industri", sama ada masyarakat itu masih primitif dan hidup dari sumber ternakan atau sebuah masyarakat kosmopolitan, masyarakat orang-orang miskin atau masyarakat orang berada. Islam menatang manusia mendaki ke puncak dengan membawa ciri-ciri yang khusus untuk manusia di samping mengawalnya sungguh-sungguh dari menjunam jatuh membawa ciri-ciri kehaiwanan atau kebinatangan.

Apabila sistem "keluarga" menjadi kaedah utama dalam pembentukan masyarakat, dan keluarga itu dibina di atas asas pembahagian tugas di antara suami isteri, pembahagian tugas dalam melaksanakan kerja, serta keluarga itu memberi perhatian penuh kepada masalah perrbentukan generasi baru dan pendidikan anak-anak; maka masyarakat itu menjadi sebuah masyarakat yang bertamaddun; kerana keluarga dalam bentuk ini, di bawah lindungan program Islam, adalah merupakan tapak dan pangkalan dalam mana nilai-nilai "kemanusiaan" itu diproses dan dilentur, dibentuk dan dipupuk, untuk menjadi panduan generasi muda, sebab nilai-nilai itu tidak mungkin diproses dan dibentuk kecuali dalam unit sebuah keluarga.

Sebaliknya apabila hubungan sex (yang kadang-kadang dinamakan sebagai perhubungan bebas) dan pembentukan keturunan dan zuriat di luar hukum syarak, yang menjadi asas perkembangan masyarakat, apabila hubungan sex antara laki-laki dan wanita dilakukan atas asas memuaskan hawa nafsu yang ganas dan serakah, bukan atas asas pembahagian tugas seperti yang disebut tadi, dalam pembentukan sesebuah keluarga, apabila peranan dan tugas wanita ialah semata-mata menjadi bahan perhiasan dan penglipurlara sahaja apabila kaum wanita ikut menumpukan usaha dan waktunya ke arah pengeluaran benda dan membikin alat produksi negara, dan tidak memberikan perhatiannya kepada masalah membentuk dan menghasilkan "manusia" kerana kononnya pengeluaran benda itu lebih mustahak dan lebih bernilai daripada pengeluaran "manusia" maka pada ketika itu menonjollah ciri "songsang"nya tamadun, dipandang dari sudut kemanusiaan atau tegasnya lahirlah "jahiliyah" dalam kaca mata Islam.

Masalah keluarga dan hubungan sex antara laki-laki dan wanita adalah menampakan persoalan pokok yang menentukan, di dalam menilai sifat sebuah masyarakat, sama ada mundur atau maju, sama ada songsang atau tamaddun, sama ada jahiliyah atau Islam, sebab sesebuah masyarakat yang dipengaruhi oleh nilai-nilai kehaiwanan dan kebinatangan, tidak mungkin menjadi sebuah masyarakat yang bertamaddun, walaupun taraf ekonomi dan ilmu pengetahuannya tinggi melangit, kerana ukuran ini dibuat mengikut kadar maju mundurnya nilai kemanusiaan. Dan sudah pasti sekali ukuran ini tetap dan tidak akan pernah meleset!

Nilai-nilai moral sangat merosot keadaannya di dalam masyarakat jahiliyah, kerana di dalam masyarakat jahiliyah itu aspek-aspek dan ciri-ciri yang membezakan "manusia" dengan "binatang" itu tidak diberi perhatian, malah dikesampingkan langsung. Oleh kerana itulah di dalam masyarakat jahiliyah hubungan sex di luar hukum syarak (dengan perkataan lain "zina") dan malah hubungan sex antara sama sejenis (homosexual) atau mengikut istilah Islam "liwat" yang terkutuk di sisi undang-undang agama, tidak dipandang sebagai suatu kejahatan moral. Di. dalam masyarakat seperti itu "kejahatan" hampir hanya terbatas di dalam lingkungan persoalan yang ada kaitannya dengan ekonomi dan politik sahaja, dan malah ada yang hanya berkaitan dengan "kepentingan negara" semata-mata. Oleh sebab itulah maka skandal sex antara Christine Keeler dengan bekas seorang Menteri Perang Inggeris - umpamanya - tidak dianggap sebagai suatu kejahatan dalam pandangan masyarakat Inggeris semata-mata kerana mereka berhubungan sex secara zina. Skandal itu dianggap sebagai suatu kejahatan justeru kerana Christine Keeler juga menjadi seorang teman wanita kepada bekas Attache Angkatan Laut Soviet Russia di Negeri Inggeris, iaitu suatu hal yang membahayakan kepentingan Negara kerana bocornya rahsia negara kepada pihak musuh melalui perhubungan beliau dengan kedua orang itu. Hal ini dianggap berbahaya kepada negara kerana bekas Menteri Perang itu telah memberikan keterangan bohong kepada Parlimen mengenai skandai ini. Skandal-skandal yang sama bentuknya tidak kurang berlaku di Dewan Senate Amerika Syarikat; begitu juga. skandal-skandal lain berupa sindiket pengintipan dan, jaringan penggelapan berita, seperti juga terdapat pegawai-pegawai tinygi kerajaan Inggeris dan Amerika yang melarikan diri ke Soviet Rusia. Hal-hal itu tidak dianggap sebagai kejahatan kerana mereka melakukan hubungan sex secara haram (zina) tetapi justeru kerana perbuatan mereka yang merugikan kepentingan dan mengancam keselamatan negara.

Ramai pengarang, wartawan dan penulis cerpen dan novel yang telah membongkar skandal rahsia dan aneh yang berlaku dengan sebenarnya di dalam masyarakat jahiliyah. Mereka telah menceritakan dengan terus terang tentang kejadian ganjil di sana sini di sekitar hubungan sex bebas; malah mereka telah sanggup menjalankan kempen di kalangan para isteri dan suri rumahtangga dengan mengatakan bahawa perhubungan sex bebas (zina) bukanlah termasuk di dalam golongan skandal yang meruntuhkan moral. Mereka lagi malah sanggup menjalankan kempen bahawa tidaklah termasuk dalam istilah mengkhianati cinta sekiranya seorang isteri berlaku curang terhadap suaminya dengan umpamanya melakukan zina dengan seorang laki-laki lain, asalkan hajat nafsu syahwat dapat ditunaikan, malah mereka menganggap suatu kebodohan bahawa seorang isteri itu masih tetap menjaga kesucian dirinya seandainya si suami didapati lemah tenaga batinnya. Mereka beranggapan bahawa seorang isteri yang mengalami nasib demikian boleh menyerahkan dirinya kepada laki-laki lain dengan penuh kerelaan hati dan dengan penuh "amanah". Banyak sekali hal-hal seperti ini boleh dibaca melalui cerpen-cerpen dan ruangan pojok juga gambar-gambar kartun serta komik yang beraneka rupa, juga dalam bahan bualan di kaki lima dan di jalan raya yang semuanya membawa pengertian seperti di atas.

Masyarakat model ini adalah masyarakat yang mundur, adalah masyarakat yang "songsang" ditinjau dari sudut "Manusia" dan diukur dengan nilai-nilai tamaddun "kemanusiaan". Sesungguhnya garis tamaddun "kemanusiaan" itu bergerak ke arah "pengawasan" terhadap "syahwat kebinatangan" dan membatasnya ke dalam lingkungan "keluarga" berasaskan tugas kemanusiaan, berfungsikan pembinaan generasi manusia bukan bermatlamatkan,kelazatan dan kepuasan sex pembinaan generasi muda yang boleh dilakukan dengan disediakan praserana yang berbentuk ciri-ciri kemanusiaan yang akan menghiasi hidup mereka. Penyediaan praserana itu tidak mungkin dapat dilakukan dengan jayanya kecuali dalam pangkuan kekeluargaan yang dilindungi oleh ketenteraman dan ketenangan jiwa berdasarkan rasa kasih sayang dan hormat menghormati di dalam unit sebuah keluarga. Manakala di dalam masyarat yang dibentuk oleh arahan dan pengaruh yang penuh beracun, yang mengkesampingkan fahaman moral yang sebenar, yang tidak menghormati kesopanan dan ajaran agama di dalam soal hubungan sex, dalam masyarakat seperti ini tidak mungkin wujud praserana untuk membentuk generasi muda "manusia" yang sejati.

Oleh hal yang demikian maka nilai-nilai moral, pengajaran dan hukum-hakam Islam yang menjamin keselesaan hidup manusia yang memang benar-benar layak untuk mengelakkan diri sejauh mungkin dari ciri-ciri kebinatangan.

Dari huraian ini nyatalah bahawa Islam adalah suatu bentuk "tamaddun" mengikut nilai-nilai kemanusiaan yang tetap teguh, nilai yang tidak berganjak dan tidak sudi menjadi pak turut kepada nilai-nilai lain.

Kesimpulannya: Bila sahaja umat manusia itu benar-benar melaksanakan tugasnya sebagai "khalifah" Allah di bumi-Nya mengikut cara yang betul, iaitu: dengan menumpu dan memurnikan "ubudiyah" semata-mata kepada Allah dan dengan demikian membebaskan diri sepenuhnya daripada "ubudiyah" dan tunduk kepada yang lain daripada-Nya dengan cara menghayati syariat dan undang-undang Allah di dalam segenap aspek hidup dan menolak tegas sahnya (legalitinya) undang-undang dan sistem selain undang-undang Allah, di samping membina kehidupan di atas nilai-nilai moral yang telah ditentukan oleh Allah SWT dan melempar jauh nilai-nilai dan hukum-hukum bikinan para hamba Allah di samping membuat kajian dan mengambil manfaat daripada peraturan-peraturan alam yang telah ditugaskan oleh Allah sejak azali, dan menggunakannya untuk memajukan kehidupan dan mengeluarkan hasil bumi, meneroka rezeki dan menikmati makanan yang telah dikurnia oleh Allah. Memang perlu sekali alam itu diteroka dan diolah dengan menggunakan kepandaian dan keahlian yang telah dikurnia-Nya melalui berbagai bentuk ilmu yang berkenaan dengannya. Bila sahaja umat manusia menggali sumber rezeki dan meneroka bahan-bahan mentah, mendirikan kilang perusahaan, melaksanakan pembangunan ekonomi dan pemerintahan negara dengan menghayati undang-undang dan syariat Allah apabila itu semuanya melaksanakan di atas asas "LILLAAHI" - kerana Allah, iaitu kerana menunaikan ubudiah kepada Allah, kerana menunaikan amanah Allah yang telah melantik umat manusia menjadi "khalifah"-Nya di muka bumi ini - maka pada ketika itu umat

manusia itu ber"tamaddun" sepenuhnya. Ada pun ciptaan, kemajuan dan pembangunan benda sahaja, tanpa menjalankan tugas sebagai "khalifah" dan menjalankan "ubudiah" kerana Allah sahaja, tidak diiktiraf oleh Islam sebagai "tamaddun" sebab kemajuan dan pembangunan benda seperti itu boleh jadi diresapi oleh pengaruh jahiliyah.

Allah SWT telah mempamerkan sifat dan ciri jahiliyah di dalam pembangunan benda di dalam ayat-ayat berikut:

أَتَبْنُونَ بِكُلِّ رِيعٍ آيَةً تَعْبَثُونَ (128) وَتَتَّخِذُونَ مَصَانِعَ لَعَلَّكُمْ تَخْلُدُونَ (129) وَإِذَا بَطَشْتُم بَطَشْتُمْ جَبَّارِينَ (130) فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُونِ (131) وَاتَّقُوا الَّذِي أَمَدَّكُم بِمَا تَعْلَمُونَ (132) أَمَدَّكُم بِأَنْعَامٍ وَبَنِينَ (133) وَجَنَّاتٍ وَعُيُونٍ (134) إِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ (135)

Maksudnya: "Mengapakah kamu mendirikan pada tiap-tiap tanah tinggi bangunan untuk bermain-main? [maksudnya: untuk bermewah-mewah dan memperlihatkan kekayaan] Dan kamu membuat benteng-benteng [mahligai: istana) dengan maksud supaya kamu kekal [hidup di dunia] Dan bila kamu menyeksa, maka kamu menyeksa sebagai orang-orang kejam dan bengis. Kerana itu bertaqwalah kepada Allah dan taatlah kepada-Ku. Dan bertaqwalah kepada Allah yang telah menganugerahkan kepadamu apa yang kamu ketahui. Dia telah menganugerahkan kamu binatang-binatang ternak dan anak-anak, kebun-kebun dan mata air. Sesungguhnya Aku takut kamu ditimpa azab hari yang besar."

(Asy-syu'araa: 128-135)

Dan firman:

أَتُتْرَكُونَ فِي مَا هَاهُنَا آمِنِينَ (146) فِي جَنَّاتٍ وَعُيُونٍ (147) وَزُرُوعٍ وَنَخْلٍ طَلْعُهَا هَضِيمٌ (148) وَتَنْحِتُونَ مِنَ الْجِبَالِ بُيُوتًا فَارِهِينَ (149) فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُونِ (150) وَلَا تُطِيعُوا أَمْرَ الْمُسْرِفِينَ (151) الَّذِينَ يُفْسِدُونَ فِي الْأَرْضِ وَلَا يُصْلِحُونَ (152)

Maksudnya: "Adakah kamu akan dibiarkan tinggal di sini [di negeri kamu ini] dengan aman. Di dalam kebun-kebun serta mata air, Dan tanaman-tanaman dan pohon-pohon kurma yang mayangnya lembut, Dan kamu pahat sebahagian dari gunung-gunung untuk dijadikan rumah-rumah dengan rajin. Sebab itu bertaqwalah kepada Allah dan taatlah kepadaku. Dan jangan kamu taati perintah orang-orang yang melampaui batas. Yang melakukan kerosakan di muka bumi dan tidak mengadakan perbaikan."

(Asy-syu'araa:146-152)

dan firman Allah:

فَلَمَّا نَسُواْ مَا ذُكِّرُواْ بِهِ فَتَحْنَا عَلَيْهِمْ أَبْوَابَ كُلِّ شَيْءٍ حَتَّى إِذَا فَرِحُواْ بِمَا أُوتُواْ أَخَذْنَاهُم بَغْتَةً فَإِذَا هُم مُّبْلِسُونَ (44) فَقُطِعَ دَابِرُ الْقَوْمِ الَّذِينَ ظَلَمُواْ وَالْحَمْدُ لِلّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ (45)

Maksudnya: "Maka tatkala mereka melupakan peringatan yang telah diberikan kepada mereka, Kami pun membuka semua pintu kesenangan untuk mereka, sehingga apabila mereka bergembira dengan apa yang telah diberikan kepada mereka, Kami seksa mereka dengan sekonyong-konyong, maka ketika itu mereka terdiam berputus asa. Maka orang-orang zalim itu pun dimusnah dan dihancurkan sampai ke akar-akarnya. Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta Alam."

(Al-An'aam: 44-45)

Dan firman:

حَتَّىَ إِذَا أَخَذَتِ الأَرْضُ زُخْرُفَهَا وَازَّيَّنَتْ وَظَنَّ أَهْلُهَا أَنَّهُمْ قَادِرُونَ عَلَيْهَآ أَتَاهَا أَمْرُنَا لَيْلاً أَوْ نَهَارًا فَجَعَلْنَاهَا حَصِيدًا كَأَن لَّمْ تَغْنَ بِالأَمْسِ

Maksudnya: "Sesungguhnya perumpamaan kehidupan duniawi ini, adalah seperti air [hujan] yang Kami turunkan dari langit, lalu tumbuhlah dengan suburnya kerana air itu, tanaman-tanaman bumi, di antaranya ada yang dimakan manusia dan binatang-ternakan. Hingga apabila bumi itu telah sempurna keindahannya dan memakai [pula] perhiasannya [maksudnya: bumi yang indah dengan gunung-gunung dan lembah yang menghijau dengan tanamannya] dan pemilik-pemiliknya menyangka bahawa mereka pasti menguasainya [dapat memetik hasilnya], tiba-tiba datanglah kepadanya azab Kami di waktu malam dan siang, lalu Kami jadikan tanaman-tanamannya laksana tanaman-tanaman yang sudah disabit [atau ditual] seakan-akan belum pernah tumbuh kelmarin. Demikianlah Kami menjelaskan ayat-ayat [Kami] kepada orang-orang yang berfikir."

(Yunus: 24)

Kita telah jelaskan di atas tadi bahawa Islam sama sekali tidak memandang rendah kepada benda dan tidak sama sekali memandang rendah kepada teknologi benda, tetapi sebaliknya Islam menganggap corak kemajuan seperti ini, yang berteraskan panduan Allah, adalah satu nikmat Allah untuk umat manusia, yang Allah kurnia kepada umat manusia sebagai balasan ketaatan mereka di dunia ini.

Firman Allah:

فَقُلْتُ اسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ إِنَّهُ كَانَ غَفَّارًا (10) يُرْسِلِ السَّمَاء عَلَيْكُم مِّدْرَارًا (11) وَيُمْدِدْكُمْ بِأَمْوَالٍ وَبَنِينَ وَيَجْعَل لَّكُمْ جَنَّاتٍ وَيَجْعَل لَّكُمْ أَنْهَارًا (12)

Maksudnya: "Maka Aku katakan kepada mereka: "Mohonlah ampun kepada Tuhanmu, sesungguhnya Dia adalah Maha Pengampun." Nescaya Dia akan mengirimkan hujan kepadamu dengan lebat. Dan membanyakkan harta dan anak-anak kamu, dan mengadakan kebun-kebun untukmu mengadakan [pula di dalamnya] untukmu sungai-sungai."

(Nuh: 10-12)

dan firman:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَى آمَنُواْ وَاتَّقَواْ لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاء وَالأَرْضِ وَلَكِن كَذَّبُواْ فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُواْ يَكْسِبُونَ

Maksudnya: "Jikalau sekiranya penduduk kota [dan kampung] beriman dan bertaqwa, pastilah Kami akan melimpahkan kepada mereka berkat dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan [ayat-ayat Kami] itu, maka Kami seksa mereka disebabkan perbuatannya."

(Al-A'raaf: 96)

Yang penting ialah asas, tapak dan pangkalan bagi pembangunan industri, dan nilai-nilai yang mempengaruhi masyarakat, yang menjadi bahan ramuan dalam pembentukan ciri tamadun "kemanusiaan".

Sesungguhnya pangkalan gerakan dan kaedah pembentukan anggota masyarakat Islam itulah yang menjadikan ia (masyarakat Islam) sebuah masyarakat yang unik, sebuah masyarakat yang tidak boleh diresapi oleh mana-mana jua teori pun yang menjadi asas dan kaedah pembentukan anggota masyarakat jahiliyah kerana masyarakat Islam itu lahir dari suatu gerakan, gerakan yang terus menerus di sepanjang zaman, gerakan yang akan memberi posisi dan tempat kepada setiap individu dalam masyarakat Islam itu, gerakan yang akan menentukan tugas dan fungsi mereka di dalam masyarakat Islam itu.

Gerakan yang menetaskan masyarakat Islam itu pada asalnya ialah suatu gerakan yang datang dari luar daya umat manusia gerakan itu datang dalam bentuk suatu akidah yang Allah kurniakan secara langsung kepada manusia. Gerakan yang melahirkan suatu konsep yang unik mengenai hakikat wujud ini, mengenai hakikat hidup, hakikat sejarah, hakikat nilai-nilai dan hakikat tujuan hidup. Gerakan yang melahirkan suatu program kerja yang lahir dari konsep itu. Cetusan permulaan yang melahirkan gerakan itu tidak datang dari dalam jiwa umat manusia dan tidak

pula dari sesuatu bahan benda di dalam alam nyata ini, tetapi seperti telah kita katakan tadi, ia datang dari luar lingkungan bumi nyata, dari luar daya umat manusia. Inilah pokok perbezaan terpenting dalam pembentukan masyarakat Islam yang memisahkannya dari masyarakat jahiliyah.

Dengan menggunakan unsur azali yang ghaib, di luar jangkauan daya manusia dan di luar campur tangan umat manusia itulah, pada asalnya, bermulalah langkah pertama dalam pembentukan masyarakat Islam, disertai dengan kerja melentur pembentukan "manusia", iaitu manusia yang berimankan akidah yang datang secara langsung dari sumber ghaib itu, dengan kudrat Allah SWT. Bila sahaja satu individu manusia itu mula menerima akidah ini dan mula beriman dengannya maka pada dasarnya bermulalah sudah wujudnya masyarakat Islam itu sebab individu yang satu itu menerima akidah dan iman itu bukan untuk dipendam dan disimpan di dalam hatinya seorang sahaja. Dia pasti akan bergerak dan berjalan membawa akidah itu bersama-samanya.

Inilah tabiat setiap gerakan yang dinamis dan aktif. Kudrat Ilahi yang Maha Tinggi yang menggariskan akidah ini meresap atas seketul hati, Maha Mengetahui bahawa akidah akan mengajak dan mendorong individu bergerak, bergerak terus langkah demi langkah menuju matlamat yang ditentukan.

Bila sahaja orang yang menerima akidah itu genap jumlahnya menjadi tiga orang, maka akidah sendiri akan membisikkan kepada mereka: "kalian telah menjadi sebuah masyarakat Islam yang merdeka dan bebas", sebuah masyarakat yang terpisah jauh daripada masyarakat jahiliyah yang tidak menganut akidah seperti ini dan tidak punya nilai-nilai asasi akidah itu.

Kemudian tiga orang tadi akan bertambah jumlahnya menjadi sepuluh, seratus, seribu, dua belas ribu hingga berkembang dan bertapaklah secara pastinya sebuah masyarakat Islam itu.

Semasa kedua bentuk masyarakat ini meneruskan perjalanan masing-masing, sering pula timbul pergeseran, yang satu baru berumur setahun jagung, mendukung akidah dan konsep hidup sendiri, manakala yang satu lagi menderita kerana kehilangan pengikut. Pergeseran itu dengan sendirinya tambah menampakkan perbezaan antara kedua bentuk masyarakat itu, perbezaan konsep dan cara bergerak, walaupun masyarakat Islam masih belum mengisytiharkan kelahirannya di tengah-tengah masyarakat jahiliyah yang masih berpengaruh itu.

Tetapi "gerakan" yang menjadi tanda pengenalan akidah Islam dan menjadi cap masyarakat baru ini, masyarakat yang lahir dari cetusan akidah, tidak akan membiarkan para anggotanya tinggal diam membungkam. Setiap individu di dalam masyarakat baru itu akan bergerak, bergerak dari menonjolkan akidahnya, bergerak dalam pembentukan anggota masyarakatnya, bergerak menarik anggota masyarakat jahiliyah supaya menukar haluan menjadi anggota masyarakat baru ini, bergerak mengikis bersih sisa-sisa pengaruh jahiliyah yang masih melekat pada diri anggota-

anggotanya. Pendek kata pergeseran itu tidak dapat dielakkan; ia akan berjalan terus, dan jihad tidak akan berhenti hingga ke hari kiamat.

Posisi setiap individu di dalam masyarakat baru ini akan ditentukan oleh peranan dan aktivitinya di dalam menghayati gerakan. Pembentukan masyarakat baru ini pun akan sempurna dengan wujudnya koordinasi di antara peranan individu dan peranan posisi masing-masing.

Pertumbuhan dan proses seperti ini akan merupakan dua ciri penting di dalam pembentukan masyarakat Islam. Ia tidak boleh memakai cara lain dan tidak boleh menggunakan konsep yang lain, juga tidak dapat dilaksanakan melalui sistem yang lain, sistem yang disadur dari konsep lain.

Sesungguhnya masyarakat Islam itu, seperti yang telah dihuraikan melalui definisi "tamaddun" di atas, bukanlah hanya suatu lagenda sejarah yang boleh disebut-sebut sebagai bahan kenangan sahaja. Ia adalah suatu keperluan semasa dan cita-cita masa depan. Ia adalah suatu matlamat yang dicari-cari dan ditunggu-tunggu ketibaannya oleh seluruh umat manusia sejagat, baik hari ini mahupun besok, supaya kemanusiaan itu dapat keluar menyelamatkan diri daripada jurang jahiliyah yang menyeksanya sekarang, sama ada jahiliyah itu di kalangan bangsa-bangsa yang telah maju di lapangan industri dan ekonomi dan sama ada di kalangan bangsa-bangsa yang sedang membangun.

Sesungguhnya nilai yang kita sebutkan secara ringkas tadi ialah nilai-nilai kemanusiaan, nilai yang tidak akan boleh dicapai oleh umat manusia kecuali di dalam lingkungan "tamaddun Islam" iaitu tamaddun yang lengkap dengan nilai-nilai kemanusiaan bukan nilai kemajuan ekonomi, perindustrian atau ilmu-ilmu pengetahuan yang kosong dari nilai-nilai kemanusiaan.

Nilai-nilai itu bukanlah juga berbentuk "khayalan ideal" malah ia adalah nilai-nilai yang real dan praktikal, boleh dilaksanakan melalui kesungguhan usaha manusia - di bawah lindungan fahaman Islam yang sebenar - boleh dilaksanakan di dalam setiap suasana tanpa perikat kepada bentuk kehidupan yang sedang wujud juga tanpa terikat kepada kemajuan industri, ekonomi dan kebudayaan; sebab ia tidak menghalang sebarang kemajuan dalam segenap aspek hidup, tetapi dalam waktu yang sama ia tidak mendiamkan diri di dalam negeri-negeri yang masih mundur di dalam lapangan itu. Sesungguhnya kemajuan dan pembangunan boleh berjalan di dalam suasana mana pun yang menerima dan melaksanakan nilai-nilai ini. Adapun bentuknya secara benda, maka sama sekali tiada batas baginya, kerana ia tetapjuga melaksanakan nilai-nilai itu.

Dengan demikian maka masyarakat Islam itu - dari segi bentuk dan rupanya, dari segi jenis suasana yang wujud bukanlah suatu lagenda sejarah yang statis tetapi wujud dan tamaddunnya adalah bergantung kepada nilai-nilai sejarah yang tetap. Apabila kita menyebut "sejarah" maka tidaklah kita maksudkan selain daripada bahawa nilai-nilai itu telah dikenali di dalam sejarah yang tertentu. Ia bukanlah hasil bikinan sejarah dan tiada sangkut paut dengan masa dan zaman tertentu. Ia adalah

suatu hakikat dan kebenaran yang datang dari Tuhan untuk manusia dari sumber ketuhanan, di luar realiti hidup manusia dan di luar daripada wujudnya benda.

Tamaddun Islam boleh dibentuk di dalam berbagai corak dan rupa, baik corak benda atau teknikal; asal sahaja nilai-nilainya mempunyai asas yang kukuh; kerana nilai itulah yang menjadi tonggak tamaddun ini. Asas-asas itu ialah:

1. Pengabdian diri kepada Allah Yang Maha Esa.
2. Berorganisasi atas asas akidah.
3. Keagungan dan keluhuran nilai kemanusiaan berbanding dengan benda.
4. Berfungsinya nilai-nilai kemanusiaan yang menyebabkan berkembangnya sifat "kemanusiaan" manusia, bukan sifat "kebinatangan"."
5. Kesucian keluarga.
6. Melaksanakan tugas "khilafah" di bumi Allah dengan mengikut panduan Allah dan setia memegang janji dan amanah Allah.
7. Mematuhi syariat sahaja di dalam semua urusan khilafah ini.

Sesungguhnya tamaddun Islam yang didirikan di atas asas yang tetap itu boleh terpengaruh dan boleh pula menyesuaikan dirinya dengan kemajuan industri, ekonomi dan sains, kerana ia hendak menggunakan segala kemajuan itu sesuai dengan perkembangan suasana. Oleh kerana itu, mahu tak mahu, bentuk lahirnya boleh berubah dan bertukar ganti, selaras dengan keadaan yang sentiasa berubah dan terlentur, untuk membolehkan segenap corak masyarakat manusia di seluruh dunia menyesuaikan diri di dalam lingkungan masyarakat Islam sejagat. Sifat ketelenturan (flexibility) bukanlah suatu perkara yang dipaksa-paksakan ke atas akidah Islam yang menimbulkan tamaddun tadi, sebab sifat ketelenturan (flexibility) memang menjadi tabiat akidah Islam. Perlu diingat, bahawa walaupun ia flexible, bukanlah bererti ia tidak punya batas langsung, bukanlah bererti ia longgar dan loose langsung.

Sesungguhnya Islamlah yang telah membawa tamaddun ke tengah-engah hutan belantara Afrika di kalangan umat manusia yang masih bertelanjang bogel. Justeru dengan wujudnya Islam di sanalah orang-orang yang tadinya masih bertelanjang itu telah pandai menggunakan pakaian dan memasuki arena tamaddun berpakaian yang memang terkandung di dalam pengajaran Islam secara langsung. Melalui Islam juga umat manusia melangkah keluar dari kancah kemunduran untuk meneroka kekayaan benda. Islam jugalah yang membawa mereka keluar daripada cara hidup bersuku sakat dan berkabilah untuk menjadi suatu umat dan bangsa yang tidaksudi lagi menjadi penyembah "totem" untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT, Tuhan sekalian alam yang terbentang luas ini. Yang demikian, manakah lagi tamaddun itu, kalau bukan dalam bentuk ini? Inilah tamaddun yang sepadan dengan suasana yang seperti ini. Ada pun bila Islam menghadapi masyarakat yang lain, maka ia akan melahirkan (dengan memakai nilainya yang tetap itu) suatu bentuk suasana yang berlainan pula, yang mempergunakan segala fakta yang wujud di dalam masyarakat itu sendiri pula.

Demikianlah perkembangan tamaddun Islam itu, tidak berhenti setakat suatu tahap tertentu sahaja, baik dalam batas kemajuan industri, ekonomi dan sains, bahkan ia terus berkembang meladeni gerak hidup masyarakat manusia. Hanya dasar-dasar dan nilai-nilainya tetap tidak berubah dan berganjak membimbing umat manusia ke mercu tamaddun sepanjang zaman, membawa bentuk Islam azali, yang telah dijamin oleh Allah SWT di dalam firmannya:

صِبْغَةَ اللّٰهِ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ اللّٰهِ صِبْغَةً

Maksudnya: "Sibghah [celupan] Allah dan siapakah yang lebih baik sibghah [celupan]nya daripada Allah?"

(Al-Baqarah:138)

التصور الاسلامى والثقافة

KONSEP ISLAM TERHADAP KEBUDAYAAN

Pengabdian yang mutlak kepada Allah Yang Maha Esa itu dalam merupakan bahagian yang pertama daripada rukun Islam yang utama; dibuktikan dengan syahadah LA ILAAHA ILLALLAH; manakala menatang-terima kaifiah dan cara melakukan pengabdian itu daripada Rasulullah SAW adalah merupakan bahagian yang kedua daripada rukun utama itu, yang dibuktikan dengan syahadah MUHAMMADUR RASULULLAH, sebagaimana yang kita huraikan di bawah tajuk "LA ILAAHA ILLALLAH ialah panduan hidup."

Pengabdian yang mutlak kepada Allah Yang Maha Esa itu dalam bentuk mempertuhankan Allah sahaja dalam segi akidah, ibadah dan syariat. Yang demikian maka setiap orang Islam tidak boleh beriktikad bahawa sifat ketuhanan (uluhiyah) itu ada pada yang lain daripada Allah SWT, dan dia tidak boleh beriktikad bahawa ibadat itu perlu dilakukan kepada sesiapa pun dari kalangan makhlukNya; seperti juga dia tidak boleh percaya bahawa kekuasaan memerintah dan membuat undang-undang itu adalah kepunyaan seorang yang lain daripada Allah, seperti yang telah kita huraikan sebelum ini.

Kita telah terangkan mengenai erti dan maksud pengabdian - dan kepercayaan, undang-undang dan kekuasaan, maka di dalam huraian ini kita akan kupas pula soal erti dan maksud "kekuasaan memerintah" dan hubungannya dengan soal kebudayaan.

Sesungguhnya erti dan maksud "kekuasaan memerintah" di dalam konsep Islam tidaklah hanya terbatas di dalam bidang menerima undang-undang dan syariat daripada Allah sahaja, dan kerelaan menerima hukumNya berdasarkan undang-undang dan syariat itu sahaja, juga melaksanakan hukum dan undang-undang serta keputusan dengan berasas dan berpandu kepada-Nya sahaja; sebab maksud "syariat" di dalam Islam itu tidaklah terbatas di dalam lingkungan undang-undang sahaja, juga tidak hanya di didalam dasar dan sistem pemerintahan sahaja; bahkan pengertian sesempit ini tidak dapat mencakup konsep "syariat" mengikut kehendak Islam.

Sebenarnya "Syariat Allah" itu meliputi segala sesuatu yang telah diatur oleh Allah untuk mengurus hidup umat manusia. Ini merangkumi dasar iktikad, dasar pemerintahan, dasar mengenai diri peribadi atau individu, dan juga dasar kebudayaan merangkumi persoalan iktikad dan konsep; ia merangkumi soal hakikat ketuhanan, hakikat alam seluruhnya, baik yang ghaib mahupun yang nyata, dan hakikat hidup, baik yang ghaib mahupun yang nyata, juga hakikat manusia itu sendiri, dan hakikat pertalian segalanya itu dengan manusia.

Ia merangkumi juga soal bentuk politik, sosial dan ekonomi dan dasar-dasar bagi semuanya itu; bagi membolehkan "ubudiah kamilah" itu menjelma di dalamnya; supaya terlaksanalah "pengabdian yang jitu" kepada Yang Maha Esa.

Ia menjelma di dalam undang-undang yang mengatur realiti hidup manusia: iaitu yang biasa disebut dan dinamakan "syariat" atau "undang-undang" mengikut pengertian yang sempit dan tidak merangkumi maksud yang sebenar.

la juga menjelma di dalam pokok-pokok ajaran mengenai moral dan tata susila, juga di dalam nilai-nilai yang mempengaruhi masyarakat, yang menjadi pegangan umat manusia dan menjadi ukuran bagi semua kejadian di dalam hidup bermasyarakat.

Seterusnya ia menjelma di dalam segenap aspek "kebudayaan" dan kegiatan fikiran, juga di dalam kegiatan seni.

Adalah menjadi anggapan umum bahawa soal perundangan sahaja yang mesti ditatang terima daripada Allah SWT tetapi sebenarnya bukanlah soal perundangan itu sahaja yang mesti ditatang terima daripada Allah, bahkan seluruh aspek, termasuk ekonomi, susila, kebudayaan juga mesti ditatang terima daripada Allah SWT.

Kita percaya bahawa huraian Kita yang lalu mengenai "kekuasaan memerintah" yang mengandungi masalah kekuasaan melaksanakan pemerintahan, perundangan Dan sebagainya, sudah cukup jelas dan difahami oleh para pembaca. Tetapi masalah kaedah-kaedah moral dan tata susila, mengenai nilai-nilai yang mempengaruhi masyarakat, mungkin belum difahami sepenuhnya; kerana nilai-nilai dan kaedah-kaedah moral yang mempengaruhi masyarakat mana-mana masyarakat pun adalah mempunyai hubungan secara langsung dengan kepercayaan hidup dan iktikad yang mempengaruhi masyarakat itu sendiri.

Boleh jadi ganjil rasanya - hatta kepada pakar-pakar penyelidik hal Islam sendiri pun - soal mempertahankan kegiatan berfikir dan kegiatan kesenian kepada konsep Islam dan kepada sumber yang berasaskan ketuhanan.

Mengenai kegiatan kesenian, telah pun diterbitkan sebuah buku yang lengkap (karangan Prof. Mohammad Qutub, bernama "Minhah Alfan Al-Islam" atau "kurikulum kesenian Islam") yang mengupas persoalan itu dengan memakai konsep bahawa kegiatan kesenian seluruhnya adalah pengolahan secara insan mengenai konsep dan tindak balasnya manusia itu sendiri, dan mengenai konsep wujud dan hidup, yang menjelma di dalam jiwa manusia. Ini semua dapat mencetuskan konsep Islam yang meliputi seluruh aspek kejadian, jiwa dan hidup, dan hubungannya dengan Tuhan Pencipta seluruh alam ini, Pencipta jiwa dan kehidupan dan meliputi juga konsep mengenai hakikat manusia, mengenai tempat dan posisinya di dalam alam ini, mengenai tujuan hidupnya, mengenai tugas dan kewajipannya dan mengenai nilai-nilai hidupnya. Semuanya ini tercantum di dalam lingkungan konsep Islam, yang bukan hanya berupa konsep secara mutlak

sahaja, malah ia adalah konsep yang berbentuk akidah yang dinamis juga cetusan fikiran yang menguasai tubuh dan urat saraf manusia.

Masalah perlunya dirujukkan kegiatan fikiran manusia kepada konsep Islam, bagi melaksanakan pengabdian seluruhnya kepada Allah, perlulah kita beri penjelasan, kerana masalah ini merupakan suatu masalah yang asing dan ganjil di kalangan para pembaca di zaman ini, hatta di kalangan orang-orang Islam sendiri.

Sesungguhnya orang Islam tidak boleh sekali-kali mencedok dan menerima masalah yang khusus mengenai akidah dan konsep umum terhadap wujud ini, atau yang khusus mengenai ibadat, mengenai keperibadian dan perjalanan hidup, mengenai nilai-nilai dan dasar-dasar sistem politik, sosial, ekonomi, atau mengenai kegiatan manusia dan sejarah kemanusiaan daripada sumber yang mana pun yang asing daripada sumber Ilahi. Seseorang muslim tidak boleh belajar semuanya ini melainkan melalui seorang muslim yang dipercayai keteguhan iman dan taqwanya yang menghayati Islam dalam segenap aspek hidupnya.

Sebaliknya setiap orang muslim itu boleh mencedok dan belajar ilmu-ilmu yang berkaitan dengan sains, seperti kimia, biologi, falak, perubatan dan pertukangan, pertanian dan kaedah-kaedah pentadbiran (dari segi seni tadbir sahaja), soal peperangan dan cabang-cabang ilmunya, seperti tektik dan teknik dan sebagainya, iaitu ilmu yang sejenis dengan yang disebutkan ini, dia boleh mencedok dan belajar ilmu-ilmu itu sama ada dari seorang muslim atau pun dari orang bukan muslim walaupun pada asalnya lagi telah ditetapkan, bahawa bila sahaja masyarakat Islam itu didirikan, maka telah disuruh dan diarahkan supaya masyarakat itu berusaha seboleh-bolehnya memenuhi semua keperluan dalam semua bidang itu, yang wajib sebahagian anggota masyarakat ini mempelajari dan mendalami selok belok segenap ilmu itu, dan berdosalah seluruh anggota masyarakat sekiranya terdapat sebarang kekosongan. Andainya keperluan-keperluan itu telah dipenuhi pun dan masyarakat Islam sudah punya segala kelengkapannya, seorang Islam itu masih dibolehkan belajar ilmu pengetahuan yang bersifat sains itu daripada muslim atau bukan muslim, dan juga boleh menggunakan tenaga muslim atau tenaga bukan muslim, menggaji orang Islam atau orang bukan Islam, kerana sebenarnya hal itu termasuk di dalam urusan yang disebut oleh Rasulullah SAW: "Kamu lebih mengerti tentang urusan keduniaanmu" (انتم اعلم بأموردنياكم) sebab soal ini tidak ada sangkut pautnya dengan pembentukan konsep manusia muslim, tiada kena mengena dengan masalah hidup, dengan masalah alam dan manusia, mengenai matlamat hidup manusia dan juga mengenai hakikat tugas manusia di dunia ini dan mengenai hubungan manusia dengan alam semesta dan juga mengenai hubungannya dengan Tuhan Seru Sekalian alam. Ia juga tidak kena mengena dengan undang-undang, peraturan dan realiti hidup manusia, baik secara individu atau pun secara berkelompok dengan demikian tiada ancaman gelincir akidah dan tiada ancaman kembali murtad meninggalkan akidah Islam yang telah dianutinya.

Adapun masalah yang berkaitan dengan pengertian segenap aktiviti manusia, sama ada secara individu atau bermasyarakat, iaitu perkara-perkara yang berkaitan dengan pandangan kepada diri manusia itu sendiri, dan kepada "aktiviti perkembangan sejarah manusia" dan juga masalah bagaimana mulanya kehidupan ini, bagaimana mulanya alam ini terjadi, bagaimana mulanya manusia ini dijadikan, dari segi metafisik, maka persoalannya adalah sama dengan persoalan masalah yang mengenai undang-undang, mengenai sumber kekuasaan yang mengatur seluruh kehidupan, kerana ia langsung mengenai akidah dan konsep, maka tidak bolehlah seorang Islam itu mencedok atau mempelajarinya melainkan melalui seorang muslim yang dipercayai keteguhan iman dan taqwanya dan juga diyakini dia menerima secara langsung daripada Allah SWT, iaitu Rasulullah SAW dan dia mengetahui pula bahawa itu adalah salah satu logik ubudiah kepada Allah Yang Maha Esa ataupun logik syahadah LA ILAAHA ILLALLAH dan MUHAMMADURRASULULLAH.

Seorang muslim itu kadang-kadang ada juga yang mempelalari kesan-kesan aktiviti jahiliyah, bukan dengan tujuan supaya ia mempengaruhi konsep hidup dan pengetahuannya di dalam semua urusan itu, cuma untuk diketahui sejauh manakah jahiliyah itu telah menyeleweng dan mengetahui pula bagaimana dia dapat memperbetulkannya dengan jalan membawanya kembali kepada asasnya yang sebenar mengikut konsep dan hakikat akidah Islam.

Sesungguhnya haluan seluruh "falsafah", dan haluan seluruh "pentafsiran sejarah manusia," serta haluan seluruh "ilmu jiwa," selain daripada beberapa detail tertentu, begitu juga haluan seluruh "perbandingan agama" dan seluruh "pandangan dan isme-isme kemasyarakatan," kecuali hasil yang berdasarkan research dan statistic, di dalam fikiran ala jahiliyah, baik dulu mahupun sekarang, adalah terpengaruh secara langsung dan konsep jahiliyah yang hampir seluruhnya bertentangan dengan konsep agama, terutama dengan konsep Islam.

Perkembangan fikitan di dalam bentuk ilmu seperti ini tidak serupa dengan perkembangan fikiran di dalam bentuk ilmu yang bercorak sains semata-mata, seperti ilmu kimia, biologi, falak, fizik dan ilmu perubatan serta ilmu-ilmu lain yang sama dengannya, selama ia masih tertakluk kepada hasil kajian yang praktikal dan berdasarkan perangkaan yang betul, tanpa melampaui sempadan tugasnya dari cuba membuat tafsiran secara falsafah dalam bentuk yang bagaimana sekalipun, seperti yang dilakukan oleh teori DARWINISME yang bertopengkan alasan kajian praktikal dalam membuat suatu kesimpulan di bidang ilmu hayat - sedangkan alasan yang dikemukakannya itu tidak lain dari alasan yang bersumber dari hawa nafsu sahaja - dengan mengemukakan kesimpulan kononnya tidak perlu diberi perhatian kepada wujudnya suatu tenaga ghaib di luar alam nyata dalam membuat tafsiran terhadap pertumbuhan dan perkembangan kehidupan ini.

Sebenarnya setiap Muslim itu mempunyai cukup bahan yang bersumber dari penjelasan Tuhannya mengenai semua masalah itu, bahan yang menyebabkan segala usaha dan kajian manusia sejak berabad-abad lamanya menjadi kerdil dan tidak bernilai bila dibandingkan dengan penjelasan Ilahi tadi.

Sesungguhnya kisah tentang "kebudayaan untuk seluruh umat manusia" yang tidak mengenal batas negeri, bangsa dan agama adalah suatu kisah yang tepat bila ia dikaitkan dengan soal ilmu pengetahuan sains dan dengan hasil penyelidikan yang berdasarkan fakta dan statistik, tanpa memasuki ruangan tafsiran secara falsafah dan metafizik kepada hasil ilmu seluruhnya, tidak juga kepada tafsiran secara falsafah mengenai diri manusia, mengenai aktiviti dan sejarahnya, juga mengenai soal seni sastera dan soal-soal yang mengenai perasaan. Para pembaca harus faham bahawa cerita itu sebenarnya adalah suatu jebak yang dipasang oleh faham Yahudi antara bangsa, yang begitu berminat hendak menghapuskan sekatan itu, terutama sekatan di dalam soal-soal yang mengenai akidah, dengan tujuan meresapkan pengaruh Yahudi menembus setiap ruang kehidupan di dunia ini, membawa ajaran syaitan dan iblis, dalam bentuk sistem ekonomi berdasarkan riba, pemerasan dan penghisapan darah, yang akan membawa akibat bahawa seluruh hasil tenaga kerja umat manusia di dunia ini akan berpusat di dalam tangan orang-orang Yahudi dan seluruh urusan dan sistem ekonomi dunia tergenggam dalam tangan segelintir jutawan Yahudi penghisap darah.

Di luar daripada persoalan ilmu sains yang berdasarkan praktikal dan statistik yang pasti (dikenal juga dengan nama "ilmu pasti") yang dibolehkan oleh Islam setiap muslim itu mencedok dan menimbanya daripada mana-mana sumber pun, sama ada sumber seorang muslim yang salih dan taqwa atau seorang muslim yang kurang salih dan taqwa, pun juga dari seorang bukan muslim, dan Islam mengiktiraf ilmu itu sebagai milik seluruh umat manusia, sebagai alat meneroka kemajuan alam - maka Islam hanya mengenal dua sahaja bentuk kebudayaan dan ilmu pengetahuan, iaitu:

Pertama :

Kebudayaan/ilmu pengetahuan Islam: iaitu ilmu yang bersumber daripada asas dan konsep Islam. Ilmu pengetahuan Islam meliputi segenap aktiviti fikiran dan realiti hidup manusia, yang mempunyai kaedah dan dasar tersendiri bagi menjamin berkembangnya aktiviti itu selama-lamanya.

Kedua :

Kebudayaan/ilmu pengetahuan jahiliyah, iaitu kebudayaan yang mempertahankan fikiran manusia sebagai ganti Tuhan.

Perlu benar kita ketahui dan sedari bahawa dasar praktikal dan statistik yang menjadi dasar kemajuan dan perkembangan industri di Eropah sekarang ini pada asalnya tidaklah lahir dan tumbuh di Eropah, tetapi sebenarnya ia telah lahir, tumbuh dan berkembang dengan pesatnya di Universiti-universiti dan Pusat-pusat Pengajian Tinggi Islam di Sepanyol dan negara-negara Islam di sebelah timur, ia lahir dan berkembang dengan berasaskan pandangan Islam terhadap alam tetapi kemudiannya ilmu pengetahuan itu telah berpindah atau dipindahkan pangkalannya ke Eropah untuk terus diasuh dan dihidup suburkan di sana, sedangkan dunia Islam sendiri dasar itu, yakni dasar praktikal dan statistik, telah menjadi kabur dan pudar, akibat dibiarkan begitu sahaja dan juga akibat daripada

terpisah jauhnya pengaruh konsep di kalangan umat manusia, sedikit demi sedikit, disebabkan beberapa faktor utama, di antaranya ialah serangan daripada pihak golongan Kristian dan Yahudi. Di samping itu pihak Eropah sendiri pun telah memutuskan perhubungan antara dasar yang ditimba dahulu dengan asas-asas konsep Islam dan terus memisahkannya dari sebarang perhubungannya dengan Tuhan, iaitu ketika umat Eropah bangkit menentang kekuasaan gereja yang telah begitu lama menindas umat manusia dengan berselindungkan nama Tuhan! (suatu huraian lengkap mengenai ini boleh didapati di dalam buku karangan penulis - bernama "hari depan untuk Islam" (المستقبل لهذاالدين) di bawah tajuk "berkerat rotan" (القصام النكد).

Demikianlah nasibnya seluruh hasil fikiran Eropah; sama senasib dengan seluruh hasil fikiran jahiliyah di sepanjang zaman dan di setiap tempat. Ia menjadi suatu benda yang asing dan aneh, yang berlainan sama sekali dengan seluruh dasar konsep Islam, dan dengan sendirinya bertentangan dengan Islam. Oleh kerana itu wajiblah setiap manusia muslim kembali kepada dasar pandangan Islam sahaja dan jangan menimba dasar itu daripada sunber-sumber yang lain daripada sumber ketuhanan yang menjadi sumber dasar Islam. Dia mesti menerima dasar itu daripada seorang muslim yang dipercayai iman dan taqwanya.

Sesungguhnya Islam tidak mengiktiraf cerita pemisahan di antara "ilmu" dengan "orang berilmu" di dalam segenap ilmu yang berkaitan dengan akidah yang mempengaruhi pandangan manusia terhadap wujud, hidup dan aktiviti umat manusia, terhadap realiti dari terhadap nilai-nilai moral, adat resam dan seluruh masalah yang berkaitan dengan diri manusia itu sendiri dan dengan aktivitinya...

Islam membenarkan seseorang muslim belajar daripada seorang yang bukan muslim, atau dari seorang muslim yang kurang taqwanya di dalam ilmu-ilmu yang berkenaan dengan sains, seperti telah dihuraikan tadi, ini boleh dilakukannya jika tiada atau sukar didapati seorang muslim yang taqwa, seperti yang lumrah terjadi sekarang akibat jauhnya orang Islam dari agama mereka, dari program agama mereka dan dari konsep Islam, kebenaran belajar ilmu pengetahuan seperti ini adalah bertujuan supaya dia dapat melaksanakan tugasnya menjalankan khilafah di bumi. Tetapi Islam tidak membenarkan si muslim itu menerima masalah yang mengenai dasar akidah dan fikiran, mengenai tafsir Al-Quran dan Hadis Rasulullah serta sejarah hidup Rasulullah, program dan falsafah sejarah, aliran fikiran masyarakatnya, dasar-dasar pemerintahannya, dasar-dasar siasah dan politiknya, serta sumber kesenian dan kebudayaannya. Islam tidak membenarkan si muslim menimba dan menerima ilmu yang berkenaan daripada sumber yang bukan Islam dan malah daripada sumber Islam yang tidak diyakini tentang iman dan taqwanya.

Sebenarnya penulis sendiri pun adalah termasuk salah seorang yang telah menghabiskan empat puluh tahun umurnya dalam alam pembacaan. Pembacaannya yang utama ialah mengenai pengetahuan-pengetahuan

"kemanusiaan" yang memang menjadi hobinya, tetapi akhirnya dia kembali ke pangkuan sumber akidah dan konsepnya sendiri. Di sini didapatinya bahawa pembacaannya selama ini terlalu kecil dan kerdil berbanding dengan perbendaharaan dari sumber akidahnya yang begitu penuh dan padat. Penulis sendiri sedar bahawa tiada jalan lain lagi kecuali menerima sahaja realiti yang telah dilaluinya dan tidak menyesali umurnya selama empat puluh tahun yang telah dihabiskannya itu; kerana dia dapat mengenal jahiliyah itu dengan sebenarnya, dapat mengenali kepalsuannya, kelemahannya, kementahannya dan sikap angkuhnya yang selalu membikinnya bertindak seolah-olah kucing berlagak harimau. Dia mengetahui dengan jelas dan nyata bahawa seorang muslim tidak mungkin menemui titik pertemuaan di antara sumber-sumber Islam dengan sumber-sumber jahiliyah.

Walau bagaimanapun, keterangan ini bukanlah hanya sekadar pendapat peribadi. Masalah ini terlalu besar untuk diberi fatwa secara perseorangan sahaja. Akan terlalu berat padanya di dalam neraca Tuhan seandainya seseorang itu berlagak sesuka hatinya dengan hanya memakai pendapat sendiri sahaja. Perintah Allah dan panduan Rasul-Nyalah yang jadi pedoman dan kata pemutus. Kita mesti kembali kepada Allah dan Rasul, seperti mana orang-orang sebelum kita telah kembali kepada Allah dan Rasul-Nya dalam hal-hal yang dipertikaikan mereka.

Allah telah membongkar hakikat matlamat terakhir orang-orang Yahudi dan Kristian terhadap orang-orang Islam melalui firman ini:

وَدَّ كَثِيرٌ مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ لَوْ يَرُدُّونَكُم مِّن بَعْدِ إِيمَانِكُمْ كُفَّاراً حَسَدًا مِّنْ عِندِ أَنفُسِهِم مِّن بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُمُ الْحَقُّ فَاعْفُواْ وَاصْفَحُواْ حَتَّى يَأْتِيَ اللّهُ بِأَمْرِهِ إِنَّ اللّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya: "Sebahagian besar Ahli Kitab menginginkan agar mereka dapat mengembalikan kamu kepada kekafiran setelah kamu beriman, kerana dengki yang [timbul] dari diri mereka sendiri, setefah nyafa bagi mereka kebenaran. Maka maafkanlah dan biarkanlah mereka, sampai Allah mendatangkan perintah-Nya. Sesungguhnya Allah kuasa di atas segala sesuatu."

(Al-Baqarah: 109)

Dan:

وَلَن تَرْضَى عَنكَ الْيَهُودُ وَلاَ النَّصَارَى حَتَّى تَتَّبِعَ مِلَّتَهُمْ قُلْ إِنَّ هُدَى اللّهِ هُوَ الْهُدَى وَلَئِنِ اتَّبَعْتَ أَهْوَاءهُم بَعْدَ الَّذِي جَاءكَ مِنَ الْعِلْمِ مَا لَكَ مِنَ اللّهِ مِن وَلِيٍّ وَلاَ نَصِيرٍ

Maksudnya: "Orang-orang Yahudi dan Nasrani tidak akan senang kepada kamu hingga kamu mengikuti agama mereka. Katakanlah: "Sesungguhnya petunjuk

Allah itulah petunjuk [yang sebenarnya]. " Dan sesungguhnya jika kamu mengikuti kemahuan mereka setelah pengetahuan datang kepadamu, maka Allah tidak lagi menjadi pelindung dan penolong bagimu."

(Al-Baqarah: 120)

Dan firmanNya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوَاْ إِن تُطِيعُواْ فَرِيقًا مِّنَ الَّذِينَ أُوتُواْ الْكِتَابَ يَرُدُّوكُم بَعْدَ إِيمَانِكُمْ كَافِرِينَ

Maksudnya: Hai orang-orang yang beriman! jika kamu mengikut sebahagian dari orang-orang yang diberi Al-Kitab, nescaya mereka akan mengembalikan kamu menjadi orang kafir sesudah kamu beriman.

(Ali-Imran: 100)

Dan hadis:

لاَ تَسْأَلُوا اَهْلَ الْكِتَابِ عَنْ
شَيْءٍ ، فَإِنَّهُمْ لَنْ يَهْدُوكُمْ وَقَدْ
ضَلُّوا ، وَإِنَّكُمْ إِمَّا اَنْ تُصَدِّقُوا
بِبَاطِلٍ ، وَإِمَّا اَنْ تُكَذِّبُوا بِحَقٍّ . وَإِنَّهُ
وَاللهِ لَوْكَانَ مُوسَى حَيًّا بَيْنَ اَظْهُرِكُمْ
مَاحَلَّ لَهُ إِلاَّ اَنْ يَتَّبِعَنِي .

Ertinya: Rasulullah SAW telah bersabda, mengikut Al-hafiz Abu Ya'la dari Hammad, dari Asy-Sya'abi dari Jabir r.a. (radhial lahu 'anhum): "Jangan sekali-kali kamu bertanyakan sesuatu masalah pun kepada orang-orang kafir Ahli Kitab, sesungguhnya mereka tidak akan dapat memberi petunjuk kepada kamu sebab mereka sendiri pun telah sesat. Kalau kamu buat juga demikian maka kamu akan berhadapan dengan dua kemungkinan: iaitu sama ada kamu ikut membenarkan yang batil, atau pun kamu mendustakan yang hak; dan sesungguhnya, demi Allah, seandainya Musa itu masih hidup bersama kamu sekalian, tidak halal baginya melainkan selain daripada mengikut aku."

Setelah diketahui secara jelas mengenai matlamat orang-orang Yahudi dan Kristian terhadap umat Islam, berdasarkan keterangan Al-Quran sendiri, maka adalah suatu kebodohan, kedunguan dan ketololan untuk menganggap, walau sekejap pun, bahawa mereka, ahli kitab itu (Yahudi dan Kristian) ketika membuat penyelidikan mengenai sesuatu masalah yang berkaitan dengan akidah dan sejarah Islam itu, mereka berada di dalam keadaan berniat baik, suci hati dan ikhlas. Begitu juga halnya bila mereka membuat kajian dari penyelidikan

mengenai sistem masyarakat Islam, sistem politik dan ekonominya. Kalau masih ada juga di antara kita orang yang berbaik sangka terhadap mereka, maka bacalah firman Allah itu, tepuk dada dan tanya iman.

Ketegasan yang Allah SWT berikan berbunyi:

قل: إنَّ هُدَى اللهِ هُوَ الْهُدَى

yang memberi erti: "Katakanlah." "Sesungguhnya petunjuk Allah itulah petunjuk (yang sebenarnya)" adalah merupakan garis pemisah bagi seorang muslim mengenai masalah yang penting ini. Allah membuat penegasan dengan menggunakan bentuk "QASR" (dari segi ilmu sastera Arab, penggunaan "qasr" (inna) memberi erti bahawa penumpuan hidayah adalah kepada Allah sahaja).

Demikian juga perintah yang tegas telah dikenakan ke atas orang Islam untuk menentang orang-orang yang tidak mahu ingat kepada Allah dan menumpukan perhatiannya kepada masalah kehidupan dunia sahaja, ditegaskan bahawa orang yang berbuat demikian tidak mengerti suatu apa pun selain dari sangkaan dan ramalan sahaja, sedangkan seorang muslim itu dilarang keras mengikut dan mempercayai sangkaan dan ramalan sahaja, kerana manusia tidak mengetahui selain daripada urusan kulit luar dunia sahaja dan tidak mengetahui hakikat yang sebenarnya.

Firman:

فَأَعْرِضْ عَن مَّن تَوَلَّى عَن ذِكْرِنَا وَلَمْ يُرِدْ إِلَّا الْحَيَاةَ الدُّنْيَا (29) ذَلِكَ مَبْلَغُهُم مِّنَ الْعِلْمِ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَن ضَلَّ عَن سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِمَنِ اهْتَدَى (30)

Maksudnya: "Maka berpalinglah [hai Muhammad] dari orang yang berpaling dari peringatan Kami dan tidak mengingini kecuali kehidupan duniawi. ltulah sejauh-jauh pengetahuan mereka. Sesungguhnya Tuhanmu, Dialah yang paling mengetahui siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah Yang paling mengetahui siapa yang mendapat petunjuk."

(An Najm: 29-30)

dan firman:

يَعْلَمُونَ ظَاهِرًا مِّنَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَهُمْ عَنِ الْآخِرَةِ هُمْ غَافِلُونَ

Maksudnya: "Mereka hanya mengetahui yang lahir [sahaja] dari kehidupan dunia, sedang mereka tentang [kehidupan] akhirat adalah lalai."

(Ar Rum: 7)

Orang yang lupa menyebut dan mengingati Allah dan tidak mahukan sesuatu yang lain daripada kehidupan di dunia ini sahaja adalah merupakan contoh dari kehidupan sebahagian besar "orang terpelajar", kaum intelektual, cerdik cendakiawan zaman sekarang. Mereka tidak tahu dan tidak ingin tahu,selain dari masalah-masalah lahiriah yang terpampang di hadapan mata kasar mereka sahaja. Yang dapat mereka percayai ialah fakta-fakta dan realiti yang lahir sahaja. Mereka tidak mahu percaya bila diterangkan mengenai tafsiran umum terhadap kehidupan dan jiwa, dan juga bila dibincangkan masalah konsep dan akidah, mereka akan tutup telinga dan menganggap remeh. Ilmu daripada orang alim dan cerdik pandai sebegini bukanlah termasuk ilmu yang dipuji oleh AHah SWT di dalam firmanNya:

Maksudnya: "katakanlah: Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?" seperti yang difahamkan oleh orang-orang yang dangkal pengertiannya mengenai tujuan ayat ini, lalu diambilnya ayat ini menjadi hujah untuk mereka.

Sebenarnya pertanyaan Allah SWT di dalam ayat tadi telah terjawab dengan ayat sebelumnya:

أَمَّنْ هُوَ قَانِتٌ آنَاء اللَّيْلِ سَاجِدًا وَقَائِمًا يَحْذَرُ الْآخِرَةَ وَيَرْجُو رَحْمَةَ رَبِّهِ قُلْ هَلْ يَسْتَوِي
الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُوْلُوا

Maksudnya: "Apakah kamu orang musyrik yang beruntung] ataukah orang yang beribadat di waktu malam dengan sujud dan berdiri, sedang dia takut akan [azab] akhirat dan mengharapkan rahmat Tuhannya? Katakanlah: 'Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui?' Sesungguhnya orang yang berakallah orang yang menerima pelajaran."

(Az Zumar: 9)

Orang yang bangun beribadat di tengah malam, hamba Allah yang patuh, yang sanggup menumpukan segerap perhatian dan mengerah tenaga, menyerahkan jiwa raga, di tengah malam buta, orang yang sanggup mencampak selimut di tengah kesejukan malam, sanggup membuka mata di tengah bunyi dengkur, untuk menengadah ke langit, mohon setitik air rahmat dan pengampunan dari Tuhannya, sambil berlinang air matanya mengenang bahana azab hari akhirat, suaranya mendayu-dayu mengharapkan rahmat Ilahi orang berilmu yang mempunyai sifat seperti inilah sebenarnya orang berilmu dan orang terpelajar. Ilmu yang dimaksudkan oleh ayat ini ialah ilmu yang boleh memandu ke jalan Allah, kepada berbakti dan bertaqwa bukan ilmu yang merosakkan fitrah dan mengingkari Tuhan!

Memang benar bahawa ilmu itu tidak terbatas di dalam lingkungan ilmu akidah dan kewajipan beragama serta hukum-hakam dan peraturan sahaja, sebab ilmu itu meliputi seluruh persoalan. Ia bersangkutan juga dengan soal peraturan dan undang-undang menggunakan alam dan meneroka kekayaan alam dalam melaksanakan tugas sebagai khalifah Allah di bumi ini. Ilmu seperti itu sama perlu dan mustahaknya dengan ilmu yang mengenai akidah dan konsep hidup. Tetapi ilmu yang tidak mempunyai hubungan dengan asas iman dan akidah bukanlah ilmu yang dipuji oleh Al-Quran, ilmu seperti itu akan membikin manusia menjadi sesat, seperti si buta kehilangan tongkat dan seperti layang-layang putus tali. Sebenarnya hubungan terlalu erat antara konsep iman dengan ilmu-ilmu yang bercorak sains itu, seperti ilmu falak, fizik, biologi dan sebagainya semuanya boleh memandu kepada mengenali Allah, selama tidak diselewengkan oleh hawa nafsu dengan tujuan untuk tambah menjauhkan umat manusia daripada Tuhannya seperti yang berlaku dalam dasar kemajuan ilmu pengetahuan di Eropah, akibat latar belakang pertarungan antara ilmu pengetahuan dengan pihak penguasa gereja. Pertarungan itu telah meninggalkan kesan yang sangat mendalam di alam fikiran Eropah. Sisa-sisa dari pertarungan beracun itu menerbitkan kesan yang malang terhadap konsep beragama secara keseluruhannya, bukan hanya sekadar terhadap konsep kegerejaan dan terhadap fungsi gereja itu sendiri.

Oleh kerana telah terbukti bahawa konsep fikiran Barat di bidang ilmu pengetahuan itu ditegakkan di atas asas sisa-sisa yang beracun tadi, di atas asas pemisahan sepenuhnya dari nilai-nilai agama, maka hasil dari fikiran Barat itu ialah permusuhan dan prajudis yang tidak putus-putus terhadap konsep Islam, dan dalam banyak hal ia sengaja hendak melumpuhkan konsep Islam.

Dengan demikian maka adalah suatu kealpaan dan kebodohan yang menggelikan hati kalaulah konsep fikiran Barat itu hendak dipakai untuk kita, umat Islam, di dalam membuat kajian tentang masalah-masalah Islam. Peningkatan kewaspadaan amatlah perlu, hatta di dalam masa belajar ilmu-ilmu yang bercorak sains semata-mata pun, yang pada ketika ini kita masih terpaksa menimbanya dari sumber Barat. Kita harus berwaspada daripada diresapi oleh sebarang unsur fahaman falsafah Barat yang memusuhi konsep keagamaan, khususnya konsep Islam yang murni ini. Jangan biarkan setitik nila merosakkan susu kita yang murni.

جنسية المسلم وعقيدته

AKIDAH: RUPABANGSA MUSLIM

Islam datang membawa satu konsep baru untuk umat manusia, konsep mengenai hakikat segala tali temali dan alat penghubung. Serentak dengan itu Islam juga membawa satu konsep baru mengenai hakikat nilai-nilai dan hakikat dari manakah nilai-nilai itu perlu ditatang-terima.

Islam datang untuk membawa umat manusia kembali ke pangkuan Tuhannya, juga untuk menjadikan kuasa Tuhan itu sebagai kuasa yang tunggal tempat manusia mencedok dan mendapatkan nilai-nilai, seperti mana juga manusia itu beroleh wujud dan hidup dirinya; juga tempat manusia kembali, seperti juga dari iradat-Nya manusia merangkak keluar ke dunia dan ke pangkuanNya manusia menyusur kembali.

Islam datang untuk menetapkan bahawa di sana hanya satu sahaja tali dan alat penghubung yang menghubungkan manusia dengan Tuhan. Bila sahaja tali itu reput dan putus maka tiadalah lagi tali yang lain.

Firman Allah:

لَا تَجِدُ قَوْمًا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ يُوَادُّونَ مَنْ حَادَّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَوْ كَانُوا آبَاءهُمْ أَوْ أَبْنَاءهُمْ أَوْ إِخْوَانَهُمْ أَوْ عَشِيرَتَهُمْ

Maksudnya : **"Kamu tidak akan mendapati sesuatu kaum yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, saling berkasih sayang dengan orang-orang yang menentang Allah dan Rasul-Nya, sekalipun orang-orang itu ibu bapa, anak-anak, atau saudara mara ataupun keluarga mereka. "**

(Al-Mujadalah : 22)

Di sana juga hanya satu sahaja golongan Allah yang tiada duanya, manakala golongan-golongan lain adalah golongan syaitan dan taghut.

Firman Allah:

الَّذِينَ آمَنُواْ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللّهِ وَالَّذِينَ كَفَرُواْ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ الطَّاغُوتِ فَقَاتِلُواْ أَوْلِيَاء الشَّيْطَانِ إِنَّ كَيْدَ الشَّيْطَانِ كَانَ ضَعِيفًا

Maksudnya: "Orang-orang yang beriman itu berperang di jalan Allah, dan orang-orang yang kafir itu berperang di jalan taqhut, sebab itu perangilah kawan-kawan syaitan itu, kerana sesungguhnya tipu daya syaitan itu adalah lemah."

(An-Nisa': 76)

Juga di sana ada hanya satu sahaja jalan yang sampai kepada Allah, manakala semua jalan lain tidak akan sampai kepada-Nya. Firman Allah:

وَأَنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ وَلاَ تَتَّبِعُواْ السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَن سَبِيلِهِ

Maksudnya: "Dan bahawa [yang Kami perintahkan] ini adalah jalanKu yang lurus, maka ikutilah dia, dan janganlah kamu mengikuti jalan-jalan [yang lain], kerana jalan-jalan itu mencerai-beraikan kamu dari jalanNya."

(Al-An'aam: 153)

Dan hanya satu sahaja sistem/peraturan, iaitu sistem/peraturan Islam, manakala sistem/peraturan lain adalah jahiliyah belaka. Firman:

أَفَحُكْمَ الْجَاهِلِيَّةِ يَبْغُونَ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ اللّهِ حُكْمًا لِّقَوْمٍ يُوقِنُونَ

Maksudnya : "Apakah hukum [peraturan] jahiliyah yang mereka kehendaki dan [hukum] siapakah yang lebih baik daripada [hukum] Allah bagi orang-orang yang yakin?"

(Al-Maidah: 50)

Juga ada satu sahaja syariat dan undang-undang; iaitu syariat dan undang-undang Allah, manakala syariat dan undang-undang yang lain adalah berlandaskan hawa nafsu belaka.

Firman:

ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَى شَرِيعَةٍ مِّنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ

Maksudnya: "Kemudian kami jadikan kamu berada di atas satu syariat [undang-undang] tentang urusan itu [agama]. Maka ikutilah syariat itu dan janganlah kamu ikut hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui."

(Al-Jatsiah: 18)

Di samping itu, hanya ada satu sahaja kebenaran yang tunggal dan tiada duanya, manakala yang lain adalah kesesatan belaka. Firman:

فَمَاذَا بَعْدَ الْحَقِّ إِلاَّ الضَّلاَلُ فَأَنَّى تُصْرَفُونَ

Maksudnya: "Maka tidak ada sesudah kebenaran itu melainkan kesesatan, maka bagaimanakah kamu dipalingkan [dari kebenaran?]."

(Yunus: 32)

Dan akhirnya hanya ada sebuah sahaja negara, iaitu: NEGARA ISLAM; negara yang di dalamnya tegak kedaulatan Islam, berjalan di dalamnya syariat Allah, berkuasa di dalamnya peraturan-peraturan Allah. Orang-orang beriman hidup di dalam negara itu dalam keadaan penuh perpaduan dan setia kawan, saling bantu membantu dan hormat menghormati. Ada pun negara yang berbentuk lain daripada itu, maka negara itu adalah negara harbi (negara musuh) di mana orang-orang Islam di dalamnya tidak ada jalan lain kecuali berperang ataupun berdamai dengan janji tidak saling ganggu mengganggu antara golongan Islam dengan golongan bukan Islam tanpa sebarang syarat. Tetapi negara seperti itu bukanlah sebuah negara Islam, dan tiada sebarang ikatan setia antara penduduknya dari gologan lain dengan golongan kaum Muslimin. Firman Allah:

إِنَّ الَّذِينَ آمَنُواْ وَهَاجَرُواْ وَجَاهَدُواْ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللّهِ وَالَّذِينَ آوَواْ وَّنَصَرُواْ
أُوْلَئِكَ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاء بَعْضٍ وَالَّذِينَ آمَنُواْ وَلَمْ يُهَاجِرُواْ مَا لَكُم مِّن وَلاَيَتِهِم مِّن شَيْءٍ
حَتَّى يُهَاجِرُواْ وَإِنِ اسْتَنصَرُوكُمْ فِي الدِّينِ فَعَلَيْكُمُ النَّصْرُ إِلاَّ عَلَى قَوْمٍ بَيْنَكُمْ وَبَيْنَهُم
مِّيثَاقٌ وَاللّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ (72) وَالَّذينَ كَفَرُواْ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاء بَعْضٍ إِلاَّ تَفْعَلُوهُ تَكُن
فِتْنَةٌ فِي الأَرْضِ وَفَسَادٌ كَبِيرٌ (73) وَالَّذِينَ آمَنُواْ وَهَاجَرُواْ وَجَاهَدُواْ فِي سَبِيلِ اللّهِ وَالَّذِينَ
آوَواْ وَّنَصَرُواْ أُولَئِكَ هُمُ الْمُؤْمِنُونَ حَقًّا لَّهُم مَّغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ (74) وَالَّذِينَ آمَنُواْ مِن
بَعْدُ وَهَاجَرُواْ وَجَاهَدُواْ مَعَكُمْ فَأُوْلَئِكَ مِنكُمْ وَأُوْلُواْ الأَرْحَامِ بَعْضُهُمْ أَوْلَى بِبَعْضٍ فِي
كِتَابِ اللّهِ إِنَّ اللّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ (75)

Maksudnya: "Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan berhijrah serta berjihad [berperang] dengan harta dan jiwanya pada jalan Allah dan orang-orang yang memberikan perlindungan dan tempat kediaman [kepada orang-orang muhajirin], mereka itu satu sama lain lindung-melindungi. Dan terhadap orang-orang yang beriman tapi belum berhijrah, maka tidak ada kewajipan sedikit pun atas kamu - untuk melindungi mereka, sebelum mereka berhijrah. [akan tetapi] jika mereka meminta pertolongan kepadamu dalam [urusan pembelaan] agama, maka kamu wajib memberikan pertqlongan kecuali terhadap kaum yang telah ada perjanjian kerjakan. Ada pun orang-orang kafir, sebahagian mereka menjadi pelindung baqi sebahagian yang lain. Jika kamu [hai para muslimin] tidak bagi sebahaqian yang lain. Jika kamu [hai para muslimin] tidak melaksanakan apa yang telah diperintahkan Allah itu, nescaya akan terjadi kekacauan di muka bumi dan kerosakan yang besar. Dan orang-

orang yang beriman dan berhijrah pada jalan Allah [begitu juga] orarg-orang yang memberi tempat kediaman dan memberi pertolongan [kepada orang-orang muhajirin] mereka itulah orang-orang yang benar-benar beriman. Mereka memperolehi ampunan dan rezeki [nikmat] yang mulia. Adapun orang yang beriman sesudah itu kemudian berhijrah dan berjihad bersamamu, maka orang-orang itu termasuk golonganmu [juga]."

(Al-Anfaal: 72-75)

Dengan keterangan yang jelas dan jitu seperti ini, dan dengan keputusan yang tetap dan tidak berganjak-ganjak sedikit jua pun, Islam datang untuk mengangkat darjat umat manusia dan mensucikannya daripada hubungan tanah dan air dan juga daripada hubungan daging dan darah, yang sememangnya termasuk di dalam hubungan tanah dan air. Dengan demikian maka tiada tanahair bagi setiap muslim itu melainkan negara yang di dalamnya syariat dan undang-undang Allah dilaksanakan, dan pertalian di antara setiap muslim dengan setiap penduduk negara itu adalah berdasarkan pertalian di jalan Allah. Tiada rupa bangsa bagi setiap muslim melainkan akidahnya yang menyebabkan dia berhak menjadi seorang anggota di dalam "umat Islam" di dalam sebuah "negara Islam". Tiada hubungan keluarga bagi setiap muslim itu melainkan kekeluargaan yang tercetus dari akidah dan keyakinan kepada Allah, lalu hubungan mesra di antaranya dengan kaum keluarga dan kerabat handainya terjalin kerana Allah semata-mata.

Keluarga yang hakiki bagi setiap muslim itu bukanlah ayah ibunya, saudara maranya, isteri atau suaminya, kaum kerabat atau suku sakatnya, selama tidak terikat oleh tali tunggal yang suci itu, tali tauhid dan akidah keyakinan kepada Allah Yang Maha Esa, melainkan sesudah itu barulah bernilai sebarang hubungan darah dan kekeluargaan.

Firman*:*

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُواْ رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُم مِّن نَّفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالاً كَثِيرًا وَنِسَاء وَاتَّقُواْ اللّهَ الَّذِي تَسَاءلُونَ بِهِ وَالأَرْحَامَ

Maksudnya: "Hai sekalian manusia, bertaqwalah kepada Tuhanmu yang telah menciptakan kamu dari seorang diri [Adam] dan daripadanya Allah menciptakan isterinya [hawa]. Dan daripada keduanya Allah memperkembang-biakkan laki-laki dan perempuan yang banyak. Dan bertaqwalah kepada Allah yang dengan mempergunakan namaNya kamu saling meminta satu sama lain, dan [peliharalah] hubungan silaturrahim."

(An-Nisa': 1)

Firman Allah di atas ini tidak melarang seseorang muslim mendekati dan menghubungi ibu bapa dengan cara yang baik, walaupun seandainya mereka

berlainan akidah, yakni tidak menganut agama Islam, selama kedua ibu bapanya itu tidak menggabungkan diri ke dalam golongan atau barisan yang menentang golongan atau barisan Islam. Kalau kedua ibu bapanya itu sudah berada di dalam golongan atau barisan yang menentang Islam, maka tidak boleh lagi dibuat sebarang hubungan apa lagi hubungan yang erat dan mesra. Kita mendapat contoh pengajaran mengenai ini daripada peristiwa Sayidina Abdullah bin Abdullah bin Ubai, seperti hadis berikut:

"Ibnu Jarir telah meriwayatkan dengan sanadnya dari Ibn Ziad; bahawa Rasulullah SAW telah memanggil anak laki-laki Abdullah bin Ubai lalu bersabda kepadanya: "Wahai Abdullah, sudahkah kamu tahu apa yang ayahmu telah katakan?" Jawab Sayidina Abdullah: "Belum lagi ya Rasulullah; apakah gerangan yang ayah saya telah katakan. Bolehkah kiranya saya diberitahu apa yang telah ayah saya katakan itu?" Rasulullah bersabda: "Ayahmu telah mengatakan: seandainya kami selamat pulang ke Madinah (dari medan perang) nanti, nescaya orang-orang yang mulia akan menghalau orang-orang yang hina keluar dari kota Madinah ini," lalu Saydina Abdullah pun menjawab: "Benar sekalilah apa yang telah dlikatakan, oleh ayah saya itu. Rasulullah orang paling mulia dan ayah sayalah orang yang paling hina, demi Allah wahai junjungan Utusan Tuhan, sejak waktu Rasulullah mula-mula tiba di Madinah hinggalah sekarang ini, seluruh penduduk Madinah tahu benar bahawa tidak ada seorang anak pun lain daripada saya, yang sungguh-sungguh membuat bakti kepada ibu bapanya, namun begitupun, seandainya Rasulullah suruh saya penggal leher ayah saya itu dan membawa kepalanya ke hadapan Rasulullah saya tidak akan teragak-agak, pasti saya tunaikan suruhan itu." Rasulullah pun menjawab: "Janganlah buat begitu."

Setelah rombongan tentera Islam yang pulang dari perang Bani Mustaliq, dan Abdullah bin Ubay ada di dalam rombongan itu, tiba di Madinah, maka Saydina Abdullah, pun pergi menanti ketibaan ayahnya tiba, maka beliau pun dengan menghunus pedangnya telah pergi mendapatkan ayahnya sambil menyoal dengan garangnya: "Betulkah ayah telah berkata: seandainya kami selamat pulang ke Madinah nescaya, orang-orang mulia dan kuat akan menghalau keluar orang-orang yang hina dan lemah dari Madinah ini? Demi Allah sekarang ini ayah pasti akan tahu sama kemuliaan itu bagi ayah atau bagi Rasulullah SAW? Demi Allah Kota Madinah tidak akan melindungi ayah. Kini ayah seorang pendatang haram di sini. kecuali dengan izin Allah dan RasulNya. Tanpa kebenaran Rasulullah SAW ayah tidak akan dapat masuk kota Madinah." Demi melihatkan cabaran yang tidak disangka-sangka ini Abdullah bin Ubay menjawab: "duhai duhai keagungan keturunan Khazraj anakku, sampainya hatimu menghalang ayah menjejak kaki ke rumahnya sendiri duhai malangnya anak kandungku menyekat kepalaku menjenguk rumahku sendiri. Orang-orang yang ada di sekitar itu pun berdatanglah ke tempat itu bertanyakan apa yang telah terjadi. Lalu Sayidina Abdullah bin Abdullah bin Ubay pun memberitahu orang ramai akan apa yang telah berlaku sambil menegaskan lagi: "demi Allah dia (ayahnya) tidak dibenarkan masuk ke Kota Madinah tanpa izin Rasulullah SAW." Lalu mereka pun pergi menghadap Rasulullah menyampaikan berita kejadian ini, maka Rasulullah pun bersabda:

"sampaikan kepada Abdullah, supaya dia lepaskan ayahnya masuk ke Madinah dan balik ke rumahnya." Setelah menerima arahan Rasulullah itu, barulah Sayidina Abdullah membenarkan ayahnya itu masuk ke Madinah. Orang bertanya kepada beliau, mengapakah pula beliau benarkan ayahnya balik ke rumah? Beliau menjawab: "Saya patuh kepada arahan Allah dan Rasul-Nya SAW."

Bila sahaja tali akidah telah tersemat, maka seluruh orang beriman itu menjadi bersaudara, walaupun mereka tidak dipertalikan oleh sebarang hubungan perkahwinan atau keturunan darah, Allah telah berfirman:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ

Maksudnya: "Hanya sanya orang-orang beriman itu adalah bersaudara seluruhnya."

Allah telah menggunakan perkataan "innama," yang memberikan pengertian bahawa persaudaraan itu melangkaui batas-batas keturunan dan generasi dan mengeratkan hubungan umat ini sepanjang zaman.

Allah berfirman lagi:

وَالَّذِينَ تَبَوَّؤُوا الدَّارَ وَالْإِيمَانَ مِن قَبْلِهِمْ يُحِبُّونَ مَنْ هَاجَرَ إِلَيْهِمْ وَلَا يَجِدُونَ فِي صُدُورِهِمْ حَاجَةً مِّمَّا أُوتُوا وَيُؤْثِرُونَ عَلَى أَنفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ وَمَن يُوقَ شُحَّ نَفْسِهِ فَأُوْلَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ (9) وَالَّذِينَ جَاؤُوا مِن بَعْدِهِمْ يَقُولُونَ رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلِإِخْوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًّا لِّلَّذِينَ آمَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رَؤُوفٌ رَّحِيمٌ (10)

Maksudnya : "Dan juga bagi orang-orang yang telah menempati kota Madinah dan telah beriman [iaitu orang-orang Ansor] sebelum [kedatangan] mereka [Muhajirin], mereka mencintai orang-orang yang berhijrah kepada mereka. Dan mereka tidak menaruh keinginan dalam hati mereka terhadap apa-apa yang diberikan kepada mereka [orang Muhajirin], atas diri mereka sendiri, sekalipun mereka di dalam kesusahan. Dan sesiapa yang dipelihara dari [bencana disebab oleh] kebakhilan dirinya, maka itulah orang-orang yang beruntung. Dan [juga] bagi orang-orang yang, datang sesudah mereka [Muhajirin dan Ansar]. Mereka berdoa: "Ya Tuhan Kami beri ampunlah kepada kami dan saudara-saudara kami yang telah beriman lebih dahulu dari kami. Dan janganlah Engkau membiarkan kedengkian dalam hati kami terhadap orang-orang yang beriman; Ya Tuhan kami, sesungguhnya Engkau Maha Penyantun lagi Maha Penyayarg."

(Al-Hasyr: 9-10)

Allah membuat perbandingan untuk orang-orang Islam dengan mengemukakan satu kelompok orang-orang yang baik dari perjalanan para Nabi-nabi yang telah mendahului mereka di dalam barisan perarakan perayaan iman yang tidak putus-putus di sepanjang zaman:

وَنَادَى نُوحٌ رَّبَّهُ فَقَالَ رَبِّ إِنَّ ابُنِي مِنْ أَهْلِي وَإِنَّ وَعْدَكَ الْحَقُّ وَأَنتَ أَحْكَمُ الْحَاكِمِينَ (45) قَالَ يَا نُوحُ إِنَّهُ لَيْسَ مِنْ أَهْلِكَ إِنَّهُ عَمَلٌ غَيْرُ صَالِحٍ فَلاَ تَسْأَلْنِ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنِّي أَعِظُكَ أَن تَكُونَ مِنَ الْجَاهِلِينَ (46) قَالَ رَبِّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ أَنْ أَسْأَلَكَ مَا لَيْسَ لِي بِهِ عِلْمٌ وَإِلاَّ تَغْفِرْ لِي وَتَرْحَمْنِي أَكُن مِّنَ الْخَاسِرِينَ (47)

Maksudnya : "Dan Nuh berseru kepada Tuhannya sambil berkata: "Ya Tuhanku sesungguhnya anakku termasuk keluargaku dan sesungguhnya janji Engkau itulah yang benar .Dan Engkau adalah yang paling adil di antara semua hakim. Allah berfirman: "Sesungguhnya dia bukanlah termasuk keluargamu [yang dijanjikan akan diselamatkan] kerana perbuatannya merupakan perbuatan yang tidak baik. Sebab itu janganlah kamu memohon kepadaKu sesuatu yang kamu tidak mengetahui [hakikat]nya. Sesungguhnya Aku memperingatkan kepadamu supaya kamu jangan termasuk orang-orang yang tidak berpengetahuan. " Nuh berkata: "Ya Tuhanku, sesungguhnya aku berlindung kepada Engkau dari memohon kepada Engkau sesuatu yang aku tidak mengetahui [hakikat]nya, dan sekiranya Engkau tidak memberi ampun kepadaku dan [tidak] memberi belas kasihan kepadaku, nescaya aku akan termasuk orang-orang yang rugi."

(Hud: 45-47)

Dan firman Allah:

وَإِذِ ابْتَلَى إِبْرَاهِيمَ رَبُّهُ بِكَلِمَاتٍ فَأَتَمَّهُنَّ قَالَ إِنِّي جَاعِلُكَ لِلنَّاسِ إِمَامًا قَالَ وَمِن ذُرِّيَّتِي قَالَ لاَ يَنَالُ عَهْدِي الظَّالِمِينَ

Maksudnya : "Dan ingatlah ketika Ibrahim diuji Tuhannya dengan beberapa kalimat [perintah dan larangan] lalu Ibrahim menunaikannya. Allah berfirman. "Sesungguhnya aku akan menjadikan kamu imam bagi seluruh manusia. " Ibrahim berkata: "Dan saya mohon juga dari keturunanku. " Allah berfirman: "JanjiKu [ini] tidak mengenai orang yang zalim."

(Al-Baqarah: 124)

Firman Allah:

وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّ اجْعَلْ هَذَا بَلَدًا آمِنًا وَارْزُقْ أَهْلَهُ مِنَ الثَّمَرَاتِ مَنْ آمَنَ مِنْهُم بِاللّهِ
وَالْيَوْمِ الآخِرِ قَالَ وَمَن كَفَرَ فَأُمَتِّعُهُ قَلِيلاً ثُمَّ أَضْطَرُّهُ إِلَى عَذَابِ النَّارِ وَبِئْسَ الْمَصِيرُ

Maksudnya: "Dan [ingatlah] ketika Ibrahim berdoa: "Ya Tuhanku, jadikanlah negeri ini, negeri yang aman dan sentosa dan berikanlah rezeki dari buah-buahan kepada penduduknya yang beriman di antara mereka kepada Allah dan hari kemudian." Allah berfirman: "Dan kepada orang yang kafir pun Aku beri kesenangan sementara, kemudian Aku paksa ia menjalani seksa neraka dan itulah seburuk-buruk tempat kembali."

(Al-Baqarah: 126)

Nabi Ibrahim telah rela keluar meninggalkan ayah dan kaum keluarganya, memisahkan diri dari mereka, setelah dilihatnya mereka masih terus ingin berkeras di dalam kesesatan.

Firman Allah:

وَأَعْتَزِلُكُمْ وَمَا تَدْعُونَ مِن دُونِ اللَّهِ وَأَدْعُو رَبِّي عَسَى أَلَّا أَكُونَ بِدُعَاءِ رَبِّي شَقِيًّا

Maksudnya: "Dan aku akan menjauhkan diri daripadamu, dan daripada apa yang kamu seru selain daripada Allah, dan aku akan berdoa kepada Tuhanku, aku tidak akan kecewa dengan berdoa kepada Tuhanku."

(Maryam: 48)

Dan Allah SWT telah menceritakan perihal Nabi Ibrahim dan perihal kaumnya untuk dijadikan contoh tauladan dan pengajaran yang berguna:

قَدْ كَانَتْ لَكُمْ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ فِي إِبْرَاهِيمَ وَالَّذِينَ مَعَهُ إِذْ قَالُوا لِقَوْمِهِمْ إِنَّا بُرَاء مِنكُمْ وَمِمَّا
تَعْبُدُونَ مِن دُونِ اللَّهِ كَفَرْنَا بِكُمْ وَبَدَا بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمُ الْعَدَاوَةُ وَالْبَغْضَاء أَبَدًا حَتَّى تُؤْمِنُوا
بِاللَّهِ وَحْدَهُ

Maksudnya: "Sesungguhnya telah ada suri tauladan yang baik bagimu pada Ibrahim dan orang-orang yang bersama dengan dia, ketika mereka berkata kepada kaum mereka: "Sesungguhnya kami berlepas diri daripada kamu dan daripada apa - yang kamu sembah selain Allah. Kami engkari [kekafiran]mu dan telah nyata antara kami dan kamu permusuhan dan kebencian buat selama-lamanya sampai kamu beriman dengan Allah sahaja."

(Al-Mumtahanah: 4)

Suri tauladan dan pengajaran yang baik dapat direnungkan dengan mendalam dan penuh keinsafan dari kisah sekumpulan pemuda yang telah memisahkan diri dari kaum keluarga dan sahabat handai, kampung halaman dan teman seiring, semata-mata untuk mengabdikan diri kepada Allah dan melindungi akidah pegangan hidup supaya jangan terjejas akibat paksaan dan penindasan pihak berkuasa. Alangkah menariknya kisah mereka terukir di dalam Surah Al-Kahfi:

نَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ نَبَأَهُم بِالْحَقِّ إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ آمَنُوا بِرَبِّهِمْ وَزِدْنَاهُمْ هُدًى (13) وَرَبَطْنَا عَلَى قُلُوبِهِمْ إِذْ قَامُوا فَقَالُوا رَبُّنَا رَبُّ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ لَن نَّدْعُوَ مِن دُونِهِ إِلَهًا لَقَدْ قُلْنَا إِذًا شَطَطًا (14) هَؤُلَاء قَوْمُنَا اتَّخَذُوا مِن دُونِهِ آلِهَةً لَّوْلَا يَأْتُونَ عَلَيْهِم بِسُلْطَانٍ بَيِّنٍ فَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ افْتَرَى عَلَى اللَّهِ كَذِبًا (15) وَإِذِ اعْتَزَلْتُمُوهُمْ وَمَا يَعْبُدُونَ إِلَّا اللَّهَ فَأْوُوا إِلَى الْكَهْفِ يَنشُرْ لَكُمْ رَبُّكُم مِّن رَّحمته ويُهَيِّئْ لَكُم مِّنْ أَمْرِكُم مِّرْفَقًا (16)

Maksudnya: "Kami ceritakan kisah mereka kepadamu [Muhammad] dengan sebenarnya, sesungguhnya mereka itu adalah pemuda-pemuda yang beriman kepada Tuhan mereka dan Kami tambahkan kepada mereka petunjuk. Kami telah meneguhkan hati mereka di waktu berdiri lalu mereka berkata: "Tuhan kami adalah Tuhan langit dan bumi, kami sekali-kali tidak menyeru Tuhan selain Dia, kerana jika tidak demikian maka kami telah mengucapkan perkataan yang amat jauh dari kebenaran. Kaum kami telah menjadikan selain Dia sebagai tuhan-tuhan untuk disembah]. Mengapa mereka tidak mengemukakan alasan yang terang, [tentang kepercayaan mereka]? Siapakah yang lebih zalim daripada orang-orang yang mengada-ngadakan kebohongan terhadap Allah? Dan apabila kamu meninggalkan mereka dan apa yang mereka sembah selain dari Allah, maka carilah tempat berlindung ke dalam gua itu nescaya Tuhanmu akan melimpahkan sebahagian rahmat-Nya kepadamu dan menyediakan sesuatu yang berguna bagimu di dalam urusan kamu."

(Al-Kahfi: 13-16)

Peristiwa pemisahan antara isteri Nabi Nuh dan isteri Nabi Lut dari suami-suami mereka disebabkan oleh perbezaan akidah juga telah disorot sedemikian rupa, untuk diperhati dan dijadikan suri tauladan:

ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا لِّلَّذِينَ كَفَرُوا اِمْرَأَةَ نُوحٍ وَامْرَأَةَ لُوطٍ كَانَتَا تَحْتَ عَبْدَيْنِ مِنْ عِبَادِنَا صَالِحَيْنِ فَخَانَتَاهُمَا فَلَمْ يُغْنِيَا عَنْهُمَا مِنَ اللَّهِ شَيْئًا وَقِيلَ ادْخُلَا النَّارَ مَعَ الدَّاخِلِينَ

Maksudnya: "Allah membuat isteri Nuh dan isteri Lut sebagai perumpamaan bagi orang-orang kafir; keduanya berada di bawah pengawasan dua orang hamba yang salih dari antara hamba-hamba Kami, lalu kedua isteri itu khianat kepada

kedua suami mereka, maka kedua suami itu pun tidak dapat membela mereka sedikit pun dari seksa Allah dan dikatakan kepada mereka berdua: "masuklah ke neraka bersama orang-orang yang masuk [neraka]."

(At Tahrim: 10)

Sebaliknya isteri Firaun berbeza sekali keadaannya dari kedua-dua orang isteri Nabi Nuh dan Nabi Lut, dia beroleh kebahagiaan menjadi orang beriman di tengah-tengah kemewahan suaminya yang durhaka kepada Allah, ceritanya juga dikemukakan bagi dijadikan pengajaran:

وَضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا لِّلَّذِينَ آمَنُوا امْرَأَةَ فِرْعَوْنَ إِذْ قَالَتْ رَبِّ ابْنِ لِي عِندَكَ بَيْتًا فِي الْجَنَّةِ وَنَجِّنِي مِن فِرْعَوْنَ وَعَمَلِهِ وَنَجِّنِي مِنَ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ

Maksudnya: "Allah membuat isteri Firaun menjadi perumpamaan bagi orang-orang yang beriman, ketika ia berkata: "Ya Tuhanku bangunkanlah untukku sebuah rumah di sisi-Mu dalam syurga dan selamatkanlah aku dari Firaun dan perbuatannya dan selamatkanlah aku dari kaum yang zalim."

(At Tahrim: 11)

Demikianlah contoh perbandingan mengenai betapa putus terburai dan pecah berkecainya hubungan antara manusia dengan manusia, baik di antara anak dengan bapak di dalam kisah Nabi Nuh dan putera kesayangannya, antara anak dengan bapak dan kampung halaman di dalam kisah Nabi Ibrahim dengan ayah dan kaumnya, hubungan di antara keluarga sahabat handai dan kampung halaman sekaligus di dalam kisah pemuda-pemuda penghuni gua (ashabul kahfi), dan seterusnya hubungan cinta kasih suami isteri serumahtangga di dalam kisah isteri Nabi Nuh, isteri Nabi Lut dan isteri Firaun putusnya segala perhubungan itu justeru kerana perbezaan akidah dan iman.

Demikianlah pula berlalunya angkatan pejuang-pejuang iman di sepanjang hayat umat manusia silih berganti menghiasi lembaran sejarah, menjadi suri tauladan dan cermin perbandingan mengenai keteguhan iman, mengenai ketegasan memegang pendirian di jalan kebenaran, mengenai kesetiaan memegang akidah tauhid menghayati sikap tegas memegang prinsip, tidak kenal tawar menawar tidak sudi bertolak ansur malah tiada nilai hubungan darah, tiada nilai hubungan cinta dan rumahtangga. Bila iman telah menghayati hati dan nadi semuanya sanggup diterima dan dihadapi. Pertemuan dan perpisahan antara manusia. dengan manusia menjadi nilainya bila pertemuan antara manusia dengan khaliqnya menggamit.

Allah gambarkan pula bagaimanakah sebenarnya sifat orang beriman melalui firman-Nya:

لَا تَجِدُ قَوْمًا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ يُوَادُّونَ مَنْ حَادَّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَوْ كَانُوا آبَاءَهُمْ أَوْ أَبْنَاءَهُمْ أَوْ إِخْوَانَهُمْ أَوْ عَشِيرَتَهُمْ أُوْلَئِكَ كَتَبَ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَأَيَّدَهُم بِرُوحٍ مِّنْهُ وَيُدْخِلُهُمْ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ أُوْلَئِكَ حِزْبُ اللَّهِ أَلَا إِنَّ حِزْبَ اللَّهِ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Maksudnya: "Kamu tidak akan mendapati sesuatu, kaum yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, saling berkasih sayang dengan orang-orang yang menentang Allah dan Rasul-Nya, sekalipun orang itu bapa-bapa, anak-anak, saudara-saudara atau keluarga mereka. Mereka itulah orang-orang yang Allah telah menanamkan keimanan dalam hati mereka dan menguatkan mereka dengan pertolongan yang datang daripadaNya. Dan dimasukkanNya mereka ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya. Allah ridai terhadap mereka dan mereka pun merasa puas terhadap limpahan rahmatNya. Mereka itulah golongan Allah. Ketahuilah bahawa sesungguhnya golongan Allah itulah golongan yang beruntung."

(Al-Mujadilah: 22)

Ketika putusnya hubungan kerabat di antara Nabi Muhammad SAW dengan bapa saudaranya Abu Lahab dan saudara pupuannya Amru bin Hisyam (Abu Jahal), iaitu di ketika orang-orang Muhajirin sanggup bertempur di medan perang, menentang sanak saudara, kaum kerabat dan sahabat handai mereka sendiri di medan perang BADR di ketika itu jugalah jalinan kekeluargaan terikat begitu erat di antara kaum Muhajirin dan kaum Ansor. Mereka telah menjadi saudara dan kaum keluarga yang saling tolong menolong dan bantu membantu. Pada ketika yang sama juga tercantumlah rasa kasih sayang dan terbuhullah tali kekeluargaan di antara orang Muslim berbangsa Arab dengan orang-orang Muslim berbangsa lain terjalin hubungan kasih mesra dan setia antara mereka dengan saudara mereka Sayidina Suhaib berbangsa Romawi, Salman berdarah Parsi dan Bilal berketurunan Negro, pecah berkecailah sudah rasa ta'asub perkauman dan asabiah, serta fanatik kekabilahan, perkauman dan kebangsaan serta tanah tumpah darah.

Rasulullah pernah bersabda kepada mereka dengan katanya yang bererti: lemparkanlah fanatik kesukuan dan kabilah itu jauh-jauh, kerana ia terlalu busuk dan memualkan. Rasulullah SAW bersabda lagi seperti ini: ertinya: "Bukan dari golongan kita orang yang menyeru ke arah perkauman ('asabiah) bukan dari kita orang yang berperang kerana 'asabiah, dan bukan dari kita orang yang mati terbunuh kerana mempertahankan asabiah." Lalu berakhirlah sudah peranan asabiah, meninggalkan bangkainya busuk berkapaian, bangkai busuk perkauman dan lenyaplah sudah laungan suara asabiah, yang berbentuk kebanggaan kerana bangsa dan keturunan, kerana darah dan warna kulit. Musnahlah sudah kejahatan itu, kekotoran yang berasaskan daging dan darah, yang berasaskan tanah dan air.

Sejak itu maka negara bagi setiap Muslim itu bukanlah tanah dan air tetapi "Islam", negara mana di dalamnya berdaulat akidah Islam dan berkuasa di dalamnya syariat Allah sahaja, negara mana setiap orang Muslim menumpahkan taat setianya dan sanggup mempertahankannya, rela mati berkuah darah dan gugur syahid untuk mempertahankan negara itu dari segala ancaman dan pencerobohan dan untuk melebarkan lagi sayapnya mendaulatkan syariat Allah di seluruh pelosok dunia. Negara Islam bagi setiap orang yang menghayati Islam sebagai akidah dan syariat, juga bagi setiap orang yang rela dan patuh menerima syariat Islam menjadi undang-undang negara, walaupun dia sendiri bukan seorang penganut agama Islam, seperti halnya penganut berbagai agama lain hidup aman damai di bawah lindungan pemerintahan Islam berabad-abad lamanya. Manakala negara yang di dalamnya syariat Allah tidak didaulatkan dan ajaran Islam tidak disanjung tinggi dan dipatuhi maka negara itu adalah sebuah negara "harbi" bagi setiap Muslim dan juga bagi orang dzimmi dan mu'ahad, si Muslim wajib memusuhinya walau negara itu menjadi tempat kelahirannya, dan walaupun di dalam negara itu ramai kaum keluarga dan sahabat handainya, juga harta benda dan keperluan hidupnya.

Demikianlah halnya Nabi Muhammad SAW telah memerangi Mekah, negeri kelahirannya sendiri, walaupun di sana ramai kaum keluarga dan sanak saudaranya, malah walaupun di sana ada rumahnya sendiri, rumah para sahabatnya dan harta benda peninggalan mereka, sebab sesebuah negara itu belum dianggap menjadi negara Islam kecuali apabita ia patuh kepada ajaran Islam dan menjalankan syariat Islam.

Nah inilah dia Islam itu dan beginilah dia. Islam bukan hanya sekadar suatu perkataan yang disebut di lidah sahaja, bukan pula bererti kelahiran seseorang di dalam sebuah negeri tertentu yang disebut sebagai "negeri Islam" dan mempunyai logo keislaman, juga tidak bererti kelahiran seorang yang ibu bapanya Muslim.

Firman:

فَلاَ وَرَبِّكَ لاَ يُؤْمِنُونَ حَتَّىَ يُحَكِّمُوكَ فِيمَا شَجَرَ بَيْنَهُمْ ثُمَّ لاَ يَجِدُواْ فِي أَنفُسِهِمْ حَرَجًا مِّمَّا قَضَيْتَ وَيُسَلِّمُواْ تَسْلِيمًا

Maksudnya: "Maka demi Tuhanmu, mereka pada hakikatnya tidak beriman hingga mereka menjadikan kamu hakim terhadap perkara yang mereka perselisihkan, kemudian mereka tidak merasakan di dalam hati mereka suatu keberatan terhadap keputusan yang kamu berikan, dan mereka menerima dengan sepenuhnya."

(An Nisaa': 65)

Inilah dia Islam dan negara seperti yang disebutkan di atas itulah sebenar-benar negara Islam, bukan sekeping tanah, bukan suatu bangsa, juga bukan suatu

keturunan, bukan suatu persemendaan, bukan berdasarkan kabilah, dan tidak pula berdasarkan suku sakat.

Sesungguhnya Islam telah membebaskan umat manusia daripada terlekat dengan tanah, supaya dapat mereka berlega naik ke langit tinggi. Islam juga telah membebaskan mereka daripada sebarang kaitan darah, kaitan bercorak kebinatangan itu, supaya mereka dapat meningkat naik ke taraf yang tinggi, terhormat dan mulia, di alam samawi.

Negara yang tetap dirindui oleh setiap Muslim itu bukanlah sekeping tanah tertentu. Rupa bangsa si Muslim yang menjadi identiti, dan pengenalannya bukannya rupa bangsa dari suatu pemerintahan tertentu. Kaum keluarga tempat si Muslim berteduh dan menumpang kasih bukanlah berdasarkan darah keturunan. Panji-panji yang menjadi lambang kemegahan hidup si Muslim, yang dia rela syahid di bawah kibarannya bukanlah panji-panji perkauman atau kebangsaan; manakala kemenangan yang dibanggakan oleh si Muslim dan yang disyukurinya bukan kemenangan tentera di medan pertempuran, tapi ialah seperti telah dijelaskan di dalam firman Allah:

إِذَا جَاءَ نَصْرُ اللَّهِ وَالْفَتْحُ (1) وَرَأَيْتَ النَّاسَ يَدْخُلُونَ فِي دِينِ اللَّهِ أَفْوَاجًا (2) فَسَبِّحْ بِحَمْدِ رَبِّكَ وَاسْتَغْفِرْهُ إِنَّهُ كَانَ تَوَّابًا (3)

Maksudnya: "Apabila telah datang pertolongan Allah dan kemenangan. Dan kamu lihat manusia masuk agama Allah dengan berbondong-bondong. Maka bertasbihlah dengan memuji Tuhanmu dan mohonlah ampun kepada-Nya. Sesungguhnya Dia adalah Maha Penerima taubat."

(An Nasr: 1-3)

Ya, kemenangan di bawah panji-panji akidah, bukan di bawah panji-panji yang lain; jihad untuk kemenangan agama dan syariat tidak kerana sesuatu matlamat yang lain pembelaan terhadap "negara Islam" yang melaksanakan syariat Ilahi bukan kerana membela negara yang lain, mengikhlaskan semua itu kerana Allah sahaja bukan kerana mencari laba dan kemegahan nama, bukan untuk kebanggaan suatu negeri atau kaum, dan mempertahankan kepentingan keluarga dan kaum kerabat, selain daripada mengawal mereka dari dilanda arus fitnah di dalam menghayati agama Allah.

Dari Abu Musa r.a. "Beliau telah meriwayatkan: bahawa Rasulullah SAW telah ditanya mengenai halnya seseorang yang berperang kerana keberanian, berperang kerana kebanggaannya, dan berperang kerana semangat kebangsaan yang manakah satu dapat dimasukkan ke dalam senarai "berperang di jalan Allah?" Rasulullah telah menjawab dengan sabdanya:" Sesiapa sahaja yang berperang untuk menjadikan kalimah (agama) Allah itu yang paling tinggi dan agung maka dia adalah berperang di jalan Allah."

Di dalam peperangan seperti ini sahajalah adanya erti atau istilah "mati syahid" bukan di dalam mana-mana jua peperangan lain yang tidak mempunyai matlamat meninggikan agama ini, ikhlas kerana menunaikan perintah Allah LILLAHI "kerana Allah".

Sekali lagi kita ulangi bahawa setiap negeri yang memusuhi si Muslim mengenai akidahnya, dan menyekatnya dari melaksanakan syariat Allah, serta membataskan kegiatan keagamaannya, maka negeri itu adalah negeri musuh "DARUL HARB", walaupun di dalam negeri itu ada keluarga si Muslim itu, ada kaum kerabat, ada bangsa sedarah sedaging dengannya, ada harta benda dan barang-barang dagangannya, manakala setiap negeri yang di dalamnya akidah Islam dilindungi dan syariatnya dilaksanakan, adalah sebenarnya sebuah "negara Islam" walau dia tidak punya apa pun di dalam negeri itu: kaum keluarga, saudara mara, bangsa sedarah sedaging, harta benda dan barang dagangan.

Pengertian negara dan tanahair yang sebenar ialah: Negara yang dikuasai oleh akidah dan syariat yang datang dari ALLAH sahaja, inilah dia pengertian negara dan tanahair yang sesuai dengan MANUSIA; manakala pengertian "rupa bangsa" pula ialah "akidah" dan program hidup. Sebenarnya inilah tali persaudaraan yang layak untuk bani insan.

Sesungguhnya sifat fanatik kepada kaum kerabat, suku, kaum, bangsa dan wama kulit adalah sifat fanatik yang kerdil dan memundurkan, sifat yang dikenal dan diiktiraf oleh umat manusia di zaman kemunduran roh dan jiwa, yang disebut oleh Rasulullah SAW sebagai "busuk" yang dengan sendirinya menimbulkan rasa mual dan jijik.

Apabila orang Yahudi mendakwa bahawa merekalah kononnya bangsa yang paling agung di dunia dengan jurul "bangsa pilihan Allah" kerana kononnya mereka berasal dari keturunan orang baik-baik, dari keturunan Nabi-Nabi, serentak dengan dakwaan itu Allah telah menangkisnya dengan menegaskan bahawa nilai penghargaan Allah kepada sesuatu kaum atau sesuatu individu hanya terletak kepada nilai iman sahaja. Firman Allah SWT:

وَقَالُواْ كُونُواْ هُودًا أَوْ نَصَارَى تَهْتَدُواْ قُلْ بَلْ مِلَّةَ إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ (135) قُولُواْ آمَنَّا بِاللّهِ وَمَآ أُنزِلَ إِلَيْنَا وَمَا أُنزِلَ إِلَى إِبْرَاهِيمَ وَإِسْمَاعِيلَ وَإِسْحَقَ وَيَعْقُوبَ وَالأسْبَاطِ وَمَا أُوتِيَ مُوسَى وَعِيسَى وَمَا أُوتِيَ النَّبِيُّونَ مِن رَّبِّهِمْ لاَ نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِّنْهُمْ وَنَحْنُ لَهُ مُسْلِمُونَ (136) فَإِنْ آمَنُواْ بِمِثْلِ مَا آمَنتُم بِهِ فَقَدِ اهْتَدَواْ وَّإِن تَوَلَّوْاْ فَإِنَّمَا هُمْ فِي شِقَاقٍ فَسَيَكْفِيكَهُمُ اللّهُ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ (137) صِبْغَةَ اللّهِ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ اللّهِ صِبْغَةً وَنَحْنُ لَهُ عَابِدونَ (138)

Maksudnya: "Dan mereka berkata; "hendaklah kamu menjadi penganut agama Yahudi atau Nasrani, nescaya kamu mendapat petunjuk. " Katakanlah: "tidak, melainkan kamu mengikuti agama Ibrahim yang lurus dan bukanlah dia [Ibrahim] dari golongan orang yang musyrik. " Katakanlah [hai orang-orang mukmin]: "Kami beriman kepada Allah dan apa yang diturunkan kepada kami, dan apa yang diturunkan kepada Ibrahim, Ismail, Ishaq, Ya'kob dan anak cucunya, dan apa yang diberikan kepada Musa dan Isa serta apa yang diberikan kepada Nabi-Nabi dari Tuhannya. Kami tidak membeza-bezakan seorang pun dari mereka dan kami hanya tunduk patuh kepada-Nya. Maka jika mereka beriman kepada apa yang kamu telah beriman kepadanya, sungguh mereka telah mendapat petunjuk; dan jika mereka berpaling, sesungguhnya mereka berada dalam permusuhan [dengan kamu]. Maka Allah akan memelihara kamu dari mereka. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mergetahui. Sibghah Allah. Dan siapakah yang lebih baik sibghahNya daripada Allah? Dan hanya kepada-Nyalah kami menyembah."

(Al-Baqarah: 135-138)

Adapun bangsa yang menjadi pilihan Allah yang sebenar ialah bangsa MUSLIM yang hidupnya terus menerus di bawah bayangan panji-panji Allah, walaupun mereka berlainan bangsa dan warna kulit serta bumi tempat berpijak. Firman:

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللّهِ

Maksudnya: "Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang maaruf, dan mencegah daripada yang mungkar dan beriman dengan Allah."

(Aali Imran: 110)

Umat yang dirintis perjalanannya dan dipelopori pembentukannya oleh Abu Bakar bangsa Arab, Bilal bangsa Negro (Habsyi) Suhaib orang Romawi dan Salman bangsa Parsi serta saudara-saudara mereka yang budiman, yang jejak mereka telah diikuti oleh beberapa generasi lagi selepas mereka, dengan akidah sebagai pengenalan rupa bangsa mereka, dengan Islam menjadi negara mereka, Allah menjadi pemerintah mereka dan Al-Quran sebagai Perlembagaan mereka.

Inilah dia konsep yang tinggi nilainya mengenai negara, rupa bangsa dan keluarga yang sayugia menjadi pedoman yang menguasai hati setiap orang pendakwah kepada agama Allah, yang sayugia diberitahu dengan terang dan lantangnya kepada seluruh umat manusia, supaya tidak bercampur baur dengan penyelewengan yang dibawa oleh konsep ala jahiliyah dan diseludup secara senyap-senyap, juga supaya tidak diresapi oleh berbagai bentuk syirik yang tersembunyi (syirik khafi), iaitu mensyirikkan Allah SWT dengan tanah, dengan bangsa, dengan kaum, dengan keturunan, dan syirik dengan berbagai kepentingan

yang kecil-kecil untuk keperluan jangka pendek; syirik yang telah dikumpulkan Allah dalam sebelah tangan, dan diletakkannya iman di sebelah tangan yang lain, lalu disuruh manusia memilih sendiri.

Firman Allah:

قُلْ إِن كَانَ آبَاؤُكُمْ وَأَبْنَآؤُكُمْ وَإِخْوَانُكُمْ وَأَزْوَاجُكُمْ وَعَشِيرَتُكُمْ وَأَمْوَالٌ اقْتَرَفْتُمُوهَا وَتِجَارَةٌ تَخْشَوْنَ كَسَادَهَا وَمَسَاكِنُ تَرْضَوْنَهَا أَحَبَّ إِلَيْكُم مِّنَ اللّهِ وَرَسُولِهِ وَجِهَادٍ فِي سَبِيلِهِ فَتَرَبَّصُواْ حَتَّى يَأْتِيَ اللّهُ بِأَمْرِهِ وَاللّهُ لاَ يَهْدِي الْقَوْمَ الْفَاسِقِينَ

Maksudnya: "Katakanlah; 'jika bapa-bapa, anak-anak, saudara-saudara, isteri-isteri, kaum keluargamu, harta kekayaan yang kamu usahakan, perniagaan yang kamu khuatiri kerugiannya dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai, adalah lebih kamu cintai daripada Allah dan Rasul-Nya dan dari berjihad di jalan-Nya, maka tunggulah sampai Allah mendatangkan keputusan-Nya. Allah tidak memberi pimpinan kepada orang-orang fasik."

(At-Taubah: 24)

Demikian juga tidak sayugia sama sekali timbulnya rasa ragu dan syak wasangka mengenai hakikat jahiliyah dan hakikat Islam di dalam hati para pendakwah Islam; begitu juga mengenai ciri-ciri negara musuh dan dengan konsep negara Islam; sebab sering berlaku kekeliruan mengenai ini. Setiap pendakwah mesti meyakinkan diri sendiri untuk ditanam keyakinan kepada orang bahawa: tiada Islam di dalam negara yang tidak dikuasai oleh Islam dan tidak berjalan di dalamnya syariat Allah dan tiada negara Islam selain daripada yang dikuasai oleh Islam dalam segenap urusan pemerintahannya syariat Allah tiada negara Islam kecuali negara yang menghayati Islam, yang berkuasa di dalamnya program dan undang-undangnya. Perlu benar diyakinkan bahawa tiada alternatif bagi iman selain daripada kufur; tiada alternatif lain bagi Islam selain daripada jahiliyah dan tiada alternatif lain bagi kebenaran melainkan kesesatan jua.

نقلة بعيدة

JARAKNYA JAUH

Ada suatu fakta penting yang perlu kita jadikan pedoman dalam gerakan dakwah, sama ada dakwah di kalangan orang-orang yang sudah menganut Islam atau belum. Fakta itu terbit daripada tabiat dan sejarah Islam sendiri.

Fakta yang dimaksudkan itu ialah bahawa Islam itu adalah merupakan suatu konsep yang lengkap mengenai pengertian wujud dan hidup, suatu konsep yang merrpunyai ciri-ciri tertentu. Konsep itu kemudiannya melahirkan suatu program tersendiri mengenai seluruh aspek kehidupan; program yang menjadi dasar kepada suatu sistem yang unik.

Konsep ini berlainan sama sekali dengan seluruh konsep jahiliyah, sama ada jahiliyah kuno atau jahiliyah moden. Kadang-kadang kelihatan ada beberapa titik persamaan di antara konsep Islam dalam beberapa aspek tertentu, yang berupa masalah sampingan; tetapi sumber asal dari mana soal-soal sampingan itu datang adalah berlainan daripada apa yang pernah dikenal oleh umat manusia selama ini.

Tugas utama Islam ialah membentuk hidup umat manusia; hidup yang selaras dengan konsep ini, dan menjelmakan konsep ini ke dalam alam realiti; di samping menegakkan peraturan Ilahi yang telah digariskan oleh Allah SWT dan mampu melahirkan umat Islam yang akan menjadi model bagi terlaksananya peraturan Ilahi itu.

Allah SWT berfirman:

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنكَرِ وَتُؤْمِنُونَ
بِاللّهِ

Maksudnya: "Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang maaruf, dan mencegah dari yang mungkar, dan beriman kepada Allah."

(Aali Imran: 110)

Mengenai sifat umat Islam yang sebenar, Allah telah memberikan gambaran yang terang:

الَّذِينَ إِن مَّكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ
الْمُنكَرِ وَلِلَّهِ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ

Maksudnya: "Orang-orang Yang jika Kami teguhkan kedudukan mereka di muka bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, menyuruh berbuat yang maaruf dan mencegah dari perbuatan yang mungkar, dan kepada Allahlah kembali segala urusan."

(Al-Haj: 41)

Bukanlah tugas Islam untuk berkompromi dengan konsep-konsep jahiliyah yang sedang mempengaruhi dunia sekarang, juga dengan realiti jahiliyah yang sedang merata di mana-mana sahaja. Bukan ini yang menjadi tugasnya pada ketika konsep ini mula lahir, dan bukan itu juga tugasnya sekarang ini dan masa akan datang kerana jahiliyah itu ialah jahiliyah. Ia bererti penyelewengan dan pemesongan daripada ubudiah kepada Allah semata-mata, juga penyelewengan dari peraturan Ilahi mengenai kehidupan. Jahiliyah itu juga bererti menimba dan mencedok segala panduan hidup yang berbentuk peraturan dan undang-undang, adat resam dan nilai-nilai, daripada sumber yang.bukan sumber Ilahi sedangkan Islam itu tetap Islam jua; tugas pokoknya ialah memindahkan umat manusia keluar dari jahiliyah kepada Islam!

Jahiliyah bererti pengabdian oleh manusia ke atas sesama manusia, dengan makna bahawa sebahagian manusia membuat undang-undang untuk sesama manusia, dengan tidak mendapat izin Allah dalam apa jua urusan hidup.

Manakala Islam pula bererti ubudiah dan kepatuhan manusia mengabdikan diri kepada Allah semata-mata, dengan cara menerima daripada Allah sahaja semua konsep, akidah, undang-undang dan nilai-nilai dan membebaskan diri sepenuhnya dari setiap bentuk pengabdian kepada sesama hamba Allah.

Hakikat inilah yang lahir dari tabiat Islam, juga dari tabiat peranan Islam di dalam dunia, yang mesti kita pakai dan jadikan panduan, ketika kita mendakwahkan Islam kepada umat manusia, baik manusia yang sudah Muslim ataupun yang belum jadi Muslim.

Sesungguhnya Islam tidak dapat menerima cara penyelesaian yang berbentuk separuh masa dalam pergeserannya dengan jahiliyah; baik penyelesaian di bidang konsep mahupun penyelesaian di bidang realiti yang dihasilkan oleh konsep itu. Penyelesaiannya satu sahaja: sama ada Islam yang menang, atau jahiliyah yang hancur berkecai, atau sebaliknya. Tidak akan ada penyelesaian yang separuh masak, tidak ada perkongsian di dalam penyelesaian dalam bentuk separuh Islam dan separuh jahiliyah. Yang ada hanya sama ada Islam atau jahiliyah. Islam selamanya memandang bahawa hak dan kebenaran itu satu sahaja, tiada dua baginya; dan yang lain daripada yang hak itu ialah kebatilan tiada titik pertemuan antara keduanya yang ada ialah hukum Allah atau hukum jahiliyah - syariat Allah atau hawa nafsu. Firman Allah mengenai hal ini sudah cukup diketahui, antaranya:

وَأَنِ احْكُم بَيْنَهُم بِمَآ أَنزَلَ اللّهُ وَلاَ تَتَّبِعْ أَهْوَاءهُمْ وَاحْذَرْهُمْ أَن يَفْتِنُوكَ عَن بَعْضِ مَا أَنزَلَ اللّهُ إِلَيْكَ

Maksudnya: "Dan hendaklah kamu memutuskan perkara di antara mereka [menjalankan pemerintahan] menurut apa yang diturunkan Allah dan janganlah

kamu mengikut hawa nafsu mereka. Dan berhati-hatilah kamu terhadap mereka, supaya mereka tidak memalingkan kamu dari sebahagian apa yang telah diturunkan Allah kepadamu."

(Al-Maidah: 49)

فَلِذَلِكَ فَادْعُ وَاسْتَقِمْ كَمَا أُمِرْتَ وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءهُمْ

Maksudnya: "Maka kerana itu serulah mereka kepada agama itu dan tetaplah sebagaimana yang diperintahkan kepadamu dan janganlah mengikuti hawa nafsu mereka."

(Asysyura: 15)

dan:

فَإِن لَّمْ يَسْتَجِيبُوا لَكَ فَاعْلَمْ أَنَّمَا يَتَّبِعُونَ أَهْوَاءهُمْ وَمَنْ أَضَلُّ مِمَّنِ اتَّبَعَ هَوَاهُ بِغَيْرِ هُدًى مِّنَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ

Maksudnya: "Jika mereka tidak menjawab cabaranmu maka ketahuilah bahawa sesungguhnya mereka hanyalah mengikuti hawa nafsu mereka sahaja; dan siapakah yang lebih sesat daripada orang yang mengikuti hawa nafsunya dengan tidak mendapat petunjuk dari Allah sedikit pun? Sesungguhnya Allah tidak memberi petunjuk kepada orang-orang zalim."

(Al-Qasas: 50)

ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَى شَرِيعَةٍ مِّنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاء الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ (18) إِنَّهُمْ لَن يُغْنُوا عَنكَ مِنَ اللَّهِ شَيْئًا وإِنَّ الظَّالِمِينَ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاء بَعْضٍ وَاللَّهُ وَلِيُّ الْمُتَّقِينَ (19)

Maksudnya: "Kemudian Kami jadikan kamu berada di atas satu syariat [undang-undang/peraturan] tentang urusan itu [agama]. Maka ikutilah syariat itu dan janganlah kamu ikuti hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui. Sesungguhnya mereka sekali-kali tidak akan dapat menolak daripada kamu sedikit pun daripada [seksaan] Allah dan sesungguhnya orang-orang yang zalim itu sebahagian mereka menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Dan Allah adalah pelindung orang-orang yang taqwa."

(Al-Jatsiah: 18-19)

dan:

أَفَحُكْمَ الْجَاهِلِيَّةِ يَبْغُونَ وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ اللَّهِ حُكْمًا لِّقَوْمٍ يُوقِنُونَ

Maksudnya: "Apakah hukum jahiliyah yang mereka kehendaki dan hukum siapakah yang lebih baik daripada hukum Allah bagi orang-orang yang yakin."

(Al-Maaidah: 50)

Memang dua sahaja perkaranya; tiada tiga; iaitu: sama ada mematuhi suruhan Allah dan Rasul-Nya atau sama ada mematuhi hawa nafsu. Sama ada hukum Allah atau hukum Jahiliyah. Sama ada melaksanakan hukum yang Allah turunkan dengan amanah atau pun menyelewengkan peraturan yang telah Allah tetapkan. Tiada lagi sebarang dalih atau alasan boleh dikemukakan untuk melepaskan diri dari ketetapan yang begitu jelas dan pemutus dari Allah itu.

Dari keterangan di atas nyatalah bahawa tugas Islam ialah menyingkirkan jahiliyah dari sebarang peranan memimpin umat manusia dan mengambil alih peranan, yang sedang dilakukan oleh jahiliyah di dalam urusan yang disebutkan itu; dan melaksanakan peranan memegang pimpinan umat manusia itu dengan berpandukan kepada program Islam sendiri; pimpinan yang bermatlamatkan kebahagiaan abadi bagi seluruh umat manusia, juga bermatlamatkan kebajikan sejati kepada mereka, dengan cara membawa mereka kembali mengikuti jalan Tuhannya, membawa mereka kembali ke pangkuan Tuhan mereka, serta membawa kemudahan yang terbit hasil perseragaman antara gerak geri manusia dan gerak balas tempat mereka tinggal. Demikian juga tugas Islam itu untuk membawa umat manusia keluar dari alam yang rendah ke alam yang tinggi dan membebaskan mereka dari pemerintahan hawa nafsu. Ataupun seperti jawapan Sayidina Rab'a bin `Aamir ketika disoal oleh Rustam Panglima tentera Parsi di medan perang Qadisiyah, tentang apakah punca dan motif yang menyebabkan orang-orang Islam datang berperang dengan orang Parsi, dan apakah sebab yang mendorong mereka rela bersusah payah berperang. Soalan itu dijawab dengan tegas seperti ini: "Allah telah mengutus Kami untuk menarik keluar sesiapa sahaja yang Allah izinkan, dari keadaan mengabdi kepada sesama manusia kepada keadaan beribadat kepada Allah sahaja, dari kesempitan hidup dunia kepada keselesaan hidup dunia dan akhirat, juga dari kekejaman agama-agama kepada keadilan Islam."

Islam datang bukan dengan tujuan menjadi pak turut hawa nafsu yang menjelma di dalam konsep hidup, undang-undang dan realiti, dan adat resam yang telah wujud sejak Islam datang dahulu lagi dan yang sedang menghayati kita sekarang, baik di timur mahupun di barat. Islam datang untuk menghapuskan itu semuanya dan menegakkan kehidupan umat manusia di atas dasar Islam sendiri. Islam datang untuk menyusun dan mengatur semula realiti hidup umat manusia mengikut pelan induknya sendiri; yang walaupun dalam soal-soal kecil tertentu terdapat beberapa persamaan dengan jahiliyah; tapi dasar kedua-duanya sangat berlainan sama sekali. Islam bersumber kepada pengajaran Allah, manakala jahiliyah pula bersumber kepada hawa nafsu manusia.

Firman:

وَالْبَلَدُ الطَّيِّبُ يَخْرُجُ نَبَاتُهُ بِإِذْنِ رَبِّهِ وَالَّذِي خَبُثَ لاَ يَخْرُجُ إِلاَّ نَكِدًا

Maksudnya: "Adapun negeri yang baik itu keluarlah tumbuhan-tumbuhannya dengan izin Allah; sedangkan negeri yang tidak baik itu tamannya tidak akan mengeluarkan hasil melainkan dengan susah."

(Al-A'raaf: 58)

Jahiliyah itu adalah buruk, baik dahulu mahupun sekarang. Keburukannya boleh jadi berubah bentuk lahirnya tapi asal dan tempat semaiannya tetap satu sahaja, iaitu hawa nafsu manusia yang jahil dan tidak mahu terjejas sedikit pun kepentingan diri mereka, kepentingan golongan atau kepentingan bangsa yang mereka pandang lebih bernilai daripada keadilan, kebenaran dan kebaikan; hingga datanglah syariat Allah lalu dihapuskannya semua itu, dan digantikan dengan satu undang-undang yang tidak dapat dinodai oleh hawa nafsu dan dipengaruhi oleh kepentingan pihak-pihak tertentu.

Oleh kerana garis pemisah di antara program Allah dan program manusia itu terlalu jauh jaraknya, maka mustahillah akan terdapat sebarang pertemuan: antara keduanya di dalam suatu sistem dan mustahil pula membancuh keduanya di dalam satu wadah. Mustahil untuk menggabungkan keduanya dalam suatu acuan untuk melahirkan suatu hasil yang baru; sebab seperti mana Allah tidak akan ampunkan orang mensyirikkan-Nya maka Allah juga sudah pasti tidak akan ampunkan orang yang membancuh program-Nya dengan program yang lain.

Hakikat ini sayugia disematkan benar di dalam ingatan kita ketika kita mengemukakan Islam kepada umat manusia, supaya kita tidak tergamam dan tergagap-gagap sehingga menimbulkan keraguan orang terhadap Islam. Apabila kita sudah mula menyampaikan seruan Islam kepada umat manusia maka kita tidak boleh berhenti menjalankan kegiatan itu melainkan sesudah mereka yakin bahawa Islam akan mengubah corak hidup mereka, mengubah konsep dan realiti hidup mereka, akan menukar segalanya dengan yang baru, yang lebih baik dan lebih tinggi mutunya, lebih sesuai dengan taraf mereka sebagai manusia. Dengan perubahan-perubahan itu maka akan terkikislah sisa-sisa jahiliyah.

Adalah menjadi suatu kewajipan kita untuk tidak membiarkan umat manusia terus menerus dikelirukan. Kita berkewajipan memberi pengertian kepada mereka bahawa Islam itu bukanlah hanya suatu aliran fikiran atau isme mengenai realiti kehidupan manusia, seperti isme-isme yang lahir sekarang (umpamanya sosialisme, komunisme, kapitalisme dll); sebab Islam bukanlah hanya sekadar suatu sistem yang mengenai realiti manusia sahaja, seperti halnya isme-isme bikinan manusia. Islam adalah Islam. Islam dengan keperibadiannya tersendiri dan konsepnya yang bebas dan tidak terikat kepada mana-mana jua konsep duniawi. Islam sanggup dan mampu melahirkan suatu realiti yang lebih baik daripada yang diimpikan oleh

umat manusia melalui isme-isme bikinan manusia sendiri itu. Islam yang tinggi nilainya, yang suci dan murni, terpancar indah dari sumber asli: langsung daripada Allah Yang Maha Besar dan Maha Agung.

Apabila kita mengerti dan faham akan hakikat Islam seperti yang kita huraikan tadi maka secara otomatis pengertian dan faham kita itu akan memberikan kekuatan dan daya untuk mengemukakan Islam kepada umat manusia dengan cara terbuka dan suara yang nyaring. Pengertian dan fahaman itu memberi keyakinan bahawa apa yang ada pada kita ialah kebenaran mutlak dan apa yang masih dipegang oleh manusia jahiliyah itu ialah kebatilan. Pengertian dan fahaman itu juga akan menimbulkan rasa kasihan kita melihat umat manusia yang sedang hidup di dalam kesesatan dan timbul rasa berkewajipan untuk mengajak dan membimbing mereka ke jalan kebenaran; akan timbul pula rasa simpati yang mendalam, yang menggamit kita untuk berusaha menyampaikan seruan hidayah Ilahi kepada mereka.

Kita jangan hanya cukup dengan usaha mendakwahkah Islam kepada umat manusia dengan cara berbisik-bisik sahaja dan jangan bersikap bertele-tele dalam menghentam syahwah dan konsep mereka yang menyeleweng itu. Kita mesti berterus terang memberitahu mereka dan mengatakan: "dasar jahiliyah yang tuan-tuan sedang hayati ini adalah najis dan, Allah hendak mensucikan tuan-tuan. Realiti hidup tuan-tuan adalah kotor maka Allah mahu membersihkannya. Mutu hidup tuan-tuan sangat rendah oleh sebab itu Allah hendak mengangkatnya. Tuan-tuan sekarang sedang hidup dalam penderitaan, kepicikan dan kesempitan, maka Allah mahu meringankan beban itu dan Islam akan mengubah konsep hidup tuan-tuan, realiti dan nilai tuan-tuan dan akan mengangkat darjat hidup tuan-tuan ke suatu taraf yang tuan-tuan tidak mungkin mencapainya melalui realiti hidup jahiliyah ini. Seandainya tuan-tuan tidak dapat mengerti tentang konsep ini kerana disekat oleh musuh-musuh Islam yang bekerja tidak berhenti-hentinya membanting tulang, menghalang dari wujudnya hidup cara Islam itu, maka ketahuilah bahawa kami telah dapat melihatnya melalui hati kami, terpahat indah melalui Al-Quran kami dan melalui sejarah dan konsep kami bagi menempuh zaman depan yang gemilang, yang tidak kami ragui sedikit pun.

Begitulah hendaknya kita katakan kepada umat manusia pada ketika kita mengemukakan Islam kepada mereka; kerana ini adalah suatu hakikat dan kerana inilah bentuk percakapan yang Islam mula-mula kemukakan kepada manusia dahulu, baik di Semenanjung Arabia, di Parsi atau di Roma! Dan di mana-mana sahaja Islam menyampai dakwahnya.

Islam mengemukakan konsep yang jelas kepada mereka, sebab tiada apa rahsia pun yang hendak disembunyikan oleh Islam terhadap semua peringkat umat manusia. Ia selalu bersikap terbuka dan berterus-terang. Ia berhadapan dengan umat manusia dengan menggunakan bahasa yang penuh cinta dan rasa kasih mesra; kerana bahasa seperti itu adalah secebis daripada hakikat yang tidak dapat dipisahkan daripada tabiat Islam. Islam akan memberitahu mereka bahawa tiada apa pun yang rahsia dan sulit (confidential) di dalam ajaran Islam, kerana memang

begitulah Islam itu. Islam tidak mengatakan kepada mereka bahawa ia hanya akan melakukan perubahan kecil sahaja di dalam kehidupan manusia itu, atau pun bahawa ia adalah sama dan serupa sahaja dengan sistem yang telah menjadi kebiasaan mereka, seperti banyak kedapatan zaman sekarang pada setengah kalangan orang tertentu yang telah berkata demikian di dalam menjalankan dakwahnya kepada umat manusia. Ada orang yang tidak segan-segan menyebut dan bercakap-cakap tentang DEMOKRASI ISLAM, SOSIALISME ISLAM dan ada pula yang tergamak mengatakan bahawa realiti ekonomi dan tata cara perundangan yang ada sekarang di dalam masyarakat jahiliyah itu tidak akan diapa-apakan oleh Islam, kalau ada perubahan pun hanya sebahagian kecil sahaja, dan berbagai-bagai cara pemalsuan dan pengeliruan terhadap hakikat Islam, yang dibuat secara berbisik bisik dan berpandukan hawa nafsu.

Bukan demikian halnya, sebab peralihan daripada suasana jahiliyah yang sedang mempengaruhi dunia sekarang kepada suasana Islam itu adalah suatu bentuk peralihan dan perpindahan yang sangat jauh jaraknya. Konsep hidup Islam adalah berlainan sama sekali dengan konsep hidup jahiliyah, baik dulu mahupun sekarang, bahkan untuk selama-lamanya. Penderitaan yang dialami oleh umat manusia di bawah belenggu sistem jahiliyah sekarang ini tidak dapat diubati dan diatasi dengan hanya mengadakan perubahan kecil sahaja. Umat manusia tidak akan dapat diselamatkan daripada bahana penderitaan itu kecuali melalui suatu proses pendedahan yang menyeluruh: mesti melalui suatu peralihan yang jauh jaraknya daripada realiti cara jahiliyah; iaitu peralihan daripada mematuhi konsep dan perundangan bikinan makhiuk yang lemah dan hina kepada konsep dan perundangan ciptaan KHALIQ yang gagah perkasa.

Ini adalah suatu hakikat; suatu hakikat yang mesti dimaklumkan kepada umat manusia dengan terbuka dan nyaring, supaya umat manusia tidak terbiar menderita kesengsaraan terus menerus.

Mungkin orang tidak berapa suka dan merasa keberatan menerima hakikat ini di peringkat permulaan, dan malah mungkin mereka akan mengejek dan mencemuhnya. Jangan merasa cemas dan gentar dengan sikap seperti itu. Dahulu pun umat manusia telah pernah bersikap seperti itu terhadap Islam. Waktu Nabi Muhammad SAW mula-mula mengetuk pintu hati kaumnya, konsep dan akidah Islam itu diejek orang, dinista pintu hati dicaci maki. Mereka marah dan memberontak kerana Muhammad SAW telah menghina konsep hidup mereka, telah memperkecilkan tuhan-tuhan bikinan tangan mereka, telah mencela realiti hidup mereka, telah meninggalkan adat resam mereka dan menghayati suatu bentuk kehidupan baru bersama beberapa kerat sahabatnya yang boleh dihitung dengan bitangan jari.

Tetapi apa telah berlaku kemudiannya? Ternyata umat manusia datang berduyun-duyun dan berbondong-bondong mendapatkan kebenaran ini, kebenaran yang dahulunya mereka ejek dan mereka maki hamun. Firman Allah:

كَأَنَّهُمْ حُمُرٌ مُّسْتَنفِرَةٌ (50) فَرَّتْ مِن قَسْوَرَةٍ (51)

Maksudnya: "Seolah-olah mereka itu keledai yang kabur dengan ketakutan. Yang lari dari singa."

(Al-Muddatststir: 50-51)

Kebenaran yang mereka musuhi habis-habisan dan mereka ganggu para penganutnya yang masih kecil jumlahnya di Mekah dan mereka datang memeranginya apabila ia mula mengorak jejak baru dan bertapak di Madina.

Dakwah ini tidak dimulakan di dalam suasana dan situasi yang lebih baik daripada suasana dan situasi yang ada sekarang. Ia tidak dihiraukan orang langsung pada hari-hari permulaannya. Ia terkurung di lorong-lorong gelap dan sempit Mekah sahaja dan terhad dalam kalangan orang bawahan dan miskin, jauh dari kalangan pembesar dan hartawan yang berpengaruh. Pada zamannya, ia merupakan suatu benda yang aneh pada selera orang ramai, tersisih dan tersepit antara dua gergasi dunia, empayar-empayar besar yang kesemuanya menentang konsep yang dibawanya.

Namun demikian dakwah ini cukup kuat, seperti ia kuat juga pada hari ini pun, dan akan tetap kuat juga besok dan sepanjang zaman sebab unsur-unsur kekuatan memang ada terpendam di dalam tabiat akidahnya sendiri. Sebab itulah ia mampu berjalan dan bergerak dalam keadaan alam dan iklim yang bagaimana buruk sekalipun. Rahsia kebenarannya tersembunyi dalam bentuk kesederhanaan yang menjadi asas bagi gerakannya. Kekuatannya juga tersembunyi di dalam tabiatnya yang selaras dengan fitrah dan juga tersembunyi di sebalik kemampuannya membirrbing umat manusia mendaki puncak kemajuan, dalam segenap peringkat hidup manusia, baik dalam tahap mana sekalipun manusia itu berada, balk di lapangan ekonomi, sosial dan kebudayaan. Rahsia kekuatan dan kejayaannya juga berpunca dari sikap berterus terang dalam menghadapi jahiliyah yang lengkap dengan segala kekuatan dan persenjataan. Tiada yang disembunyikannya walaupun setengah perkataan daripada konsep dan akidahnya. Ia tidak menghadapi jahiliyah dengan sikap orang yang minta dikasihani, ia tidak pernah mendodoi jahiliyah supaya ia terlena lalu memukulnya secara curi. Malah ia tetap menyuarakan kebenaran dengan nyaring di samping memberi kesedaran kepada manusia bahawa ia membawa kebajikan, rahmat dan berkat.

Allah yang menciptakan manusia Maha Mengetahui tentang tabiat pertumbuhan mereka dan isi hati mereka dan bagaimana pula hati itu mudah terbuka bila diketuk dengan suara kebenaran, apabila diajak dengan terus terang.

Sesungguhnya jiwa manusia itu memang mempunyai cukup persediaan untuk beralih daripada suatu keadaan kepada suatu keadaan, daripada memegang suatu konsep kepada suatu konsep yang lain; bahkan kadang-kadang lebih mudah ia beralih secara menyeluruh daripada beralih secara sedikit-sedikit, seperti juga

setengah jenis jentera itu lebih mudah di overhaul terus daripada hanya membetulkan sekeru-sekeru kecil sahaja. Memang ganjil sekali kalau perpindahan itu tidak dilakukan sekaligus, sebab tidak akan dapat membuat perubahan apa-apa; mungkin lebih baik bertahan atas sistem yang ada sahaja, yang sekurang-kurangnya sudah diketahui selok beloknya.

Kita dapati juga orang-orang tertentu yang mengemukakan Islam kepada umat manusia dalam bentuk menangkis serangan tertentu yang dihadapkan oleh pihak musuh. Di antara alasan yang mereka kemukakan ialah kononnya sistem-sistem moden sekarang itu tidak sedikit pun menyentuh keutuhan Islam dan tidak menjejaskan kesucian Islam dan Islam pun tidak akan mengubah suatu apa pun dari hasil tamaddun baru ini.

Suatu contoh sikap mempertahankan diri yang paling memalukan!

Islam tidak mengambil sandaran sedikit pun daripada sistem jahiliyah yang serba janggal itu. "Tamaddun" yang mengkagumkan banyak orang tidak lain daripada sistem jahiliyah itu sendiri, sistem yang terlalu rendah mutunya berbanding dengan Islam. Keadaan hidup yang lebih selesa di setengah negara jahiliyah tidak boleh dijadikan alasan untuk mengatakan bahawa sistem jahiliyah itu lebih baik daripada sistem Islam; sebab sesungguhnya kemunduran yang menimpa negara-negara yang dipanggil negara-negara Islam sekarang itu bukanlah kerana sistem Islam yang dipakai oleh negara itu, malah justeru kemunduran itu berpunca kerana negara-negara itu meninggalkan Islam, bukan kerana mereka menjadi orang yang menganut Islam. Islam tetap akan mengemukakan hujahnya; dengan mengatakan bahawa ia datang untuk mengubah realiti jahiliyah itu, bukan untuk mengukuhkannya dan ia datang untuk menarik umat manusia keluar dari kancah jahiliyah yang berselimutkan 'tamaddun'.

Kita janganlah menyerah kalah dan mengangkat bendera putih dengan cara mencari-cari dalih untuk membuat penyesuaian antara Islam dengan sistem sekular sekarang, juga dengan berbagai isme sesat yang tumbuh dari tapak semaian jahiliyah. Sekali kita menolak sistem jahiliyah maka terus menerus kita menolaknya dari mana sekalipun ia tumbuh di barat atau di timur. Kita menolaknya berdasarkan prinsip bahawa konsep kita sendiri lebih menjamin kebahagiaan umat manusia.

Bila kita mengemukakan hakikat ini kepada umat manusia di samping mengemukakan asas konsep Islam yang bercorak akidah, tentunya dasar fitrah umat manusia akan lebih mudah menerimanya dan lebih menarik mereka untuk terus berpindah terus dari konsep yang lama kepada konsep yang baru seluruhnya. Kita akan berada di pihak yang lemah kalau kita hanya menggamit mereka dengan mengatakan: marilah, sila tinggalkan sistem tuan-tuan yang telah ada untuk mengikut sistem kami yang belum dilaksanakan, sistem kami tidak akan menyentuh sistem tuan-tuan yang ada ini kecuali sedikit sahaja. Kalau kempen seperti ini kita kemukakan tentu mereka akan dapat menolaknya dengan mudah sahaja. Mereka boleh mengatakan: "kalau tiada perubahan besar terhadap sistem yang sedang kami amalkan sekarang, kami tidak perlu keluar dari sistem ini. Kami boleh mengubah-

suaikan sistem kami mengikut perkembangan zaman dan kami juga akan dapat menikmati perubahan seperti yang tuan impikan itu."

Cara ini bukanlah suatu cara yang tepat; tambah lagi cara ini bukanlah berkaitan dengan hakikat Islam sendiri. Hakikatnya ialah: Islam itu akan mengubah konsep dan tanggapan, seperti mana juga ia akan menukar wajah dan bentuk sistem dan realiti, dan seperti ia juga menukar bentuk undang-undang dan peraturan yang akan memisahkan semua pertalian dengan asas jahiliyah. Kesimpulannya: Islam membawa manusia pindah daripada mengabdikan diri kepada sesama hamba Allah kepada mengabdikan diri hanya kepada Allah sahaja. Firman Allah:

فَمَن شَاء فَلْيُؤْمِن وَمَن شَاء فَلْيَكْفُرْ

Maksudnya: "Barang siapa yang ingin beriman, biarlah dia beriman, dan barang siapa yang ingin kafir, biarlah dia kafir."

(Al-Kahfi: 29)

dan firman-Nya:

وَمَن كَفَرَ فَإِنَّ اللّه غَنِيٌّ عَنِ الْعَالَمِينَ

Maksudnya: "dan barang siapa yang kafir, maka Allah Maha Kaya (tidak memerlukan sesuatu) dari semesta alam."

(Aali Imran: 97)

Persoalan yang sebenarnya ialah persoalan kufur atau iman, syirik atau tauhid, jahiliyah atau Islam. Persoalan ini perlu jelas dan terang sebab sesungguhnya manusia itu bukan menjadi orang Islam - seperti yang mereka dakwakan - sedangkan mereka sedang menghayati hidup cara jahiliyah. Sekiranya di kalangan orang Islam sendiri pun ada orang yang rela menipu dirinya sendiri atau hendak menipu orang lain dengan cara memegang kepercayaan dan iktikad bahawa Islam itu boleh tegak bersama-sama dengan jahiliyah, maka dia bebas berbuat sesuka hatinya tapi sikap dia menipu atau tertipu itu tidak sedikit pun dapat mengubah hakikat yang sebenar, hakikat bahawa pegangan kepercayaan seperti itu bukanlah sesuai dengan Islam dan orang yang beriktikad begitu bukanlah orang Islam. Peranan dakwah sekarang ialah untuk menarik orang-orang yang "ketagih" jahiliyah itu ke pangkuan Islam dan membentuk mereka menjadi orang Islam semula.

Kita mendakwah umat manusia ke jalan Islam bukanlah dengan tujuan mencari sebarang upah dan tanda jasa, bukan juga untuk memancing pangkat dan bintang kebesaran. Kita tidak mengharapkan apa pun balasan untuk diri kita sendiri. Balasan dan upah kerja kita terletak di dalam tangan manusia. Hanya kita

mendakwah umat manusia ke jalan Islam justeru kerana kita cinta dan kasihkan mereka; juga kerana kita inginkan mereka beroleh kebajikan dan kebahagiaan; walaupun mereka menyakiti dan menganiayai kita dan malah memusuhi kita sebab itu sudah menjadi asam garam hidup bagi para pendakwah ke jalan Allah di sepanjang zaman. Layanan-layanan buruk yang kita terima itu tidak boleh menyebabkan kita merasa kecewa dan putus asa, malah akan menguatkan lagi azam kita bagi meneruskan perjalanan dan bergerak terus. Umat manusia wajib diberitahu tentang hakikat Islam itu, dan hakikat kewajipan mereka sendiri terhadap Islam, sebagai jalan untuk mereka beroleh kebajikan dan kebahagiaan yang pasti diberikan Islam kepada mereka. Begitu juga mereka perlu mengetahui pendapat kita mengenai hakikat jahiliyah yang sedang mereka hayati itu. Hakikat bahawa jahiliyah itu tetap jahiliyah dan tiada sebarang pertalian pun dengan Islam. Hakikat bahawa selain daripada undang-undang dan "syariat" Islam itu ialah undang-undang hawa nafsu; hakikat bahawa tiada alternatif lain bagi Islam yang merupakan "kebenaran" itu selain daripada "kesesatan. "

Tiada suatu apa pun di dalam Islam ini yang boleh menyebabkan kita merasa malu dan aib yang boleh menyebabkan kita merasa bahawa kita sentiasa berada di pihak yang mesti mempertahankan diri dari serangan. Di dalam Islam juga tidak ada soal yang perlu kita sampaikan secara berbisik-bisik dan senyap-senyap sahaja, ataupun kita harus merasa gerun, gugup dan gamam hendak mengemukakannya kepada umat manusia secara terus terang dan lantang; kerana sikap pengecut dan jiwa kecillah yang telah menyebabkan ada di antara kita orang yang cuba mencari-cari penyesuaian antara Islam dengan beberapa isme bikinan manusia, atau yang cuba menempelkan label "Islam" di samping hasil usaha-usaha "tamaddun" bikinan manusia.

Seandainya ada orang yang berpendapat bahawa Islam itu perlu dipertahankan dari serangan orang, atau Islam itu perlu dikemukakan mengikut selera orang, maka orang yang beranggapan seperti itu bukanlah seorang yang layak mengemukakan Islam kepada orang lain; sebab orang seperti itu sebenarnya orang yang telah kemasukan angin jahiliyah yang dihayatinya dan dia sedar bahawa jahiliyah itu sedang pincang dan perlu diubati. Orang-orang seperti inilah yang kerap merryerang Islam dan menjalankan usaha di kalangan para pencinta Islam supaya mencari jalan mempertahankan Islam; seolah-olah Islam itu menjadi seorang terdakwa yang terpaksa menjawab tuduhan di sidang pengadilan.

Sebahagian orang yang seperti inilah yang pernah berhadapan dengan kami - sebagai golongan kecil Islam (kumpulan Islam atau Islamic group) di Amerika beberapa ketika dahulu. Kebetulan pula ada di antara kami yang mengambil sikap mempertahankan diri sahaja dalam membela Islam. Tetapi saya sendiri telah mengambil sikap menyerang jahiliyah barat di dalam segenap aspek: iktikad kepercayaan agama yang longgar, realiti sosial, ekonomi dan moral yang pincang, konsep tiga tuhan (trinity), dosa keturunan Adam dan penebusan dosa oleh Al-Masih yang terang-terangan bertentangan dengan logik dan hati nurani sistem kapitalis yang berorientasikan riba dan pemerasan, faham individualisme dan sikap

cinta diri sendiri yang tidak dapat dikawal kecuali dengan kuat kuasa undang-undang, konsep hidup yang bertuhankan benda, kebebasan ala binatang yang mereka sebut "kebebasan bergaul", pasar lelong abdi yang mereka panggil "kebebasan wanita," beban-beban peraturan yang begitu pejal dan bertentangan dengan realiti di dalam sistem perkahwinan dan perceraian; perbezaan kaum dan warna kulit yang melampaui batas kemanusiaan dan lain-lain lagi keburukan dan kepincangan di dalam masyarakat Barat. Saya huraikan itu semua sambil membuat perbandingan dengan konsep Islam dan cara penyelesaian yang mampu Islam lakukan mengenai semua masalah itu mengikut logik.panduan Islam sendiri.

Inilah hakikat yang kami dapati di dalam realiti hidup masyarakat barat. Realiti yang memalukan seluruh penghuninya, seandainya hendak dianalisa mengikut kaca mata Islam. Tapi malangnya, ramai juga orang-orang - yang mendakwa diri mereka Islam ikut jatuh bergelumang najis di dalam takungan air jahiliyah itu, lalu mereka cuba pula menyeret Islam supaya ikut terlibat sama dengan kekotoran yang terdapat di barat ini, dan malah dengan kekotoran yang juga wujud di timur.

Dengan huraian di atas saya kira tidak perlu mengulangi ketegasan pendirian kita, sebab hal ini telah difahami dengan baik; tidak perlu saya ulangi sikap para pendakwah yang tidak boleh berjalan seiring dengan jahiliyah di dalam bidang konsep, di dalam bidang realiti dan di dalam bidang adat resam walau bagaimana berat pun tekanan yang menimpa kita.


Tugas utama kita ialah menempatkan konsep Islam dan adat resam Islam itu di tempat konsep dan adat resam jahiliyah. Tugas ini tidak akan dapat terlaksana dengan cara berjalan seiring dan berbimbingan tangan dengan jahiliyah itu, sekurang-kurangnya di peringkat pertama perjalanan kita, seperti yang dikhayalkan oleh setengah kita. Sebenarnya perbuatan seperti itu bererti menyerah kalah sebelum perlawanan dimulakan.

Sesungguhnya tekanan konsep dan realiti yang bercorak kemasyarakatan adalah merupakan suatu tekanan yang berat, terutama sekali di kalangan kaum wanita. Memang berat sekali pengaruh tekanan itu ke atas wanita Islam. Tetapi kita berpantang mundur. Pertama sekali kita perlu tetap dan tegas pendirian kemudian kita buktikan kebaikan dan kesucian Islam, supaya pihak jahiliyah dapat melihat betapa rendah dan betapa kotornya realiti mereka berbanding dengan kesucian dan kehormatan yang hendak kita tegakkan sebagai gantinya itu. Membuktikan kebaikan dan kesucian Islam itu tidak akan dapat dilakukan dengan cara berjalan seiring dengan pihak jahiliyah separuh jalan, kemudian kita menyisihkan diri, ataupun dengan cara kita memboikotnya langsung dan kita menyisihkan diri daripada masyarakat manusia. Yang lebih berkesan ialah bercampur dengan mereka dengan penuh waspada, memberi dan menerima secara terhormat, mengemukakan kebenaran secara tegas tapi harmonis sambil membuktikan ketinggian nilai iman dengan rendah hati; kemudian mengisi semua itu dengan cara yang sesuai dengan realiti: realiti bahawa kita sedang berada di dalam masyarakat jahiliyah, dan bahawa kita punya jalan sendiri yang lebih terang dan nyata daripada jalan jahiliyah dan

dengan ingatan bahawa jarak di antara jahiliyah dengan Islam itu masih jauh. Jarak itu terlalu jauh, dan jurangnya terlalu dalam; tiada titi yang dapat menghubungkan keduanya, yang boleh dijadikan tempat pertemuan di pertengahan jalan. Yang paling penting sekali ialah berpindahnya para penganut jahiliyah itu ke pangkuan Islam; sama ada para penganut jahiliyah itu terdiri daripada orang yang sedang menghuni negeri atau negara yang dinamakan sebagai negara Islam, ataupun dari kalangan orang yang menganggap diri mereka telah menjadi orang Islam, atau mereka tinggal di negara yang bukan "Islam"; mereka keluar meninggalkan jahiliyah itu jauh-jauh dan ikut menghayati nikmat Islam seperti kita, dan seperti yang kita sedang perjuangkan pelaksanaannya. Kalau tidak, tiada ucapan lain yang dapat diucapkan kepada mereka selain dari yang diarah oleh Allah kepada Rasulnya:

لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ

. . . untukmulah agamamu, dan untukkulah agamaku . . . (Al-Kaafirun 6)



KEAGUNGAN IMAN

وَلاَ تَهِنُوا وَلاَ تَحْزَنُوا وَأَنتُمُ الأَعْلَوْنَ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ

"Janganlah kamu bersikap lemah, dan janganlah kamu bersedih hati, pada hal kamulah orarg-orang yang paling tinggi darjatnya, jika kamu orang-orang yang beriman."

(Aali Imran: 139)

Masalah yang mula-mula sekali terlintas di dalam ingatan dengan membaca arahan Allah melalui ayat ini ialah masalah jihad dalam bentuk perang. Tetapi arahan ini sebenarnya mempunyai hakikat dan jangkauan yang lebih jauh lagi.

Arahan ini menggambarkan bagaimanakah mestinya sikap seseorang beriman itu terhadap segala sesuatu; bagaimanakah semestinya perasaan, konsep dan penilaiannya terhadap masalah-masalah, terhadap peristiwa-peristiwa dan juga terhadap individu manusia, pada keseluruhannya.

Arahan ini juga menggambarkan perasaan mulia dan agung, yang mestinya menjadi pegangan orang beriman di dalam menghadapi setiap kemungkinan; iaitu di dalam menghadapi setiap realiti, setiap nilai dan setiap orang manusia, perasaan mulia dan agung memegang iman dan nilainya yang mengatasi segala bentuk nilai yang datang dari sumber yang lain.

Perasaan agung dan mulia dalam menghadapi seluruh tenaga yang menyeleweng dari panduan iman, dalam menghadapi seluruh nilai yang tidak bersumberkan iman, menghadapi adat resam yang tidak berpandukan iman, menghadapi undang-undang yang tidak berorientasikan iman, dan menghadapi segala macam bentuk realiti yang tidak dihayati iman.

Perasaan agung dan mulia di dalam keadaan hidup masih lemah, pengikut masih kurang, wang masih kering itu sebenarnya sama sahaja bentuknya dengan perasaan agung dan mulia ketika sedang berada di puncak kekuatan, pengaruh dan kekayaan.

Rasa agung dan mulia yang tidak mengenal mundur bila berhadapan dengan kekuasaan yang ganas, dengan tradisi sosial yang pincang, dengan perundangan yang batil dan dengan realiti yang popular dan disukai masyarakat, tapi bertentangan dengan konsep iman.

Sikap padu dan teguh di dalam berjihad, adalah merupakan sebahagian dari rasa agung dan mulia yang dimaksudkan oleh arahan Ilahi di atas.

Perasaan agung dan mulia memegang iman itu bukanlah bererti keazaman yang mutlak, yang hanya membuak di dalam hati sahaja, atau bererti semangat berkobar-kobar tak menentu, atau sikap hangat-hangat tahi ayam; tetapi ia sebenarnya bererti rasa agung dan mulia berdasarkan kebenaran hakiki kebenaran yang sebati dengan tabiat alam. Kebenaran yang tetap hidup walaupun dicabar deh kekuatan, oleh konsep dan realiti. Kebenaran atau "hak" yang bersambung dengan Allah Yang Maha Hidup dan tidak mengenal mati.

Setiap masyarakat itu memang mempunyai cara berfikir sendiri, memang mempunyai adat resam sendiri, yang sangat berpengaruh; memang juga mempunyai nilai-nilai yang sukar ditentang; nilai-nilai yang menekan setiap anggota masyarakat supaya terikat dengannya. Cara berfikir, adat resam dan nilai itu menekan setiap orang yang tidak mempunyai persediaan yang kukuh. Begitu juga setiap konsep yang sedang berakar tunjang di dalam masyarakat, memang mempunyai ikatan yang kukuh dan kuat, yang sukat dikikis tanpa dihadapi dengan suatu konsep yang kebal, yang dicedok dari sumber Ilahi.

Setiap orang yang menentang arus masyarakat, yang menentang cara berfikir masyarakat, menentang adat resam, nilai hidup, fikiran konsepnya, menentang penyelewengannya, tentunya akan merasa tersisih dan sedih hati kalau dia tidak berpegang kepada dahan yang lebih kukuh dari manusia itu sendiri, lebih teguh daripada bumi dan lebih agung daripada hidup itu sendiri. Kerana Allah pasti tidak akan membiarkan orang yang beriman keseorangan menghadapi tekanan, kesepian menanggung beban yang berat itu; oleh kerana itulah arahan seperti ini diturunkan:

وَلاَ تَهِنُوا وَلاَ تَحْزَنُوا وَأَنتُمُ الأَعْلَوْنَ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ

"Janganlah kamu bersikap lemah, dan janganlah kamu bersedih hati, pada hal kamulah orarg-orang yang paling tinggi darjatnya, jika kamu orang-orang yang beriman."

(Aali Imran: 139)

Arahan seperti ini datang untuk menghadapi rasa lemah dan dukacita (sedih) iaitu dua jenis perasaan yang selalu menghayati perasaan tiap orang yang menjalankan tugas-tugas dakwah ke jalan kebenaran; menghadapinya dengan rasa agung dan mulia di samping bersabar dan teguh memegang pendirian; rasa bangga yang tercetus dari hati orang yang berjiwa besar, orang yang tak gentar menghadapi ujian hidup. Orang yang tidak gentar menghadapi kezaliman yang sedang berkuasa dan realiti hidup yang sedang berpengaruh, juga majoriti manusia yang lebih memihak kepada yang sesat.

Sesungguhnya orang yang beriman itulah orang yang paling tinggi darjatnya, paling tinggi darjat tempat pergantungannya. Apakah nilai dunia seluruhnya, manusia sekaliannya, nilai yang besar pengaruhnya, dan pandangan-pandangan hidup manusia sedangkan dia menatang-terima tugasnya daripada Allah dan akan melaporkan hasilnya di hadapan Allah dan dia menghayati program Allah?

Orang beriman itulah orang yang paling mulia fahamannya, paling mulia konsepnya terhadap hakikat wujud dan hakikat keimanan kepada Allah Yang Maha Agung di dalam bentuk yang dibawa oleh Islam; itulah konsep yang paling lengkap untuk mencapai hakikat yang agung. Seandainya dibandingkan syariat dan pegangan hidup orang beriman itu dengan kemajuan ilmu pengetahuan umat manusia sejak zaman purbakala hinggalah ke zaman moden ini maka

perbandingannya tak ubah seperti coretan seorang kanak kanak kecil atau lukisan seorang buta dibandingkan dengan lukisan karya pelukis agung berkalibar antara bangsa.

Pendek kata orang beriman itulah orang yang paling tinggi darjatnya, yang paling mulia dan agung dari segi: konsep, dari segi hati nurani dan perasaan, dari segi syariat dan sistem hidup, kerana dia menatang terima dan mencedok semuanya itu daripada Allah SWT Pencipta alam semesta.

Demikianlah halnya orang-orang Islam generasi pertama dahulu menghadapi harimau kertas kuasa-kuasa saduran dan pandangan hidup yang memeras keringat tenaga manusia serta konsep jahiliyah yang besar pengaruhnya ketika itu jahiliyah yang tidak dimiliki oleh suatu zaman tertentu sahaja, tapi menjadi masalah setiap zaman, di mana sahaja masyarakat itu menyeteweng daripada garis panduan Islam.

Demikian juga halnya Al-Mughirah bin Syu'bah r.a. telah berhadapan dengan teguhnya memberi penjelasan tentang konsep Islam terhadap jahiliyah sewaktu beliau berada di dalam khemah Rustam, Panglima tentera Parsi di medan perang Qadisiyah. Kejadian yang berlaku itu adalah seperti ini:

Abu Osman An-Nahdi telah menceritakan: bila Al-Mughirah tiba di Qantarah, beliau pun terus menyeberang sungai dengan tujuan hendak berjumpa dengan orang Parsi yang mengajak beliau berunding. Setelah beliau sampai maka orang-orang (pegawai-pegawai tentera) Parsi pun menyuruh beliau duduk dan meminta kebenaran Rustam untuk berjumpa dengan beliau. Orang-orang Parsi itu tidak mengubah suatu apa pun, baik pakaian dan tempat tinggal mereka serta lambang kebesaran kerajaan mereka, sebagai bukti bahawa mereka tidak merasa gentar menghadapi tentera Islam. Al-Mughirah masuk ke dalam khemah Panglima itu, sedangkan orang Parsi tidak menunjukkan sebarang perubahan sikap. Mereka masih berpakaian yang indah-indah dengan memakai topi berbentuk mahkota, baju-baju yang bersulam emas. Hamparan permaidani pun begitu indah dan hebat; Al-Mughirah masuk terus ke dalam khemah itu melalui permaidani yang terhampar indah hingga beliau sampai ke kerusi besar tempat duduk Rustam, lalu terus sahaja duduk di atas kerusi besar itu. Sikap dan kelakuan Al-Mughirah itu telah menimbulkan kemarahan pegawai-pegawai Parsi; lalu mereka menerpa ke arahnya sambil mengheretnya turun dari kerusi itu dengan sikap sombong dan angkuh dan dengan caci maki dan sumpah seranah. Melihat dan mengalami layanan seperti ini Al-Mughirah pun menjawab cacian mereka dengan mengatakan: "Mengikut berita dan khabar yang sampai kepada kami, tuan-tuan semua ini orang baik-baik, berbudi bahasa dan beradab, tapi kenapanya setelah melihat sendiri tahulah saya bahawa tidak ada satu bangsa pun yang lebih biadab daripada kamu. Kami orang Arab adalah bersaudara dan tidak ada sifat pengabdian diri kepada sesama manusia, kecuali di dalam saat peperangan: Sebelum ini saya sendiri pun menyangka bahawa kamu juga seperti kami, saling hormat menghormati dan berkasih mesra. Sebenarnya lebih baik kamu ceritakan berterus terang kepadaku bahawa segolongan daripada kamu menjadi Tuhan bagi golongan yang lain; lebih baik kamu berterus terang seperti itu daripada kamu melakukan perbuatan biadab terhadapku seperti

tadi, dan lebih baik kamu beritahu terlebih dahulu bahawa perbuatan seperti yang aku lakukan tadi tidak boleh dilakukan di tempat kamu. Sebab sesungguhnya bukanlah aku yang sengaja memandai-mandai mencari kamu untuk minta berunding; tapi kamulah yang telah menjemput aku datang ke mari. Sekarang tahulah aku bahawa kamu sedang dalam keadaan kacau bilau dan kucar-kacir dan aku suciah dapat pastikan bahawa kamu akan kalah di dalam pertempuran dengan kami; sebab tiada seorang pun raja atau pemerintah yang boleh tahan lama dan menang dengan memakai cara hidup seperti ini."

Lihatlah pula bagaimana sikap Rab'a bin Amir dan kawan-kawannya di hadapan Rustam menjelang pertempuran di medan Qadisiyah:

Saad bin Abi Waqqas, Panglima tentera Islam dalam perang Qadisiyah telah menghantar Rab'a bin 'Amir sebagai utusannya mengadap Rustam, panglima tentera Parsi, yang juga seorang anak raja Parsi. Lalu Rab'a pun masuk ke dalam bilik pejabat Rustam yang dihias begitu cantik, dengan bantal baldu bersulam dan hamparan permaidani yang indah. Rustam sendiri pula kelihatan memakai pakaian kebesaran bertatah berlian dan mahkota di kepalanya, sambil duduk di atas katil emas. Rab'a masuk dengan berpakaian biasa sahaja, dari kain yang kasar dan bersenjatakan sebuah perisai. Beliau menunggang kudanya terus ke dalam majlis perjumpaan dengan Rustam itu hingga sampai terus ke atas hamparan permaidani; lalu beliau turun dan mengikat kudanya di tepi bantal dan tilam berlapis itu sambil datang ke hadapan Rustam dengan membawa senjata dan bertopi besi. Tetapi pegawai dan pengawal-pengawal Rustam mengherdiknya dan menyuruh beliau meletakkan senjatanya. Beliau pun membantah: "Bukan aku yang minta datang ke mari, tapi kamulah yang menjemput kami. Kalau kamu beri kebebasan kepadaku membawa senjata bolehlah aku tinggal di sini; kalau tidak biarlah aku pulang sahaja." Lalu Rustam pun mengarahkan pengawalnya supaya membiarkan sahaja beliau membawa senjata seperti yang dimintanya. Lalu beliau pun masuk dan duduk sambil bertongkatkan lembing tajamnya di atas tilam empuk, sampai tembus berlubanglah tilam-tilam itu. Kemudian Rustam pun bertanya: "Apakah puncanya tuan-tuan datang berperang dengan kami?" Rab'a pun menjawab dengan tegas: "Allah telah mengutus kami untuk menarik keluar sesiapa sahaja yang dikehendaki-Nya daripada pengabdian kepada sesama hamba Tuhan kepada pengabdian kepada Allah sahaja, dari kesempitan dunia kepada keselesaan hidup dunia dan akhirat, juga dari kezaliman agama-agama lain kepada keadilan agama Islam."

Keadaan selalu berubah, musim silih berganti dan sekarang si Muslim menjadi orang yang dikalahkan di dalam perjuangan, tapi perasaan agung dan mulia mesti tetap menghayatinya, tetap menyala di dalam dadanya, tetapi menjiwai keyakinannya. Selama iman di dadanya belum luntur dan keyakinannya belum pudar, dia tidak akan merasa dirinya rendah melihat kejayaan orang yang menang dan tidak silau menyaksikan sikap angkuh pihak yang berkuasa. Dia tetap yakin bahawa kekalahan yang dialaminya adalah untuk sementara sahaja dan saat kemenangan akidah lambat laun akan tiba juga. Walau bagaimana gamat sekalipun keadaan, mujahid iman pantang melutut kepada pihak yang batil. Dia yakin bahawa

seluruh manusia akan mati. Pejuang kebatilan pun akan mati juga walaupun mereka menang di dunia yang fana ini. Nilai kematian pejuang iman dan pejuang kebatilan jauh sekali bezanya. Pejuang iman mati syahid dan kembali ke pangkuan Tuhannya; sedang pejuang kebatilan mati hina dan terus dihumban ke neraka. Pejuang iman sentiasa mendengarkan seruan Tuhannya:

لاَ يَغُرَّنَّكَ تَقَلُّبُ الَّذِينَ كَفَرُواْ فِي الْبِلاَدِ (196) مَتَاعٌ قَلِيلٌ ثُمَّ مَأْوَاهُمْ جَهَنَّمُ وَبِئْسَ الْمِهَادُ (197) لَكِنِ الَّذِينَ اتَّقَوْاْ رَبَّهُمْ لَهُمْ جَنَّاتٌ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا الأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا نُزُلاً مِّنْ عِندِ اللّهِ وَمَا عِندَ اللّهِ خَيْرٌ لِّلأَبْرَارِ (198)

Maksudnya: "Jangan sekali-kali kamu terpedaya oleh kebebasan orang-orang kafir bergerak di dalam negeri. Itu hanyalah kesenangan sementara, kemudian tempat tinggal mereka ialah jahannam, dan Jahannam itu adalah tempat yang seburuk-buruknya. Akan tetapi orang-orang yang bertakwa kepada Tuhannya, baqi mereka syurga yang mengalir sungai-sungai di bawahnya sedang mereka dalamnya sebagai tempat tinggal, anugerah dari sisi Allah. Dan apa yang di sisi Allah adalah lebih baik bagi orang yang berbakti."

(Aali Imran: 196-198)

Walaupun masyarakat itu dikuasai oleh akidah, konsep, nilai dan realiti yang bertentangan dengan akidahnya, dia masih terus juga memelihara perasaan agung dan mulia dan memandang masyarkat itu dengan pandangan kasihan dan dia masih terus berazam untuk membimbing masyarakat itu ke arah kebenaran.

Biarpun kebatilan sedang popular, suaranya didengar dan dipatuhi; namun orang beriman tetap memandangnya melalui kaca matanya sendiri; dia tetap memandang yang batil itu tetap batil. Dia pasti akan mempertajam azamnya untuk berusaha menggantikan kebatilan itu dengan kebenaran, dan membebaskan masyarakat dari belenggu kebatilan itu.

Ketika masyarakat sedang tenggelam di dalam lubuk hawa nafsu, sedang bangga dengan beraneka ragam maksiat dan hiburan, sedang bergelumang dosa dan noda; si mukmin menyaksikan semuanya dengan tenang dan penuh azam untuk mengubah keadaan itu dan untuk menyelamatkan anggota-anggota masyarakat dari bahana itu dan membawa mereka ke jalan selamat, jalan yang diridai oleh Allah.

Setiap orang beriman yang berpegang teguh dengan ajaran agamanya akan berkeadaan seperti seorang yang menggenggam bara, dalam sebuah masyarakat songsang yang tidak menghiraukan agama, yang tidak mengenal erti kemuliaan yang hakiki, tidak menilai kesucian dan kebersihan. Walau semua orang mengejeknya, mempersendanya namun orang beriman tidak merasa hampa dan kecewa melihat sikap seperti itu. Dia akan menjawab ejekan dan sendaan itu dengan

menggunakan jawapan orang-orang terdahulu darinya, yang telah menerima nasib sepertinya: iaitu jawapan Nabi Nuh kepada kaumnya:

إِن تَسْخَرُواْ مِنَّا فَإِنَّا نَسْخَرُ مِنكُمْ كَمَا تَسْخَرُونَ

Maksudnya: "Jika kamu mengelek kami, maka sesungguhnya kami pun mengejekmu seperti kamu sekaliannya mengejek kami."

(Hud: 38)

Terpampang di matanya pemandangan pawai yang terang gemerlapan bagi perjalanan kebenaran, seperti juga terpampang di hadapan matanya ke mana sudahnya perbarisan kafilah kebatilan yang gelap pekat; melalui firman Ilahi:

إِنَّ الَّذِينَ أَجْرَمُوا كَانُواْ مِنَ الَّذِينَ آمَنُوا يَضْحَكُونَ (29) وَإِذَا مَرُّواْ بِهِمْ يَتَغَامَزُونَ (30) وَإِذَا انقَلَبُواْ إِلَى أَهْلِهِمُ انقَلَبُواْ فَكِهِينَ (31) وَإِذَا رَأَوْهُمْ قَالُوا إِنَّ هَؤُلَاء لَضَالُّونَ (32) وَمَا أُرْسِلُوا عَلَيْهِمْ حَافِظِينَ (33) فَالْيَوْمَ الَّذِينَ آمَنُواْ مِنَ الْكُفَّارِ يَضْحَكُونَ (34) عَلَى الْأَرَائِكِ يَنظُرُونَ (35) هَلْ ثُوِّبَ الْكُفَّارُ مَا كَانُوا يَفْعَلُونَ (36)

Maksudnya: "Sesungguhnya orang-orang yang berdosa, adalah mereka dahulunya mentertawakan orang-orang yang beriman. Dan apabila orang-orang yang beriman itu lalu di hadapan mereka, mereka saling mengerdipkan matanya. Dan apabila orang-orang berdosa itu kembali kepada kaumnya, mereka kembali dengan gembira. Dan apabila mereka melihat orang-orang mukmin, mereka mengatakan: "Sesungguhnya mereka itu benar-benar orang yang sesat." Pada hal orang-orang yang berdosa itu tidak dikirim untuk menjadi penjaga bagi orang-orang mukmin. Maka pada hari ini orang-orang yang beriman mentertawakan orang-orang kafir. Mereka duduk di atas katil bertilam sambil memandang. Sesungguhnya orang-orang kafir itu telah diberi ganjaran terhadap apa yang dahulu mereka kerjakan."

(Al-Mutaffifin: 29-36)

Memang sejak dari dahulu lagi Al-Quran telah menceritakan kepada kita tentang apa yang dikatakan oleh orang-orang kafir kepada orang-orang beriman:

وَإِذَا تُتْلَى عَلَيْهِمْ آيَاتُنَا بَيِّنَاتٍ قَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لِلَّذِينَ آمَنُوا أَيُّ الْفَرِيقَيْنِ خَيْرٌ مَّقَامًا وَأَحْسَنُ نَدِيًّا

Maksudnya: "Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat Kami yang terang maksudnya, nescaya orang-orang yang kafir berkata kepada orang-orang yang beriman: "manakah di antara kedua golongan [kafir dan mukmin] yang lebih baik tempat tinggalnya dan lebih indah tempat pertemuannya?"

(Maryam: 73)

Ya ... yang manakah satu lebih baik? Apakah golongan pembesar dan hartawan yang tak percayakan Muhammad itu? Atau golongan lemah dan miskin yang selalu mengerumuninya? Golongan yang mana? Apakah golongan An-Nadhru bin Al-Harith, Amru bin Hisyam, Al-Walid bin Al-Mughirah, dan Abu Sufyan bin Harb? Ataupun Bilal, Ammar, Suhaib dan Khabbab? Manakah yang Iebih baik: Orang-orang yang menerima dakwah Muhammad lalu diikutinya; tapi mereka semuanya orang-orang kecil yang tidak disegani oleh masyarakat Quraisy. Tempat mereka berkumpul pun hanya sebuah rumah kecil sahaja seperti rumah Al-Arqam ataupun musuh mereka yang selalu mengadakan pertemuan di gedung-gedung besar dan indah, tambah lagi mereka adalah orang besar, berkuasa dan berpengaruh pula. Mana satu yang lebih baik?

Inilah logik dunia, logik orang-orang yang tertutup mata hatinya dari hubungan dengan kemuliaan hakiki di setiap generasi dan di setiap tempat. Sesungguhnya menjadi tanda bahawa Allah bersifat Maha Bijaksana dengan mentakdirkan bahawa menegakkan akidah itu biasanya boleh berhasil dalam suasana yang sederhana, tanpa perhiasan dan kulit luar yang berkilauan dan tidak memakai daya penarik yang palsu, tidak mendapat perlindungan dari pihak berkuasa, tidak boleh menawarkan sebarang keselesaan kepada sesiapa pun dan tidak mampu menawarkan sebarang jaminan apa pun. Yang ada padanya hanyalah kesungguhan dan ketabahan hati, kesanggupan menanggung susah dan derita, dan perasaan rela dan cinta mati syahid. Akidah ini boleh dianuti oleh siapa sahaja yang rela menganutnya dengan penuh keyakinan bahawa dia menganut akidah ini kerana Allah semata-mata bukan kerana manusia, bukan kerana sesuatu kepentingan yang dikejarnya. Manakala orang-orang yang gilakan kedudukan dan pangkat, orang yang cinta harta wang dan kemewahan dunia, boleh menolak dan meninggalkannya. Demikian juga orang yang lebih memihak kepada nilaian manusia daripada nilaian Allah.

Sesungguhnya orang beriman tidak akan mencedok nilai dan pegangan hidupnya daripada sesama umat manusia kerana dia mencedoknya daripada Allah sahaja; Tuhan yang menjadi penjamin dan pelindungnya. Dia tidak rela mencedok sesuatu daripada sesama manusia kerana yang demikian bererti menjerumuskan dirinya ke lembah kehinaan dan menjadikan dia pengikut hawa nafsu. Dia hanya akan menimba: segala sesuatu daripada Allah sahaja sebagai sumber yang hakiki. Oleh kerana demikianlah sikapnya maka dia tidak merasa dukacita dan lemah sedikit pun. Perlu apa dia merasa dukacita dan lemah, sedang dia mempunyai hubungan dan kontak langsung dengan Tuhannya sendiri?

Dia selamanya tetap mempertahankan kebenaran, sebab tiada yang lain lagi sesudah kebenaran itu kecuali kesesatan. Biarlah kesesatan mempunyai kekuatan dan kekuasaan, biarlah ia mempunyai majoriti pergikut yang besar, biarlah, sebab itu semua tidak akan berupaya mengubah kebenaran itu menjadi kesesatan dan kebatilan. Setiap orang beriman pasti tidak akan memihak kepada yang sesat walaupun bagaimana ujian yang datang dan walau apa juga risikonya.

Firman:

رَبَّنَا لاَ تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِن لَّدُنكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنتَ الْوَهَّابُ (8) رَبَّنَا إِنَّكَ جَامِعُ النَّاسِ لِيَوْمٍ لاَّ رَيْبَ فِيهِ إِنَّ اللّهَ لاَ يُخْلِفُ الْمِيعَادَ (9)

Maksudnya: "Ya Tuhan kami, janganlah Engkau jadikan hati kami condong kepada kesesatan sesudah Engkau beri petunjuk kepada kami dan kurniakanlah kepada kami rahmat dari sisi Engkau kerana sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Pengurnia. Hai Tuhan kami sesungguhnya Engkaulah mengumpulkan manusia untuk menerima pembalasan pada hari yang tak ada keraguan padanya. Sesungguhnya Allah tidak menyalahi janji."

(Aali Imran: 8-9)

هذا هو الطريق

INILAH JALANNYA

وَالسَّمَاء ذَاتِ الْبُرُوجِ (1) وَالْيَوْمِ الْمَوْعُودِ (2) وَشَاهِدٍ وَمَشْهُودٍ (3) قُتِلَ أَصْحَابُ الْأُخْدُودِ (4) النَّارِ ذَاتِ الْوَقُودِ (5) إِذْ هُمْ عَلَيْهَا قُعُودٌ (6) وَهُمْ عَلَى مَا يَفْعَلُونَ بِالْمُؤْمِنِينَ شُهُودٌ (7)

وَمَا نَقَمُوا مِنْهُمْ إِلَّا أَن يُؤْمِنُوا بِاللَّهِ الْعَزِيزِ الْحَمِيدِ ﴿8﴾ الَّذِي لَهُ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ ﴿9﴾ إِنَّ الَّذِينَ فَتَنُوا الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَتُوبُوا فَلَهُمْ عَذَابُ جَهَنَّمَ وَلَهُمْ عَذَابُ الْحَرِيقِ ﴿10﴾ إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَهُمْ جَنَّاتٌ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ ذَلِكَ الْفَوْزُ الْكَبِيرُ ﴿11﴾ إِنَّ بَطْشَ رَبِّكَ لَشَدِيدٌ ﴿12﴾ إِنَّهُ هُوَ يُبْدِئُ وَيُعِيدُ ﴿13﴾ وَهُوَ الْغَفُورُ الْوَدُودُ ﴿14﴾ ذُو الْعَرْشِ الْمَجِيدُ ﴿15﴾ فَعَّالٌ لِّمَا يُرِيدُ ﴿16﴾

Maksudnya: "Demi langit yang mempunyai gugusan bintang. Dan hari yang dijanjikan: Dan yang menyaksikan dan yang disaksikan. Telah dibinasakan orang-orang yang membuat parit. Yang berapi [dinyalakan dengan] kayu bakar. Ketika mereka duduk di sekitarnya. Sedang mereka menyaksikan apa yang mereka perbuat terhadap orang-orang yang beriman. Dan mereka tidak menyeksa orang-orang mukmin itu melainkan kerana orang-orang mukmin itu beriman kepada Allah Yang Maha Perkasa lagi Maha Terpuji. Yang mempunyai kerajaan langit dan bumi; dan Allah Maha Menyaksikan segala sesuatu. Sesungguhnya orang-orang yang mendatangkan cubaan [fitnah] kepada orang-orang Mukmin laki-laki dan perempuan kemudian mereka tidak bertaubat, maka bagi mereka azab jahanam dan bagi mereka azab neraka yang membakar. Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal-amal yang salih bagi mereka syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai; itulah keberuntungan yang besar. Sesungguhnya azab Tuhanmu benar-benar keras. Sesungguhnya Dialah yang menciptakan makhluk dari permulaan dan menghidupkannya kembali. Dialah Yang Maha Pengampun lagi Maha Pengasih. Yang mempunyai singgahsana, lagi Maha Mulia. Maha Kuasa berbuat apa yang dikehendaki-Nya."

(al Buruuj: 1-16)

Sesungguhnya kisah penggali parit (Ashabul ukhdud) bagaimana yang digambarkan di dalam surah Al-Buruj ini sangat mustahak direnungi dan diperhati oleh orang beriman yang menghayati dakwah ke jalan Allah di segenap tempat dan generasi. Cara Al-Quran mengemukakan kisah ini dengan gaya bahasa yang mengandung muqaddimah, latar belakang, huraian dan ulasan serta pengesahan dan arahan-arahan. Ini memberi erti bahawa Al-Quran membuat garis panduan mengenai bentuk dan corak dakwah ke jalan Allah mengenai peranan umat manusia dalam melaksanakan dakwah itu, dan risiko yang mungkin melanda jalannya dakwah itu - yang sememangnya mempunyai lapangan dan arena yang amat luas; lebih luas daripada muka bumi dan lebih luas daripada jangkauan kehidupan di dunia. Al-Quran juga memberikan garis panduan untuk orang beriman di samping memberikan bahan persediaan bagi mempertaruhkan jiwa raga mengikut takdir Allah yang azali dan mengikut hikmah kebijaksanaan Allah di alam ghaib.

Kisah ini adalah sebenarnya merupakan kisah kemurnian iman satu golongan manusia, yang rela menerima ujian dari pihak musuh mereka yang durjana dan

garang. Musuh yang sanggup menginjak-injak kebebasan "manusia untuk menganut iktikad kebenaran dan untuk terus hidup menghayati iman kepada Allah Yang Maha Perkasa lagi Maha Terpuji." Mereka rela mati syahid mempertahankan iman mereka, walaupun mereka terpaksa menjadi bahan ketawa bagi orang-orang durjana itu, sambil bersorak-sorai menyaksikan pesta membakar manusia secara hidup-hidup.

Iman yang hidup menyala di dalam hati golongan ini telah berhasil mengalahkan ujian itu dan memenangkan pilihan akidah ke atas pilihan ingin hidup terus di dunia yang fana ini. Hati mereka tidak berubah dengan ugutan musuh-musuh dan tidak berganjak menghadapi seksaan yang membawa maut, tidak rela menukar prinsip hidup dengan kemusnahan akidah; lebih rela mati dibakar api dari hidup bercerminkan bangkai...

Hati mereka telah berhasil membebaskan dirinya daripada belenggu rasa cita hidup, hati yang tidak boleh dipermainkan oleh bujukan syaitan. Hati yang rela menerima kedatangan maut, yang dahsyat kelihatannya. Hati yang lepas bebas dari sebarang belenggu "dunia" dan segala jenis godaannya, dan telah memilih kemenangan akidah atas segala-galanya.

Berhadapan dengan hati orang-orang beriman yang berbudi tinggi dan mulia itu, di sana adalah hati-hati yang pejal membatu, yang ganas dan tidak mengenal budi, mereka mengelilingi parit yang dipenuhi nyala api, menyaksikan betapa mereka mengazab dan menyeksa orang-orang beriman, menyaksikan pesta pembakaran manusia hidup-hidup. Setiap kali seorang pemuda atau teruna, setiap kali bagi orang dewasa, setiap kali kanak-kanak atau orang tua dari golongan beriman yang baik dan mulia dicampakkan ke dalam nyala api, setiap kali pulalah sorak berderai, ketawa yang menggila dan hilai yang penuh dendam dan benci.

Peristiwa kejam dan menyayat hati yang dilakukan oleh manusia durjana itu, pembunuhan beramai-ramai yang menyeramkan bulu roma, melebihi kekejaman binatang buas; sebab binatang buas membunuh mangsanya untuk dimakan, bukan sekadar untuk ditonton dan dihilai ketawakan di dalam pesta.

Peristiwa ini adalah suatu peristiwa yang membuktikan betapa tingginya nilai roh orang-orang beriman; juga menggambarkan betapa tenangnya roh yang suci itu naik ke syurga mengadap Tuhannya.

Mengikut perhitungan duniawi, nampaklah bahawa kedurjanaan telah dapat mengalahkan keimanan. Nampak juga bahawa keimanan yang begitu tinggi nilainya, yang terpahat begitu kukuh dan terukir begitu indah di dalam hati manusia pilihan itu, seakan-akan tiada nilainya dan tiada hitungan markahnya di dalam pertarungan antara keimanan dan kedurjanaan.

Kebetulan pula ayat-ayat mengenai peristiwa ini tidak menyebut bagaimanakah nasib orang-orang penggali parit itu di atas dunia ini sesudah mereka melakukan perbuatan yang kejam ini. Apakah tindak-balas Allah ke atas

mereka. Adakah Allah mengambil tindak balas seperti tindak balasnya ke atas kaum-kaum Nabi Nuh, Nabi Hud, Nabi Saleh, Nabi Syu'ib dan juga Nabi Lut, ataupun Tuhan membalas mereka seperti balasan yang menimpa Firaun dan kaumnya.

Memanglah dalam pandangan mata kasar, peristiwa pembunuhan beramai-ramai dengan cara membakar hidup-hidup semua orang beriman itu sangat menyedih dan memilukan.

Adakah benar bahawa persoalan ini berlalu begitu sahaja dan kisah golongan beriman yang dibunuh hidup-hidup di dalam api yang membakar ini hilang begitu sahaja ditelan zaman? Adakah cukup dengan sekadar menyebutkan bahawa mereka berhasil mencapai puncak iman sahaja? Hilang membawa kenangan dahsyat mati terkapai menjadi mangsa api yang ganas dalam parit yang digali oleh orang-orang durjana itu; sedangkan golongan itu dibiarkan tanpa sebarang balasan di dunia ini juga.

Memanglah mengikut perhitungan kasar duniawi, peristiwa ini menggariskan suatu rasa hampa dan kecewa terhadap peristiwa yang malang ini.

Tetapi Al-Quran mengajarkan sesuatu yang lain, untuk difahami oleh orang-orang beriman. Al-Quran membongkar suatu hakikat yang lain; iaitu hakikat nilai yang menjadi neraca pertimbangan dan hakikat perjuangan yang pasti ditempuh oleh orang-orang beriman.

Kehidupan dunia yang dibumbui oleh berbagai-bagai jenis keadaan dan suasana: berupa kelazatan, keseronokan, kesakitan, kebahagiaan beroleh suatu, kekecewaan kehilangan sesuatu, bukanlah merupakan nilai yang paling mahal di dalam neraca pertimbangan. Kehidupan dunia lahiriah ini bukanlah merupakan faktor yang boleh menentukan nilai menang atau kalah, untung atau rugi. Kemenangan hakiki bukanlah selama-lamanya bererti kemenangan lahiriah, yang nampak dipandang oleh mata kasar; sebab kemenangan yang nampak disaksikan oleh mata kasar dan panca indera lahir itu adalah hanya salah satu bentuk kemenangan sahaja, sedangkan kemenangan itu memang banyak sekali bentuknya.

Sesungguhnya nilai yang paling berharga di dalam neraca Allah SWT ialah nilai akidah; sesuatu yang paling laris di pasaran Allah ialah iman. Kemenangan yang paling bernilai di sisi Allah ialah kemenangan roh atas kebendaan, kemenangan akidah menghadapi sakit dan sengsara, kemenangan iman menempuh badai fitnah. Di dalam kisah pembunuhan beramai-ramai di dalam unggun api, yang kita perbincangkan ini, nyata sekali kemenangan orang-orang beriman itu mengalahkan perasaan takut dan sakit; kemenangan mengatasi godaan-godaan duniawi, kemenangan menghadapi fitnah, kemenangan kehormatan umat manusia di sepanjang zaman. Inilah kemenangan sejati!

Semua manusia pasti mati, walaupun sebab dan punca kematian itu bermacam-macam bentuk dan rupanya; namun seluruh manusia tidak akan

mendapat kemenangan seperti ini, tidak akan dapat mendaki setinggi ini, tidak mendapat kebebasan sehebat ini, dan tidak akan dapat sampai ke matlamat secepat ini. Ini adalah sebenarnya suatu pilihan khas Allah untuk suatu golongan hamba-Nya yang Dia kasihi. Allah memberi rahmat kepada mereka untuk dapat sama merasakan kematian seperti juga makhluk lain merasakan kematian. itu, tetapi di samping itu mereka beroleh kehormatan khas di alam malakut, dan kehormatan di dalam neraca Ilahi dan neraca kemanusiaan.

Memang orang-orang beriman tadi boleh menyelamatkan nyawa mereka untuk sementara waktu dengan membayar harga yang berbentuk kehancuran iman. Kalau mereka rela membayar harga kematian itu dengan kehancuran akidah maka alangkah ruginya mereka dan alangkah ruginya kemanusiaan. Bagaimana ruginya mereka seandainya menerima mereka rela surut ke belakang, yang bererti mereka sanggup membunuh kebebasan, sanggup membunuh erti dan nilai, bererti mereka rela hidup tanpa akidah, tanpa kebebasan, rela menyerahkan akidah dan jiwa untuk ditakluki orang, setelah badan kasar diperhambakan orang sesuka hati mereka.

Pengertian ini adalah pengertian yang mulia dan besar sekali. Mereka beruntung di tempat yang amat jauh dari jangkauan kasar dunia ini. Mereka beruntung waktu badan kasar mereka dijilat api, maka terbakar habislah jasad kasar mereka dan beroleh kemenanganlah nilai yang tidak dapat dimakan api, iaitu pengertian rohani yang suci.

Sesungguhnya lapangan perjuangan bukanlah dunia dan bumi ini sahaja; juga bukan hanya kehidupan dunia yang fana ini sahaja. Para saksi terhadap perjuanganmu bukanlah hanya umat mahusia yang hidupnya terbatas dalam lingkungan generasi tertentu sahaja. Para malaikat dan penghuni langit pun sebenarnya ikut mempunyai peranan juga di dalam menyaksikan setiap aktiviti-aktiviti kehidupan dunia; peranan menjadi saksi atas segala kejadian dan aktiviti itu, juga peranan membuat perhitungan dan statistik mengenai nilai kejadian itu. Para malaikat penghuni langit bertugas menyediakan tempat tinggal yang selesa untuk orang beriman berlipat ganda lebih baik daripada ruangan dan tempat tinggal yang dapat dibuat oleh penduduk bumi. Dan adalah pujian dan markah yang, diberi oleh para malaikat penghuni langit itu lebih bernilai daripada pujian seluruh penghuni dunia ini.

Kemudian akhirat jualah tempat kesudahannya. Tempat sejati yang menjadi penyambung kehidupan duniawi; tidak terpisah daripada lapangan kehidupan duniawi, tidak terpisah di dalam hakikatnya, dan tidak terpisah pula dalam perasaan setiap orang yang berimankan hakikat ini.

Oleh kerana itulah maka perjuangan masih belum selesai. Pusingan penyudahnya masih belum sampai. Mengambil keputusan mengenai hasil perjuangan berdasarkan peringkat permulaan ini tidak tepat.

Pandangan yang pertama ialah pandangan yang singkat dan sempit; pandangan yang selalu menjadi milik manusia sebagai makhluk yang bersifat

gopoh. Pandangan yang kedua ialah pandangan yang jauh dan lengkap sempurna. Itulah pandangan-pandangan yang menjadi hiasan Al-Quran dalam melatih jiwa orang-orang beriman; kerana pandangan yang lengkap itulah yang menggambarkan hakikat yang menjadi asas bagi konsep keimanan yang benar.

Oleh kerana itulah maka rasa ketenangan hati (toma'ninah alqalb) telah menjadi suatu janji Allah untuk orang beriman, sebagai balasan atas sikap teguh memegang iman, sikap patuh dan taat, sikap tabah dan sabar menerima ujian. Firman Allah:

الَّذِينَ آمَنُواْ وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُم بِذِكْرِ اللّهِ أَلاَ بِذِكْرِ اللّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ

Maksudnya: "Iaitu orang-orang beriman dan hati mereka menjadi tenteram dengan mengingat Allah. Ingatlah, hanya dengan mengingati Allah hati menjadi tenteram."

(Ar Ra'd: 28)

Selanjutnya Allah menjanjikan keridaan dan kasih sayang-Nya. Firman:

إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ سَيَجْعَلُ لَهُمُ الرَّحْمَنُ وُدًّا

Maksudnya: "Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal salih, Allah Yang Maha Pemurah akan menanamkan dalam [hati] mereka rasa kasih sayang."

(Maryam: 96)

Orang beriman juga akan disebut-sebut oleh para malaikat penghuni langit.

Rasulullah SAW telah bersabda: *Bila anak seseorang hamba Allah meninggal dunia, Allah SWT pun bertanya para malaikat-Nya: "Kamu ambil (nyawa) anak hamba-Ku?" Malaikat menjawab: "Benar, wahai Tuhan." Allah bertanya lagi: "Kamu ambil (nyawa) buah hati hamba-Ku?" Para malaikat menjawab: "Benar." Allah bertanya lagi: "Apa yang telah hambaKu katakan?" Para malaikat menjawab: "HambaMu memuji-muji Engkau dan membaca ayat Innalillahi wan inna ilaihi raaji'un." Maka Allah pun berfirman kepada para malaikat itu: "Dirikanlah untuk hamba-Ku itu sebuah rumah di dalam syurga dan namakanlah rumah itu sebagai "rumah kepujian."*

(Hadis riwayat At-Tirmizi)

Rasulullah SAW telah bersabda: *"Allah SWT telah berfirman: "Aku adalah mengikut sikap dan pandangan hamba-Ku terhadap-Ku. Aku akan senantiasa berada bersama sama hamba-Ku bila mana sahaja hamba-Ku ingat akan Daku dan menyebut-nyebut nama-Ku. Seandainya hamba-Ku itu menyebut-ingatkan-Ku di dalam dirinya nescaya Aku akan ingat menyebut dia di dalam diri-Ku. Kalau hamba-Ku itu ingat/menyebut-nyebut Aku di hadapan orang banyak Aku pun akan ingat dan sebut*

namanya di hadapan orang banyak lebih baik dari dia. Kalau dia datang mendekatkan dirinya kepada-Ku dalam jarak sejengkal, nescaya Aku datang mendapatkannya dengan jarak sehasta. Kalau dia datang sehasta Aku datang kepadanya sedepa. Kalau hamba-Ku datang mendapatkan Aku dengan cara berjalan kaki, nescaya Aku datang mendapatkan dia sambil berlari-lari kecil."

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Mengenai kesibukan para penghuni langit (malaikat) dengan urusan orang-orang beriman di dunia, Allah telah berfirman;

الَّذِينَ يَحْمِلُونَ الْعَرْشَ وَمَنْ حَوْلَهُ يُسَبِّحُونَ بِحَمْدِ رَبِّهِمْ وَيُؤْمِنُونَ بِهِ وَيَسْتَغْفِرُونَ لِلَّذِينَ آمَنُوا رَبَّنَا وَسِعْتَ كُلَّ شَيْءٍ رَّحْمَةً وَعِلْمًا فَاغْفِرْ لِلَّذِينَ تَابُوا وَاتَّبَعُوا سَبِيلَكَ وَقِهِمْ عَذَابَ الْجَحِيمِ

Maksudnya: "Malaikat-malaikat yang memikul arasy dan malaikat yang berada di sekelilingnya bertasbih memuji Tuhannya dan mereka beriman kepada-Nya serta memintakan ampun bagi orang-orang yang beriman [seraya mengucapkan]: "Ya Tuhan kami, rahmat dan ilmu Engkau meliputi segala sesuatu, maka berilah ampunan kepada orang-orang yang bertaubat dan mengikuti jalan Engkau dan peliharalah mereka dari seksaan neraka yang bernyala-nyala."

(Ghaafir: 7)

Pengertian hidup abadi di sisi Allah bagi para syuhada juga telah disebut oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

وَلاَ تَحْسَبَنَّ الَّذِينَ قُتِلُواْ فِي سَبِيلِ اللّهِ أَمْوَاتًا بَلْ أَحْيَاء عِندَ رَبِّهِمْ يُرْزَقُونَ (169) فَرِحِينَ بِمَا آتَاهُمُ اللّهُ مِن فَضْلِهِ وَيَسْتَبْشِرُونَ بِالَّذِينَ لَمْ يَلْحَقُواْ بِهِم مِّنْ خَلْفِهِمْ أَلاَّ خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلاَ هُمْ يَحْزَنُونَ (170) يَسْتَبْشِرُونَ بِنِعْمَةٍ مِّنَ اللّهِ وَفَضْلٍ وَأَنَّ اللّهَ لاَ يُضِيعُ أَجْرَ الْمُؤْمِنِينَ (171)

Maksudnya: "Janganlah kau mengira bahawa orang-orang gugur di jalan Allah itu mati, bahkan mereka itu hidup di sisi Allah dengan mendapat rezeki. Mereka di dalam keadaan gembira disebabkan kurnia Allah yang diberikan-Nya kepada mereka, dan mereka bergirang hati terhadap orang yang masih tinggal di belakang yang belum menyusul mereka; bahawa tidak ada kecewa kekhuatiran terhadap mereka dan tidak pula mereka bersedih hati. Mereka bergirang hati dengan nikmat dan kurnia yang besar dari Allah, dan bahawa Allah tidak mensia-siakan pahala orang-orang yang beriman."

(Aali Imran: 169-171)

Allah juga telah menyebut beberapa kali sebagai janjinya mengenai pembalasan ke atas orang-orang jahat, pendusta, jahat dan pendurhaka di akhirat kelak, walaupun mereka diberi peluang bermaharajalela di dunia ini, walaupun sudah ada juga balasan di dunia ke atas sebahagian mereka, tetapi balasan yang sebenarnya ialah di akhirat.kelak. Firman:

لاَ يَغُرَّنَّكَ تَقَلُّبُ الَّذِينَ كَفَرُواْ فِي الْبِلاَدِ (196) مَتَاعٌ قَلِيلٌ ثُمَّ مَأْوَاهُمْ جَهَنَّمُ وَبِئْسَ الْمِهَادُ (197)

Maksudnya: "Janganlah sekali-kali kamu terpedaya oleh kebebasan orang-orang kafir bergerak di dalam negeri. Itu hanya kesenangan sementara, kemudian tempat tinggal mereka ialah Jahannam dan Jahannam itu ialah tempat yang seburuk-buruknya."

(Aali Imran: 196-197)

dan Firman Ilahi:

وَلاَ تَحْسَبَنَّ اللّهَ غَافِلاً عَمَّا يَعْمَلُ الظَّالِمُونَ إِنَّمَا يُؤَخِّرُهُمْ لِيَوْمٍ تَشْخَصُ فِيهِ الأَبْصَارُ (42) مُهْطِعِينَ مُقْنِعِي رُءُوسِهِمْ لاَ يَرْتَدُّ إِلَيْهِمْ طَرْفُهُمْ وَأَفْئِدَتُهُمْ هَوَاء (43)

Maksudnya: "Dan janganlah sekali-kali kamu [Muhammad] mengira, bahawa Allah lalai dari apa yang diperbuat oleh orang-orang zalim. Sesungguhnya Allah memberi tangguh kepada mereka sampai hari yang pada waktu itu mata mereka terbeliak, Mereka datang tergesa-gesa memenuhi panggilan dengan mengangkat kepalanya, sedang mata mereka tidak berkedip-kedip dan hati mereka pun kosong."

(Ibrahim: 42-43)

dan firman:

فَذَرْهُمْ يَخُوضُوا وَيَلْعَبُوا حَتَّى يُلَاقُوا يَوْمَهُمُ الَّذِي يُوعَدُونَ (42) يَوْمَ يَخْرُجُونَ مِنَ الْأَجْدَاثِ سِرَاعًا كَأَنَّهُمْ إِلَى نُصُبٍ يُوفِضُونَ (43) خَاشِعَةً أَبْصَارُهُمْ تَرْهَقُهُمْ ذِلَّةٌ ذَلِكَ الْيَوْمُ الَّذِي كَانُوا يُوعَدُونَ (44)

Maksudnya: "Maka biarkanlah mereka tenggelam di dalam kebatilan dan bermain-main sampai mereka menjumpai hari yang diancamkan kepada mereka. Iaitu pada hari mereka keluar dari kubur dengan cepat seakan-akan mereka pergi

dengan segera kepada berhala-berhala [sewaktu di dunia]. Dalam keadaan mereka menekurkan pandangan serta diliputi kehinaan. Itulah hari yang dahulunya diancamkan kepada mereka."

(Al-Ma'arij: 42-44)

Demikianlah rapat dan dekatnya pertalian antara hidup manusia dengan hidupnya para penghuni langit (malaikat) dan demikianlah juga rapatnya pertalian antara hidup di dunia ini dengan hidup di akhirat nanti; bukan dunia ini sahaja gelanggang perjuangan di antara kebaikan dengan kejahatan, di antara hak dengan batil, di antara iman dan kufur. Hidup di dunia bukan pusingan penghabisan. Kehidupan di dunia dengan asam garamnya, dengan pahit maungnya, dengan suka dukanya, bukanlah mempunyai nilai terakhir di dalam neraca pertimbangan.

Lapangannya terlalu luas, ruangannya sangat lebar, lapangan nilai-nilai lebih luas dari lautan; begitu jugalah lapangan masih luas bagi jiwa yang beriman. Seluruh dunia dengan isi kandungannya adalah terlalu kecil. Kehidupan duniawi yang fana ini sangat kerdil. Oleh kerana itu maka kisah penggali parit atau pembunuhan beramai-ramai ini adalah merupakan suatu cermin perbandingan mengenai betapa luasnya lapangan yang diteroka dan lapangan yang dicakup oleh konsep iman kepada Allah SWT.

Kisah penggali parit atau peristiwa pembunuhan beramai-ramai yang disorot oleh Surah Al-Buruj memberi garis panduan mengenai tabiat dakwah ke jalan Allah dan tentang tugas dan peranan para pendakwah itu sendiri.

Sejarah dakwah ke jalan Allah di sepanjang zaman telah pun mencatat dan menyaksikan beberapa bentuk kesudahan dan hasil usaha dakwah di, sepanjang zaman kegiatannya.

Sejarah dakwah telah menyaksikan kehancuran umat Nabi Nuh; kehancuran umat Nabi Hud, kemusnahan umat Nabi Syu'ib dan kaum Nabi Lut di samping terselamatnya golongan kecil umat beriman. Allah tidak menyebut dengan jelasnya apakah peranan yang dilakukan oleh golongan yang terselamat itu. Contoh ini memberi pengertian bahawa kadang-kadang Allah SWT mengambil tindakan balas segera di dalam dunia ini juga, tindakan balas sekadar memberikan pengajaran kepada orang yang datang kemudian. Ada pun balasan yang sebenarnya, telah disediakan Allah sejak lama untuk mereka di akhirat kelak. Balasan setimpal yang pasti tiba lambat launnya.

Sejarah dakwah juga telah mencatat kemusnahan Firaun dan bala tenteranya seperti juga ia telah mencatatkan kemenangan Nabi Musa bersama-sama kaumnya dan juga peranan kaum Nabi Musa menjalanKan kekuasaan dan pemerintahan untuk tempoh yang tertentu, selama mereka masih mampu menjalankan tugas, walau sekalipun mereka tidak sampai ke puncak, tidak mencapai keamanan yang sejati dan tidak sampai ke peringkat melaksanakan syariat dan program Allah. Contoh ini adalah berlainan bentuknya dari contoh permulaan tadi, iaitu kisah

orang yang dibunuh beramai-ramai yang enggan menukarkan iman dengan sesuatu bahan duniawi.

Sejarah dakwah juga telah mencatat bagaimana kaum musyrikin menolak kebenaran dan hidayat Allah yang dibawa oleh Nabi Besar Muhammad SAW; bagaimana kemenangan orang beriman yang dicapai dengan gilang gemilang, dengan kemenangan akidah yang menguasai setiap peribadi mereka - kemenangan yang paling menakjubkan; bagaimana pula umat Islam telah membina wujud dan hidup mereka sendiri dengan penuh iman dan taqwa, hingga terlaksanalah buat pertama kalinya dalam sejarah umat manusia kandungan syariat Allah menguasai seluruh lapangan kehidupan manusia dalam bentuk yang luar biasa, bentuk yang belum pernah dialami oleh umat manusia sepanjang zaman.

Sejarah juga telah mencatat peristiwa pembunuhan beramai-ramai atau puaka penggali parit (ashabul ukhdud) seperti juga sejarah telah dan akan mencatat banyak lagi peristiwa dan kejadian di sepanjang zaman, baik dulu mahupun akan datang hingga tibalah saatnya dunia ini kiamat.

Seperti yang telah kita katakan lagi, sejarah telah mencatat berbagai peristiwa di sepanjang jalan dakwah ke jalan Allah. Ia mencatat peristiwa itu dengan teratur dan ia catatkan pula hasil yang didapati oleh para pendakwah itu; di samping mencatat pula berbagai jenis halangan yang terpaksa dilalui dengan dirakamkan pula hasil atau kejayaan mereka. Ada pula yang hanya menyebutkan kisah penderitaan dan pembunuhan yang ditanggung oleh pendakwah dan juga oleh orang seperti di dalam kisah penggali parit ini; iaitu kisah orang-orang beriman yang tidak berjaya menyelamatkan diri mereka dari penganiayaan atau pembunuhan, yang boleh juga dikatakan sebagai contoh bagi kemenangan mutlak golongan kafir dipandang dengan kaca mata hidup dunia.

Di antara berbagai contoh bandingan yang dikemukakan itu ialah yang berbentuk seperti ini. Contoh seperti ini amatlah penting untuk menjadi panduan orang beriman dan para pendakwah; supaya para pendakwah yakin, bahawa kadang-kadang mereka pun perlu menghadapi risiko dan kesusahan yang berbentuk seperti yang dihadapi oleh orang-orang beriman di dalam cerita penggali parit itu, dan juga kemenangan pihak yang engkarkan Allah menjalankan kekuasaan sesuka hati mereka dengan sikap sombong mereka mengejek-ejek akidah Islam dan menginjak-injak akidah dan konsep agama.

Kisah ini perlu bagi dijadikan contoh tauladan bagaimana perlunya sikap istiqamah dan ketegasan pendirian memegang 'iman' dengan penuh keyakinan bahawa perjuangan menghadapi kufur ini tidak hanya berakhir di sini sahaja, di dunia yang fana ini.

Yang perlu bagi setiap orang beriman dan setiap pendakwah iman ialah menjalankan tugas, kemudian habislah perkara. Yang perlu ialah memilih Allah, mengutamakan akidah melebihi yang lain-lain. Yang perlu ialah menghadapi segala ujian dan fitnah dengan iman penuh di dada. Yang perlu ialah bersikap jujur

terhadap Allah di dalam niat dan amal, di dalam kasad dan laku. Serahkan sahaja kepada Allah untuk membuat ketentuan, jaya atau gagalnya, kalah atau menangnya. Biarlah Allah yang memberi keputusan mengenai mereka dan juga mengenai musuh mereka; kerana Allah mampu dan berkuasa melakukan segala-galanya. Allah mampu dan berkuasa membuat keputusan terhadap dakwah dan juga terhadap agamaNya selama-lamanya. Serahkanlah sahaja kepada-Nya. Biar Dia yang menentukan segalanya.

Walau bagaimanapun, mereka pasti mendapat ganjaran Allah; di mana sahaja, bagaimana sahaja dan betapa jua pun Allah kehendaki. Yang pentingnya ialah: lakukan tugas dan tanggungjawab bagaimana yang diarah oleh Allah di mana sahaja, di waktu mana sahaja pun. Ganjaran sudah pasti ada; cuma bagaimana bentuk dan corak sahaja lagi ditunjukkan Allah nanti bila tiba waktunya. Mereka juga tidak perlu risaukan tentang bagaimana nantinya hasil jihad dan dakwah itu; sebab hasilnya adalah urusan pemiliknya, Pemilik Agung Yang Pasti Adil-Nya.

Bentuk ganjaran yang pertama dapat dirasai dengan sebab melaksanakan tugas dan kewajipan berjihad dan berdakwah ialah ketenangan hati dan perasaan, di samping menikmati keindahan konsep, dan kebebasan dari sebarang belenggu dan godaan jiwa, kebebasan dari rasa takut dan gentar, di dalam semua urusan.

Manakala bentuk ganjaran yang kedua pula ialah sanjungan dan sebutan baik di sisi para malaikat penghuni langit, terlepas dari ruang dunia yang fana ini.

Kemudian di akhirat nanti mereka akan menikmati hisab yang mudah dan kesenangan yang melimpah ruah.

Di samping itu semua, anugerah paling besar yang mereka akan terima ialah keridaan Allah kepada mereka. Mereka beroleh penghormatan besar Allah untuk menjalani takdir-Nya di dalam masa hidupnya di dunia, yang mereka terima dengan penuh rela dan syukur.

Demikian juga telah berlalu dan selesainya pendidikan dan latihan Al-Quran terhadap golongan beriman generasi pertama, golongan pilihan istimewa Allah SWT. Mereka menjalani latihan dan bimbingan, menghadapi peringkat-peringkat dakwah. Latihan yang telah membikin mereka menjadi manusia-manusia yang lepas bebas dari ikatan rasa cinta diri dan golongan. Mereka menjalankan tugas sebagai orang suruhan Allah dengan penuh rela atas pilihan Allah itu.

Pendidikan dan latihan di bawah asuhan Rasulullah SAW itu berjalan dengan lancarnya di bawah pengawasan Allah SWT secara langsung. Pendidikan itu berjalan dengan cara mengarahkan seluruh perhatian kepada syurga, kepada kerelaan bersabar menjalankan peranan yang telah ditentukan oleh takdir dan izin Allah terhadap seluruh hamba-Nya.

Rasulullah SAW telah menyaksikan bagaimana penderitaan dan penyeksaan yang telah dialami oleh keluarga Ammar di Mekah. Apakah yang beliau lakukan

melihat kejadian ini, tiada yang lain daripada sabdanya: yang bererti: "bersabarlah wahai keluarga Yasir, kamu beroleh janji syurga," ataupun "syurga jua jodohmu."

Khabbab bin Al-Aratt telah bercerita begini: *"Kami telah datang menghadap Rasulullah SAW pada ketika beliau sedang berdoa di tepi kaabah dengan keadaan duduk beralaskan kain selendangnya. Kami mendekatinya sambil menyatakan maksud kami yang sebenar dengan berkata: "Wahai Rasulullah tidakkah terkenang di hati Rasulullah hendak berdoa mohon Tuhan memberi pertolongan kepada kita? Atau tidakkah Rasulullah bermaksud hendak mohon sebarang doa kepada kami?" Maka Rasulullah SAW pun menjawab: Sebenarnya orang-orang sebelum kamu (orang beriman) telah diseret ke suatu tempat lalu digali sebuah parit dan dihumban ke dalam parit itu lalu digergaji kepalanya hingga terbelah dua; lalu badannya pula dicakar dengan pencakar besi hingga daging dan tulangnya hancur berkecai. Kejadian ini tidak menyebabkan dia menjauhkan diri dari agamanya. Demi sesungguhnya Allah pasti akan menyelesaikan pekerjaan ini (pekerjaan mendakwahkan iman dan akidah). Pada ketika itu seorang musafir dari Sana'a (ibu kota Negeri Yaman) dan Hadhramaut (Negeri berbukit-bukau yang pada ketika itu dipenuhi perompak dan penyamun) akan selamat sampai ke tempat tujuan tanpa gangguan. Dia akan sampai dengan aman tidak takutkan apa-apa gangguan pun dari sesama manusia. Yang ditakutinya ialah Allah dan serigala yang mungkin datang membunuh kambing ternakannya, tapi kamu sekalian teralu gopoh."*

(Hadis Riwayat Bukhari)

Di sebalik setiap peristiwa dan suasana pasti ada hikmah dan kebijaksanaan Allah yang tersembunyi. Hikmat kebijaksanaan Allah SWT Pencipta alam semesta, yang Maha Mengetahui segala rahsianya, yang mengatur dan menyusun setiap kejadian. Allah Maha Mengetahui di alam ghaib-Nya tentang hikmah yang selaras mengenai perjalanan dunia yang panjang ini.

Kadang-kadang setelah berlalu beberapa abad atas sesuatu peristiwa itu, barulah Allah menyingkap tabir rahsia mengenai hikmat yang tersembunyi di sebalik sesuatu peristiwa yang tidak dapat diselami oleh manusia sezamannya; yang mungkin kerap kali bertanya-tanya sesama mereka: Mengapa? Mengapa wahai Tuhan kejadian ini berlaku? Pertanyaan seperti itu dengan sendirinya menunjukkan sikap jahil yang lumrah pada orang kafir yang ditolak oleh orang beriman yang yakin bahawa tentu ada sesuatu hikmah kebijaksanaan Allah di sebalik kejadian itu, dan bahawa lapangan jihad dan dakwah itu sangat luas dengan demikian dia tidak perlu banyak menyoal Allah atas sesuatu peristiwa dan kejadian, bahkan hendaknya diterima dan dihadapinya dengan penuh sabar.

Al-Quran bertujuan membentuk hati yang akan layak memikul amanah ini; hati yang kebal dan kukuh, yang tidak akan mengimpikan sesuatu apa jua balasan pun atas kerja dan pengorbanannya di dunia yang fana ini; hati yang menghalakan perhatiannya hanya kepada akhirat sahaja dan hati-hati yang tidak memendam harapan yang lain daripada cintakan keridaan Allah sahaja, hati yang bersedia meneruskan perjalanan ke seluruh pelosok dan ceruk rantau dunia di dalam keadaan susah dan menderita, hampa dan kecewa, sengsara dan berkorban hingga

mati tanpa sebarang janji balasan apa pun di dunia yang dekat ini, walaupun balasan itu dalam bentuk kejayaan dan kemenangan dakwah dan perjuangan, kemenangan orang Islam dan kehancuran orang kafir, seperti yang telah Allah lakukan ke atas kaum-kaum yang terdahulu.

Bila sahaja hati-hati ini bertekad bulat untuk memberi tanpa balasan dan bertekad bulat bahawa ianya menunggu ketibaan hari akhirat sahaja sebagai janji abadi untuk menentukan kemenangan yang hak di atas yang batil. Ya bila sahaja hati-hati itu bertekad penuh demikian, dan bila Allah membuktikan kebenaran niatnya dan kemurnian jasadnya untuk menunai bai'at dan janjinya kepada Allah. Allah akan kurniakan kemenangan dan kejayaan di dunia ini, segala hasilnya bukan untuk dinikmati oleh dirinya sendiri bahkan supaya dia dapat menunaikan amanah Ilahi dengan penuh tanggungjawab amanah yang tidak boleh diharapkan sebarang ganjaran pun di dunia ini. Ia lakukan segalanya hanya mengharapkan rida Allah sahaja.

Ayat-ayat Al-Quran yang menyentuh masalah peperangan dan hukum hakam mengenai harta rampasan perang dan ayat-ayat yang berkaitan dengan kekalahan kaum musyrikin, baru diturunkan di Madinah, lama selepas ayat-ayat yang menyebut mengenai akidah dan keteguhan memegang keyakinan itu sesudah kemenangan itu menjadi suatu masalah yang di luar perhitungan sama sekali. Sebab kemenangan dan kejayaan itu adalah merupakan pelaksanaan iradat Allah SWT yang mahukan supaya program Islam itu mempunyai tapak sendiri sebagai realiti di dalam kehidupan umat manusia yang sangat singkat ini. Kemenangan itu bukan sama sekali merupakan hasil penat lelah, atau hasil pengorbanan dan penderitaan; bahkan itu semua adalah takdir Allah di sebalik suatu hikmah yang tersembunyi yang cuba kita singkap rahsianya di bawah ini.

Sudut inilah yang perlu diambil pengajaran oleh para pendakwah ke jalan Allah di tempat dan di zaman mana pun. Sebab sudut ini memperlihatkan jalan dan panduan yang terang kepada mereka. Ia juga mampu memberi kekuatan kepada para pendakwah untuk meneruskan perjalanan hingga ke hujung, walaupun bagaimana sulitnya jalan yang bakal ditempuh; walaupun jalannya penuh kerikil-kerikil tajam, penuh dengan tengkorak manusia di setiap persimpangan, penuh dengan lopak dan takungan keringat dan darah manusia. Mereka tidak memikirkan soal menang atau kalah. Tetapi seandainya kalau inginkan sesuatu berlaku, umpamanya dengan dikurniakannya kemenangan maka terimalah kemenangan itu bukan sebagai suatu ganjaran atas suatu bentuk pengorbanan tetapi semata-mata kerana menjalani takdir Allah SWT sahaja. Kewajipan utama mereka ialah berusaha dan berikhtiar, kemudian serahlah kepada Allah.

Ada satu lagi hakikat yang dicetuskan oleh ulasan Al-Quran mengenai cerita pembunuhan beramai-ramai ataupun cerita penggali parit (al-ukhdud), dicungkil dari firmannya:

وَمَا نَقَمُوا مِنْهُمْ إِلَّا أَن يُؤْمِنُوا بِاللَّهِ الْعَزِيزِ الْحَمِيدِ

yang bermaksud: "Dan mereka tidak menyeksa orang-orang mukmin itu melainkan kerana orang-orang Mukmin itu beriman kepada Allah Yang Maha Perkasa lagi Maha Terpuji."

(Al-Buruj: 8)

...suatu hakikat yang perlu diperhatikan oleh setiap pendakwah ke jalan Allah di tempat dan di zaman mana jua pun.

Pergelutan dan pertarungan yang berlaku di antara orang-orang beriman dan musuh mereka pada hakikatnya ialah pergelutan dan pertarungan akidah dan bukan pergelutan dan pertarungan yang lain. Para musuh dan seteru mereka tidak marah dan benci kepada mereka kalau bukan kerana iman mereka. Pihak musuh tidak naik meradang dan menaruh dendam kesumat ke atas mereka kalau bukan kerana akidah mereka.

Pergelutan dan pertarungan itu sama sekali bukanlah pergelutan dan pertarungan politik, ekonomi dan perkauman. Kalaulah pergelutan itu ialah pergelutan politik, ekonomi dan perkauman, nescaya mudahlah dicari penyelesaiannya. Tapi ia sukar dileraikan kerana ia adalah pergelutan akidah; pergelutan antara iman dengan kufur. antara Islam dengan jahiliyah, pergelutan yang tidak pernah mengenal damai dan kompromi.

Pemuka-pemuka kaum musyrikin Quraisy telah mengemukakan berbagai tawaran kepada Rasulullah SAW; tawaran berbentuk wang, harta benda dan kekuasaan memerintah untuk mendapatkan satu perkara sahaja, iaitu untuk mendapatkan persetujuan beliau agar berhenti menjalankan perjuangan akidah. Seandainya beliau bersetuju menerima tawaran itu - suatu hal yang mustahil, jauh panggang dari api - nescaya tiada lagi sebarang pertarungan dan pertentangan dari kaum Quraisy terhadap beliau.

Masalah ini; iaitu masalah akidah dan konsep, masalah perjuangan akidah dan konsep, yang perlu diresapkan ke dalam keyakinan orang beriman di mana sahaja mereka berhadapan dengan musuh; kerana musuh tidak akan menentang dan memusuhi mereka selain dari sebab akidah:

إِلاَّ اَنْ يُوءِا بِاللهِ الْعَزِيْزِ الحَمِيْد

"Mereka tidak menyeksa orang-orang mukmin itu melainkan kerana orang mukmin itu beriman kepada Allah Yang Maha Perkasa lagi Maha Terpuji."

Musuh-musuh Islam akan berusaha terus menerus untuk menukar bentuk pertarungan antara mereka dengan orang-orang beriman; menukar bentuknya supaya pertarungan itu bukan lagi pertarungan akidah dan iman; tapi berbentuk lain. Mereka inginkan sangat seandainya pertarungan itu menjadi pertarungan politik, ekonomi dan perkauman supaya orang-orang beriman dapat dikaburkan

mengenai hakikat pertarungan itu, supaya padamlah obor akidah dari dalam roh mereka.

Oleh yang demikian orang-orang beriman wajiblah senantiasa berwaspada supaya mereka tidak tertipu dan terpedaya. Mereka wajib faham bahawa pemesongan haluan itu mempunyai motif untuk membius, untuk memperdaya mereka supaya jangan memakai senjata akidah; iaitu senjata yang paling mereka takuti. Senjata akidah yang mencetuskan perasaan rela dan ikhlas berkorban, seperti di dalam cerita penggali parit (ashabul ukhdud) atau dalam bentuk pembentukan kader, seperti di dalam generasi pertama, generasi sahabat Rasulullah Ridhwanul laahi 'alaihim.

Kita masih sahaja dapat menyaksikan usaha menyelewengkan panji-panji perjuangan yang dilakukan oleh gerakan Kristian Antara Bangsa dengan motif memesongkan pandangan kita mengenai hakikat perjuangan dan dengan tujuan memutar-belitkan fakta sejarah. Mereka berusaha memberi gambaran kepada kita bahawa perang salib yang berlaku ratusan tahun antara umat Islam dan Kristian itu adalah kononnya merupakan tirai kepada penjajahan barat, bukan demikian; sebab hakikat yang sebenarnya ialah penjajahanlah yang merupakan tirai dan pelindung kepada roh perang salib yang sekarang ini tidak berdaya lagi membuka dadanya seperti yang berlaku di abad-abad pertengahan dahulu; kerana roh perang salib itu telah hancur berkecai dihentak oleh batu pejal akidah Islamiah di bawah pimpinan orang-orang Islam yang berasal dari berbagai-bagai keturunan. Di antara pemimpin-pemimpin itu ialah Salahuddin Al-Ayyubi berketurunan Kurdi, Tauran Syah keturunan Mamluk, yang telah meleburkan faham kebangsaan dan perkauman masing-masing dan memegang teguh akidahnya, lalu beroleh kejayaan di bawah panji-panji akidah.

Ingatlah senantiasa pesanan dan arahan Allah ini:

وَمَا نَقَمُوا مِنْهُمْ إِلَّا أَن يُؤْمِنُوا بِاللَّهِ الْعَزِيزِ الْحَمِيدِ

yang bermaksud: "Dan mereka tidak menyeksa orang-orang mukmin itu melainkan kerana orang-orang Mukmin itu beriman kepada Allah Yang Maha Perkasa lagi Maha Terpuji."

(Al-Buruj: 8)

Maha Benarlah Allah Yang Maha Tinggi dan Maha Besar, dan besarlah dusta musuh-musuh yang penuh dengan penipuan dan penyelewengan!